KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

TUISYEN RAKYAT PTRS SELANGOR

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR

2025

SEJARAH

Tingkatan 4

DIKUASAI OLEH:

MALAYSIA MADANI | KITA SELANGOR

MBI Menteri Besar Selangor Incorporated
MEMACU KEHIDUPAN

PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR 2025

TINGKATAN 4

SEJARAH

CIRI-CIRI EKSKLUSIF MODUL

Program Tuisyen Rakyat Selangor
Sejarah Tingkatan 4

- Disertakan tajuk-tajuk Fokus Sejarah SPM (Kertas 2)
- Disertakan Video Pembelajaran (PdPC)
- Mengandungi Nota Efektif mengikut bab
- Disertakan istilah/konsep bagi setiap bab
- Mengandungi kepelbagaian bentuk soalan KBAT
- Disertakan latihan Quizizz secara topikal (Kod QR)
- Mengandungi soalan Kertas 1 dan 2 (struktur & esei) bagi setiap bab
- Disediakan cadangan jawapan
- Disediakan bahan pembelajaran digital, iaitu e-Modul LET Sejarah
- Disusun berdasarkan turutan bab
- Disertakan Kad Inspire KBAT (Kod QR)
- Ditulis oleh guru Sejarah SPM berpengalaman

PANEL PENULIS
Program Tuisyen Rakyat Selangor
Sejarah Tingkatan 4

Noor Azma binti Seman
SMK Bandar Baru Salak Tinggi

Muhammad Danial bin Ramli
SMK Sungai Pelek

Mohd Zafnida Hasrani bin Ahmad
SMK Tinggi Kajang

Norhimah binti Othman
SMK Jugra

Normalah binti Deraman
SMK Bukit Gading

Siti Esah binti Ismail
SMK Pantai Sepang Putra

KANDUNGAN

Format Instrumen Peperiksaan SPM Sejarah *v*

Tajuk-tajuk Fokus Sejarah SPM (Kertas 2) Tahun 2025 Tingkatan 4 Berdasarkan Analisis SPM 2021-2024 *vi*

BAB 1 Warisan Negara Bangsa 1-12

BAB 2 Kebangkitan Nasionalisme 13-29

BAB 3 Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita 30-48

BAB 4 Era Peralihan Kuasa British di Tanah Melayu 49-63

BAB 5 Persekutuan Tanah Melayu 1948 64-75

BAB 6 Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat 76-89

BAB 7 Usaha ke Arah Kemerdekaan 90-100

BAB 8 Pilihan Raya 101-109

BAB 9 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 110-118

BAB 10 Pemasyhuran Kemerdekaan 119-128

Kertas Model Tingkatan 4 129-143

Jawapan (Kertas 1) J1

e-MODUL LET SEJARAH

KAD INSPIRE KBAT

KOLEKSI VIDEO

JAWAPAN

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM SEJARAH

Bil	Perkara	Kertas 1 (1249/1)	Kertas 2 (1249/2)
1	**Jenis Instrumen**	Ujian Bertulis	
2	**Jenis Item**	Objektif Aneka Pilihan	• Subjektif Respons Terhad • Subjektif Respons Terbuka
3	**Bilangan Soalan**	40 soalan (Jawab **semua** soalan)	**Bahagian A** 4 Soalan Respons Terhad (40 markah) (Jawab **semua** soalan) **Bahagian B** 5 Soalan Respons Terbuka (60 markah) (Jawab **3** soalan)
4	**Jumlah Markah**	**40 markah**	**100 markah**
5	**Konstruk**	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis	• Mengingat • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta
6	**Tempoh Ujian**	**1 jam**	**2 jam 30 minit**
7	**Cakupan Konteks**	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)	
8	**Aras Kesukaran**	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	**Kaedah Penskoran**	• Dikotomus	• Analitik • Holistik

TAJUK-TAJUK FOKUS SEJARAH SPM (KERTAS 2) TAHUN 2025 TINGKATAN 4 BERDASARKAN ANALISIS SPM 2021-2024

BAB	TINGKATAN 4				
	SPM 2021	SPM 2022	SPM 2023	SPM 2024	FOKUS 2025
1	**KERAJAAN ALAM MELAYU (SIRI 1)** Ciri-ciri/ Cara Jadikan Negara Bangsa Cemerlang	**CIRI NEGARA BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA (SPMU)** Pentadbiran **KESULTANAN MELAYU MELAKA** Konsep Negara Bangsa/ Sistem Pemerintahan Empat Lipatan/ Mesej Petikan	–	**KESULTANAN MELAYU MELAKA (SPMU)** Ciri Kesultanan Melayu Melaka/Peranan Pemerintah	**KESULTANAN MELAYU MELAKA** Undang-undang Melaka/ Peranan Rakyat
2	**NASIONALISME (SIRI 2)** Maksud/ Faktor Nasionalisme di Negara kita	–	**NASIONALISME** Kesedaran Nasionalisme di Negara Kita/ Perkembangan Nasionalisme–Peranan Golongan Intelektual Berpendidikan Agama/ Kesan Perkembangan Nasionalisme–Politik & Ekonomi	**Nasionalisme di Negara Kita** Nasionalisme di Negara Kita–Faktor Kemunculan	**NASIONALISME** Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat/ Perkembangan Nasionalisme di Asia/ Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara
3	**PERANG DUNIA KEDUA DI ASIA PASIFIK (SIRI 2)** Faktor Jepun Menjajah Negara Kita/ Force 136/ Kekejaman Jepun–Landasan Keretapi Maut	**PERANG DUNIA PERTAMA (SPMU)** Negara Terlibat/Faktor **PENDUDUKAN JEPUN** Faktor Pendudukan Jepun/ Dasar Jepun/ Kesan Pendudukan Jepun–Aspek Hubungan Kaum	**PENDUDUKAN JEPUN** Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun–Slogan "Asia untuk Orang Asia"–Faktor Penjajahan Jepun	**PENDUDUKAN JEPUN (SPMU)** Faktor/Perjuangan (Rejimen Askar Melayu/ Force 136) **KONFLIK DUNIA** Perang Dunia Kedua–Faktor–Tamat	

BAB	TINGKATAN 4				
	SPM 2021	SPM 2022	SPM 2023	SPM 2024	FOKUS 2025
4	**BRITISH MILITARY ADMINISTRATION (BMA) (SIRI 1)** Sebab Diperkenalkan/ Penentangan Malayan Union/ Cara Menentang/ Iktibar	**MALAYAN UNION (SPMU)** Reaksi **MALAYAN UNION (MU) & PENYERAHAN SARAWAK** Sebab British Memperkenalkan MU/ Faktor Vyner Brooke Menyerahkan Sarawak/ Kesan Tindakan Vyner Brooke dan British	–	**PENYERAHAN SABAH** Sebab Penyerahan Sabah/ Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah	–
5	**PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (PTM) 1948 (SIRI 2)** Maksud Persekutuan/ Ciri-ciri PTM 1948/ Kebaikan kepada Orang Melayu	–	–	**PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (PTM) 1948 (SPMU)** Anggota/Ciri-ciri (Pentadbiran/ Perundangan)	**PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (PTM) 1948** Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948
6	**KOMUNIS & DARURAT (SIRI 1)** Kesan Keganasan/ Ancaman/ Langkah Membanteras/ Sebab Parti Komunis Malaya (PKM) Ingin Kuasai Tanah Melayu/ Sebab British Pertahan Tanah Melayu	–	–	–	**KOMUNIS** Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara kita/ Kesan Zaman Darurat terhadap Negara kita
7	**USAHA MERDEKA (SIRI 1)** Penyata Razak/ Teras Pendidikan Kebangsaan/ Cadangan Jawatankuasa Pelajaran 1956/ Kepentingan	**SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN (SPMU)** Matlamat Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956	**SISTEM AHLI** Anggota/Portfolio/Ciri/ Kepentingan/ Kesan	**SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN** Ordinan Pelajaran/Laporan Woodhead	**USAHA MERDEKA** Latar Belakang Idea Negara Merdeka/ Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)/ Penubuhan Parti Politik
8	**PILIHAN RAYA MPP 1955 (SIRI 2)** Sebab/ Usaha Tunku Abdul Rahman Jayakan Pilihan Raya/ Sebab Parti Perikatan Menang	–	–	–	**PILIHAN RAYA** Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu/ Kabinet Pertama

BAB	TINGKATAN 4				
	SPM 2021	SPM 2022	SPM 2023	SPM 2024	FOKUS 2025
9	–	**USAHA RUNDINGAN KEMERDEKAAN** Perkara yang Dipersetujui	–	**SURUHANJAYA REID (SPMU)** Memorandum/Reaksi Penduduk	**PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (PTM) 1957** Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/ Langkah Penggubalan Perlembagaan PTM yang Merdeka/ Perjanjian PTM
10	–	**PENGERTIAN KEMERDEKAAN** Maksud Merdeka	Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara/ Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara– Kronologi Peristiwa/ Kesan Kemerdekaan terhadap Negara Kita	–	**PRINSIP KEDAULATAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU (PTM)**

BAB 1 Warisan Negara Bangsa

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Negara bangsa	Negara bangsa merupakan gabungan ciri-ciri yang terdiri daripada raja, rakyat, undang-undang dan wilayah pengaruh.	4
2	Raja	Tonggak utama kerajaan yang dibantu oleh pembesar. Memperoleh ketaatan daripada rakyatnya.	4
3	Undang-undang	Panduan dalam pentadbiran negara.	4
4	Kutara Manawa	Undang-undang kerajaan Majapahit.	4
5	Wilayah pengaruh	Kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.	4
6	Rakyat	Penduduk di dalam sesebuah wilayah yang setia kepada raja dan tidak menderhaka.	4
7	Empayar	Kawasan pentadbiran kerajaan yang luas.	5
8	Kerajaan	Muncul disebabkan adanya raja.	6
9	Kedaulatan	Lambang kekuasaan tertinggi seseorang sultan. Merupakan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah.	6
10	Lambang kebesaran	Identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan sultan.	7
11	Wilayah taklukan	Wilayah yang diperolehi melalui peperangan.	7
12	Wilayah naungan	Wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka sama ada melalui perkahwinan atau persahabatan.	7
13	Pembesar Empat Lipatan	Sistem pentadbiran yang tersusun.	8
14	Pembesar Berempat	Bendahara/Penghulu Bendahari/Temenggung/Laksamana.	8-9
15	Kawasan pegangan	Kawasan yang dikurniakan oleh Sultan Melaka kepada Pembesar Berempat.	8
16	Hukum Kanun Melaka (HKM)	Mengandungi 44 Fasal termasuk jenayah/bidang kuasa sultan dan pembesar/kekeluargaan.	10
17	Undang-Undang Laut Melaka (ULM)	Berkaitan dengan peranan nakhoda/pelayaran/jenayah di atas kapal/percukaian.	11
18	Pemerintah	Pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka terdiri daripada sultan, pembesar, kerabat raja dan ulama.	12
19	Waadat	Perjanjian.	12
20	Sultan	Penaung dan penjaga keselamatan rakyat.	12
21	Pembesar	Pemelihara keamanan dan kebajikan rakyat.	12
22	Tulah	Kecelakaan yang menimpa seseorang kerana melanggar larangan atau titah raja dan menderhaka kepada raja.	13

NOTA EFEKTIF

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1 Warisan Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu
- Pembentukan negara bangsa kerajaan Alam Melayu melalui beberapa tahap.
- Ciri-ciri negara bangsa tersebut berkembang dan diwarisi oleh kerajaan Alam Melayu.
- Ciri-ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu bermula sejak kerajaan Funan dan Champa. Kemudiannya diwarisi oleh kerajaan Srivijaya.
- Seterusnya, diwarisi oleh Kesultanan Melayu Melaka dan Johor-Riau.
- Pembentukan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu berbeza daripada yang berlaku di Barat.

2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kerajaan Alam Melayu **RaRUWi**

(a) Raja
- Raja menjadi tonggak utama kerajaan.
- Kedudukan raja diperkukuh lagi dengan sistem pentadbiran yang dibantu oleh pembesar.
- Raja memperoleh ketaatan daripada rakyatnya.
- Raja dianggap suci. Contohnya, Raja Champa dianggap pemerintah yang suci dan dikaitkan dengan Dewa Siva.

(b) Rakyat
- Rakyat merujuk kepada penduduk di sesebuah wilayah yang setia kepada raja dan tidak menderhaka.
- Contohnya rakyat kerajaan Srivijaya membuktikan kesetiaan mereka kepada Raja Srivijaya dengan upacara persetiaan dan meminum air sumpah.
- Inskripsi Telaga Batu digunakan dalam upacara persetiaan antara pemerintah dengan golongan diperintah dalam kerajaan Srivijaya.

(c) Undang-undang
- Undang-undang dilaksanakan untuk memastikan kesejahteraan kerajaan.
- Undang-undang tersebut digunakan di seluruh wilayah pengaruh.
- Undang-undang menjadi panduan dalam pentadbiran kerajaan.
- Contohnya, Majapahit mengamalkan undang-undang Kutara Manawa.

(d) Wilayah pengaruh
- Wilayah pengaruh ialah kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seseorang raja.
- Contohnya, kerajaan Funan mempunyai wilayah pengaruh yang luas dari Sungai Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar dan Segenting Kra.

3 Ciri Negara Bangsa Alam Melayu diteruskan oleh Kerajaan Srivijaya dan Kesultanan Melayu
- Kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang meneruskan ciri-ciri negara bangsa yang diasaskan oleh kerajaan Alam Melayu sebelumnya seperti kerajaan Funan dan Champa.
- Kesinambungan ini membolehkan Srivijaya berkembang dan muncul sebagai empayar yang terkenal.
- Ciri-ciri negara bangsa juga membawa kesejahteraan kepada empayar Srivijaya dan diwarisi oleh Kesultanan Melayu Melaka.
- Kesultanan Melayu Melaka menyerapkan ciri-ciri lain dalam memperkukuh negara bangsa kesultanan ini.
- Kesultanan Johor-Riau pula meneruskan ciri-ciri ini dengan menekankan kepentingan Islam dalam usaha melaksanakan ciri-ciri negara bangsa.
- Ciri-ciri negara bangsa yang menjadi warisan itu telah memperkukuh kerajaan Srivijaya, Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Johor-Riau.
- Pewarisan ini menyebabkan kerajaan tersebut terkenal dan berkuasa di Alam Melayu.

1.2 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka **RaRUWiLaD**

1 Ciri-ciri Negara Bangsa Kesultanan Melayu Melaka

(a) Kerajaan
- Kerajaan muncul kerana adanya raja.
- Raja merupakan pemerintah tertinggi dan dibantu oleh pembesar.
- Pemerintahan beraja diperkukuh lagi dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- Sistem pentadbiran yang tersusun menjadikan Melaka sebagai empayar yang terkenal.
- Selepas kedatangan Islam, pemerintah Melaka menggunakan gelaran sultan.

(b) Rakyat
- Menumpahkan taat setia kepada Sultan Melaka.
- Mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dalam Kesultanan Melayu Melaka.
- Rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.

- Golongan pemerintah ialah sultan dan pembesar.
- Golongan diperintah pula, rakyat yang merangkumi golongan merdeka dan hamba.
- Kesejahteraan rakyat Melaka dijamin oleh sultan, manakala rakyat mengakui kekuasaan sultan.
- Hubungan timbal balik mewujudkan persefahaman dan ikatan antara pemerintah dengan diperintah.

(c) Undang-undang
- Dua undang-undang bertulis pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Undang-undang ini digunakan untuk mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat.
- Undang-undang ini juga menjadikan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah kerajaan yang unggul.

(d) Wilayah pengaruh
- Wilayah pengaruh merujuk kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat.
- Kesultanan Melayu Melaka mempunyai wilayah pengaruh yang luas merangkumi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.
- Wilayah pengaruh ini diperoleh melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan.
- Wilayah pengaruh yang luas membuktikan kewibawaan pemerintah kerajaan ini.

(e) Lambang kebesaran
- Lambang kebesaran merupakan identiti sesebuah kerajaan dan keistimewaan Sultan Melaka.
- Lambang kebesaran ini juga menjadi simbol kedaulatan sultan.
- Contohnya adat istiadat, penggunaan warna, nobat, regalia dan cap mohor. Cap mohor digunakan untuk mengesahkan arahan daripada sultan.

(f) Kedaulatan
- Kedaulatan ialah lambang kekuasaan tertinggi sultan.
- Kedaulatan ini merupakan hak mutlak sultan untuk mengawal rakyat dan wilayah.
- Kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka diakui oleh kerajaan lain dan bebas daripada campur tangan kuasa asing.
- Kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka juga diiktiraf oleh kerajaan Dinasti Ming.
- Kerajaan Dinasti Ming telah menghantar beberapa orang utusan antaranya Laksamana Cheng Ho.
- Tujuannya untuk mengeratkan hubungan China dengan Melaka.

2 Perbezaan antara Wilayah Taklukan dengan Wilayah Naungan
- Wilayah taklukan ialah wilayah yang diperoleh melalui peperangan.
- Contohnya termasuklah Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri dan Kampar.
- Wilayah naungan ialah wilayah yang menerima ketuanan Kesultanan Melayu Melaka melalui perkahwinan atau persahabatan.
- Contohnya ialah Lingga, Patani dan Kedah.
- Perolehan wilayah juga berlaku melalui perkahwinan.
- Contohnya, kerajaan Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-undang

1 Maksud Keunggulan
- Bererti kesempurnaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan.
- Dalam Kesultanan Melayu Melaka, keunggulan terbukti melalui sistem pentadbiran dan undang-undang yang tersusun sehingga menjadikan kerajaan ini masyhur.

2 Sistem Pentadbiran Melaka
- Sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang lengkap dan tersusun.
- Sistem pentadbiran ini dikenali sebagai Pembesar Empat Lipatan.
- Sistem tersebut menjadikan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka lancar.
- Sultan Melaka juga memberikan kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau kepada Pembesar Berempat.
- Setiap kawasan pentadbiran ini dikenali sebagai kawasan pegangan.
- Sultan mengetuai pemerintahan dan mempunyai kuasa dalam segala aspek, iaitu pemerintahan, peperangan, diplomatik dan agama.
- Pembesar Berempat terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
- Pembesar lain yang membantu dalam pentadbiran ialah Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, hulubalang dan penghulu.

3 Sistem Pentadbiran Pusat
- Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat, iaitu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
- Bendahara menjadi ketua pentadbir dan ketua turus angkatan tentera.
- Beliau juga akan menasihati sultan dalam pelbagai hal dan menjadi pemangku sultan.
- Tun Perak ialah bendahara paling lama berkhidmat di Melaka, iaitu ketika Sultan Muzaffar Shah, Sultan Mansur Shah, Sultan Alauddin Riayat Shah dan Sultan Mahmud Shah.
- Melaka mempunyai sistem kewangan yang teratur. Sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka diperoleh daripada urusan perdagangan, segala jenis cukai dan ufti daripada wilayah taklukan serta naungan.
- Seorang Penghulu Bendahari dilantik bagi menguruskan perbendaharaan secara teratur.
- Syahbandar bertanggungjawab untuk mengutip cukai di pelabuhan, manakala pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan.
- Hasil perbendaharaan akan disalurkan untuk kepentingan kerajaan seperti membeli senjata dan membina istana.
- Kesultanan Melayu Melaka juga mempunyai sistem keselamatan yang kemas untuk menjaga keselamatan di darat dan di laut.
- Temenggung dilantik untuk menjaga keselamatan kota Melaka.
- Laksamana bertindak sebagai panglima angkatan laut Melaka.

4 Sistem Pentadbiran Jajahan
- Di peringkat jajahan, pembesar ditugaskan untuk menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung.
- Pembesar ini dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat.
- Antara peranan mereka termasuklah menjaga dan mengekalkan keamanan kawasan pentadbiran dan dibenarkan mengutip cukai.

5 Undang-undang di Melaka
- Terdapat dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Kedua-dua undang-undang ini diperkenalkan bagi melaksanakan pentadbiran untuk menjamin kemakmuran dan kesejahteraan.
  (a) Hukum Kanun Melaka
    - Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal.
    - Kandungannya meliputi:
      (i) Jenayah
        - Pelbagai hukuman setimpal dikenakan terhadap perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam dan mencuri.
        - Antara kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh termasuklah seperti dalam Fasal 5.1, apabila seseorang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar, maka dia akan dihukum bunuh.
        - Fasal 4, hukuman bunuh dikenakan kepada sesiapa yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan.
      (ii) Peranan sultan dan pembesar
        - Setiap pembesar Melaka mempunyai peranan dalam pentadbiran dan mereka juga perlu arif dalam hal berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang.
        - Contohnya, Fasal 1 dijelaskan tugas Sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari. Sultan juga bertanggungjawab untuk melantik pembesar, contohnya Bendahara dan Temenggung.
      (iii) Kekeluargaan
        - Isu kekeluargaan diberi perhatian oleh Kesultanan Melayu Melaka.
        - Undang-undang keluarga bertujuan mewujudkan keharmonian dalam keluarga dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga atau dalam perkahwinan.
        - Antaranya hukum dalam perkahwinan seperti Fasal 26 yang menyatakan bahawa pernikahan memerlukan 4 orang saksi, jika tidak cukup memadai 2 orang sahaja.
        - Hamba abdi dan wanita tidak boleh menjadi saksi dalam pernikahan.
      (iv) Ekonomi
        - Undang-undang berperanan mengawal perdagangan di Melaka agar tidak berlaku sebarang kesalahan yang bertentangan dengan ajaran Islam.
        - Contohnya, dalam Fasal 30, dinyatakan amalan riba diharamkan dalam urusan perniagaan.
        - Orang yang menjalankan perniagaan hendaklah akil baligh, siuman dan perlu melafazkan niat jual beli.
      (v) Perkataan untuk raja
        - Terdapat beberapa perkataan hanya boleh digunakan oleh raja, iaitu titah, murka, kurnia dan anugerah.
        - Rakyat dilarang mempersenda dan menuturkan.

(b) Undang-Undang Laut Melaka
- Undang-undang ini diusahakan oleh Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak.
- Undang-undang ini diperkenan oleh Sultan Mahmud Shah dan mengandungi hal seperti berikut:
  - (i) Peranan nakhoda
    - Nakhoda berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran.
    - Semua pihak harus mematuhi arahan dan perintah nakhoda.
    - Dalam Fasal 13.1, nakhoda perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama empat hari.
    - Dalam Fasal 13.3 dinyatakan, sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yang tidak ada dalam senarai persinggahan, nakhoda perlu bermesyuarat dengan semua orang di dalam kapal untuk mendapatkan persetujuan.
  - (ii) Pelayaran
    - Menjelaskan peranan pegawai selain nakhoda, seperti jurumudi, malim dan jurubatu agar pelayaran selamat dan lancar.
    - Dalam Fasal 9, seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran.
    - Malim perlu mengetahui keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan dan bintang agar pelayaran berada dalam keadaan selamat.
    - Jika malim lalai dalam menjalankan tugas sehingga menyebabkan pelanggaran dan kerosakan, dia akan dijatuhi hukuman bunuh.
  - (iii) Jenayah
    - Perbuatan jenayah di atas kapal akan menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal.
    - Undang-undang ini menjelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah seperti mencuri, membunuh dan memberontak.
    - Fasal 5 menyatakan, seseorang yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, akan dikenakan hukuman mati.
  - (iv) Percukaian
    - Pelbagai cukai dikenakan dalam pelayaran untuk perdagangan.
    - Contohnya, cukai perjalanan dan hasil perniagaan.
    - Dalam Fasal 6.3, nakhoda menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang.
    - Iaitu satu persepuluh daripada hasil penumpang sekiranya penumpang ingin turun sebelum sampai janjinya sama ada tiga tahun, tiga bulan atau tiga hari.

1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

1 Hubungan Pemerintah dan Rakyat
- Masyarakat Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua, iaitu pemerintah dan diperintah.
- Pemerintah terdiri daripada sultan, pembesar, kerabat raja dan ulama.
- Rakyat pula terdiri daripada pelbagai golongan seperti peniaga, petani, tukang dan nelayan.
- Hamba terdiri daripada hamba raja, hamba berhutang dan hamba biasa.

2 Peranan Sultan
- Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat negeri baginda.
- Mewujudkan perpaduan rakyat.
- Bertanggungjawab terhadap kemakmuran dan kestabilan kerajaan.
- Memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat.

3 Peranan Pembesar
- Memelihara keamanan dan kebajikan rakyat di kawasan pegangan.
- Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.
- Mengutip hasil melalui sistem serah.
- Membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah.

4 Peranan Rakyat
- Menunjukkan taat setia kepada pemerintah.
- Mematuhi segala arahan pemerintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa tulah.
- Menjadi tentera.
- Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong.
- Menjadi pengayuh atau pendayung kapal perang.
- Menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu? BUKU TEKS MS 4
I Rakyat
II Lambang
III Kedaulatan
IV Wilayah pengaruh
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2 Maklumat berikut berkaitan dengan perundangan dalam kerajaan Alam Melayu. BUKU TEKS MS 4

Kutara Manawa

Kerajaan Alam Melayu yang telah mengamalkan undang-undang tersebut ialah kerajaan
A Champa **C** Majapahit
B Srivijaya **D** Johor-Riau

3 Peta berikut berkaitan dengan empayar Srivijaya pada abad ke-12. BUKU TEKS MS 5



Apakah ciri negara bangsa empayar tersebut?
I Wilayah pengaruh yang luas
II Raja menjadi tonggak kerajaan
III Lambang kebesaran identiti kerajaan
IV Kedaulatan sultan lambang kekuasaan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

4 Senarai berikut merupakan wilayah pengaruh kerajaan Kesultanan Melayu Melaka.

- Lingga
- Patani

Bagaimanakah Melaka memperoleh wilayah pengaruh tersebut? BUKU TEKS MS 7
A Naungan
B Anugerah
C Penaklukan
D Perkahwinan

5 Rakyat Melaka terdiri daripada BUKU TEKS MS 6
I Orang Laut
II Orang Jawa
III Orang Arab
IV Orang Melayu
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

6 Mengapakah kedaulatan penting kepada Kesultanan Melayu Melaka? BUKU TEKS MS 6
A Mendapat pengiktirafan
B Memperkuatkan pertahanan
C Mendapat bantuan kewangan
D Mengeratkan hubungan diplomatik

7 Apakah kepentingan cap mohor kepada Kesultanan Melayu Melaka? BUKU TEKS MS 7
A Pengaruh agama Islam
B Pengukuhan pentadbiran
C Pengiktirafan negara luar
D Pengesahan arahan sultan

8 Wilayah manakah yang diperolehi oleh Kesultanan Melayu Melaka melalui peperangan? BUKU TEKS MS 7
I Perak
II Kedah
III Rokan
IV Pahang
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

9 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

Pembesar Berempat memperolehi kuasa pentadbiran untuk mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau daripada sultan.

Apakah kawasan tersebut? BUKU TEKS MS 8

Menguasai Tidak Menguasai

A jajahan
B naungan
C pegangan
D pelabuhan

10 Antara berikut, yang manakah tugas bendahara dalam Kesultanan Melayu Melaka?
BUKU TEKS MS 9
I Ketua tentera
II Pemangku sultan
III Panglima angkatan laut
IV Menjaga keselamatan kota
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

11 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap dan tersusun. Apakah sistem tersebut? BUKU TEKS MS 8
A Pembesar Berempat
B Raja berkuasa mutlak
C Raja Berperlembagaan
D Pembesar Empat Lipatan

12 Apakah tugas pembesar peringkat jajahan dalam Kesultanan Melayu Melaka? BUKU TEKS MS 9
A Menasihati sultan
B Menjaga keselamatan
C Mengekalkan keamanan
D Mengutip cukai di pelabuhan

13 Antara berikut, apakah kesalahan jenayah yang boleh dijatuhkan hukuman bunuh?
BUKU TEKS MS 10
I Ingkar arahan
II Palsukan titah
III Tipu timbangan
IV Ganggu ketenteraman
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

14 Apakah syarat pernikahan dalam Fasal 26?
BUKU TEKS MS 10
I Hamba abdi sebagai saksi
II Memerlukan empat orang saksi
III Wanita tidak boleh menjadi saksi
IV Sekurang-kurangnya tiga orang saksi
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

15 Maklumat berikut berkaitan dengan Undang-Undang Laut Melaka.

Berkuasa penuh dan diibaratkan seperti raja dalam pelayaran.

Siapakah yang dimaksudkan dalam maklumat tersebut? BUKU TEKS MS 11
A Sultan **C** Nakhoda
B Malim **D** Bendahara

16 Rajah berikut berkaitan dengan sistem perundangan Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah persamaan antara undang-undang tersebut? BUKU TEKS MS 10-11
A Peranan sultan
B Isu kekeluargaan
C Sistem percukaian
D Hukuman jenayah

17 Sang Sapurba yang mewakili golongan pemerintah telah membuat waadat dengan Demang Lebar Daun yang mewakili golongan diperintah.
Mengapakah waadat tersebut dibuat?
BUKU TEKS MS 12
A Meluaskan wilayah
B Menjamin kedaulatan
C Mengukuhkan kerajaan
D Melambangkan kebesaran

18 Ilustrasi berikut menggambarkan hubungan antara golongan diperintah dengan golongan pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Apakah sistem yang dikaitkan dengan hubungan tersebut? BUKU TEKS MS 13
A Sistem serah
B Sistem kerah
C Sistem barter
D Sistem hamba

19 Rajah berikut berkaitan dengan hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka.



Apakah peranan **X**? BUKU TEKS MS 13

A Menjadi tentera
B Hadir majlis umum
C Mewujudkan perpaduan
D Menyumbang tenaga kerja

20 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

> "Rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon itu tidak akan dapat berdiri. Demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya."

Apakah kepentingan yang diperolehi melalui pernyataan tersebut? **KBAT**

A Kesejahteraan negara
B Perkembangan ekonomi
C Keharmonian masyarakat
D Peningkatan perdagangan

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Rajah berikut berkaitan dengan ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka. BUKU TEKS MS 6-7



(*a*) Nyatakan ciri yang bertanda:

(i) **X**: _____

(ii) **Y**: _____

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka berikut:

(i) Kerajaan. BUKU TEKS MS 6

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(ii) Lambang kebesaran. BUKU TEKS MS 7

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, apakah kepentingan warisan Kesultanan Melayu Melaka dalam pentadbiran negara kita pada hari ini? KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

2 Hierarki sosial Kesultanan Melayu Melaka terdiri daripada golongan pemerintah dan golongan diperintah. Hubung kait pemerintah dan rakyat selaras dengan konsep waadat. Rakyat merupakan golongan yang diperintah dan tidak akan menderhaka kerana takut ditimpa tulah.

(*a*) Nyatakan maksud tulah. BUKU TEKS MS 13

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*b*) Namakan **dua** tokoh yang terlibat dengan waadat tersebut. BUKU TEKS MS 12-13

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*c*) Nyatakan golongan rakyat yang terdapat dalam Kesultanan Melayu Melaka. BUKU TEKS MS 13

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*d*) Hubungan baik pemerintah dan rakyat dapat menyumbang kepada kemajuan negara. Jelaskan. KBAT

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Kemunculan dan kemasyhuran kerajaan Alam Melayu membuktikan asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat.

(*a*) Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu sebelum kedatangan Barat? BUKU TEKS MS 4

[6 *markah*]

(*b*) Jelaskan kesinambungan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu. BUKU TEKS MS 5

[6 *markah*]

(*c*) Teliti petikan berikut.

> Pembinaan negara bangsa di Malaysia merupakan sebuah proses yang berterusan. Dari sudut sejarah, kewujudan konsep rakyat raja di Tanah Melayu adalah asas kepada pembinaan negara-bangsa. Dalam konsep tersebut, seorang raja yang berdaulat secara jelas memiliki rakyatnya sendiri. Justeru taat dan setia dari rakyat kepada raja yang memerintah telah menjadi asas. Perkara tersebut merangkumi sesiapa sahaja sama ada orang Melayu dan orang asli yang mendiami di sepanjang sungai yang secara geografinya membentuk sempadan negeri tersebut. Sebagai balasan, seorang rakyat raja akan memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi dan akan sentiasa memberi keutamaan terhadap perintah raja walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Dalam hal ini, mereka bukan sahaja akan dikerah tenaganya, malah boleh dihukum dengan kaedah seperti bunuh atau sula dengan perintah raja tanpa ada perbicaraan yang sempurna. Apa yang terlafaz dari mulut raja adalah undang-undang bagi rakyatnya.
>
> Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *Jurnal UKM*

Ulaskan petikan tersebut. KBAT

[8 *markah*]

4 Sistem perundangan yang sistematik telah meletakkan Kesultanan Melayu Melaka sebagai sebuah empayar yang gemilang pada abad ke-15.

(*a*) Jelaskan pelaksanaan Hukum Kanun Melaka dari aspek berikut: BUKU TEKS MS 10

(i) Jenayah.

(ii) Ekonomi.

[6 *markah*]

(*b*) Terangkan kesan pelaksanaan Undang-Undang Laut Melaka kepada Kesultanan Melayu Melaka. BUKU TEKS MS 11

[6 *markah*]

(*c*) Teliti poster berikut.

Sumber: *X.com*

Nyatakan mesej dalam poster tersebut dan kesan yang akan berlaku jika rakyat negara kita tidak mematuhi undang-undang. **KBAT**

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[8 *markah*]

BAB 2 Kebangkitan Nasionalisme

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Nasionalisme	Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara/ semangat kebangsaan/ perjuangan menentang penjajah/ pembelaan terhadap bangsa dan negara/ gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.	22
2	Revolusi Keagungan	Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat di England pada tahun 1688. Dikenali juga sebagai *Glorious Revolution.*	24
3	Revolusi Amerika	Reaksi orang Amerika menentang penjajahan British pada tahun 1776.	25
4	Revolusi Perancis	Tercetus daripada idea Jean Jacques Rousseau (Rousseau), ahli falsafah Perancis. Revolusi menentang Raja Louis XVI/ 16 berlaku pada tahun 1789.	25
5	Liga Muslim	Ditubuhkan pada tahun 1906 untuk menyuarakan pandangan berkenaan nasionalisme.	26
6	*Satyagraha*	Berpegang teguh kepada kebenaran. Konsep tersebut menjadi asas perjuangan tanpa keganasan oleh Mahatma Gandhi.	26
7	Dahagi India 1857	Pemberontakan yang telah dilancarkan oleh sepoi atau askar upahan British berbangsa India. Merupakan reaksi kepada ancaman pengaruh British terhadap adat, budaya dan agama masyarakat setempat.	26
8	*San Min Chu-i*	Tiga Prinsip Rakyat yang dikemukakan oleh Dr. Sun Yat Sen, iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial.	26
9	Revolusi China	Berlaku pada tahun 1911 yang berjaya menumbangkan pemerintahan Dinasti Manchu dan kemunculan pemerintahan republik di China.	26
10	Pan-Islamisme	Idea, iaitu seruan penyatuan persaudaraan umat Islam di seluruh dunia untuk bangkit menghalang perluasan kuasa Barat. Digerakkan oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani.	27
11	Islah	Gerakan pemulihan Islam. Dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh.	27
12	Semangat *bushido*	Sikap yang sanggup menanggung risiko, bersungguh-sungguh mencapai cita-cita dan sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara.	27
13	Gerakan propaganda	Gerakan yang dipimpin Jose Rizal untuk menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol yang mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol.	28

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
14	Liga Filipina	Ditubuhkan oleh Jose Rizal pada tahun 1892 untuk mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.	28
15	Katipunan	Ditubuhkan oleh Andres Bonifacio untuk memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi.	28
16	Revolusi Filipina	Bonifacio dan Aguinaldo melancarkan Revolusi Filipina pada tahun 1896 untuk menyingkirkan pemerintahan Sepanyol, namun gagal.	28
17	Golongan Mandarin	Pembesar di Vietnam yang menerima pendidikan Confucius.	28
18	Isu kasut	Perbuatan orang British yang memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha di Burma/Myanmar. Perbuatan ini dianggap mencemar kesucian agama Buddha.	28
19	Pongyi	Sami Buddha di Burma/ Myanmar.	29
20	Thakin	Siswazah universiti di Burma/Myanmar.	29
21	Revolusi Thai	Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongram melancarkan revolusi untuk menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak pada tahun 1932.	31
22	Thailand	Nama asalnya ialah Siam. Pada tahun 1939, Siam ditukarkan kepada Thailand yang bermaksud “Tanah Bebas”.	31
23	Penulisan kreatif	Hasil kesusasteraan seperti novel, cerpen dan puisi daripada nasionalis menjadi salah satu faktor kemunculan gerakan nasionalisme di negara kita.	34
24	Kaum Muda	Kumpulan yang ingin menyebarkan idea Islah dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu. Antara tokohnya ialah, Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh al-Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha.	36
25	Dasar desentralisasi	Ingin mengembalikan kuasa sultan, residen dan Majlis Mesyuarat Negeri yang tercabar akibat pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1896.	42

NOTA EFEKTIF

2.1 Maksud Nasionalisme

1 Maksud Nasionalisme Secara Umum
- Perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.
- Semangat kebangsaan yang menjelaskan sikap dan pendekatan berkaitan dengan perjuangan menentang penjajahan.
- Pembelaan terhadap bangsa dan negara.
- Gerakan untuk mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial daripada penguasaan orang asing.
- Idea nasionalisme tidak sama antara negara dengan zaman.

2 Pendapat Tokoh Terkenal
- Hans Kohn – satu gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara atau bangsanya.
- Wiliam R. Roff – Kebangkitan nasionalisme Melayu lebih kepada kesedaran dan ketegasan diri pada dekad terakhir sebelum Perang Dunia Kedua. Hal ini disebabkan oleh ancaman terhadap hak kepentingan orang Melayu serta faktor ekonomi. Nasionalisme juga timbul akibat kebimbangan masyarakat terhadap sekularisme dan imperialisme Barat yang melanda Tanah Melayu.
- Dato' Onn Jaafar – Kita hendak menzahirkan suatu bangsa yang lebih tegap dan kuat, boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri dan mengambil tempat kita yang sebenar di sisi bangsa-bangsa lain yang tegap dan bersatu.
- Dr Burhanuddin al-Helmi – Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat, iaitu *National Fronts*. Segala tenaga yang menentang penjajahan hendaklah digunakan untuk mencapai kemerdekaan dengan tetap berpegang pada tatatertib dan adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam untuk menebus, merebut dan merampas kembali hak mutlak bangsa kita yang telah ditenggelamkan itu.
- Dr. R. Suntharalingam – Fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini untuk menubuhkan negaranya sendiri dan memindahkan kedaulatan kepada rakyat. Nasionalisme juga menuntut kesetiaan ulung individu disalurkan kepada negara bangsa itu.
- Dato Zainal Abidin Abdul Wahid – Nasionalisme Melayu bukanlah gejala baharu hasil penggabungan Tanah Melayu oleh British, tetapi nasionalisme Melayu telah wujud sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kesetiaan kepada raja merupakan ciri nasionalisme Melayu ketika itu dan orang Melayu berpegang pada faham kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan".
- Dr. Khoo Kay Kim – Nasionalisme digunakan untuk merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

2.2 Perkembangan Idea Nasionalisme di Barat

1 Idea Nasionalisme Barat Secara Umum
- Berkembang hasil penentangan terhadap pemerintahan beraja.
- Raja menjadi simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.
- Contoh nasionalisme antiraja ialah Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.
- Idea nasionalisme juga dikaitkan dengan perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan daripada penjajahan kuasa asing seperti Revolusi Amerika.

2 Idea Pemikiran John Locke
- John Locke menghasilkan karya "Two Treatises of Government" yang mempopularkan konsep raja berperlembagaan.
- Beliau menolak konsep pemerintahan raja berkuasa mutlak dan menegaskan bahawa kerajaan patut diasaskan pada suatu persetujuan antara pemerintah dengan rakyat.
- Undang-undang perlu digubal bagi memenuhi hak asasi manusia.

3 Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi ini berlaku di England disebabkan oleh keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.
- Revolusi ini tercetus berikutan pemerintahan Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang-undang.
- Ahli parlimen bangkit menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak dengan sokongan Mary II dan suaminya, Raja William of Orange dari Belanda.
- Menyedari sokongan yang semakin berkurangan, Raja James II melarikan diri ke Perancis.
- Peristiwa ini dikenali sebagai Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa berlaku secara aman tanpa pertumpahan darah.
- Semasa pemerintahan Mary II dan William of Orange, konsep kedaulatan parlimen dan sistem raja berperlembagaan dimantapkan.

- Bill of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai.

4 Revolusi Amerika (1776)
- Revolusi Amerika merupakan reaksi orang Amerika menentang penjajahan British.
- Penentangan ini disebabkan oleh tindakan British tidak melindungi hak penduduk Amerika yang merupakan sebahagian daripada empayar British.
- Terdapat 13 buah tanah jajahan British di Amerika.
- Penduduk Amerika menentang akta yang diperkenalkan untuk memungut cukai di jajahan tersebut seperti Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh.
- Penduduk tanah jajahan di Amerika melaungkan slogan "tiada cukai tanpa perwakilan" kerana tiada wakil Amerika dalam Parlimen British.
- Pemimpin di tanah jajahan menubuhkan kongres yang diketuai oleh George Washington dan mengisytiharkan perang terhadap British untuk memperjuangkan kemerdekaan Amerika.
- Kongres meluluskan Perisytiharan Kemerdekaan Amerika yang ditulis oleh Thomas Jefferson pada bulan Julai 1776.
- Perisytiharan tersebut menegaskan bahawa sekiranya sesebuah kerajaan tidak dapat menjamin hak kehidupan, kebebasan dan kebahagiaan, maka menjadi hak penduduk untuk membentuk kerajaan baharu.
- Revolusi Amerika berakhir pada tahun 1783, apabila British mengakui kemerdekaan Amerika.
- Sebanyak 13 buah bekas tanah jajahan tersebut digabungkan dan diberikan nama baharu sebagai Amerika Syarikat yang memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi.

5 Revolusi Perancis (1789)
- Tercetus daripada idea nasionalisme yang memperjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraan oleh golongan pemikir Perancis seperti Jean Jacques Rousseau dan Voltaire.
- Rousseau telah menulis *The Social Contract* yang mengemukakan keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat. Suara rakyat digelar sebagai "hasrat umum" yang merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran.
- Menurut Rousseau, kedaulatan suara rakyat lebih tinggi dan penting daripada institusi raja dan birokrasi.
- Sasaran golongan revolusi adalah terhadap pemerintahan autokratik Raja Louis XVI dan golongan bangsawan.
- Golongan ini memonopoli pelbagai keistimewaan, sebaliknya rakyat terbeban dengan pelbagai cukai.
- Golongan revolusi menggempur penjara Bastile dan membebaskan tahanan politik.
- Seterusnya menggulingkan Raja Louis XVI.
- Revolusi Perancis membawa kemunculan Republik Perancis yang mengakhiri sistem pemerintahan beraja di Perancis.

2.3 Perkembangan Nasionalisme di Asia

1 Latar Belakang Kemunculan
- Perkembangan nasionalisme di Asia merupakan kesinambungan idea nasionalisme di Barat kesan daripada pertembungan yang berlaku dengan bangsa Eropah.
- Kedatangan dan penjajahan kuasa Eropah di Asia mencetuskan kebangkitan nasionalisme seperti di India, China, Mesir, empayar Uthmaniyah dan Jepun.

2 Nasionalisme di India
- Nasionalisme di India merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap dasar imperialisme British.
- Kebangkitan rakyat tempatan dalam Dahagi India 1857 merupakan permulaan kepada perkembangan nasionalisme di India.
- Nasionalisme awal bercorak gerakan yang memberikan perhatian terhadap isu sosioagama.
- Brahmo Samaj dan Arya Samaj merupakan pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempatan kesan daripada pengaruh budaya Barat.
- Hujung abad ke-19, perkembangan pendidikan Barat membawa kemunculan golongan intelektual yang memulakan gerakan nasionalisme lebih tersusun.
- Mereka menubuhkan pertubuhan politik untuk menyuarakan pandangan.
- Contohnya Kongres Kebangsaan India atau Indian National Congress (INC) yang dibentuk pada tahun 1885 dan Liga Muslim yang ditubuhkan pada tahun 1906.
- Awal abad ke-20, muncul gerakan bersifat keras yang diketuai oleh nasionalis radikal seperti Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal. Mereka menggerakkan semangat penentangan secara militan terhadap British.
- Selepas Perang Dunia Pertama, INC memperlihatkan dasar tidak bekerjasama dengan British.
- Tindakan ini diterajui oleh Mahatma Gandhi yang menjadikan *satyagraha* sebagai pegangan untuk menggerakkan nasionalisme di India.

- *Satyagraha* bermaksud berpegang teguh kepada kebenaran. Konsep *satyagraha* menjadi asas perjuangan tanpa keganasan.
- Selepas Perang Dunia Kedua, INC dan Liga Muslim membentuk jawatankuasa khas bagi merangka rancangan pembahagian India, iaitu negara India dan Pakistan.
- Pada 14 Ogos 1947 Pakistan diumumkan sebagai negara merdeka dengan Muhammad Ali Jinnah sebagai Gabenor Jeneral Pakistan.
- India mengisytiharkan kemerdekaan pada 15 Ogos 1947. Jawaharlal Nehru dilantik sebagai Perdana Menteri pertama India.

3 Nasionalisme di China
- Bertujuan untuk mengukuhkan peradaban China dalam kalangan orang Cina daripada ancaman penguasaan dan ekonomi oleh kuasa asing.
- Bermula dengan penentangan terhadap kelemahan pemerintahan Dinasti Manchu (kerajaan Manchuria) yang dianggap sebagai orang luar dan kehilangan mandat.
- Masyarakat China turut hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu yang gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat.
- Gerakan nasionalisme seterusnya bercorak anti-Barat kerana menentang campur tangan kuasa Barat di China.
- Tokoh yang mempelopori gerakan kebangkitan rakyat di China ialah Dr. Sun Yat Sen.
- Beliau mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (*San Min Chu-i*) sebagai ideologi perjuangan, iaitu nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial.
- Prinsip tersebut menjadi asas kepada gerakan Revolusi China 1911 yang berjaya menumbangkan Dinasti Manchu dan kemunculan pemerintahan republik di China.

4 Nasionalisme Empayar Uthmaniyah dan Mesir
- Nasionalisme empayar Uthmaniyah dan Mesir lahir daripada kesedaran untuk mempertahankan sistem pemerintahan Islam dan agama Islam yang diancam oleh imperialisme Barat.
- Kesedaran tersebut mencetuskan gerakan Pan-Islamisme dan gerakan Islah.
  (a) Gerakan Islah
    - Gerakan Islah merujuk gerakan pemulihan Islam.
    - Gerakan ini telah dipelopori oleh Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh.
    - Imperialisme Barat di Mesir menyebabkan berlakunya pertembungan kebudayaan antara Eropah-Amerika dengan kebudayaan tempatan yang mengubah budaya dan tradisi kepercayaan masyarakat tempatan.
    - Dengan itu, gerakan Islah menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam yang sebenar berpandukan al-Quran dan Hadis serta memperbaik kehidupan masyarakat untuk melepaskan diri daripada penjajahan.
  (b) Gerakan Pan-Islamisme
    - Sayyid Jamal al-Din al-Afghani menubuhkan kumpulan yang diberikan nama al-Urwah al-Wuthqa (Ikatan yang Kuat).
    - Kumpulan ini ditubuhkan untuk memperkuat rasa persaudaraan dan membawa umat Islam kepada kemajuan.
    - Pertubuhan ini telah menerbitkan akhbar *al-Urwah al-Wathqa* untuk mcnyebarkan idea Pan-Islamisme.
    - Seruan penyatuan persaudaraan umat Islam di seluruh dunia untuk bangkit menghalang peluasan kuasa Barat.
    - Pada tahun 1914, empayar Uthmaniyah mengeluarkan fatwa menyeru umat Islam yang ditindas penjajah Barat bangkit berjuang bersama empayar Uthmaniyah.
    - Pemerintah empayar Uthmaniyah, iaitu Khalifah Abdul Hamid II menggerakkan idea Pan-Islamisme.
    - Gerakan ini mendapat sokongan umat Islam di seluruh dunia termasuklah Tanah Melayu.
    - Contohnya, kebangkitan Tok Janggut menentang British di Kelantan pada tahun 1915.

5 Nasionalisme di Jepun
- Nasionalisme di Jepun digerakkan oleh pemerintah Jepun disebabkan oleh kesedaran untuk mencapai kemajuan bagi mengelakkan ancaman imperialisme Barat.
- Maharaja Mikado Meiji melancarkan gerakan pemulihan Jepun dengan menekankan pemodenan mengikut model Barat supaya Jepun dihormati oleh Barat.
- Prinsip dan semangat *bushido* dijadikan asas membina nasionalisme dalam kalangan rakyat dan pemerintah semasa era Pemulihan Meiji.
- Pemulihan meliputi gerakan pembaharuan dalam semua aspek kehidupan yang menjadikan Jepun muncul sebagai negara perindustrian dan kuasa tentera yang kuat di Asia.
- Desakan ekonomi dan nasionalisme melampau oleh golongan tentera menjadikan Jepun sebagai kuasa imperialisme di Asia

6 Matlamat Nasionalisme di Asia
- Untuk menamatkan penjajahan kuasa asing dan menuntut perubahan politik seiring dengan pembinaan negara bangsa. Contohnya, di India, Mesir dan China.
- Nasionalisme dalam bentuk gerakan pembaharuan dalam negara untuk mengekalkan kedaulatan seperti yang telah berlaku di empayar Uthmaniyah dan Jepun.

2.4 Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara

1 Latar Belakang Kemunculan
- Nasionalisme di Asia Tenggara berakar umbi daripada gerakan membebaskan diri daripada penjajahan kuasa Barat seperti yang berlaku di Filipina, Burma (Myanmar), Vietnam dan Indonesia.
- Di Thailand, gerakan nasionalisme bersifat menuntut pembaharuan dalam pentadbiran ke arah mengekalkan kedaulatan negara daripada ancaman imperialisme.

2 Nasionalisme di Filipina
- Untuk menghapuskan penjajahan asing. Antara tokoh nasionalis penting termasuklah Jose Rizal, Andres Bonifacio (Bonifacio) serta Emilio Aguinaldo (Aguinaldo).
- Di peringkat awal berbentuk Gerakan Propaganda yang dipimpin oleh Jose Rizal.
- Gerakan ini menuntut Filipina dijadikan sebahagian daripada wilayah Sepanyol yang mempunyai hak yang sama seperti bangsa Sepanyol.
- Jose Rizal menubuhkan Liga Filipina 1892 untuk mendesak kerajaan Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial di Filipina.
- Kegagalan Gerakan Propaganda mencetuskan idea nasionalisme yang lebih radikal.
- Bonifacio menubuhkan Katipunan untuk memperoleh kemerdekaan Filipina melalui revolusi.
- Katipunan yang merupakan gerakan revolusioner telah menggunakan akhbar *Kalayan* untuk menyebarkan idea revolusi kepada rakyat Filipina.
- Bonifacio dan Aguinaldo telah memimpin Katipunan melancarkan Revolusi Filipina 1896 untuk menyingkirkan pemerintahan Sepanyol, namun usaha ini gagal. Aguinaldo kemudiannya bekerjasama dengan Amerika Syarikat (USA) dan berjaya mengusir Sepanyol.
- Perisytiharan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo pada tahun 1899 tidak diiktiraf oleh USA, sebaliknya Filipina diletakkan di bawah USA.
- Di bawah penjajahan USA, golongan nasionalis ini mengubah strategi perjuangan dengan menggunakan saluran diplomasi melalui parti politik sederhana.
- Pendekatan kerjasama membolehkan Sergio Osmena, pemimpin Parti Nasionalis dilantik menganggotai Dewan Perhimpunan Filipina 1907.
- Gerakan menuntut kemerdekaan ini diteruskan oleh golongan nasionalis sehingga Perang Dunia Kedua.

3 Nasionalisme di Burma/Myanmar
- Digerakkan oleh perjuangan golongan kelas menengah, sami Buddha (*pongyi*), Thakin (siswazah universiti) dan golongan petani menentang imperialisme British.
- Nasionalisme digerakkan oleh golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat berikutan pengaruh British yang mengancam kedudukan agama Buddha.
- Mereka menubuhkan Persatuan Belia Buddha pada tahun 1906 untuk mengekalkan tradisi Buddha, pendidikan dan kebudayaan Burma.
- Persatuan tersebut menggunakan isu kasut untuk membangkitkan nasionalisme. Orang British telah memakai kasut memasuki kuil, mereka dianggap mencemari agama Buddha.
- Selepas diambil alih oleh pemimpin yang lebih radikal seperti U Ba Pe, persatuan tersebut dinamakan Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma. Isu yang berkaitan dengan bangsa Burma mula diperjuangkan.
- Menjelang tahun 1920, Revolusi Pelajar menuntut penubuhan universiti untuk mereka.
- Golongan sami Buddha seterusnya menubuhkan Majlis Am Sangha Samagyi dan mencetuskan Pemberontakan Saya San.
- Pemberontakan yang diketuai oleh Saya San, mendapat sokongan golongan petani yang terbeban dengan pelbagai jenis cukai.
- Perkembangan nasionalisme berikutnya dipengaruhi oleh pengenalan Perlembagaan Burma 1935 yang memisahkan Burma dengan India.
- Perlembagaan tersebut merangsang perjuangan ke arah berkerajaan sendiri.
- Golongan Thakin menubuhkan Parti Do Bama Asiayone (Kami Orang Burma) untuk memperjuangkan kemerdekaan Burma.
- Pemimpin parti tersebut seperti Aung San, Kyaw Nein dan U Nu menggelar diri sebagai “Thakin” yang bermaksud tuan dan menegaskan orang Burma mesti bertuankan orang Burma.
- Dr. Ba Maw memenangi pilihan raya pada tahun 1937, kemudiannya dilantik sebagai Perdana Menteri pertama.

4 Nasionalisme di Vietnam

- Nasionalisme di Vietnam muncul akibat perubahan sosiopolitik dan sosioekonomi selepas kedatangan Perancis.
- Gerakan nasionalisme Vietnam dipelopori oleh golongan bangsawan dan pegawai daripada golongan Mandarin.
- Golongan ini memperjuangkan pemulihan sistem pemerintahan beraja.
- Kemunculan golongan intelektual meningkatkan kesedaran politik dan gerakan anti-Perancis.
- Nasionalisme Vietnam disalurkan melalui akhbar seperti *Tribune Indige* dan *Cloche Felee* yang mengkritik penindasan Perancis dan menuntut hak rakyat Vietnam.
- Nasionalisme Vietnam selepas Perang Dunia Pertama bercorak revolusi yang didukung oleh dua aliran ideologi, iaitu nasionalisme dan komunisme.
- Parti aliran nasionalisme ialah Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) atau Parti Nasionalis Vietnam pimpinan Nguyen Thai Hoc.
- Komunis pula diterajui oleh Parti Komunis Vietnam (PKV) pimpinan Ho Chi Minh.
- Perjuangan VNQDD berteraskan demokrasi, nasionalisme dan sosialisme. Parti ini melancarkan pemberontakan untuk mengusir Perancis dan menubuhkan kerajaan republik Vietnam.
- Peristiwa ini memberikan kesempatan kepada Perancis melumpuhkan gerakan nasionalis dengan menangkap pemimpin VNQDD dan menghukum bunuh Nguyen Thai Hoc.
- Gerakan revolusi menentang Perancis diteruskan oleh Ho Chi Minh melalui PKV. Pada bulan September 1945, Ho Chi Minh berjaya mengisytiharkan kemerdekaan Republik Demokratik Vietnam di Hanoi, Vietnam Utara. Beliau dilantik sebagai presiden pertama.
- Manakala Vietnam Selatan yang berpusat di Saigon berada di bawah pengaruh Perancis dan Amerika Syarikat.
- Gerakan menentang penjajahan Barat diteruskan sehingga Republik Vietnam terbentuk pada tahun 1976.

5 Nasionalisme di Indonesia

- Nasionalisme di Indonesia pada awalnya berkisarkan isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat akibat dasar penjajah Belanda.
- Raden Adjeng Kartini mempelopori perjuangan untuk memajukan pendidikan kaum wanita.
- Karya Kartini, terutama surat yang diutus kepada rakan-rakannya di Eropah dibukukan dan diterbitkan dengan judul *Hilang Gelap TerbitlahTerang* pada tahun 1911.
- Karya ini kemudiannya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan judul *Letters of a Javanese Princess*.
- Karya tersebut mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran kepada bangsa Indonesia.
- Kesedaran nasionalisme seterusnya berkembang dengan kemunculan pertubuhan yang lebih tersusun seperti Muhammadiyah untuk mempertahankan agama Islam daripada ancaman sekularisme.
- Gerakan nasionalisme menjadi semakin radikal dengan penubuhan parti politik yang memperjuangkan kemerdekaan seperti Sarekat Islam (SI), Partai Komunis Indonesia (PKI) dan Partai Nasionalis Indonesia (PNI).
- Kepimpinan Soekarno menjadikan PNI sebagai sebuah parti yang berpengaruh.
- Kongres Pemuda Indonesia melahirkan ikrar “Sumpah Pemuda” yang menjadi tonggak nasionalisme.
- Tiga asas dalam sumpah tersebut ialah satu tanah air, satu bangsa dan satu bahasa untuk mewujudkan keutuhan negara bangsa.
- Bagi mengukuhkan perjuangan pertubuhan ini, Soekarno mempelopori pembentukan Permuafakatan Perhimpunan Politik Kebangsaan Indonesia (PPPKI).
- PPPKI ialah gabungan organisasi dan parti politik Indonesia yang memperjuangkan kemerdekaan Indonesia.

6 Nasionalisme di Thailand

- Gerakan nasionalisme bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta menuntut penglibatan rakyat dalam pemerintahan.
- Nasionalisme di Thailand dipelopori oleh Raja Thailand melalui usaha diplomasi dan pemodenan.
- Raja Mongkut membina hubungan baik dengan kuasa Barat seperti British, USA dan Perancis.
- Baginda melaksanakan birokrasi Barat.
- Penasihat Barat dibawa masuk untuk melatih pegawai tempatan dalam kewangan, pelabuhan, kastam, ketenteraan dan polis.
- Guru dari Barat, terutamanya British turut dibawa masuk untuk melaksanakan pendidikan Barat.
- Langkah tersebut membentuk imej Thailand sebagai negara yang bersahabat dengan Barat.
- Raja Chulalongkorn meneruskan dasar sebelumnya dan menjadikan Thailand negara bebas daripada penjajahan Barat, khasnya British.
- Nasionalisme dalam kalangan rakyat timbul semasa pemerintahan Raja Vajiravudh.
- Kelemahan Raja Vajiravudh menimbulkan kegelisahan rakyat terhadap penguasaan politik oleh kerabat diraja.
- Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram menubuhkan Parti Rakyat dan melancarkan Revolusi Thai 1932.

- Revolusi tersebut menamatkan pemerintahan raja berkuasa mutlak.
- Pemerintahan raja berperlembagaan diperkenalkan dengan meletakkan raja pada kedudukan tertinggi, tetapi tidak mencampuri urusan pentadbiran kerajaan Thailand yang dijalankan oleh Perdana Menteri.
- Nasionalisme seterusnya berkisar rasa tidak puas hati rakyat terhadap penguasaan ekonomi oleh kapitalis Barat dan orang Cina.
- Perdana Menteri, Phibulsongkram meluluskan undang-undang menyekat penguasaan ekonomi oleh orang Cina dan menggalakkan peribumi dalam kegiatan ekonomi.
- Semasa Perang Dunia Kedua, dasar bekerjasama dengan Jepun menyebabkan Thailand tidak dijajah. Thailand memperoleh hak semula terhadap wilayah di Indochina dan utara Tanah Melayu.

2.7 Perkembangan Nasionalisme

1 Perjuangan Golongan Intelektual

(a) Pendidikan agama
- Kaum Muda menyalurkan idea melalui gerakan Islah dan menjadikan agama Islam asas kemajuan dunia dan akhirat.
- Tokohnya seperti Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh al-Hadi dan Haji Abbas Mohd Taha.
- Kesedaran mereka ini didorong oleh gerakan Islah semasa menuntut di Timur Tengah.
- Penubuhan madrasah oleh Kaum Muda menyebarkan fahaman Islah.
- Contohnya Madrasah al-Attas di Johor Bahru, Johor, Madrasah al-Khairiah al-Islamiyah di Pokok Sena, Kedah dan Maahad al-Ehya Assharif, Gunung Semanggol, Perak.
- Pelajarnya membawa kemajuan dan pemodenan dari aspek sikap serta pentafsiran terhadap Islam.
- Wanita turut diberikan peluang belajar di madrasah.
- Pembentukan intelektual baharu Islam ini mendorong mereka berusaha menyatukan rumpun Melayu dan memajukan islam melalui pentafsiran baharu seperti yang dibawa oleh reformis Mesir.
- Idea mereka disalurkan melalui akhbar dan majalah yang membangkitkan kesedaran nasionalisme.
- Contohnya *Al-Imam*, *Al-Ikhwan*, *Neracha* dan *Tunas Melayu*.

(b) Pendidikan Inggeris
- MCKK melahirkan intelektual berpendidikan Inggeris dan berperanan dalam perkembangan nasionalisme.
- MCKK pada asalnya ditubuhkan untuk melatih anak bangsawan bagi diserapkan dalam pentadbiran British.
- Lepasan maktab ini menyuarakan hak mendapat pendidikan bagi orang Melayu.
- Tokohnya seperti Raja Chulan Raja Abdullah, Mahmud Mat, Mohammad Eunos Abdullah dan Raja Uda Raja Muhammad yang bertugas sebagai pegawai kerajaan menuntut British memperbaiki taraf hidup orang Melayu.
- Di samping membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada orang Melayu dalam jabatan kerajaan.
- Mereka menyalurkan idea dan tuntutan dengan cara berbaik-baik dengan British dan menggunakan akhbar seperti Warta Malaya, Lembaga Malaya, Utusan Melayu.

(c) Pendidikan Melayu
- SITC melahirkan semangat kesedaran bangsa.
- Guru mereka seperti O.T. Dussek, Abdul Hadi Hassan, Abdul Hadi Abdul Manan dan Harun Aminurrashid berjaya meniupkan kesedaran dalam kalangan pelajar sehingga lahir ramai tokoh penulis dan nasionalis.
- Kewujudan Pejabat Karang Mengarang dengan Ketua Penterjemahnya Za'ba, telah berjaya menghasilkan buku berkualiti, menjadi pemangkin mengasah bakat pelajar dalam usaha membangkitkan semangat kebangsaan.
- Antara tokoh nasionalis tersebut ialah Buyong Adil dan Abdul Hadi Hassan.
- Kemasukan bahan bacaan dari Timur Tengah dan Indonesia menjadikan SITC sebuah taman ilmu yang mendedahkan pembaharuan dari negara luar.
- Kurikulum SITC yang menitikberatkan mata pelajaran Sejarah dan pendedahan keagungan empayar Melayu di Alam Melayu membangkitkan kesedaran kepada penuntutnya.
- Mata pelajaran Anyaman dan Kesihatan serta Sukan dianggap penting dalam kurikulum di SITC.
- Pada tahun 1929, lahirlah Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar dan Ikatan Semenanjung Borneo yang akhirnya melahirkan persatuan radikal, iaitu Kesatuan Melayu Muda.

2 Perjuangan Melalui Penulisan

(a) Akhbar dan majalah Melayu
- Mengetengahkan isu hak dan masa depan bangsa, polemik Kaum Muda dengan Kaum Tua serta isu pentadbiran, ekonomi dan sosial.
- Syarikat Jelutong Press menyuburkan penerbitan akhbar pada masa itu.
- Intelektual yang berpendidikan Melayu dan Inggeris turut terlibat dalam perkembangan persuratkhabaran Melayu pada awal abad ke-20.

- Mohammad Eunos Abdullah menerajui akhbar *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*. Muncul juga akhbar *Warta Malaya*, *Warta Jenaka*, *Fajar Sarawak*, *Majlis* dan *Majalah Guru*. Pengarang seperti Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali), Muhammad Yusof Abdul Hamid, Dato' Onn Jaafar dan Abdul Rahim Kajai mula bersuara tentang pendidikan dan politik tanah air.
- Akhbar berbahasa Inggeris seperti *The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* turut memuatkan perkembangan sosiopolitik dan ekonomi di negara kita.
- Di Sarawak pula, akhbar *Fajar Sarawak* yang ditulis oleh Muhammad Rakawi Yusuf, Muhammad Awi Anang, Muhd Daud Abdul Ghani serta Haji Abd Rahman Kassim menjadi saluran untuk menyedarkan kaum yang dijajah.
- Seruan dalam *Fajar Sarawak*, "fajar telah tersinsing, bangunlah wahai bangsaku" menggesa masyarakat bangkit menuju kemajuan.
- Di Sabah, kebanyakan isu pendidikan, tanah bumiputera dan kewangan petani disuarakan oleh Ketua-ketua Anak Negeri dalam mesyuarat mereka dan melalui aktiviti persatuan sosiobudaya.

(b) Akhbar masyarakat Cina dan India
- Akhbar Cina merangsang pemikiran masyarakat Huachiao (kaum Cina seberang laut) mengekalkan identiti, memperjuangkan nasib wanita dan menyemai perasaan cinta negara China.
- Orientasi dan aspirasi penulisan akhbar cenderung ke arah negara asal mereka.
- Antara akhbar tersebut termasuklah *Lat Pau* dan *Modern Daily News*.
- Akhbar *Nanyang Tsung Hui Pao* dan *Chong Shin Yit Pao* memuatkan soal pemerintahan monarki serta pergolakan politik di China.
- Orientasi penulisan lebih bersifat antiimperialisme.
- Akhbar *Nanyang Siang Pao* di Pulau Pinang memperjuangkan soal kesatuan sekerja dan keadilan sosioekonomi bagi masyarakat kelas bawahan.
- Masyarakat India pula cenderung menerbitkan akhbar walaupun beroperasi dalam tempoh yang singkat.
- Kandungannya memperjuangkan kepentingan politik dan sosial masyarakat India di negara ini. Antaranya termasuklah *Tamil Nesan* dan *Tamil Murasu*.
- Akhbar *The Indian* dan *Indian Pioneer* pula memuatkan pemikiran dan kepentingan perpaduan bagi masyarakat kelas menengah India.
- Akhbar *Tamil Nesan* yang diterbitkan oleh peniaga India melaporkan perkembangan di India dan kepentingan sosiopolitik.

3 Karya Kreatif

(a) Novel
- Novel berjaya meniupkan nasionalisme dalam kalangan penduduk negara kita.
- Semua karya novel ini bertemakan semangat cinta akan negara dan perjuangan membela nasib bangsa.
- Contohnya, novel *Mari Kita Berjuang* oleh Abdullah Sidek mengajak masyarakat memerdekakan diri dari aspek ekonomi.

(b) Puisi
- Puisi bertemakan cinta akan negara.
- Seperti "*Angan-angan dengan Gurindam*" oleh Omar Mustaffa, "*Sedarlah*" oleh Mahmud Ahmadi, "*Semenanjung*" oleh Harun Aminurrashid dan "*Serunai Pujangga*" oleh Abdul Samad Ahmad.

(c) Cerpen
- Bertemakan semangat pejuang, nasib bangsa dan cinta akan tanah air.
- Melalui karya Ishak Haji Muhammad, "*Rumah Besar Tiang Sebatang*", Abdul Rahim Kajai, "*Cerita Awang Putat*" dan Shamsuddin Salleh "*Di Sini Kita Bukannya Orang Dagang*".

4 Perjuangan Melalui Persatuan

(a) Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
- Persatuan terawal ialah KMS.
- Tujuan KMS ialah menggalakkan ahli bergerak aktif dalam pentadbiran, memperjuangkan kepentingan orang Melayu dalam politik dan pendidikan serta mementingkan pelajaran teknik dan pengajian tinggi.
- Kejayaan KMS mendorong penubuhan persatuan negeri lain.
- Contohnya, Persatuan Melayu Pahang, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan yang dianggotai kakitangan kerajaan.
- Mereka bekerjasama dengan British dan meminta supaya lebih banyak peluang diberikan kepada orang Melayu dalam pentadbiran.

(b) Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)
- Tujuannya menggalakkan ahlinya untuk bersatu dan bertukar-tukar pendapat.
- PASPAM mengadakan perhimpunan tahunan seluruh Tanah Melayu antara tahun 1934 hingga tahun 1939.

- Usaha menyatukan pergerakan orang Melayu melalui kongres atau persidangan berjaya menghimpunkan wakil persatuan Melayu dari Brunei, Labuan dan Sarawak untuk mengutarakan isu kebangsaan.
- Di Sarawak, Muhammad Rakawi Yusuf adalah antara pengasas PASPAM cawangan Kuching dan mempunyai hubungan baik dengan ahli KMS.
- Beliau bersama-sama dengan Johari Anang turut mengasaskan Persatuan Melayu Sarawak (PMS).
- Di Sabah, ramai dalam kalangan tokoh bumiputera Sabah bergiat aktif dalam organisasi berbentuk penulisan sehingga membangkitkan kesedaran tentang pentadbiran di Sabah.
- Penubuhan cawangan PASPAM di Jesselton (Kota Kinabalu), Tawau dan Labuan pada tahun 1939 meningkatkan kesedaran sosial dalam kalangan ahlinya.
- Kebanyakan ahli PASPAM di Sabah terdiri daripada guru sekolah Melayu, pegawai rendah kerajaan dan peniaga.
- Antara tokohnya termasuklah Mohammad Yaakob, Mohammad Shamsudin Osman dan Zakaria Gunn.

(c) Kesatuan Melayu Muda (KMM)

- Ditubuhkan oleh Ibrahim Haji Yaakob.
- KMM berjuang melalui akhbar *Majlis* dan berhasrat untuk menentang British dengan mewujudkan satu gagasan yang dinamakan Melayu Raya melalui gabungan Tanah Melayu dan Indonesia.
- KMM menyeru orang Melayu "bangun sebagai satu bangsa yang mempunyai tamadun dan kesopanan di tanah airnya".
- KMM dianggap radikal oleh British kerana berani menyuarakan penentangan terhadap kerajaan kolonial dan membangkitkan perasaan anti-British melalui penulisan dalam akhbar dan majalah.

(d) Persatuan Masyarakat Cina/India

- Sebelum Perang Dunia Kedua, masyarakat Cina masih menumpukan perhatian kepada keadaan yang berlaku di China. Pemimpin revolusi China seperti Dr. Sun Yat Sen menjalinkan hubungan dengan pemimpin Cina di negara kita dengan melawat Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- Terdapat masyarakat Cina yang memberikan perhatian kepada kebajikan dan perkembangan politik tempatan di negara kita.
- Contohnya, masyarakat Cina yang dilahirkan di Negeri-negeri Selat atau Cina Peranakan.
- Terdapat juga dalam kalangan mereka yang berpendidikan Inggeris seperti Tan Jiak Kim.
- Mereka menubuhkan Persatuan Orang Cina Peranakan British (SCBA) di Negeri-negeri Selat. Persatuan ini menggalakkan pelajaran tinggi dan teknikal masyarakat Cina.
- Tan Cheng Lock berusaha untuk menghidupkan cawangan SCBA di Melaka.
- Beliau juga menuntut peluang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan.
- Bagi masyarakat India, beberapa pertubuhan awal ditubuhkan bagi menjaga kepentingan masyarakat India di Tanah Melayu.
- Antaranya Persatuan India Taiping dan Persatuan India Pulau Pinang.
- Persidangan India Se-Malaya diadakan di Kuala Lumpur dan diikuti oleh negeri lain.
- Bertujuan membincangkan isu berkaitan dengan masyarakat India.
- G.V. Thaver pula menubuhkan Malayan Indian Association (MIA), khusus bagi golongan India yang dilahirkan di Tanah Melayu.
- Central India Association of Malaya (CIAM) pula ditubuhkan di bawah pimpinan Dr. A.M. Soosay.
- CIAM yang menggabungkan 12 persatuan India dan empat dewan perniagaan berjaya mengembangkan idea nasionalisme masyarakat India di Tanah Melayu.
- Pergerakan CIAM disemarakkan lagi dengan lawatan Pandit Jawaharlal Nehru ke Tanah Melayu.
- Masyarakat Sikh yang turut terlibat sebagai pasukan keselamatan pula menjadikan berek polis atau kuarters kerajaan serta gurdwara sebagai tempat aktiviti sosial dan keagamaan.
- Gurdwara menjadi antara tempat penting bagi masyarakat Sikh mengembangkan kesedaran politik anti-British.
- Khalsa Diwan Malaya ditubuhkan di Taiping, Perak dan menjadi persatuan berpengaruh untuk menjaga kepentingan masyarakat Sikh.
- Bagi masyarakat India Muslim pula, ramai yang melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan dan pentadbiran. Contohnya, Sir Hussein Hasanal Abdoolcader yang merupakan ahli dalam Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat atau Straits Settlement Legislative Council (SSLC).

2.8 Kesan Perkembangan Nasionalisme

1 Politik

- Usaha golongan intelektual berpendidikan Inggeris dan KMS membuahkan hasil.
- Bilangan orang Melayu dalam Malayan Civil Service (MCS) bertambah daripada 7 orang 1930 kepada 20 orang pada tahun 1937.
- Langkah British memperkenalkan dasar desentralisasi mendorong orang Melayu lebih peka tentang masa depan mereka.

- Dasar desentralisasi ini cuba mengembalikan kuasa sultan, residen dan Majlis Mesyuarat Negeri yang tercabar akibat pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
- Kesannya, orang Melayu mula menyuarakan kepentingan berpersatuan bagi membincangkan soal politik.
- Nasionalisme di China mendorong golongan revolusi memberikan perhatian terhadap pendidikan masyarakat Cina di negara kita.
- Kelab bacaan dan pasukan drama ditubuhkan agar masyarakat di sini dapat membaca berita dari China.
- Banyak sekolah Cina didirikan di Tanah Melayu dengan menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar.
- Sekitar tahun 1930-an dan 1950-an, muncul masyarakat India yang dilahirkan di Tanah Melayu.
- Mereka lebih gemar dikenali sebagai "the Strait born people".
- Mereka berusaha untuk membentuk identiti tersendiri.
- Mereka mementingkan perpaduan serta melihat politik di Tanah Melayu.
- Nasionalisme yang muncul menyebabkan British berhati-hati dan mengadakan beberapa sekatan.
- Apabila gerakan nasonalisme dikesan oleh British tokoh seperti Ibrabim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam ditangkap dan dipenjarakan di Singapura.

2 Ekonomi

- Gesaan Kaum Muda agar memajukan diri dalam pendidikan dan ekonomi membangkitkan semangat berniaga dalam kalangan masyarakat Melayu.
- Hasilnya, tertubuhlah persatuan kebajikan bernama al-Jamiah al-Khairiah di Singapura.
- Persatuan ini berjaya membangkitkan semangat berniaga dan menulis rencana tentang kepentingan kemajuan.
- British lebih menekankan pendidikan pada peringkat rendah kepada penduduk tempatan.
- Hal ini menyukarkan usaha untuk meningkatkan taraf hidup.
- Za'ba sebagai tokoh nasionalis kerap membangkitkan isu ini semasa mengajar di SITC.
- Beliau menyedarkan guru pelatih akan pentingnya pendidikan tinggi dan kurikulum bahasa Inggeris.
- Akhbar berbahasa Inggeris seperti *The Malay Mail* dan *The Malaya Tribune* berusaha untuk mengasaskan dana bagi membantu orang Melayu melanjutkan pelajaran di luar negara.
- Usaha ini disokong oleh Persekutuan Guru-guru Melayu Selangor dan persatuan negeri.
- Pada masa itu, terdapat orang Melayu melanjutkan pelajaran ke luar negara seperti Tunku Abdul Rahman, Tunku Yaacob dan Mohd Zain Ariffin.

3 Sosial

- Tuntutan untuk mendapatkan peluang pendidikan yang disuarakan melalui akhbar, majalah dan persatuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk belajar di madrasah dan sekolah Melayu.
- Kesedaran ini juga mendorong mereka menulis dan menerajui majalah sendiri.
- Lepasan SITC juga menunjukkan peningkatan daripada 58 orang pada bulan Mac 1924 kepada 141 orang pada bulan September 1940.
- Mereka berkhidmat sebagai guru untuk membantu meningkatkan taraf pendidikan masyarakat.
- Kemunculan lebih ramai guru wanita menyemarakkan perkembangan nasionalisme.
- Pada tahun 1930, guru wanita di Johor Bahru menerbitkan majalah *Bulan Melayu* untuk memuatkan berita kemajuan dan pendidikan wanita.
- Majalah ini tersebar di serata Tanah Melayu dan Indonesia.
- Penggerak utama *Bulan Melayu*, iaitu Ibu Zain kerap mengingatkan wanita kepentingan ilmu pengetahuan untuk mengangkat martabat wanita.
- Masyarakat India dan Ceylon turut menubuhkan persatuan untuk menjaga kebajikan mereka.
- Contohnya, E.E.C. Thuraisingham selaku Presiden Malayan Rubber Estate Owner Association berjaya membantu meningkatkan perusahaan getah semasa zaman kemelesetan ekonomi pada tahun 1920-an dan tahun 1930-an.
- Menjelang Perang Dunia Kedua, golongan intelektual menyedari perubahan politik semakin bertambah.
- Masyarakat Cina mula meminta kerajaan British menimbangkan penglibatan mereka dalam jawatankuasa kerajaan.
- Tan Cheng Lock yang menganggotai Majlis Perundangan.
- Negeri-negeri Selat (SSLC) menuntut British menjaga kebajikan dan menyediakan dana untuk belajar dalam kalangan masyarakat Cina.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan maksud nasionalisme? BUKU TEKS MS 22
I Penguasaan kekayaan
II Perasaan cintakan negara
III Perjuangan menentang penjajah
IV Pembelaan terhadap hak individu
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2 Tokoh berikut telah memberikan tafsiran berkaitan nasionalisme.

Dato' Onn Jaafar

Apakah tafsiran tokoh tersebut? BUKU TEKS MS 22
A Tegap dan kuat
B Setia kepada raja
C Kedudukan unggul
D Setia kepada negara

3 Maklumat berikut berkaitan dengan tafsiran nasionalisme.

Perjuangan menentang penjajahan hendaklah ada persatuan dan perpaduan yang kuat.

Siapakah tokoh yang mengutarakan pernyataan tersebut? BUKU TEKS MS 23
A Hans Kohn
B Dato' Onn Jaafar
C Dr. Khoo Kay Kim
D Dr. Burhanuddin al-Helmi

4 Gambar berikut menunjukkan ahli falsafah Inggeris.


John Locke

Apakah teras idea nasionalisme tokoh tersebut? BUKU TEKS MS 24
A Suara rakyat
B Kebebasan asasi
C Raja berperlembagaan
D Pemerintahan demokrasi

5 Revolusi Amerika yang berlaku pada tahun 1776 disebabkan ketidakpuasan hati rakyat Amerika terhadap penjajahan British.
Mengapakah berlakunya keadaan sedemikian? BUKU TEKS MS 25
I Menuntut perwakilan
II Menggugat keamanan
III Memperjuang kebebasan
IV Menentang akta memungut cukai
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

6 Apakah kesan Revolusi Perancis terhadap pemerintahan negara? BUKU TEKS MS 25
I Sistem demokrasi diperkenalkan
II Pengenalan Sistem Birokrasi Barat
III Sistem pemerintahan beraja ditamatkan
IV Pelantikan Presiden sebagai ketua negara
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Gambar berikut menunjukkan tokoh pejuang nasionalisme di India.

Mahatma Ghandi

Apakah prinsip pegangan tokoh tersebut dalam perjuangannya? BUKU TEKS MS 26
A Islah
B *Bushido*
C *Satyagraha*
D San Min Chu-i

8 Maklumat berikut menunjukkan gerakan yang berlaku dalam Empayar Uthmaniyah dan Mesir.

Empayar	Gerakan
Mesir	Islah
Uthmaniyah	Pan-Islamisme

Apakah perjuangan gerakan tersebut? BUKU TEKS MS 27

Menguasai | Tidak Menguasai

I Agama Islam
II Pendidikan Islam
III Kebudayaan Islam
IV Pemerintahan Islam
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

9 Apakah ideologi Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i)? BUKU TEKS MS 26
A Sistem Republik
B Perpaduan kaum
C Kebajikan sosial
D Hak asasi rakyat

10 Apakah maksud semangat *bushido*? BUKU TEKS MS 27
A Semangat persaudaraan ke arah kemajuan
B Sentiasa mengamalkan sikap berwaspada
C Sentiasa berpegang pada kebenaran
D Sikap sanggup menanggung risiko

11 Maklumat berikut menunjukkan perubahan dalam kepimpinan yang berlaku di Filipina dalam perkembangan nasionalisme di negara tersebut.

Jose Rizal
↓
Andres Bonifacio

Mengapakah berlaku perubahan tersebut? BUKU TEKS MS 28
A Tekanan penjajah
B Sokongan nasionalis
C Konflik perebutan kuasa
D Perjuangan tidak berkesan

12 Kebangkitan nasionalisme di Burma turut dipengaruhi oleh Revolusi Pelajar.
Apakah faktor tercetusnya revolusi ini? BUKU TEKS MS 29
A Memperjuangkan hak asasi pelajar
B Menuntut penubuhan universiti
C Menentang penjajahan Barat
D Menuntut hak bersuara

13 Bagaimanakah kuasa Perancis menangani tentangan daripada pemimpin parti Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) di Vietnam? BUKU TEKS MS 29
A Mengharamkan parti tersebut
B Menjatuhkan hukuman bunuh
C Mengubah pucuk pimpinan parti
D Memberikan pencen seumur hidup

14 Apakah isu yang diketengahkan oleh Raden Adjeng Kartini dalam novel *Habis Gelap Terbitlah Terang*? BUKU TEKS MS 30
A Hak bersuara
B Kemunduran bangsa
C Kemerdekaan negara
D Raja Berperlembagaan

15 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Raja Mongkut dalam perkembangan nasionalisme di Thailand? BUKU TEKS MS 31
I Berbaik-baik dengan kuasa Barat
II Membawa masuk penasihat Barat
III Menggalakkan penubuhan parti politik
IV Menubuhkan Majlis Penasihat Kerajaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 Perjuangan Sultan Abdullah Mukarram Shah di Kedah merupakan perjuangan terawal menentang penjajah di Kedah.
Apakah bukti yang menyokong perjuangan tersebut? BUKU TEKS MS 32
I Mendapatkan kembali Pulau Pinang
II Melancarkan serangan terhadap Siam
III Menamatkan penghantaran bunga emas
IV Menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17 Maklumat berikut menunjukkan perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu.

Penulis	Karya
Ishak Haji Muhammad	*Rumah Besar Tiang Sebatang*
Abdul Rahim Kajai	*Cerita Awang Putat*

Apakah mesej yang disampaikan dalam penulisan cerpen tersebut? BUKU TEKS MS 39
A Cinta akan tanah air
B Memajukan ekonomi
C Memupuk perpaduan
D Kepentingan masyarakat

18 Apakah tujuan penubuhan Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM)? BUKU TEKS MS 40
A Menarik pelabur
B Membuka universiti
C Menyertai pilihan raya
D Bertukar-tukar pendapat

19 Maklumat berikut menunjukkan akhbar Inggeris di negara kita sebelum merdeka.

- *The Malay Mail*
- *The Malaya Tribune*

Apakah sumbangan akhbar tersebut kepada nasionalisme di negara kita? BUKU TEKS MS 42

A Mengasaskan dana
B Perjuangkan budaya
C Pembinaan universiti
D Meningkatkan ekonomi

20 Mengapakah nasionalisme penting kepada negara kita? BUKU TEKS MS 43

A Memajukan ekonomi
B Meningkatkan imej negara
C Bebas diri daripada penjajah
D Memajukan pendidikan negara

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Tokoh dan sejarawan berikut telah memberikan tafsiran berkaitan dengan nasionalisme mengikut pandangan mereka.



Tokoh A

Tokoh B

(*a*) Namakan tokoh tersebut. BUKU TEKS MS 22

(i) Tokoh A: _____

(ii) Tokoh B: _____

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan maksud nasionalisme menurut pandangan tokoh dalam soalan **1**(*a*). BUKU TEKS MS 22

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Sebagai seorang ketua pelajar, cadangkan aktiviti yang boleh memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan pelajar di sekolah anda. KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

2 Perkembangan idea nasionalisme yang berlaku di Filipina adalah berbentuk penentangan terhadap penjajahan kuasa Sepanyol dan Amerika Syarikat yang melibatkan perjuangan beberapa orang tokoh nasionalis.

(*a*) Nyatakan **dua** tokoh nasionalis di Filipina. BUKU TEKS MS 28

_____

_____

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan perkembangan nasionalisme peringkat awal di Filipina. BUKU TEKS MS 28

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, apakah ciri yang perlu ada pada seorang pemimpin nasionalisme dalam menghadapi ancaman kuasa asing? KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Nasionalisme yang berlaku di Thailand berbeza berbanding nasionalisme yang berlaku di negara jiran seperti Burma, Indonesia dan Filipina.

(*a*) Nyatakan konsep nasionalisme dalam konteks Asia Tenggara. BUKU TEKS MS 28

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*b*) Mengapakah Thailand berjaya mempertahankan kedaulatan negaranya? BUKU TEKS MS 31

[8 *markah*]

(c) Teliti petikan berikut.

> Nasionalisme merujuk kepada perasaan cintakan negara sendiri yang mendalam (*Kamus Dewan Edisi Keempat*). Semangat nasionalisme membentuk jati diri seseorang berteraskan kebanggaan terhadap negara, bangsa serta identiti nasional. Nasionalisme juga merupakan perasaan yang mengutamakan kepentingan dan kedaulatan negara serta mengutamakan perpaduan rakyat.
>
> Semangat nasionalisme sering menjadi pendorong kepada usaha untuk mencapai kemerdekaan, mempertahankan kedaulatan dan membangunkan negara dalam pelbagai aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial. Semangat nasionalisme juga mendorong rakyat untuk mencintai tanah air dan mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan peribadi.
>
> Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada kolumnis *Astro Awani,* Ogos 2024

Apakah mesej yang terkandung dalam petikan tersebut? **KBAT**

[8 *markah*]

4 Nasionalisme di negara kita muncul seawal abad ke-20 didorong oleh pelbagai faktor yang turut menyemarakkan perjuangan menentang penjajah British.

(*a*) Apakah faktor kemunculan nasionalisme di negara kita? BUKU TEKS MS 34-35

[6 *markah*]

(*b*) Terangkan peranan golongan intelektual Melayu dalam perkembangan nasionalisme di negara kita. BUKU TEKS MS 37

[6 *markah*]

(*c*) Pada pandangan anda, apakah langkah yang boleh diambil oleh kerajaan Malaysia untuk menyemarakkan perasaan cinta akan negara melalui pendidikan? **KBAT**

[8 *markah*]

BAB 3 Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Perang Dunia Pertama	Berlaku pada tahun 1914-1918 dalam kalangan negara Eropah termasuk empayar Uthmaniyah.	54
2	Pakatan Kuasa Tengah	Jerman/Austria-Hungary/Bulgaria/Empayar Uthmaniyah	54
3	Pakatan Bertiga	Britain/Perancis/Rusia/Serbia/Itali/Romania/Portugal/Greece	54
4	Krisis Balkan	Permusuhan antara Austria-Hungary dengan Serbia. Kemuncak krisis ialah pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh seorang pemuda Serbia.	54
5	Persidangan Damai Paris	Diadakan pada 18 Januari 1919 untuk membincangkan syarat perdamaian selepas perang.	56
6	Perjanjian Versailles	Ditandatangani antara Pakatan Bertiga dengan Jerman pada 28 Jun 1919 Jerman perlu bertanggungjawab terhadap kemusnahan perang/bayar pampasan/hadkan saiz angkatan tentera/serah wilayah dan tanah jajahan.	56
7	Liga Bangsa-Bangsa	Ditubuhkan untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama antarabangsa.	56
8	Revolusi Rusia	Menumbangkan pemerintahan beraja Tsar Nicholas II Kerajaan komunis pertama di dunia terbentuk di bawah pimpinan Vladimir Lenin.	57
9	Perang Dunia Kedua	Pada tahun 1939-1945 berlaku di dua medan pertempuran, iaitu di Eropah dan Asia Pasifik.	58
10	Fasisme	Pimpinan Benito Mussolini yang memberikan keutamaan kepada kepentingan negara melebihi kepentingan individu dan percaya kepada nasionalisme melampau termasuk berperang.	58
11	Nazisme	Pimpinan Adolf Hitler yang mengagungkan bangsa Jerman.	58
12	*Blitzkrieg*	Merupakan serangan kilat. Kapal terbang Jerman mengebom sasaran musuh, diikuti dengan serangan kereta kebal dan tentera bermotosikal.	60
13	Operasi Barbarossa	Serangan yang dilancarkan secara besar-besaran oleh Hitler untuk menawan Rusia.	60
14	Kuasa Paksi	Jerman/Itali/Jepun	62
15	Kuasa Bersekutu	Britain/Amerika Syarikat/Perancis/Rusia	62
16	Operasi D-Day	Operasi oleh tentera Bersekutu yang berjaya mendarat di Normandy, Perancis pada Jun 1944.	63

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
17	Perang Pasifik	Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik (1941-1945).	64
18	Orde Baharu Asia	Diwujudkan oleh Jepun di Asia Timur yang merangkumi Jepun, Korea, China dan Manchuria ke dalam satu blok ekonomi.	64
19	Sekatan ekonomi	Tindakan menghentikan perdagangan serta membekukan semua harta milik Jepun di wilayah yang dikuasai oleh British, AS dan Belanda.	65
20	Propaganda Jepun	Menanamkan semangat antipenjajah Barat dan menonjolkan imej Jepun sebagai pembela negara Asia.	68
21	Kawasan Pertahanan Khas	Gabungan Tanah Melayu dan Sumatera di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 yang berpusat di Singapura.	70
22	*Syonan-to*	Pulau Cahaya Selatan ialah gelaran untuk Singapura.	70
23	*Malai-Baru*	Melayu Baru ialah gelaran Tanah Melayu.	70
24	*Kita Boruneo*	Gabungan Sarawak, Sabah dan Brunei di bawah satu unit pentadbiran.	70
25	Kempetai	Pasukan polis tentera yang ditubuhkan untuk menjaga kepentingan pentadbiran tentera Jepun.	70
26	Koa Kunrenjo	Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda	71
27	*Nippon Seishin*	Semangat Jepun	72
28	*Tenno Haika*	Maharaja Jepun	72
29	*Nippon Go*	Bahasa Jepun	72
30	*Kimigayo*	Lagu kebangsaan Jepun	72
31	*Hakko Tchiu*	Semangat persaudaraan sejagat	72
32	Ordinan Kawalan Barangan & Bahan Penting	Diperkenalkan untuk mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan.	72
33	Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)	Ditubuhkan selepas PKM bersetuju mewujudkan pasukan sukarela yang dilatih oleh British dalam kegiatan penentangan terhadap tentera Jepun.	75
34	Force 136	Unit khas yang mendapat latihan di India dan Sri Lanka.	76
35	Gerila	Perang yang dilakukan secara bersembunyi dan dalam kumpulan yang kecil.	76
36	Operasi Semut	Siri operasi peninjauan yang dilakukan oleh Unit Khas Z Australia sebagai sebahagian daripada kempen tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak.	79
37	Pemberontakan *Double Tenth*	Pemberontakan Jesselton	79
38	*Giyu Gun*	Pembela Tanah Air (PETA) ialah pasukan tentera sukarela yang ditubuhkan untuk membantu Jepun mempertahankan Tanah Melayu.	80
39	*Giyu Tai*	Pasukan yang membantu pertahanan pesisiran pantai dan menjaga ketenteraman awam.	80

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
40	Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)	Ditubuhkan dengan sokongan tentera Jepun, Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ibrahim Haji Yaakob, Onan Haji Siraj dan bekas pemimpin KMM yang lain.	81
41	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	Parti politik pertama ditubuhkan selepas penjajahan Jepun.	81
42	*Kakeo Kokokai*	Persatuan Cina Seberang Laut anjuran Jepun.	81
43	Parti Kebangsaan Melayu Labuan PKML)	Ditubuhkan oleh Tengku Noordin, Abu Bakar dan Zakaria Gunn.	81
44	Bom Atom "Little Boy"	Digugurkan di Hiroshima pada 6 Ogos 1945.	82
45	Bom Atom "Fat Man"	Digugurkan di Nagasaki pada 9 Ogos 1945.	82
46	Bintang Tiga	Gerakan gerila komunis	84
47	Gerakan Fi-Sabilillah	Dibentuk bertujuan mempertahankan maruah bangsa, hak dan harta serta kelangsungan hidup orang Melayu ekoran gangguan Bintang Tiga dalam urusan keagamaan di surau dan masjid.	84

NOTA EFEKTIF

3.1 Nasionalisme di Negara Kita Sebelum Perang Dunia

1 Kesedaran Awal Nasionalisme
- British berusaha membendung idea gerakan Islam dari Timur Tengah.
- British dengan persetujuan Raja-raja Melayu memperkenalkan Enakmen Undang-Undang Islam 1904 bagi memastikan sesiapa yang mencetak dan mengedarkan tulisan berkaitan agama dan politik Islam tanpa keizinan sultan boleh dikenakan hukuman penjara.
- British turut memperkenalkan dua badan penyiasat, iaitu Jabatan Siasatan Jenayah dan Biro Siasatan Politik untuk mengawal gerakan Islah Islamiah.
- Kebangkitan Islam pada peringkat antarabangsa telah menyebabkan British berwaspada terhadap gerakan Pan-Islamisme.
- Penentangan Tok Janggut merupakan hasil daripada kesedaran politik antarabangsa yang menggerakkan penentangan bercorak tempatan.
- Walaupun gerakan ini melibatkan penduduk di Pasir Puteh, Kelantan, isu penentangan adalah untuk mempertahankan agama Islam.
- Penentangan Tok Janggut merupakan cetusan kebangkitan masyarakat Islam sedunia terhadap penjajah Barat yang menakluki negara Islam.
- Kebangkitan Tok Janggut telah dipengaruhi oleh penglibatan empayar Uthmaniyah dalam Perang Dunia Pertama di Eropah.
- Penentangan yang memperjuangkan agama ini kemudiannya dikaitkan dengan isu cukai yang dikenakan serta sikap membenci British.
- British berwaspada terhadap sokongan orang Melayu kepada empayar Uthmaniyah yang berperang dalam Perang Dunia Pertama.
- Perang yang meletus menarik perhatian pemimpin negeri Melayu untuk menyokong khalifah empayar Uthmaniyah yang dianggap pelindung umat Islam serta penaung bagi tanah suci Mekah dan Madinah.
- Kegagalan Tok Janggut menyebabkan masyarakat menyusun strategi lain untuk menentang pihak British.
- Kemudiannya, akhbar dan majalah pula meniupkan kesedaran kebangsaan.

3.2 Perang Dunia Pertama

1 Faktor Perang Dunia Pertama
(a) Persaingan kuasa imperialis
- Revolusi industri menyebabkan berlaku persaingan dalam kalangan kuasa imperialis di Eropah.
- Mereka bersaing mendapatkan tanah jajahan bagi memperoleh bahan mentah seperti arang batu, petroleum dan bijih timah serta memasarkan hasil industri.
- Persaingan tersebut membawa permusuhan antara kuasa imperialis di Eropah seperti Perancis dan Jerman.

(b) Pakatan ketenteraan
- Permusuhan antara kuasa Eropah membawa pembentukan pakatan ketenteraan seperti pakatan Kuasa Tengah dan Pakatan Bertiga.
- Kewujudan pakatan ketenteraan menyebabkan ketidakstabilan politik berterusan di Eropah.
- Persaingan mendapatkan tanah jajahan, negara dalam pakatan turut bersaing menghasilkan senjata moden dan sedia berperang bagi mempertahankan kepentingan masing-masing.

(c) Krisis Rantau Balkan
- Krisis ini berlaku akibat permusuhan Austria-Hungary dengan Serbia.
- Austria-Hungary menuduh Serbia menghasut rakyat Austria berketurunan Serb berjuang membebaskan diri daripada Austria-Hungary.
- Kemuncak krisis Balkan ialah pembunuhan Archduke Ferdinand, Putera Mahkota Austria-Hungary dan isterinya Sophie oleh pemuda Serbia.

2 Pihak Terlibat dalam Perang Dunia Pertama
(a) Kuasa Tengah
- Jerman dan Austria-Hungary
- Pakatan ini kemudian disertai oleh Bulgaria dan empayar Uthmaniyah

(b) Pakatan Bertiga
- Britain, Perancis dan Rusia
- Pakatan ini disokong oleh Serbia, Itali, Romania, Portugal dan Greece

3 Peristiwa Perang Dunia Pertama
- Austria-Hungary dengan sokongan Jerman mengisytiharkan perang terhadap Serbia.
- Rusia bertindak memberikan bantuan ketenteraan untuk mempertahankan Serbia.
- Jerman mengisytiharkan perang terhadap Rusia.
- Jerman mengisytiharkan perang terhadap Perancis yang menyebelahi Rusia.
- Jerman menceroboh Belgium untuk menyerang Perancis.
- Britain menyertai Rusia dan Perancis memerangi Jerman yang menceroboh Belgium.
- Empayar Uthmaniyah menyertai peperangan dengan memihak kepada Kuasa Tengah.
- Itali menyertai Perancis, Britain dan Rusia dalam Pakatan Bertiga.
- USA menyertai peperangan dengan memihak kepada Pakatan Bertiga.

4 Berakhir Perang Dunia Pertama
- Penglibatan Amerika Syarikat (USA) dalam perang membawa kejayaan Pakatan Bertiga pada tahun 1918.
- Jerman kemudiannya dipaksa menandatangani gencatan senjata.
- Beberapa siri persidangan dan perjanjian damai yang diadakan selepas tamat perang telah memberikan kesan kepada negara di Eropah.
- USA diiktiraf sebagai kuasa besar dunia selepas Perang Dunia Pertama.

5 Persidangan Damai Paris
- Untuk membincangkan syarat perdamaian selepas perang.
- Syarat ini bertujuan memastikan Jerman tidak lagi menjadi ancaman kepada keamanan di Eropah.
- Persidangan tersebut melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson, iaitu cadangan Presiden Amerika Syarikat sebagai asas perdamaian.
- Deklarasi ini merangkumi dua prinsip utama, iaitu penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri dan sempadan negara berasaskan bangsa.

6 Perjanjian Versailles
- Jerman dikehendaki bertanggungjawab terhadap kemusnahan akibat perang.
- Jerman membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga.
- Jeman mengehadkan saiz tentera.
- Jerman menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga.

7 Kesan Perang Dunia Pertama

(a) Keruntuhan pemerintahan beraja
- Menamatkan sistem pemerintahan beraja di Jerman, Austria-Hungary, Rusia dan empayar Uthmaniyah.
- Kerajaan Republik Jerman didirikan.
- Empayar Austria-Hungary berakhir.
- Revolusi di Rusia menumbangkan pemerintahan beraja
- Kerajaan komunis pertama dunia terbentuk di bawah pimpinan Vladimir Lenin di Rusia.
- Khalifah empayar Uthmaniyah, Sultan Mehmed VI digulingkan.
- Kerajaan Turki bercorak republik diketuai oleh Mustafa Kemal Ataturk.

(b) Kemunculan negara baharu
- Keruntuhan empayar Austria-Hungary melahirkan negara baharu seperti Austria, Hungary, Czechoslovakia dan Yugoslavia.
- Perpecahan empayar Rusia membawa kepada penubuhan negara baharu seperti Poland, Estonia, Latvia dan Lithuania.
- Perpecahan empayar Uthmaniyah menyebabkan muncul negara baharu seperti Lebanon, Syria dan Iraq.

(c) Kesan terhadap negara kita
- Bagi menyekat kebangkitan orang Melayu, Raja-raja Melayu diminta menandatangani perisytiharan perang yang menyokong dan memberikan taat setia kepada kerajaan British.
- Pelbagai undang-undang diluluskan oleh pentadbiran British, termasuk memperuntukkan kuasa Pesuruhjaya Tinggi British untuk meletakkan negeri Melayu di bawah undang-undang tentera jika keadaan memerlukan.
- Kemakmuran ekonomi negeri Melayu juga dimanipulasi oleh British.
- Wang hasil bijih timah dan getah digunakan untuk membiayai operasi British dalam Perang Dunia Pertama.

3.3 Perang Dunia Kedua

1 Faktor Tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah

(a) Kemunculan ideologi baharu
- Bagi mengatasi masalah yang wujud akibat kemelesetan ekonomi, penduduk Itali dan Jerman mengadakan gerakan politik radikal.
- Gerakan ini dipimpin oleh pemimpin nasionalis berfahaman melampau, iaitu fasisme di Itali dan nazisme di Jerman.
- Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Mussolini dan parti Fasis berjaya menguasai kerajaan Itali.
- Itali meluaskan tanah jajahan dengan menguasai Habsyah (Ethiopia) dan Albania.
- Gerakan nazisme di bawah pimpinan Adolf Hitler dan parti Nazi berjaya membentuk kerajaan di Jerman.
- Nazisme mengagungkan bangsa Jerman.
- Hitler berusaha untuk memulihkan nasionalisme Jerman dengan mengetepikan Perjanjian Versailles.

(b) Jerman tidak puas hati terhadap Perjanjian Versailles
- Jerman negara yang kalah dalam Perang Dunia Pertama menganggap Perjanjian Versailles tidak adil dan menjejaskan kedaulalan negaranya.
- Jerman kehilangan tanah jajahan.
- Pampasan perang yang tinggi perlu dibayar menyebabkan Jerman mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi yang teruk.
- Itali tidak berpuas hati kerana tidak diberikan tanah jajahan baharu seperti yang diperoleh Perancis dan Poland.

(c) Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
- Gagal menguatkuasakan perjanjian pelucutan senjata.
- Gagal menangani krisis pencerobohan yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama seperti krisis Manchuria, Perjanjian Pelucutan Senjata dan Krisis Habsyah (1935-1936).

2 Kuasa Utama Perang Dunia Kedua
- Kuasa Paksi: Jerman, Itali, Jepun.
- Kuasa Bersekutu: Britain, Amerika Syarikat, Perancis, Rusia

3 Sebab Perang Dunia Kedua Meletus di Eropah

(a) Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat
- Jerman memulakan serangan *Blitzkrieg* bagi menakluki negara di Eropah Barat.
- Jerman berjaya menawan Poland, Denmark, Norway, Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis.
- Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat.

(b) Pengeboman Britain
- Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain.
- Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan, kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain.
- Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain.

(c) Penyertaan Itali dalam perang
- Itali, sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis.
- Tentera Itali menyerang Perancis melalui arah selatan, manakala Jerman menyerang Perancis dari arah utara.

(d) Serangan Jerman ke atas Rusia
- Jerman melancarkan Operasi Barbarossa, iaitu serangan besar-besaran untuk menawan Rusia.
- Hitler ingin menguasai Rusia, untuk mencapai cita-citanya menguasai seluruh Eropah.
- Operasi ini menyasarkan bandar utama di Rusia, iaitu Leningrad, Moscow dan Stalingrad.

4 Faktor Berakhir Perang Dunia Kedua di Eropah

(a) Kerjasama kuasa besar
- Presiden USA, Franklin Roosevelt dan Perdana Menteri Britain, Winston Churchill sering bertemu untuk membuat keputusan politik dan tentera.
- Kerjasama ini melibatkan Presiden Rusia, Joseph Stalin.
- Tentera Bersekutu, iaitu tentera darat, udara dan laut beroperasi di bawah Komander Tertinggi Bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat.

(b) Kegagalan operasi menawan Rusia
- Kesilapan Kuasa Paksi membuat keputusan politik dan ketenteraan dalam operasi menawan Rusia.
- Serangan terhadap Rusia berjalan lancar pada peringkat awal.
- Akhirnya Jerman kehilangan banyak nyawa tenteranya apabila perang melewati dua musim sejuk di Rusia.
- Tentera Jerman kehabisan peluru, minyak dan makanan yang akhirnya melemahkan semangat tenteranya.
- Jeneral Jerman, Friedrich Von Paulus mengingkari perintah Hitler untuk meneruskan peperangan dan menyerah kalah kepada tentera Rusia di Stalingrad pada bulan Januari 1943.

(c) Kejayaan operasi tentera Bersekutu
- Kuasa Bersekutu pimpinan Amerika Syarikat berjaya dalam perancangan ketenteraan khasnya operasi pendaratan di Normandy, Perancis.
- Melalui operasi yang diberikan nama kod "D-Day", tentera Bersekutu berjaya mendarat di Normandy, Perancis.
- Tentera Bersekutu memperdayakan tentera Jerman dengan menyebarkan maklumat yang meyakinkan tentera Jerman bahawa pendaratan tentera Bersekutu akan berlaku di Calais, bukannya di Normandy.

3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

1 Faktor Dasar Peluasan Kuasa Jepun

(a) Keperluan perindustrian
- Jepun sebagai sebuah kuasa industri berusaha mengurangkan pergantungan kepada negara Barat.
- Jepun memerlukan wilayah yang dapat membekalkan bahan mentah dan menjadi kawasan pasaran bagi mengembangkan lagi perindustriannya.

(b) Pengaruh golongan tentera
- Jepun mempunyai angkatan tentera paling moden di Asia.
- Jepun semakin agresif apabila golongan tentera menguasai politik.
- Golongan tentera berpendapat bahawa masalah ekonomi Jepun boleh diselesaikan menerusi penaklukan kawasan yang kaya dengan bahan mentah dan boleh menjadi kawasan pasaran.
- Jeneral Hideki Tojo menjadi Perdana Menteri Jepun dan mengheret Jepun ke kancah peperangan.

(c) Orde Baharu Asia
- Jepun mewujudkan orde baharu di Asia Timur yang merangkumi Jepun, Korea, China dan Manchuria ke dalam satu blok ekonomi.
- Orde tersebut kemudiannya dikembangkan ke seluruh Asia.

2 Sekatan Ekonomi terhadap Jepun
- Setelah menguasai Korea, Manchuria dan China, Jepun menguasai kawasan strategik di Laut China Selatan termasuk Pulau Hainan dan Indochina.
- Dasar peluasan kuasa Jepun telah menyebabkan pihak Bersekutu, Amerika Syarikat, British dan Belanda mengenakan sekatan ekonomi untuk menghalang Jepun memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk industri dan operasi perang.

3 Rancangan Penaklukan Wilayah di Selatan
- Bagi mengatasi sekatan ekonomi pihak Bersekutu, Jepun merancang untuk menguasai wilayah di selatan merangkumi Asia Tenggara.
- Kawasan ini kaya dengan bahan mentah seperti bijih timah, getah, bauksit dan petroleum.
- Dari aspek ketenteraan, pakatan dalam Kuasa Paksi membolehkan kerajaan Jerman menghantar pakarnya ke Jepun.
- Pakar ini dihantar untuk mengkaji serangan terhadap wilayah selatan dan membantu perkembangan industri pembuatan kapal terbang Jepun.

4 Bermula Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik
- Perang bermula apabila Jepun menyerang Tanah Melayu dan Pearl Harbour, Hawaii.
- Serangan tentera Jepun terhadap Pearl Harbour bertujuan melumpuhkan armada laut Amerika Syarikat di Pasifik yang boleh menjadi penghalang peluasan kuasa Jepun di Asia Pasifik.
- Seterusnya, serangan dilakukan ke atas wilayah jajahan Amerika Syarikat, Britain dan Belanda yang lain seperti Filipina, Hong Kong, Pulau Guam dan Pulau Wake.
- Serangan tersebut membawa penglibatan USA dalam perang di Asia Pasifik apabila mengisytiharkan perang terhadap Jepun.

3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

1 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

(a) Eksploitasi sumber bahan mentah
- Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah di negara kita untuk keperluan perindustrian ekoran Pembaharuan Meiji dan operasi ketenteraan Jepun.
- Tanah Melayu merupakan pengeluar utama bijih timah dan getah di dunia, selain menghasilkan emas, bijih besi, arang batu dan bauksit.
- Sasaran utama Jepun di Sarawak untuk mendapatkan sumber minyak, terutama di Miri dan Lutong.
- Pendudukan Jepun terhadap negara kita merupakan sebahagian daripada rancangan menjayakan pembentukan kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya untuk mengukuhkan ekonomi Jepun.

(b) Kepentingan strategik ketenteraan
- Kedudukan strategik negara kita sesuai untuk ketenteraan Jepun.
- Di hujung Tanah Melayu terletak pangkalan tentera laut British, iaitu Singapura.
- Penguasaan terhadap pangkalan tentera laut tersebut penting untuk membuka laluan penguasaan Jepun terhadap telaga minyak di Sumatera.
- Penguasaan terhadap Pulau Borneo pula penting untuk menjayakan operasi penaklukan tentera Jepun di Jawa.

2 Serangan Jepun di Negara Kita

(a) Tentera Jepun mendarat di Thailand
- Memasuki Kedah, berpecah kepada dua pasukan untuk mara ke selatan.
- Satu pasukan ke Pulau Pinang dan meneruskan kemaraan melalui pesisiran pantai barat.
- Sepasukan lagi mengikuti jalan darat menuju bandar utama negeri-negeri pantai barat.

(b) Tentera Jepun mendarat di Kota Bharu
- Mara ke selatan mengikut jalan darat di negeri-negeri pantai timur.
- Kapal Repulse dan Prince of Wales digerakkan untuk menyekat kemaraan Jepun tetapi ditenggelamkan oleh tentera Jepun di perairan Kuantan.

(c) Serangan tentera Jepun ke atas Sarawak dan Sabah
- Bermula dengan pendaratan di Miri.
- Sepasukan tentera Jepun mara menduduki Kuching dan Sibu.
- Sepasukan lagi tentera Jepun mara ke Sabah melalui Labuan dan menduduki bandar utama di Sabah.
- Pendudukan Jepun di Sandakan melengkapkan kempen serangan tentera Jepun di Sabah.

3.6 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

1 Dasar Pentadbiran

(a) Pentadbiran tentera Jepun
- Pada peringkat awal, Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran untuk membentuk Kawasan Pertahanan Khas dan diletakkan di bawah pentadbiran pasukan tentera Jepun ke-25 yang berpusat di Singapura.
- Pada April 1944, Tanah Melayu dan Sumatera ditadbir secara berasingan kerana terdapat perbezaan sistem politik dan ekonomi yang ketara di bawah pentadbiran British dan Belanda sebelum perang.
- Sumatera kemudiannya diletakkan di bawah pentadbiran tentera Jepun ke-25 berpusat di Bukit Tinggi, Sumatera.
- Tanah Melayu pula ditadbir oleh pasukan tentera Jepun ke-29 yang berpusat di Taiping, Perak.
- Singapura yang dikenali sebagai *Syonan-to* diasingkan pentadbirannya dari Tanah Melayu yang dikenali sebagai *Malai Baru* (Melayu Baru).
- Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu dipindahkan di bawah pentadbiran kerajaan Thailand.
- Sarawak, Sabah dan Brunei pula digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai *Kita Boruneo* dan diketuai oleh Gabenor Jeneral serta diletakkan di bawah pasukan tentera Jepun ke-37 yang berpusat di Kuching.

(b) Dasar terhadap Raja-raja Melayu
- Pentadbiran tentera Jepun mengiktiraf kedudukan Raja-raja Melayu sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam dan adat Melayu serta diberikan bayaran pencen seperti sebelum perang.
- Kedudukan baginda sebagai sultan di negeri masing-masing diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun.
- Pengiktirafan tersebut dibuat semasa persidangan Raja-raja Tanah Melayu dan Sumatera di Singapura.

(c) Dasar terhadap pimpinan tempatan
- Pentadbiran tentera Jepun memberikan peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan dan berpengalaman ke jawatan yang lebih tinggi.
- Langkah tersebut bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai dan mendapatkan sokongan penduduk.
- Pentadbiran tentera Jepun menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda atau Koa Kunrenjo untuk melatih dan menanamkan semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun dalam kalangan penduduk tempatan.

2 Dasar Ekonomi
- Akibat kemelesetan ekonomi, Jepun melaksanakan sistem ekonomi kawalan.
- Rancangan Pengeluaran Lima Tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenalkan untuk mengawal selia pelupusan barangan dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan.
- Rancangan Perindustrian Lima Tahun diperkenalkan untuk membangunkan industri tempatan dan memastikan penggunaan optimum daripada peralatan dan kemudahan sedia ada.
- Mata wang Jepun dicetak menggantikan mata wang yang digunakan oleh British.
- Mata wang Jepun dikenali sebagai “wang pokok pisang”. Mata wang Jepun dicetak tanpa kawalan menyebabkan berlaku inflasi kerana terlalu banyak wang tetapi kekurangan barangan di pasaran.

3 Dasar Sosial

(a) Pendidikan
- Jepun menutup sekolah Inggeris dan Cina. Terdapat bangunan sekolah tersebut digunakan untuk keperluan pentadbiran tentera Jepun.
- Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan untuk membentuk semangat persaudaraan sejagat (*Hakko Ichiu*), mencapai teknologi industri, meningkatkan disiplin dan menerapkan nilai Jepun.
- Tentera Jepun berusaha untuk memupuk, nasionalisme Asia, menghapuskan pengaruh Barat dan menanam kesetiaan kepada Jepun melalui bidang pendidikan.

(b) Sikap Jepun terhadap agama
- Tentera Jepun menghormati agama Islam dan adat Melayu serta tidak campur tangan dalam adat resam tempatan.
- Kelas pengajian al-Quran dan sekolah agama juga diteruskan semula.
- Majlis Agama Negeri dibentuk dan persidangan agama Islam diadakan di Singapura dan Kuala Kangsar.

(c) Catuan dan penghasilan makanan
- Jepun memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting untuk mengawal bekalan barangan akibat kekurangan makanan.
- Catuan makanan dikuatkuasakan untuk mengawal penjualan barangan keperluan asas seperti beras, garam dan gula.
- Pentadbiran tentera Jepun juga menggalakkan penduduk menanam bahan makanan sendiri melalui kempen "Tambah Lebih Banyak Makanan".
- Keperitan hidup menjadikan penduduk negara lebih kreatif dalam kehidupan.
- Mereka berdikari dan menghasilkan ciptaan baharu untuk kelangsungan hidup seperti menghasilkan tempe daripada biji getah.

(d) Layanan terhadap penduduk
- Pentadbiran tentera Jepun memberikan layanan berbeza-beza mengikut kaum berdasarkan kepentingan tentera Jepun.
- Jepun memberikan layanan baik kepada orang Melayu serta peribumi lain yang bekerjasama dengan Jepun.
- Tentera Jepun bertindak sedemikian untuk mendapatkan sokongan masyarakat peribumi.
- Jepun membantu orang India menubuhkan Tentera Kebangsaan India di Tanah Melayu dan Borneo Utara di bawah pimpinan Subhas Chandra Bose. Orang India digalakkan menyertainya untuk kemerdekaan negara India.
- Bagi orang Cina pula, tentera Jepun memberikan layanan kejam kepada mereka kerana permusuhan ketika Perang China-Jepun.
- Orang Cina juga dipaksa membayar sejumlah wang sebagai hukuman penentangan mereka terhadap Jepun semasa Perang China-Jepun.
- Kaum Cina mengalami kesengsaraan lebih teruk berbanding dengan bangsa Melayu, India serta peribumi di Sarawak dan Sabah.
- Landasan Kereta Api Maut adalah antara bukti kekejaman pentadbiran tentera Jepun.
- Orang Melayu, Cina dan India dipaksa menjadi buruh membina landasan kereta api.

3.7 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun

1 Rejimen Askar Melayu
- Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu bersama-sama dengan pasukan tentera British terlibat menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan.
- Penglibatan Rejimen Askar Melayu dalam pertempuran menentang tentera Jepun di Singapura memperlihatkan semangat juang yang tinggi. Contohnya, Leftenan Adnan Saidi.

2 Penentangan MPAJA
- Layanan kejam Jepun menyebabkan sebahagian orang Cina mencari perlindungan di bawah Parti Komunis Malaya (PKM) bagi mengelakkan mereka diseksa dan dibunuh.
- PKM kemudiannya menubuhkan pasukan gerila untuk menentang Jepun.
- MPAJA ditubuhkan selepas PKM bersetuju mewujudkan pasukan sukarela yang dilatih oleh British untuk menentang tentera Jepun.
- Seramai 165 anggota PKM diberikan latihan di Sekolah Latihan Khas Singapura untuk menjalankan sabotaj dan perang gerila terhadap Jepun.

3 Kerjasama MPAJA dan Force 136
- MPAJA dan Force 136 yang mewakili tentera British telah mengadakan perjanjian kerjasama melawan Jepun.
- Dalam kerjasama ini, MPAJA memperoleh bantuan seperti senjata, ubat-ubatan, kewangan dan latihan ketenteraan daripada tentera British.

4 Kerjasama Parti Kuomintang dan MPAJA
- Terdapat gerila Cina yang dikuasai oleh nasionalis daripada Parti Kuomintang (KMT) menentang tentera Jepun di utara Tanah Melayu terutamanya di Hulu Perak dan Kelantan.
- Mereka telah menubuhkan OCAJA yang dikenali sebagai Tentera Bintang Satu. Gerila KMT bersetuju bekerjasama dengan MPAJA atau PKM menentang tentera Jepun.

5 Force 136
- British menubuhkan SEAC berpusat di Colombo dan membentuk unit khas yang dikenali sebagai Force 136.
- Anggota Force 136 telah mendapat latihan di India dan Sri Lanka.
- Mereka kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu serta menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun.
- Anggota terawal Force 136 Tanah Melayu antaranya termasuklah Mejar Tengku Mahmood Mahyiddeen, Leftenan Tunku Yusuf Tunku Yaakub, Kapten Ibrahim Ismail dan Leftenan Tengku Osman Tengku Mohd Jiwa.

6 Penentangan Individu
- Gurchan Singh menentang tentera Jepun dengan cara menyebarkan risalah dan propaganda menggunakan nama samaran “Lion of Malaya”.
- Sybil Medan Daly (Sybil Kathigasu), jururawat terkenal dengan keberanian dan kecekalan membantu mangsa perang dan gerila anti-Jepun di Perak.

7 Gerakan Anti-Jepun di Sarawak dan Sabah

(a) Operasi Semut
- Siri operasi peninjauan yang dilakukan oleh Unit Khas Z Australia sebagai kempen tentera Bersekutu menentang Jepun di Sarawak.
- Operasi tersebut dilaksanakan oleh Jabatan Peninjauan Perkhidmatan Australia atau Australian Services Reconnaissance Department (SRD).
- Rekrut tempatan yang dikenali sebagai gerila Semut antaranya diambil daripada orang Kayan, Kenyah, Kelabit dan Murut. Orang Iban dari Rajang kemudiannya menyertai perjuangan dalam SRD.
- Kepakaran gerila Semut penting dalam usaha merancang taktikal perang gerila menentang tentera Jepun kerana sebagai penduduk tempatan, mereka mengetahui selok-belok bumi Sarawak.

(b) Pemberontakan Jesselton
- Dikenali sebagai pemberontakan *Double Tenth*, iaitu penentangan terhadap pendudukan tentera Jepun di Sabah yang diketuai oleh Albert Kwok.
- Kumpulan Albert Kwok yang dikenali sebagai gerila Kinabalu telah melancarkan serangan terhadap pejabat pentadbiran, balai polis dan kemudahan Tentera Diraja Jepun serta membunuh tentera Jepun di Jesselton, Kota Belud, Menggatal dan Tuaran.
- Tentera Jepun kemudiannya melancarkan serangan balas dengan pantas dan kejam.
- Terdapat juga pasukan gerila anti-Jepun yang dipimpin oleh Datu Mustapha Datu Harun.

3.8 Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun

1 Perkembangan Semangat Antipenjajah
- Slogan “Asia untuk Asia” dan konsep “Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya” menekankan kebebasan negara Asia, menentukan kemajuan dan meningkatkan persaudaraan sejagat.
- Konsep ini selari dengan perjuangan nasionalis di Tanah Melayu, terutama Kesatuan Melayu Muda (KMM).
- KMM bekerjasama dengan Jepun dan berharap Jepun dapat memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.
- Kejayaan tentera Jepun mengalahkan British menyedarkan orang tempatan bahawa orang Asia juga mampu mengalahkan orang Eropah yang dianggap kuasa besar.

2 Perjuangan Menuntut Kemerdekaan dalam Kalangan Orang Melayu
- Langkah awal tentera Jepun membangkitkan nasionalisme dalam kalangan orang Melayu adalah dengan membebaskan ahli KMM yang dipenjarakan oleh British.
- Pentadbiran tentera Jepun memberikan ruang kepada kegiatan politik KMM kerana memerlukan sokongan masyarakat tempatan.
- Akhirnya, tentera Jepun membubarkan KMM kerana tindakan pemimpinnya menuntut kemerdekaan daripada Jepun. Perjuangan mendapatkan kemerdekaan diteruskan dengan taktik dan strategi baharu.
- Anggota KMM dalam organisasi ketenteraan yang ditubuhkan oleh tentera Jepun *Giyu Gun* dan *Giyu Tai* menyertai gerakan bawah tanah menentang Jepun, tetapi pada masa yang sama bekerjasama dengan pentadbiran tentera Jepun.

- Tentera Jepun yang semakin tertekan dengan serangan pihak Bersekutu berusaha memenangi hati golongan nasionalis Melayu.
- Dengan sokongan tentera Jepun, Dr. Burhanuddin al-Helmi, Ibrahim Haji Yaakob, Onan Haji Siraj dan bekas pemimpin KMM yang lain menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS).
- Jepun merestui matlamat KRIS untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu bersama-sama dengan Indonesia melalui semangat "Asia untuk Asia".
- Namun begitu, Jepun memaklumkan kepada KRIS bahawa rancangan untuk Tanah Melayu merdeka bersama-sama dengan Indonesia tidak dapat dilaksanakan.
- Tentera Jepun menyerah kalah pada 15 Ogos 1945 berikutan pengeboman bandar Hiroshima dan Nagasaki.
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), iaitu parti politik pertama ditubuhkan selepas pendudukan Jepun.

3 Kesedaran Politik di Sarawak dan Sabah

- Kegiatan penduduk di Sarawak dikawal melalui persatuan yang ditaja oleh tentera Jepun.
- Contohnya, persatuan Cina digabungkan menjadi *Kakeo Kokokai*.
- Berikutan kekurangan pegawai Jepun, orang Melayu dan Iban diberikan jawatan dan kuasa yang lebih tinggi sebagai pegawai daerah yang sebelumnya hanya disandang oleh pegawai British.
- Pendudukan Jepun menyuntik kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat di Sabah.
- Beberapa pertubuhan ditubuhkan selepas pendudukan Jepun seperti Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) oleh Tengku Noordin, Abu Bakar dan Zakaria Gunn berdasarkan idea Harun Aminurrashid, nasionalis Tanah Melayu.
- Di bahagian pantai timur Sabah, Parti Kebangsaan Melayu Tawau ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Orang Kaya-Kaya Abu Bakar.

3.9 Keadaan Negara Kita Selepas Kekalahan Jepun

1 Kekalahan Tentera Jepun

- 6 Ogos 1945: Bom atom "Little Boy" digugurkan ke atas bandar Hiroshima.
- 8 Ogos 1945: Kabinet Jepun bermesyuarat memutuskan untuk meneruskan peperangan.
- 9 Ogos 1945: Bom atom "Fat Man" digugurkan ke atas bandar Nagasaki ".
- 15 Ogos 1945: Maharaja Hirohito mengumumkan Jepun menyerah kalah.
- Jepun meminta agar maharaja terus diiktiraf sebagai pemerintah dan dipersetujui oleh pihak Bersekutu.
- Selepas Jepun menyerah kalah, Lord Louis Mountbatten (Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara) merancang untuk segera mendarat di Tanah Melayu semula.
- Namun begitu, beliau tidak dibenarkan berbuat demikian sehingga selesai upacara penyerahan rasmi oleh pemerintah tentera Jepun kepada Jeneral Douglas MacArthur, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Pasifik.
- Tentera British mula kembali ke Tanah Melayu pada 3 September 1945.
- Seterusnya, upacara rasmi penyerahan kalah tentera Jepun diadakan di Sabah, Sarawak, Singapura dan Tanah Melayu.

2 Bintang Tiga di Tanah Melayu

- Kelewatan pendaratan semula tentera British menyebabkan wujud kekosongan kuasa politik.
- Kesempatan ini digunakan oleh Bintang Tiga PKM melalui MPAJA untuk mengambil alih penguasaan di Tanah Melayu.
- Bintang Tiga menganggap kekalahan tentera Jepun sebagai lambang keunggulan, kekuatan dan keberanian mereka menentang pendudukan Jepun.
- Parti Komunis Malaya melalui Bintang Tiga telah menguasai bandar, balai polis dan pejabat pentadbiran kerajaan yang ditinggalkan oleh tentera Jepun.
- Bintang Tiga menjalankan undang-undang sendiri dan menggunakan sebuah mahkamah yang dikendalikan oleh komunis untuk menjatuhkan hukuman mati terhadap sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun, terutama orang Melayu.
- Tindakan Bintang Tiga menyeksa dan membunuh anggota polis, askar, pegawai daerah dan pasukan sukarelawan Melayu dianggap perbuatan melampau dan mencabar kesabaran orang Melayu.
- Selama lebih kurang 14 hari Tanah Melayu berada di bawah penguasaan Bintang Tiga.

3 Tindak Balas Orang Melayu

- Orang Melayu bersatu apabila Bintang Tiga mengancam institusi politik, kekeluargaan dan agama Islam.
- Gangguan Bintang Tiga dalam urusan keagamaan di surau dan masjid menyebabkan orang Melayu membentuk Gerakan Fi-Sabilillah yang bertujuan mempertahankan maruah bangsa, hak dan harta serta kelangsungan hidup orang Melayu.
- Kepimpinan ulama tempatan memberikan inspirasi kepada masyarakat Melayu berhadapan dengan kezaliman Bintang Tiga.
- Di Johor, Haji Salleh Abdul Karim atau dikenali sebagai Kiai Salleh mempelopori penentangan terhadap Bintang Tiga dengan menubuhkan pasukan Tentera Selempang Merah.

- Di Sungai Manik, Perak, Tuan Haji Bakri Haji Mohd Saman menjadi Khalifah Parang Panjang dalam usaha mempertahankan orang Melayu daripada ancaman Bintang Tiga.

4 Kompromi dan Usaha Perundingan

(a) Usaha Dato' Onn Jaafar
- Dato' Onn Jaafar dilantik oleh Sultan Ibrahim sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat.
- Tugas utamanya menamatkan kekacauan dan memulihkan keamanan di Batu Pahat.
- Beliau mengatur perundingan antara Kiai Salleh dan pemimpin Melayu dengan ketua Bintang Tiga di Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat.
- Kompromi Dato' Onn Jaafar berjaya memujuk Kiai Salleh membebaskan orang Cina yang ditahan di Parit Raja, manakala Bintang Tiga pula menamatkan penguasaan mereka di Balai Polis Batu Pahat.
- Kedua-dua pihak memberikan kerjasama kepada beliau sebagai Pegawai Daerah untuk mengembalikan keamanan di Johor.

(b) Peranan Raja-raja Melayu
- Raja-raja Melayu berperanan penting dalam usaha menyelesaikan pergaduhan kaum.
- Contohnya, Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar ke Kuala Lipis untuk mengingatkan penduduk agar tidak lagi berlaku pergaduhan antara orang Melayu dengan orang Cina.
- Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz mengadakan lawatan dan pemantauan ke beberapa daerah bagi memastikan tiada berlaku pergaduhan antara orang Melayu dengan orang Cina.

(c) Sarawak selepas Jepun kalah
- Ketegangan antara kaum berlaku di beberapa tempat sebelum pendaratan tentera Australia.
- Di Kanowit, permusuhan berlaku antara bekas gerila peribumi yang dilatih oleh SRD dengan orang Cina yang bersubahat dengan tentera Jepun.
- Di Kuching, campur tangan segera tentera Australia mengenakan perintah berkurung berjaya menghalang pertumpahan darah antara kaum.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Apakah bentuk hukuman sekiranya Enakmen Undang-Undang Islam 1904 dilanggar? BUKU TEKS MS 52
A Bunuh
B Denda
C Penjara
D Sebatan

2 Mengapakah penentangan Tok Janggut di Pasir Puteh, Kelantan menimbulkan kebimbangan British? BUKU TEKS MS 52
A Melibatkan sultan
B Bersifat keagamaan
C Berkaitan kewangan
D Menimbulkan kesedaran

3 Bagaimanakah orang Melayu menzahirkan kesedaran kebangsaan pada awal abad ke-20? BUKU TEKS MS 53
A Penulisan akhbar
B Penubuhan sekolah
C Mengangkat senjata
D Mengadakan kongres

4 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Eropah. BUKU TEKS MS 54

Perang Dunia Pertama tercetus pada tahun 1914

Mengapakah tercetusnya peristiwa tersebut?
I Persaingan kuasa imperialis
II Pengenalan ideologi baharu
III Pembubaran pemerintahan beraja
IV Pembentukan pakatan ketenteraan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

5 Berikut adalah negara yang terlibat dalam Pakatan Kuasa Tengah semasa Perang Dunia Pertama. BUKU TEKS MS 54

- Jerman
- Austria-Hungrary
- **X**

Apakah **X**?
A Itali
B Rusia
C Perancis
D Bulgaria

6 Mengapakah Pakatan Bertiga berjaya dalam peperangan pada tahun 1918? BUKU TEKS MS 56
A Mempunyai unit perisikan
B Penggunaan senjata moden
C Penglibatan Amerika Syarikat
D Mendapat bantuan kerajaan Turki

7 Mengapakah Persidangan Damai Paris pada 18 Januari 1919 diadakan? BUKU TEKS MS 56
A Membentuk negara baru
B Memastikan keamanan di Eropah
C Penyerahan wilayah oleh Jerman
D Pembentukan pemerintahan beraja

8 Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara kita? BUKU TEKS MS 57
A Pengenalan undang-undang baharu
B Pembentukan pasukan keselamatan
C Pengeluaran bahan mentah merosot
D Pentadbiran ketenteraan dilaksanakan

9 Tokoh berikut terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

- Benito Mussolini
- Adolf Hitler

Bagaimanakah tokoh tersebut mengembalikan maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama? BUKU TEKS MS 58
A Membentuk negara baharu
B Membayar pampasan perang
C Memulihkan sistem monarki
D Mengukuhkan angkatan tentera

10 Mengapakah Itali tidak berpuas hati terhadap Perjanjian Versaillies? BUKU TEKS MS 58
A Ekonomi negara terjejas
B Kehilangan tanah pampasan
C Membayar pampasan perang
D Tidak mendapat tanah jajahan

11 Berikut merupakan peristiwa yang berlaku selepas Perang Dunia Pertama. BUKU TEKS MS 59

- Krisis Manchuria (1931-1933)
- Krisis Habsyah (1935-1936)

Apakah kesan peristiwa tersebut?
A Menubuhkan gerakan radikal
B Mewujudkan konflik berterusan
C Membentuk pakatan ketenteraan
D Memulihkan gerakan nasionalisme

12 Mengapakah Rusia menjadi sasaran Jerman semasa Perang Dunia Kedua? BUKU TEKS MS 60
A Menguasai seluruh Eropah
B Meneroka jalan perdagangan
C Memusnahkan sumber minyak
D Menghapuskan Gerakan Komunis

13 Bagaimanakah Kuasa Bersekutu berjaya dalam Perang Dunia Kedua di Eropah? BUKU TEKS MS 62
A Kerjasama dengan musuh
B Mendapat bantuan kewangan
C Keberkesanan strategi serangan
D Memiliki askar yang berpengalaman

14 Peta menunjukkan operasi yang diberi nama kod "D-Day".



Apakah kesan peristiwa tersebut? BUKU TEKS MS 63
I Kejayaan membebaskan Perancis
II Kemusnahan pertahanan udara Britain
III Menyebabkan Jerman menyerah kalah
IV Meningkatkan semangat tentera Bersekutu
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

15 Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.
Mengapakah Jepun ingin menguasai Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 68
I Membentuk pakatan ketenteraan
II Mengeksploitasi sumber bahan mentah
III Memenuhi kepentingan strategik ketenteraan
IV Memelihara kebajikan penduduk peribumi
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

16 Senarai berikut merupakan slogan yang digunakan oleh pihak Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

- Semangat Asia
- Asia untuk Orang Asia
- Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya

Apakah matlamat penggunaan slogan tersebut? BUKU TEKS MS 68
A Menonjolkan imej
B Menyatukan wilayah
C Menyebarkan ideologi
D Menamatkan penjajahan

17 Gambar berikut menunjukkan wang pokok pisang yang diperkenalkan oleh Jepun. BUKU TEKS MS 73



Apakah kesan wang tersebut dicetak berlebihan? BUKU TEKS MS 71
A Menyebabkan berlaku inflasi
B Membentuk ekonomi kawalan
C Mengawal pelupusan barangan
D Mempercepatkan urusan jual beli

18 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun di Sarawak.

> Unit Khas Z Australia telah melancarkan beberapa siri operasi yang dikenali sebagai Operasi Semut bersama-sama penduduk tempatan di Sarawak.

Apakah kaedah operasi tersebut menentang tentera Jepun? BUKU TEKS MS 79
I Melakukan sabotaj
II Mengumpul risikan
III Merancang taktik gerila
IV Menyebarkan propaganda
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

19 Apakah matlamat pemberontakan Jesselton atau *Double Tenth* yang dipimpin oleh Albert Kwok di Sabah? BUKU TEKS MS 79

A Menentang pendudukan tentera Jepun
B Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
C Menghalang pendaratan pasukan Bersekutu
D Menyekat penguasaan ekonomi oleh British

20 Mengapakah anggota Bintang Tiga melakukan kekejaman terhadap penduduk tempatan selepas kekalahan tentera Jepun di Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 84

A Meraikan kejayaan
B Memiliki senjata api
C Menuntut kemerdekaan
D Mengambil alih pentadbiran

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Perang Dunia Pertama berlaku dalam kalangan negara di Eropah termasuk empayar Uthmaniyah. Keadaan ini memberikan kesan yang besar termasuk negara kita.

(*a*) Mengapakah berlaku Perang Dunia Pertama? BUKU TEKS MS 56

[3 *markah*]

(*b*) Jelaskan kesan Perang Dunia Pertama. BUKU TEKS MS 57

[3 *markah*]

(*c*) Bagaimanakah perang dapat dielakkan daripada terus berlaku? **KBAT**

[4 *markah*]

2 Dasar pemerintahan tentera Jepun telah dilaksanakan di Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah.

(*a*) Nyatakan kedudukan Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun di negara kita. BUKU TEKS MS 71

[2 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah dasar pentadbiran tentera Jepun dilaksanakan? BUKU TEKS MS 70

[4 *markah*]

(*c*) Apakah iktibar yang diperoleh daripada dasar pendudukan Jepun di negara kita? KBAT

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Kedatangan Jepun ke negara kita bertujuan memenuhi keperluan mereka dan melaksanakan dasar pentadbiran, ekonomi dan sosial.

(*a*) Jelaskan faktor Jepun menakluki negara kita. BUKU TEKS MS 68

[6 *markah*]

(*b*) Huraikan dasar pentadbiran Jepun dari aspek sosial. BUKU TEKS MS 72-73

[6 *markah*]

(*c*) Baca dan fahami puisi berkaitan dengan keadaan zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Kenangan Zaman Jepun

Di bawah langit kelabu, bayang-bayang berarak,
Zaman Jepun datang, membawa
duka dan derita. Tanah air tercinta, di bawah cengkaman,
Rakyat menderita, dalam bayangan ketakutan.

Bunga sakura gugur, di tanah yang asing,
Semangat juang membara, dalam hati yang kering. Kebebasan dirampas, harapan terpadam, Namun semangat bangsa, tetap teguh dan mendalam.

Dibalik jeriji besi, suara-suara terpendam,
Rintihan dan tangisan, mengisi malam kelam.
Namun di sebalik derita, ada sinar harapan,
Rakyat bersatu, menentang kezaliman.

Berikan ulasan anda. KBAT

[8 *markah*]

4 Pernyataan berikut menunjukkan peristiwa yang berlaku selepas Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu tamat.

> Bintang Tiga PKM melalui MPAJA mengambil kesempatan menguasai Tanah Melayu kerana wujud kekosongan kuasa politik. Seterusnya membawa kepada kebangkitan orang Melayu menentang Bintang Tiga yang mencetuskan pergaduhan kaum menyedarkan kita kepentingan perdamaian.

(*a*) Jelaskan tindakan Bintang Tiga akibat kelewatan pendaratan semula tentera British di Tanah Melayu. BUKU TEKS MS 84

[4 *markah*]

(*b*) Jelaskan peristiwa berikut kesan tindakan Bintang Tiga:

(i) Tindak balas orang Melayu. BUKU TEKS MS 84

[4 *markah*]

(ii) Tindakan kompromi dan usaha perundingan. BUKU TEKS MS 85

[4 *markah*]

(*c*) Teliti petikan berikut.

> Kementerian Perpaduan Negara menggubal Dasar Perpaduan Negara yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, akhir Februari lalu.
>
> Akhirnya kita mempunyai dasar konkrit sebagai asas kepada usaha yang perlu diambil untuk memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional. Tempoh itu amat mencabar kerana perlu menyediakan dasar berkenaan dalam jangka singkat secara menyeluruh dan dapat diterima oleh semua pihak.
>
> Perpaduan sering menjadi perhatian sejak awal merdeka dan semakin penting susulan tragedi 13 Mei 1969. Oleh itu, perjalanan lima dekad lalu telah mewujudkan desakan untuk memperdalam kepentingan melahirkan masyarakat bersatu padu dan menitikberatkan integrasi rakyat pelbagai kaum dan etnik.
>
> Dasar Perpaduan Negara berteraskan konsep "Perpaduan dalam Kepelbagaian". Dasar ini menetapkan strategi jangka panjang yang menggariskan usaha berterusan dalam memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan rakyat.
>
> Sumber: *Berita Online*, *Perpaduan Perlu Jadi Agenda Utama Setiap Tindakan*, Mac 10 2021

Jelaskan maklumat dalam petikan dan langkah untuk mengukuhkan perpaduan kaum. **KBAT**

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[8 *markah*]

BAB 4 Era Peralihan Kuasa British di Tanah Melayu

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	British Military Administration (BMA)	Pentadbiran tentera yang diletakkan di bawah arahan Lord Mountbatten, Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara.	94
2	Malayan Union (MU)	Usaha British untuk mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dan menubuhkan pentadbiran berpusat (kesatuan) di bawah jajahan British.	96
3	Kertas Putih 6724	Warta Kerajaan berkenaan Malayan Union.	96
4	*Jus soli*	Syarat kewarganegaraan berdasarkan tempat lahir.	96
5	Memorandum	Perjanjian persefahaman	96
6	Negeri-negeri Selat (NNS)	Melaka dan Pulau Pinang	97
7	Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB)	Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang	97
8	Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB)	Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor	97
9	Kongres Melayu	Diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kg. Baru, KL bagi menubuhkan badan induk untuk menentang Malayan Union secara tersusun.	105
10	*Cession Bill*	Rang Undang-Undang Penyerahan yang dikeluarkan oleh Majlis Negeri.	108
11	Perlembagaan 1941	Prinsip Kelapan menyatakan bahawa pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.	109
12	Pekeliling No. 9/1946	Melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan.	110
13	Rukun 13	Ditubuhkan secara sulit oleh para pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu pada 20 Ogos 1948.	112
14	Sungkit Berdarah	Peristiwa Rosli Dhoby yang menikam Duncan Stewart.	112
15	Young Malay Association (YMA)	Persatuan yang ditubuhkan oleh golongan propenyerahan untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan sosial.	113
16	Syarikat Borneo Utara British (SBUB)	SBUB tandatangani perjanjian dengan kerajaan British pada 26 Jun 1946 yang menandakan Sabah menjadi tanah jajahan British.	114

NOTA EFEKTIF

4.1 British Military Administration

1 Mengembalikan Kestabilan
- British Military Administration (BMA) berusaha untuk memulihkan keamanan dan kestabilan dengan membubarkan pasukan MPAJA.
- BMA mengarahkan semua senjata yang diberikan semasa pendudukan Jepun dahulu dikembalikan.
- BMA gagal mengumpulkan semula senjata, dan gagal membanteras kegiatan jenayah, keganasan, kongsi gelap dan masalah ketegangan kaum.

2 Memulihkan Kepercayaan Rakyat
- Rakyat mengalami kesukaran hidup di bawah pemerintahan Jepun.
- Bekalan makanan dan ubat-ubatan sukar didapati, wabak penyakit semakin merebak, dan kebuluran berlaku di kebanyakan tempat.
- BMA telah mengambil alih pentadbiran Tanah Melayu bagi mengembalikan kepercayaan rakyat supaya menyokong kepulangan British di negara ini.
- British berharap pemulihan sosioekonomi akan memulihkan kepercayaan rakyat.
- BMA berusaha untuk memulihkan ladang getah, lombong bijih timah serta membaiki prasarana dan kemudahan kesihatan.
- BMA berusaha memulihkan kepercayaan rakyat dan keamanan.

4.2 Gagasan Malayan Union

1 Latar Belakang
- Unit Perancang Tanah Melayu yang diketuai oleh Mejar Jeneral Ralph Hone diberikan tugas untuk merangka satu bentuk pentadbiran baharu di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union.
- Setiausaha Tanah Jajahan British, George Henry Hall membentangkan rancangan ini di Parlimen British pada 10 Oktober 1945.
- Rancangan Malayan Union yang diisytiharkan dalam Warta Kerajaan dikenali sebagai Kertas Putih 6724.
- Dalam Kertas Putih tersebut, British akan mengambil alih pemerintahan Tanah Melayu dan menubuhkan sebuah pentadbiran berpusat (kesatuan) di bawah jajahan British.

2 Kronologi Malayan Union
- Unit Perancangan Tanah Melayu dibentuk di London.
- Rancangan Malayan Union dibentangkan di Parlimen British.
- Persatuan Pelajar Melayu Britain menghantar memorandum.
- Memorandum ini meminta supaya hak kewarganegaraan di Tanah Melayu tidak mengikut prinsip *jus soli*.
- Tan Cheng Lock dan Persatuan Cina Seberang Laut menghantar memorandum kepada British.
- Kertas Putih 6274.
- Rancangan Malayan Union disiarkan dalam warta kerajaan.
- Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946.

3 Ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union

(a) Pentadbiran Malayan Union
- Kesatuan – Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.
- Raja-raja Melayu – Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
- Ketua Pentadbir – Malayan Union diketuai oleh Gabenor British yang dilantik oleh Raja England.
- Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan Malayan Union dibentuk di bawah Pesuruhjaya Tinggi British.

(b) Kewarganegaraan
- Kewarganegaraan melalui prinsip *jus soli* menjadi asas kewarganegaraan Malayan Union.
- Seluruh rakyat yang dilahirkan di Tanah Melayu dan Singapura diiktiraf sebagai warga Malayan union.
- Mereka yang berumur 18 tahun dan ke atas serta bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun akan di berikan kewarganegaraan.
- Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya merupakan warganegara, turut diberikan kewarganegaraan.

4 British Mendapatkan Tandatangan Sultan

(a) H.C. Willan menghadap Raja-raja Melayu
- Sultan pertama yang ditemui ialah Sultan Johor.
- Kemudiannya Sultan Selangor, iaitu Sultan Hisamuddin.
- Seterusnya menghadap Sultan Kedah.
- Seterusnya Syed Hussin, Setiausaha kerajaan Perlis dan menghadap Raja Perlis.
- Seterusnya Sultan Perak.
- Seterusnya Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan.
- Seterusnya Sultan Pahang.
- Seterusnya, Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar Mahmud, Menteri Besar Terengganu dan menemui Sultan Ali.
- Akhir sekali, Sultan Kelantan.
- Dalam laporannya, beliau mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa Raja-raja Melayu akan menyokong British dengan menandatangani perjanjian Malayan Union.
- Pada setiap pertemuan dengan sultan, Willan berusaha memastikan sokongan Raja-raja Melayu untuk menandatangani perjanjian.
- Dengan ini, misi Willan telah memudahkan tugas MacMichael.

(b) Misi Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan sultan
- Bermula dengan menghadap Sultan Johor, iaitu Sultan Ibrahim.
- Seterusnya Sultan Selangor, Sultan Hisamuddin.
- Seterusnya Sultan Pahang, Sultan Abu Bakar.
- Seterusnya Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Abdul Rahman, baginda didesak oleh MacMichael, walaupun pada mulanya baginda enggan berbuat demikian.
- Seterusnya Sultan Perak, Sultan Abdul Aziz. Baginda cuba melengahkan masa untuk menandatangani perjanjian.
- Seterusnya Sultan Kedah, Sultan Badlishah, berlaku perdebatan antara kedua-dua pihak. Mulanya, Baginda bertegas enggan menandatangani.
- Seterusnya Raja Perlis, Tuanku Syed Putra Jamalullail setelah didesak oleh MacMichael.
- Seterusnya Sultan Kelantan, Sultan Ibrahim. MacMichael mengugut untuk tidak mengiktiraf Raja-raja Melayu yang enggan menurunkan tandatangan. Baginda sultan terpaksa beralah.
- Seterusnya Sultan Terengganu, Sultan Ismail Nasiruddin Shah, mulanya baginda enggan menandatangani dokumen tersebut kerana perjanjian ini bertentangan dengan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu.

4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union

1 Sebab Bantahan Raja-Raja Melayu
- Malayan Union merupakan bentuk penjajahan secara mutlak oleh British.
- Sultan Melayu kehilangan kedaulatan dan kuasa politik yang selama ini menjadi hak Raja-raja Melayu.

2 Cara Bantahan Raja-raja Melayu

(a) Membawa kes Malayan Union ke Mahkamah Tinggi England
- Persidangan Raja-raja Melayu di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, memutuskan mengemukakan bantahan melalui Mahkamah Tinggi di England.
- Sultan Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor sedia ke England sekiranya kehadiran baginda diperlukan di mahkamah tersebut.
- Menurut sistem perundangan British, MacMichael mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu dengan cara tidak sah.

(b) Menghantar surat bantahan ke London
- Sultan Kedah, Perak dan Johor mengutus surat bantahan kepada George Henry Hall, mendakwa baginda diperdaya oleh MacMichael.
- Beberapa orang raja mendakwa diugut supaya menurunkan tandatangan tanpa menyedari akibatnya.
- Raja-raja Melayu memohon British memansuhkan persetujuan yang ditandatangani itu.
- Tuanku Syed Putra Jamalullail juga mengirimkan telegram kepada kerajaan British di London untuk menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap tindakan MacMichael.

(c) Menyokong Kongres Melayu
- Kongres Melayu turut disokong oleh Raja-raja Melayu.
- Kongres ini menolak Malayan Union.
- Sultan Hisamuddin menderma sebanyak $15 ribu kepada Persatuan Melayu Selangor yang menjadi tuan rumah Kongres Melayu Pertama.

(d) Permaisuri Perak memimpin gerakan menentang Malayan Union
- Pada 28 Mei 1946, Ahli Parlimen British tiba di Kuala Kangsar, Perak, tempat Sultan Iskandar Shah bersemayam. Perhimpunan besar-besaran di Padang Bandar Diraja Kuala Kangsar diadakan.
- Raja dan rakyat bergabung untuk menentang Malayan Union.
- Tuanku Permaisuri Perak, Raja Perempuan Kelsom mengetuai barisan hadapan perarakan bersama-sama dengan wanita negeri Perak.

(e) Memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union
- Raja-raja Melayu memulaukan upacara pelantikan Gabenor setelah perjumpaan dengan Dato' Onn Jaafar.
- Dato' Onn Jaafar mempersembahkan resolusi Kongres Melayu memohon Raja-raja Melayu bersama-sama dengan rakyat memboikot upacara pelantikan Gabenor Malayan Union.
- Raja-raja Melayu nekad memulaukan upacara pelantikan Gabenor Malayan Union, iaitu Sir Edward Gent.

3 Cara Bantahan Rakyat

(a) Bantahan akhbar Melayu
- Akhbar seperti *Utusan Melayu* (Singapura), *Majlis* (Kuala Lumpur) dan *Warta Negara* (Pulau Pinang) telah menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk Malayan Union kerana merugikan orang Melayu.
- Akhbar ini menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar-besaran untuk menolak gagasan Malayan Union.

(b) Bantahan cendekiawan
- Tokoh pentadbir Melayu seperti Dato' Onn Jaafar, Dato' Nik Ahmad Kamil, Za ba, Tengku Mohamed, Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz (Panglima Bukit Gantang), Wan Md Yussof (Panglima Kinta, Perak), Dato' Hamzah Abdullah dan Dato' Abdul Rahman Mohammad Yassin Johor.
- Bantahan wanita seperti Cikgu Zaharah Abdullah (Batu Pahat), Halimahton Abd Majid (Rembau), Saleha Mohd Ali, Zaharah Tamin (Selangor), Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid (Perak) dan Hasnah Ishak (Pulau Pinang).

(c) Bantahan Persatuan Melayu
- Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah, Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor berjaya menghimpunkan orang Melayu membantah Malayan Union.
- Pertubuhan Melayu ditubuhkan atau diaktifkan semula sebagai tindak balas terhadap Malayan Union.
- Pertubuhan ini kemudian menjadi penggerak menganjurkan rapat umum bagi membantah tindakan MacMichael.

4 Bantahan Bekas Pegawai British
- Pegawai tadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu turut menentang Malayan Union.
- Mereka mengkritik keseluruhan rancangan Malayan Union.
- Antara pegawai tersebut ialah Frank Swettenham, Roland Braddell, Cecil Clementi Smith, Richard Winstedt, Frederick Weld, George Maxwell

5 Bantahan di Negeri-negeri
- Di Kelantan, seramai 10 ribu orang berhimpun di Kota Bharu semasa MacMichael datang untuk mendapatkan tandatangan sultan.
- Di Kedah, ribuan orang Melayu Kedah telah berarak di Alor Setar menentang Malayan Union. Perarakan ini dianjurkan oleh Kesatuan Melayu Kedah, SABERKAS, Kesatuan Ulama Kedah dan Persatuan Melayu Kedah.
- Di Johor, Lembaga Kesatuan Melayu Johor melancarkan gerakan menentang Malayan Union dan disertai oleh Persatuan Melayu Johor, Ungku Omar Abdullah, dan Dr. Hamzah.

6 Mengadakan Kongres Melayu
- Kongres Melayu pertama diadakan di Bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur, kongres bersetuju menubuhkan UMNO untuk menentang Malayan Union.
- Kongres Melayu kedua diadakan di Johor Bahru, Johor, UMNO ditubuhkan di Istana Johor untuk memajukan orang Melayu dan menjadi penggerak memupuk perpaduan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.
- Hari lahirnya Malayan Union dianggap sebagai "Hari Kematian" oleh orang Melayu.
- Orang Melayu yang berhimpun memakai lilitan kain putih di songkok sebagai tanda berkabung.

7 UMNO Menganjurkan Bantahan Secara Besar-besaran
- Tunjuk perasaan menentang Malayan Union diadakan semasa Ahli Parlimen British, iaitu L.D. Gammans (Gammans) dan David Rees Williams (Rees Williams) membuat tinjauan berkaitan dengan penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.
- Di Alor Setar, Kedah, orang ramai memenuhi tebing jalan raya dari Titi Bumbung Lima hingga Alor Setar.
- Di Padang Francis Light School, Pulau Pinang, rapat umum diadakan.
- Di Kampung Baru, Kuala Lumpur, pemimpin Melayu membantah Malayan Union ketika kedatangan Gammans dan Rees Williams.

- Di Ipoh, orang ramai berhimpun di Pekan Ahad, Jalan Datuk, Ipoh.
- Di Seremban, orang ramai berbaris panjang di jalan masuk istana.
- Di Klang, orang Melayu berhimpun di perkarangan Istana Alam Shah.
- Gammans dan Rees Williams membuat laporan kepada Pejabat Tanah Jajahan bahawa sultan yang menandatangani Perjanjian Malayan Union tidak menyedari akibat perjanjian tersebut.
- Mereka menyokong sepenuhnya cadangan Raja-raja Melayu terhadap penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.
- Bantahan penduduk tempatan berjaya membuka mata kerajaan British terhadap keburukan Malayan Union.

4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British

1 Pentadbiran Tentera di Sarawak
- Setelah Perang Dunia Kedua tamat, tentera Australia mendarat di Kuching dan memperkenalkan pentadbiran tentera, iaitu British Borneo Civil Affairs Unit (BBCAU).
- Pada tahun 1946, British kemudian memperkenalkan BMA di Sarawak.
- Pada 1 Julai 1946, Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.
- Penyerahan ini mendapat tentangan masyarakat tempatan di Sarawak.

2 Faktor Penyerahan Sarawak

(a) Masalah pewarisan takhta
- Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya sebagai raja, sedangkan beliau semakin tua dan uzur.
- Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke.

(b) Desakan kerajaan British
- Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak.
- Dengan menjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya, British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British.

(c) Masalah kewangan
- Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.
- Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah juga terbiar.
- Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu dibaiki.
- Vyner Brooke tidak mampu untuk membangunkan negeri Sarawak semula.

3 Proses Penyerahan Sarawak
- Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke meminta beliau menandatangani surat perjanjian dengan George Henry Hall, Setiausaha Tanah Jajahan.
- Pada 24 Oktober 1945, beliau bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British.
- Vyner Brooke menghantar setiausaha peribadinya, Gerard T. MacBryan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.
- Gerard T. MacBryan pulang ke England bersama-sama dengan dokumen yang ditandatangani oleh ketua tempatan Sarawak.
- Vyner Brooke bersetuju menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.
- Penyerahan itu dibuat tanpa pengetahuan rakyat Sarawak.
- Kerajaan British mengarahkan Vyner Brooke supaya mendapatkan kelulusan Majlis Negeri dan persetujuan rakyat Sarawak terlebih dahulu.
- Kerajaan British menghantar dua orang ahli parlimennya, iaitu Gammans dan Rees Williams membuat tinjauan.
- Hasil tinjauan itu mendapati sebahagian besar peribumi menentang penyerahan Sarawak. Orang Cina pula menyokong penyerahan dan terdapat penduduk yang tidak faham maksud penyerahan Sarawak.
- Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan dengan isu penyerahan Sarawak dibawa ke Majlis Negeri untuk diundi.
  1. Majlis Negeri telah mengeluarkan Rang Undang-Undang Penyerahan (Cession Bill). Keputusannya golongan propenyerahan menang dengan 19 undi, sementara 16 undi menentang.
  2. Taraf Sarawak sebagai negeri naungan British dimansuhkan.
  3. Sarawak disahkan sebagai tanah jajahan British pada 1 Julai 1946.
  4. Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan di Kuching.

4.5 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sarawak

1 Faktor Penentangan Penyerahan Sarawak

(a) Tindakan Vyner Brooke bertentangan Perlembagaan 1941
- Prinsip Kelapan Perlembagaan 1941 menyatakan pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.
- Penduduk Sarawak akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri.
- Tindakan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British melanggar Prinsip Kelapan ini.

(b) Vyner Brooke mengetepikan surat wasiat Charles Brooke
- Vyner Brooke telah membuat keputusan tanpa berbincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke).
- Golongan menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut kemerdekaan dengan mudah.

(c) Gerard T. MacBryan menggunakan muslihat
- Gerard T. MacBryan menggunakan pelbagai muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapatkan persetujuan daripada ketua tempatan.

2 Bentuk Penentangan

(a) Mengadakan persidangan
- Johari Anang dan Sharkawi Osman menganjurkan persidangan yang dihadiri perwakilan seluruh Sarawak.
- Pengerusi persidangan ini ialah Johari Anang.
- Objektifnya untuk mengadakan demonstrasi menentang penyerahan Sarawak.
- Pertubuhan yang menyertai ialah PPM, BPS, PKMS, Persatuan Melayu Miri, Kesetiaan Muda Matu dan Persekutuan Bumiputera.

(b) Mengadakan demonstrasi
- Demonstrasi pertama diadakan ketika kedatangan Gabenor pertama Sarawak, Charles Arden Clarke di Astana.
- Demonstrasi ini diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.
- Perarakan ini disertai oleh 16 persatuan Melayu. PKMS mendesak British berundur dari Sarawak.
- Demonstrasi di Sibu diterajui oleh PPM.

(c) Meletakkan jawatan beramai-ramai
- British menyedari pemimpin antipenyerahan terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru. British bertindak mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946 (Circular No. 9) yang melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan.
- Tetapi, seramai 409 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan.
- Kakitangan yang meletakkan jawatan termasuklah guru serta petugas di Pos dan Telegraf, Jabatan Marin, Kastam, Perubatan dan Kesihatan, Percetakan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Bomba dan Perbendaharaan.
- Seterusnya, seramai 56 pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak bertindak menamatkan pengajian sebagai bantahan terhadap Pekeliling No 9.

(d) Bantahan golongan wanita
- Contohnya Cikgu Lily Eberwein (PKMS), Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah dan Cikgu Ajibah Abol. Kaum ibu yang diketuai oleh Cikgu Lily Eberwein telah pergi ke rumah panjang untuk mengadakan kempen kesedaran.
- Cikgu Ajibah Abol mengetuai kaum wanita untuk bergabung tenaga dengan gerakan antipenyerahan dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan.

(e) Menggunakan akhbar
- *Utusan Sarawak* menyebarkan tentangan penyerahan Sarawak.
- Pengarang menggunakan kritikan tajam terhadap penyerahan Sarawak.

(f) Menulis surat bantahan
- PPM menghantar surat kepada kerajaan British di London menyatakan bantahan terhadap penjajahan Sarawak.
- BPS telah menghantar referendum memansuhkan penyerahan Sarawak.
- Mereka menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Attlee dengan salinannya kepada Gabenor.

(g) Menubuhkan Kumpulan Rukun 13
- Golongan muda menubuhkan Rukun 13 yang ditubuhkan secara sulit oleh para pemimpin PPM di Sibu.
- Dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong.
- Sasaran kumpulan ini adalah untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu, Sarawak.
- Satu mesyuarat sulit diadakan untuk membunuh Duncan Stewart di Sibu.

3 Peristiwa Sungkit Berdarah
- Rosli Dhoby telah menikam Duncan Stewart dan seminggu kemudian, Duncan Stewart mati di Singapura. Peristiwa ini dikenali dengan nama “Sungkit Berdarah”.

- Pembunuhan Duncan Stewart memberikan kesempatan kepada British menindas gerakan antipenyerahan.
- British menutup pejabat PPM, PKMS, BPS dan ASAS. Anthony Brooke merayu semua persatuan menghentikan penentangan.
- Rosli Dhoby, Morshidi Sidek, Awang Rambli dan Bujang Suntong dihukum gantung hingga mati.
- Anggota Rukun 13 di penjara.

4 Reaksi Penduduk yang Menyokong Penyerahan Sarawak

(a) Memajukan negeri
- Datu Bandar Abang Haji Mustapha menyatakan bahawa selepas perang, Sarawak mengalami kemusnahan.
- Penyerahan dapat memajukan Sarawak dalam politik, perhubungan, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Sarawak.

(b) Memajukan penduduk tempatan
- Golongan propenyerahan menubuhkan YMA untuk menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam ekonomi/sosial.
- Pertubuhan ini membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan.
- Kegiatan YMA menjurus bidang pelajaran, agama dan sukan.
- YMA membuka cawangannya di Sibu, Kalaka dan Miri.

(c) Memberikan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam
- Golongan intelektual Sarawak diberikan peluang mengisi jawatan tinggi dalam perkhidmatan kerajaan seperti peguam, doktor dan jurutera.

4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British

1 Proses Penyerahan Sabah
- SBUB menandatangani perjanjian dengan kerajaan British pada 26 Jun 1946.
- Sabah kemudiannya menjadi tanah jajahan British.
- Pentadbiran negeri ditadbir oleh Gabenor sebagai Ketua Kerajaan.
- Gabenor British yang pertama di Sabah ialah Sir Edward Twining.

2 Faktor Penyerahan Sabah

(a) Memenuhi kepentingan British
- Perdana Menteri Britain, Clement Attlee ketika itu sedang menyelesaikan soal pemberian kemerdekaan kepada Sri Lanka, India dan Burma.
- Sabah sebuah negeri yang berpotensi menggantikan jajahan tersebut.
- Sabah berupaya untuk membekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British.

(b) Meneruskan dasar British dalam hubungan luar
- Semasa pemerintahan SBUB, Sabah menjadi negeri naungan British.
- British menguasai perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah.
- Keadaan ini mendorong SBUB membuat keputusan untuk menyerahkan Sabah kepada British.

(c) Masalah kewangan SBUB
- Sebelum meninggalkan Sabah, tentera Jepun telah memusnahkan Jesselton, Kudat dan Sandakan.
- Kerosakan ini memerlukan kos yang besar dan tidak mampu ditanggung oleh SBUB bagi membangunkan Sabah.
- Pihak syarikat bersetuju menyerahkan Sabah kepada kerajaan British kerana kekurangan dana.

4.7 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah

1 Faktor Tiada Penentangan daripada Rakyat Tempatan Sabah

(a) Dasar British menindas kegiatan berpersatuan
- Penduduk Sabah terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik yang berbeza dari aspek bahasa, budaya, Sistem kepercayaan, petempatan dan ekonomi.
- Keadaan ini menyukarkan pemimpin Sabah untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan.
- Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS) dan Persatuan Kebangsaan Melayu di Sabah yang dipimpin oleh Tengku Noordin, Zakaria Gunn dan Abu Bakar K. Ahmad.
- Barisan Pemuda Sabah (BARIP) pula dipimpin oleh Mandur Mohammad Sharif, Imam Suhaili Yaakub, Seruji Yaakub dan Zulkifli Apong Abang Abdul Hadi.
- Pada awalnya, organisasi ini ditubuhkan untuk memperbaiki ekonomi dan politik kaum bumiputera.
- Kemudiannya, pemimpin persatuan ini membangkitkan kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat setempat.
- British bertindak secara halus menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli persatuan ini.
- British turut memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif dalam gerakan berpersatuan ke bandar lain.
- Akhirnya persatuan menjadi lemah kerana masalah kewangan dan kekurangan pemimpin berkebolehan.

(b) Mengehadkan peluang dalam pentadbiran
- Dasar ini menyebabkan penduduk Sabah kurang pengalaman dalam sistem birokrasi Barat.

(c) Kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan
- Penyerahan Sabah dianggap peluang kepada penduduk tempatan untuk melibatkan diri dalam pentadbiran, memajukan bidang perniagaan dan meluaskan jaringan perdagangan.
- Penyerahan ini dapat membangunkan Sabah selepas perang. Kebanyakan penduduk enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British.
- Penyerahan Sabah kepada British tidak mendapat sebarang bantahan daripada penduduk tempatan kerana mereka tidak memahami tujuan penyerahan.
- Hal ini disebabkan oleh dasar British yang menindas kesedaran nasionalisme dalam kalangan anak watan.
- Kebangkitan nasionalisme di Sabah berlaku apabila British memperkenalkan langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sabah.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Apakah bentuk pentadbiran yang dilaksanakan oleh British selepas tamat Perang Dunia Kedua di negara kita? BUKU TEKS MS 94
A Kesatuan Malayan Union
B Persekutuan Tanah Melayu
C Syarikat Borneo Utara British
D British Military Administration

2 Mengapakah keamanan dan kestabilan Tanah Melayu terjejas selepas Perang Dunia Kedua? BUKU TEKS MS 94
I Pasaran gelap
II Kegiatan rasuah
III Keadaan inflasi
IV Perebutan kuasa
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

3 Maklumat berikut merujuk rancangan British untuk mewujudkan sistem pentadbiran baharu di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- Memastikan sumbangan orang asing

Apakah sistem pentadbiran yang dapat menjayakan rancangan tersebut? BUKU TEKS MS 96
A Kesatuan Malayan Union
B Persekutuan Tanah Melayu
C British Military Administration
D Negeri-negeri Melayu Bersekutu

4 Pernyataan berikut merujuk reaksi terhadap pelaksanaan gagasan Malayan Union.

Persatuan Pelajar Melayu Britain menghantar memorandum bertarikh 25 April 1945.

Apakah tuntutan dalam memorandum tersebut? BUKU TEKS MS 96
A Menolak kewarganegaraan *jus soli*
B Menentang penyatuan unit pentadbiran
C Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
D Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu

5 Siapakah yang mengetuai pentadbiran Malayan Union? BUKU TEKS MS 97
A Residen Jeneral
B Gabenor British
C Penasihat British
D Pesuruhjaya Negeri

6 Bagaimanakah H.C. Willan berperanan dalam pengenalan Malayan Union di Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 98
A Mendapatkan tandatangan sultan
B Memanipulasi isu pewarisan takhta
C Mendraf perjanjian Malayan Union
D Meninjau sokongan Raja-raja Melayu

7 Bagaimanakah Sir Harold MacMichael mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu bagi melaksanakan Malayan Union? BUKU TEKS MS 98-99
I Membuat desakan
II Menggunakan ugutan
III Menawarkan jawatan
IV Mewujudkan kerjasama
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8 Mengapakah Sultan Hishamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah mendermakan $15 ribu kepada Persatuan Melayu Selangor? BUKU TEKS MS 101
A Membiayai pencetakan akhbar
B Membuka cawangan persatuan
C Menyokong mengadakan kongres
D Menaja perhimpunan besar-besaran

9 Apakah kesan daripada Kongres Melayu Kedua di Johor Bahru pada 11 Mei 1946? BUKU TEKS MS 105
A Menubuhkan parti UMNO
B Meminta menyerang British
C Mendesak mengadakan hartal
D Memulaukan perlantikan Gabenor

10 Apakah slogan yang digunakan oleh orang Melayu semasa penentangan terhadap Malayan Union? BUKU TEKS MS 106
A Melayu Raya
B Hidup Melayu
C Hari Kematian
D Daulat Tuanku

11 Maklumat berikut merujuk keadaan yang berlaku di Sarawak selepas Perang Dunia Kedua.
BUKU TEKS MS 107

- Masalah kewangan
- Masalah pewarisan takhta

Apakah kesan daripada keadaan tersebut?
I Penguasaan gerakan komunis
II Membentuk kerajaan kesatuan
III Menamatkan pentadbiran Brooke
IV Pembentukan pentadbiran tentera British
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

12 Mengapakah British ingin menguasai Sarawak?
BUKU TEKS MS 107
A Mengawal perdagangan luar
B Menjamin kepentingan negeri
C Menguasai kekayaan ekonomi
D Menjadikan pangkalan tentera

13 Mengapakah berlakunya penentangan penduduk Sarawak terhadap British? BUKU TEKS MS 109
I Menafikan hak bersuara
II Melambatkan kemerdekaan
III Menggagalkan berkerajaan sendiri
IV Mengetepikan prinsip perlembagaan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

14 Senarai berikut merupakan tokoh yang aktif dalam gerakan antipenyerahan di Sarawak.
BUKU TEKS MS 111

- Cikgu Ajibah Abol
- Cikgu Lily Eberwein

Apakah sumbangan mereka?
A Menentang melalui akhbar
B Menghantar surat bantahan
C Mengadakan kempen kesedaran
D Memulaukan pelantikan gabenor

15 Apakah sasaran utama penubuhan Rukun 13 dalam gerakan antipenyerahan di Sarawak?
BUKU TEKS MS 112
A Membentuk gerakan Melayu radikal
B Memelihara hak penduduk tempatan
C Memperjuangkan berkerajaan sendiri
D Menghapuskan pegawai tinggi British

16 Apakah faktor penyerahan Sabah kepada kerajaan British? BUKU TEKS MS 115
I Ancaman komunis
II Menurut Piagam Atlantik
III Masalah kewangan negeri
IV Memenuhi kepentingan British
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

17 British Military Administration (BMA) telah diperkenalkan di Sabah selepas Jepun menyerah kalah.
Apakah matlamat BMA di Sabah? BUKU TEKS MS 114
A Mengatasi masalah pasar gelap
B Memajukan sektor perdagangan
C Mengembalikan ketenteraman negeri
D Menyatukan sistem pentadbiran negeri

18 Syarikat Borneo Utara British (SBUB) mengalami masalah kekurangan dana untuk memulihkan kerosakan di kawasan Kudat, Sandakan dan Jesselton.
Mengapakah kawasan tersebut mengalami kerosakan? BUKU TEKS MS 115
A Kesan bencana alam
B Kerosakan oleh komunis
C Pendudukan askar Jepun
D Pencerobohan tentera Indonesia

19 Pemimpin-pemimpin berikut telah diberikan kenaikan pangkat oleh kerajaan British.

- Tengku Noordin
- H.M.Salleh

Apakah matlamat yang hendak dicapai oleh kerajaan British? BUKU TEKS MS 116
A Menghargai jasa pemimpin
B Melicinkan pentadbiran tempatan
C Menambah jumlah jawatan baharu
D Melemahkan gerakan nasionalisme

20 Terdapat rakyat Sabah yang menyokong penyerahan Sabah kepada British.
Mengapakah mereka menyokong penyerahan tersebut? BUKU TEKS MS 117
I Memajukan bidang perniagaan
II Mengatasi ancaman pengganas
III Mengurangkan kuasa pembesar
IV Meluaskan jaringan perdagangan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 British Military Administration (BMA) atau Pentadbiran Tentera British diisytiharkan di negara kita selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

(*a*) Mengapakah BMA dilaksanakan? BUKU TEKS MS 94

[3 *markah*]

(*b*) BMA gagal mencapai matlamatnya. Jelaskan. BUKU TEKS MS 94

[3 *markah*]

(*c*) Teliti petikan berikut.

> Pergaduhan Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun telah menyedarkan British, sultan dan pemimpin masyarakat mengenai kepentingan perdamaian. Oleh yang demikian, British mula merangka pelan pemulihan sekembalinya mereka ke Tanah Melayu. Langkah segera yang telah diasaskan adalah dengan pengasasan British Military Administration (BMA). Perkara utama yang diberi perhatian ialah memulihkan kembali keharmonian kaum. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi merapatkan hubungan kaum di Tanah Melayu. Kancah peperangan telah menyedarkan penduduk Tanah Melayu mengenai kepentingan perpaduan.
>
> Sumber Diubah suai daripada *Malayanising Cina-Melayu dalam Menangani Konflik Perkauman Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu*, Mohamed Ali bin Haniffa, Nor Azlah Sham Rambely, Universiti Utara Malaysia

Berikan ulasan anda. KBAT

[4 *markah*]

2 Kegagalan British Military Administration (BMA) mengembalikan keamanan negara telah menyebabkan British memperkenalkan gagasan Malayan Union.

(*a*) Nyatakan **dua** tujuan gagasan Malayan Union. BUKU TEKS MS 96

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah pentadbiran Malayan Union dilaksanakan? BUKU TEKS MS 97

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Mengapakah pengenalan Malayan Union terhadap Tanah Melayu wajar ditentang? KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Petikan berikut merupakan bantahan akhbar Melayu terhadap Malayan Union.

> "Hari lahirnya Malayan Union itu adalah hari-hari yang sehabis-habis sedih bagi orang Melayu. Oleh itu, orang-orang Melayu haruslah berkabung menandakan kesedihannya dan perbuatan berkabung itu mengandungi perasaan yang dalam maknanya bagi orang Melayu itu sendiri..."
>
> Sumber: Diubah suai daripada *Warta Negara*, 3 April 1946.

(*a*) Nyatakan peranan akhbar dalam penentangan rakyat terhadap Malayan Union. BUKU TEKS MS 102

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah Kongres Melayu berperanan dalam gerakan menentang Malayan Union?
BUKU TEKS MS 105

[8 *markah*]

(*c*) Poster menunjukkan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union semasa lawatan Ahli Parlimen British.

Sumber: *Dipetik dan diubah suai daripada Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 4*

Jelaskan mesej yang terdapat dalam poster dan kepentingan nilai perpaduan dalam membawa kemajuan negara. **KBAT**

[8 *markah*]

4 Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, berlaku penyerahan Sarawak dan Sabah kepada kerajaan British. Tindakan mereka mencetuskan reaksi daripada penduduk tempatan.

(*a*) Jelaskan faktor penyerahan Sarawak kepada British. BUKU TEKS MS 107

[4 *markah*]

(*b*) Mengapakah penyerahan Sarawak dan Sabah mencetuskan pelbagai reaksi penduduk? BUKU TEKS MS 109-117

[8 *markah*]

(*c*) Teliti gambar berikut.

Gerakan penentangan Malayan Union

Gerakan anti-penyerahan Sarawak

Sumber: *Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 4*

Jelaskan iktibar yang boleh diambil daripada dua peristiwa tersebut dan bagaimanakah mewujudkan sebuah pentadbiran negara yang stabil pada masa akan datang? **KBAT**

[8 *markah*]

BAB 5 Persekutuan Tanah Melayu 1948

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Jawatankuasa Kerja	Ditubuhkan pada 25 Julai 1946. Matlamat penubuhan untuk membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Terdiri daripada wakil Raja-raja Melayu, wakil UMNO dan pegawai kanan British.	126
2	Wakil UMNO	Dato' Onn Jaafar , Dato'Abdul Rahman Mohd Yassin dan Haji Megat Yunus.	127
3	Wakil Raja-raja Melayu	Raja Kamaralzaman Raja Ngah Mansur, Dato' Hamzah Abdullah, Haji Mohamad Sheriff Osman dan Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud.	128
4	Pegawai Pemerhati dan Penasihat Undang-undang Jawatankuasa Kerja	Theodore Adams – Penasihat Raja-raja Melayu, Roland Braddell – Penasihat Undang-undang UMNO dan Ralph Hone – Pemerhati dan wakil Gabenor Jeneral.	128
5	Pusat Tenaga Rakyat	Terdiri daripada beberapa pertubuhan Melayu seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Angkatan Pemuda Insaf (API), Gerakan Angkatan Muda (GERAM), Hizbul Muslimin, Barisan Tani Malaya (BATAS) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS).	128
6	All Malaya Council of Joint Action (AMCJA)	Terdiri daripada Pan-Malayan Federation of Trade Union (PMFTU), Malayan Democratic Union (MDU) dan Malayan Indian Congress (MIC).	128
7	Gabungan PUTERA-AMCJA	Membantah kerana Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu. Menentang cadangan perlembagaan tersebut secara terbuka. Menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman.	128
8	Golongan nasionalis Melayu radikal	Melaungkan perjuangan kemerdekaan sejak penghujung tahun 1930-an. Mempunyai matlamat perjuangan, iaitu membebaskan tanah air daripada penjajahan, menyatukan seluruh Tanah Melayu dan enggan berkompromi dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan.	129
9	Istilah radikal digunakan oleh British	Keberanian mereka menentang British secara terbuka dan membangkitkan perasaan anti-British dalam penulisan seperti Ahmad Boestamam dalam bukunya "Testament Politik API".	129
10	Hartal	PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal pada 20 September 1947 yang meminta semua peniaga menutup kedai sebagai tanda bantahan. Menerusi sokongan Dewan Perniagaan Cina. Dilaksanakan di bandar utama di Tanah Melayu.	131

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
11	Piagam Atlantik	Piagam ini dirangka oleh Britain dan Amerika Syarikat. Prinsip piagam ini berkaitan dengan matlamat pelan tindakan untuk dunia selepas berlakunya peperangan supaya tiada lagi peluasan wilayah.	133
12	Kerajaan Persekutuan 1948	Diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif. Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama.	134
13	Majlis Perundangan Persekutuan	Diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi. Bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.	135
14	Kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang	*Jus soli* hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British. Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.	135
15	Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC)	Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum. Merintis pada pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.	137

NOTA EFEKTIF

5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Penubuhan Jawatankuasa Kerja

Wakil Kerajaan British	Wakil UMNO
• A.T.Newboult – Ketua Setiausaha Malayan Union • K.K. O' Connor – Peguam Negara Malayan Union • W.D. Godsall – Setiausaha Kewangan • Dr. W. Linehan – MCS • A.Williams – MCS • D.C. Watherston – Setiausaha	• Dato' Onn Jaafar • Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin • Haji Megat Yunus
Wakil Raja-raja Melayu	
• Raja Kamaralzaman Raja Ngah Mansur – Raja Kecil Tengah Perak • Dato' Hamzah Abdullah – Orang Kaya Menteri Besar Selangor • Haji Mohamad Sheriff Osman – Setiausaha Kerajaan Kedah • Dato' Nik Ahmad Kamil Mahmud – Dato' Seri Setia Raja Kelantan	

2 Cadangan Jawatankuasa Kerja
- Menyatukan semua negeri Melayu dalam satu pentadbiran dan dua buah Negeri-negeri Selat
- Memulihkan kedudukan dan kedaulatan Raja-raja Melayu
- Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain
- Menubuhkan Dewan Perundangan Negeri bagi setiap negeri
- Mengenakan syarat kewarganegaraan yang ketat

3 Gerakan Nasionalis Melayu Radikal
- Golongan Melayu Radikal membidas kerajaan British kerana menjalankan perundingan secara tertutup dengan UMNO.
- Pihak British mengetepikan PKMM daripada Jawatankuasa Kerja tersebut.
- PKMM bergabung membentuk PUTERA.
- Gabungan PUTERA terdiri daripada beberapa pertubuhan Melayu seperti:
  (i) PKMM dipengerusikan oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi
  (ii) API diterajui oleh Ahmad Boestamam.
  (iii) GERAM diketuai oleh Aziz Ishak dan Abdul Samad Ismail.
  (iv) Hizbul Muslimin diketuai oleh Abu Bakar al-Baqir.
  (v) BATAS diketuai oleh Musa Ahmad.
  (vi) AWAS diketuai oleh Shamsiah Fakeh.
- PUTERA kemudiannya bergabungan dengan AMCJA.
- Golongan bukan Melayu menubuhkan AMCJA, pengerusinya Tan Cheng Lock.
- Golongan ini menganggap British tunduk kepada tuntutan UMNO.
- Mereka beranggapan Jawatankuasa Kerja ini tidak demokratik.
- AMCJA terdiri daripada PMFTU, MDU dan MIC.
- Kumpulan ini menolak perjanjian persekutuan.
- AMCJA membantah kerana Jawatankuasa Kerja tidak mempunyai wakil bukan Melayu.
- PUTERA dan AMCJA menganggap Perlembagaan Persekutuan sebagai tidak demokratik, mengukuhkan British dan perkauman.

4 Sumbangan Nasionalis Melayu Radikal
- Golongan nasionalis Melayu radikal melaungkan perjuangan kemerdekaan sejak penghujung tahun 1930-an.
- Matlamat perjuangan mereka membebaskan tanah air, menyatukan seluruh Tanah Melayu dan enggan berkompromi dengan penjajah untuk mencapai kemerdekaan.
- Golongan ini juga memperjuangkan hak semua kaum dalam sebuah negara dan memberikan penekanan kepada kebebasan hak bersuara, berhimpun dan menerbitkan akhbar.
- Ahmad Boestamam menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* sebagai wadah untuk membuka minda rakyat ke arah idea ingin bebas dan merdeka.
- Fahaman kebangsaan yang diperjuangkan oleh golongan ini mudah diterima oleh sesetengah rakyat.
- PKMM berjaya menubuhkan cawangannya di seluruh negeri Perak, Hulu Langat, Selangor dan Temerloh, Pahang.
- Jumlah keahlian PKMM pada bulan Julai 1947 dianggarkan melebihi 53 ribu orang.

5 Cadangan PUTERA-AMCJA

(a) PUTERA mencadangkan:
- Kedudukan Bahasa Melayu.
- Pertahanan dan hal ehwal luar negeri.
- Syarat kewarganegaraan Tanah Melayu.
- Bendera dan lagu kebangsaan.

(b) AMCJA pula mencadangkan:
- Penyatuan Tanah Melayu dengan Singapura.
- Sebuah kerajaan pusat yang kuat.
- Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
- Kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu.
- Adat istiadat dan agama Islam.
- Syarat kewarganegaraan.

(c) PUTERA dan AMCJA membentuk Perlembagaan Rakyat.
Antara kandungannya:
- Tanah Melayu disatukan dengan Singapura.
- Penubuhan sebuah Dewan Perundangan Pusat dan majlis-majlis negeri yang dipilih bagi seluruh Tanah Melayu
- Kewarganegaraan yang sama bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap.
- Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan.
- Hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu diketuai oleh orang Melayu melalui Majlis Khas.
- Perhatian khas hendaklah diberikan kepada kemajuan politik dan ekonomi orang Melayu.
- Bahasa Melayu hendaklah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Tanah Melayu.
- Hal ehwal luar negeri dan pertahanan hendaklah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British.
- Kewarganegaraan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
- Warna merah dan putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu.

6 Kesan British Menolak Perlembagaan Rakyat
- PUTERA-AMCJA telah menganjurkan hartal yang meminta semua peniaga menutup kedai sebagai tanda bantahan.
- Menerusi sokongan Dewan Perniagaan Cina, hartal dilaksanakan di bandar utama di Tanah Melayu.
- British menerima Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang digubal oleh Jawatankuasa Kerja.

5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Penentangan Orang Melayu terhadap Malayan Union
- Orang Melayu, Raja-raja Melayu, cendekiawan Melayu dan UMNO telah berganding bahu membantah pelaksanaan Malayan Union.
- Hal ini disebabkan oleh Malayan Union memberikan kesan buruk kepada Raja-raja Melayu dan orang Melayu.
- Gammans menyatakan bahawa sekiranya British melaksanakan rancangan Malayan Union keadaan huru-hara akan berlaku di Tanah Melayu.

2 Cadangan Raja-raja Melayu/UMNO
- Penubuhan persekutuan bertaraf naungan dan bukannya tanah jajahan.
- Perjanjian baharu untuk menggantikan Malayan Union.
- Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor.
- Raja berkuasa dalam perundangan.
- Perkataan “Negeri-negeri Melayu” perlu dalam persekutuan yang baharu.

3 Sokongan Pentadbir British
- Pentadbir British menyokong konsep persekutuan kerana dapat mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan.
- Terdapat pegawai tinggi British mendorong British membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Antaranya Sir Edward Gent, Malcolm MacDonald, Sir Ralph Hone, Gammans, A.T. Newboult, Roland Braddell, W. Linehan dan Theodore Adams.
- Sir Ralph Hone mencadangkan agar British melibatkan Raja-raja Melayu dalam pentadbiran berasaskan perlembagaan.
- Sir Edward Gent bertemu dengan wakil UMNO di Pulau Pinang, dan King’s House, Kuala Lumpur, British memberikan peluang kepada Dato’ Onn Jaafar dan Raja-raja Melayu mengemukakan cadangan balas.
- Pembentukan Persekutuan mewujudkan politik yang stabil dan mendorong pelabur luar melabur di negara ini.
- Pada masa yang sama, British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi yang disarankan oleh PBB melalui Piagam Atlantik.

5.3 Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Pentadbiran
- Persekutuan dibentuk menerusi gabungan 9 buah negeri Melayu dan 2 buah Negeri-negeri Selat.
- Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan.
- Kerajaan Persekutuan diketuai oleh seorang Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.
- Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal kepentingan bersama.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi.
- Ahli tidak rasmi pada peringkat permulaan dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi
- Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum.

2 Kuasa Raja-raja Melayu
- Majlis Raja-Raja dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara yang tertentu.
- Bagi peringkat negeri pula, sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri

3 Perundangan
- Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi. Bidang kuasanya mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.
- Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-Raja.

4 Kewarganegaraan

(a) Secara kuat kuasa undang-undang
- *Jus soli* hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British.
- Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British.
- Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian PTM.
- Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat (*naturalised*) boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan.

(b) Secara pendaftaran
- Mereka yang lahir dalam PTM dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
- Seseorang itu perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

5.4 Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1 Mengembalikan Kedudukan Raja-raja Melayu
- PTM 1948 mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu semula.
- Majlis Raja-Raja diwujudkan melalui peruntukan Perjanjian PTM 1948.
- Majlis ini dipengerusikan oleh seorang daripada Raja-raja Melayu.
- Keanggotaannya terdiri daripada 9 orang Raja Melayu.
- Pesuruhjaya Tinggi memastikan bahawa raja perlu dirujuk terhadap perkara dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

2 Menjaga Kedudukan Istimewa Orang Melayu
- Perjanjian PTM 1948 mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu.
- Mengiktiraf kepentingan sah kaum lain.

3 Membuka Ruang Kewarganegaraan
- Penubuhun PTM 1948 membuka ruang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara.
- Orang Melayu diiktiraf sebagai penduduk asal yang diberikan kedudukan istimewa.

4 Mewujudkan Kerjasama Kaum
- Kerjasama kaum penting dalam usaha memupuk perpaduan.
- PTM 1948 membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama antara kaum melalui penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau CLC.
- Kebanyakan cadangan CLC dimasukkan ke dalam usul perundangan yang diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
- Jawatankuasa ini berjaya memupuk persefahaman antara pemimpin pelbagai kaum.
- PTM 1948 merintis pembentukan Perlembagaan Tanah Melayu 1957 yang sekali gus membawa kemerdekaan.
- Pemimpin dan rakyat sama penting dalam usaha mendukung perpaduan bangsa.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Mengapakah Malayan Union digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 126
A Desakan orang Melayu
B Kegagalan Malayan Union
C Persediaan ke arah kemerdekaan
D Cadangan daripada orang dagang

2 Apakah matlamat penubuhan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan pada 25 Julai 1946? BUKU TEKS MS 126
A Menggubal dasar British
B Membincangkan perjanjian
C Mencadangkan perlembagaan alternatif
D Mempertahankan kuasa Raja-raja Melayu

3 Apakah cadangan yang disediakan oleh Jawatankuasa Kerja? BUKU TEKS MS 127
A Syarat kewarganegaraan dilonggarkan
B Kedudukan Raja-raja Melayu dikembalikan
C Kewarganegaraan untuk orang Melayu sahaja
D Negeri-negeri Melayu diberikan taraf jajahan

4 Mengapakah AMCJA dan PUTERA menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja? BUKU TEKS MS 128
A Bersifat amat radikal
B Bertindak menindas kaum lain
C Beranggapan tidak demokratik
D Berkompromi dengan penjajah

5 Mengapakah gabungan PUTERA dan AMCJA menolak rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 128
A Enggan berkompromi dengan penjajah
B Jawatankuasa Kerja tidak diwakili semua kaum
C Menentang pengembalian kuasa Raja-raja Melayu
D Mahu kedudukan istimewa orang Melayu dipelihara

6 Apakah yang diperjuangkan oleh golongan nasionalis Melayu radikal? BUKU TEKS MS 129
A Kemerdekaan Tanah Melayu
B Kedaulatan Raja-raja Melayu
C Kedudukan istimewa orang Melayu
D Kebebasan hak bersuara dan berhimpun

7 Apakah matlamat perjuangan golongan Melayu radikal? BUKU TEKS MS 129
I Menyokong British
II Membebaskan tanah air
III Penyatuan Tanah Melayu
IV Kemerdekaan melalui rundingan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

8 Apakah reaksi PUTERA-AMCJA setelah British menolak draf Perlembagaan Rakyat? BUKU TEKS MS 131
A Menganjurkan hartal
B Melancarkan demonstrasi
C Menghantar surat bantahan
D Membawa kes ke mahkamah

9 Apakah faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 132
A Melaksanakan dasar dekolonisasi British
B Mendapat sokongan orang bukan Melayu
C Menolak kerjasama UMNO dengan British
D Mengukuhkan kerjasama UMNO dan AMCJA

10 Mengapakah pentadbir British menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 133
A Mewujudkan keamanan
B Menguntungkan penjajah
C Mengukuhkan kuasa British
D Mengurangkan kadar kemiskinan

11 Mengapakah British perlu melaksanakan dasar dekolonisasi selepas Perang Dunia Kedua? BUKU TEKS MS 133
A Mengukuhkan ekonomi
B Mengelakkan penentangan
C Mematuhi piagam antarabangsa
D Melaksanakan perjanjian ketenteraan

12 Apakah ciri utama yang terkandung dalam perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 134
I Pentadbiran
II Pendidikan
III Kuasa rakyat
IV Kewarganegaraan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

13 Bagaimanakah penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan mengukuhkan kedudukan Raja-raja Melayu? BUKU TEKS MS 134
A Menjadi ahli tidak rasmi
B Memiliki kuasa eksekutif
C Mengetuai majlis tersebut
D Memperkenan rang undang-undang

14 Antara berikut, yang manakah bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 134
I Tanah
II Agama Islam
III Perdagangan
IV Hal ehwal luar
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

15 Rajah menunjukkan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Kewarganegaraan
• Kuatkuasa undang-undang • **X**

Apakah **X**? BUKU TEKS MS 135
A *Jus soli*
B Naturalisasi
C Pendaftaran
D Permohonan

16 Rajah berikut berkaitan dengan kewarganegaraan secara kuat kuasa undang-undang.



Siapakah yang dianggap sebagai rakyat Raja? BUKU TEKS MS 135
A Lahir di Melaka dan Pulau Pinang
B Orang Melayu yang tinggal di negeri Melayu
C Dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu
D Menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris

17 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu? BUKU TEKS MS 136
A Status quo mereka terjejas
B Sempadan negara diperluas
C Diiktiraf sebagai penduduk asal
D Diterima sebagai kaum yang sah

18 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap kedudukan Raja-raja Melayu? BUKU TEKS MS 136
A Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
B Menentukan kewarganegaraan semua kaum
C Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu
D Mengehadkan peranan terhadap agama Islam

19 Jawatankuasa berikut dibentuk selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (Communities Liaison Committee)

Apakah peranan jawatankuasa tersebut? BUKU TEKS MS 137
A Membentuk parti politik
B Merangka kontrak sosial
C Mewujudkan kerjasama kaum
D Menjaga kepentingan penduduk

20 Bagaimanakah Persekutuan Tanah Melayu 1948 berjaya dibentuk? BUKU TEKS MS 137
A Tolak ansur antara kaum
B Keberanian parti radikal
C Penentangan orang dagang
D Penolakan golongan pembesar

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Gambar berikut menunjukkan anggota Jawatankuasa Kerja yang merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Sumber: *Buku Teks KSSM Sejarah Tingkatan 4*

(*a*) Namakan **dua** ahli Jawatankuasa Kerja. BUKU TEKS MS 126

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*b*) Terangkan cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kerja tersebut. BUKU TEKS MS 127

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*c*) Rangka Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditentang oleh Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA).
Mengapakah penentangan tersebut berlaku? BUKU TEKS MS 128

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*d*) Persekutuan Tanah Melayu 1948 membuka jalan ke arah perpaduan dan kerjasama antara kaum.
Buktikan pernyataan tersebut. KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

2 Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan Malayan Union yang ditolak oleh penduduk tempatan.

(*a*) Nyatakan **dua** negeri yang membentuk persekutuan tersebut. BUKU TEKS MS 134

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan ciri Persekutuan Tanah Melayu dari aspek berikut:

(i) Kuasa Raja-raja Melayu. BUKU TEKS MS 134

_____

_____

[2 *markah*]

(ii) Perundangan. BUKU TEKS MS 134

_____

_____

[2 *markah*]

(*c*) Infografik berikut berkaitan dengan objektif Dasar Perpaduan Kebangsaan.

Sumber: *Brosur Dasar Perpaduan Kebangsaan - Kementerian Perpaduan Negara*

Jelaskan maklumat tersebut. **KBAT**

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Februari 1948.

(*a*) Jelaskan latar belakang penubuhan persekutuan tersebut. BUKU TEKS MS 126

[4 *markah*]

(*b*) Huraikan ciri Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 daripada aspek berikut:

(i) Pentadbiran. BUKU TEKS MS 134

[4 *markah*]

(ii) Kewarganegaraan. BUKU TEKS MS 135

[4 *markah*]

(*c*) Teliti petikan berikut.

> Dasar Perpaduan Negara (DPN) merupakan dasar payung yang melakarkan usaha berterusan bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Konsep "Perpaduan Dalam Kepelbagaian" digunakan untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini. Dasar ini menetapkan hala tuju perpaduan negara dan bertindak sebagai pemangkin bagi pencapaian Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu, harmoni dan makmur. DPN merupakan dasar pertama negara yang khusus kepada pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional.
>
> Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada *https://www.perpaduan.gov.my/index.php/bm/dasarr-3/dasarr-2/dasar-perpaduan-negara-dpn*

Huraikan mesej dan iktibar yang boleh diambil daripada petikan tersebut. KBAT

[8 *markah*]

4 Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

(*a*) Mengapakah British bersetuju untuk membentuk persekutuan tersebut? BUKU TEKS MS 133

[4 *markah*]

(*b*) Huraikan kesan pembentukan persekutuan tersebut. BUKU TEKS MS 136-137

[8 *markah*]

(*c*) Baca petikan berikut.

> Malaysia pada hari ini bukan sebuah persekutuan yang bermula daripada kekosongan. Pada peringkat awal, Malaysia adalah persekutuan yang terdiri daripada sembilan kerajaan Melayu berdaulat dengan dua Negeri Selat pada 21 Januari 1948, diikat melalui Perjanjian Persekutuan. Ketatanegaraan Malaysia sebagai sebuah persekutuan perlu difahami dalam kerangka Persekutuan Tanah Melayu sebelum penyertaan Sabah dan Sarawak.
>
> Bertitik tolak daripada itu, peruntukan khas yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak, sama ada dalam bentuk pengecualian atau hak tertentu, baki peruntukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 seperti terikat ke atas Persekutuan Tanah Melayu adalah terpakai kepada Sabah dan Sarawak.
>
> Implikasinya, kedaulatan Raja-raja Melayu diberi taat setia berserta unsur watan Tanah Melayu yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, maka pada 16 September 1963 lahirlah Malaysia yang disertai sama Singapura. Perlu dinyatakan dengan tegas bahawa unsur watan atau warisan seperti kedudukan Raja-raja Melayu, Islam sebagai agama watan (*law of the land*), hak orang Melayu sebagai bangsa asal Tanah Melayu dan bahasa Melayu yang sekian lama bertaraf nusantara adalah jati diri Tanah Melayu sejak Kesultanan Melayu Melaka.
>
> Seterusnya, kepentingan sah kaum lain sebagai warganegara juga diakui setelah rakyat British diterima menjadi warga Persekutuan Tanah Melayu. Pada ketika itu, orang yang tidak tergolong dalam rakyat Raja-raja Melayu yang mendiami Tanah Melayu dianggap sebagai rakyat British.
>
> Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *bhrencana@bh.com.my,* 21 Oktober 2017

Huraikan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kepentingan pembentukan jati diri bangsa. **KBAT**

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[8 *markah*]

BAB 6

Ancaman Komunis dan Perisytiharan Darurat

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Ideologi komunis	Komunisme ialah suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara.	146
2	Parti Kuomintang (KMT)	Beribu pejabat di China. Menjelang tahun 1924, cawangan KMT ditubuhkan pada hampir setiap bandar di negeri.	146
3	Parti Komunis Indonesia (PKI)	Pemimpin komunis dari Indonesia seperti Tan Malaka, Alimin, Moeso, Boedisoejitro, Hasanoesi, Winanta, Soebakat dan Sutan Perpateh. Kegagalan PKI menguasai Pulau Jawa (1926) menyebabkan PKI berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu.	146
4	Persidangan Kongres Belia Asia	Persidangan di Calcutta, India. Persidangan Parti Komunis India diadakan pada bulan Mac 1948. PKM turut menghantar wakil ke persidangan tersebut.	148
5	Perisytiharan darurat	Pada 16 Jun 1948, komunis membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak. Sir Eduard Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat.	148
6	Sir Henry Gurney	Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu menggantikan Sir Edward Gent. Pada 6 Oktober 1951, Sir Henry Gurney menjadi mangsa serang hendap komunis di Jalan Kuala Kubu Bharu dalam perjalanan ke Bukit Fraser.	148
7	Cawangan Khas	Melakukan risikan ini membolehkan pihak berkuasa mengetahui operasi PKM. Terdapat anggota pasukan yang menyamar sebagai komunis untuk mendapatkan maklumat. British juga mengambil ramai ahli Cawangan Khas dari kalangan orang Cina untuk menjejak anggota komunis.	153
8	Special Constables	Seramai 24 ribu orang Special Constables dilatih dan dihantar mengawal ladang dan kawasan lombong. Mereka menjadi barisan hadapan dalam menghadapi ancaman komunis.	153
9	Polis Hutan	Pasukan ini dikenali sebagai Flying Squad. Pada tahun l95l, pasukan ini dinamakan Jungle Squad dan kemudiannya Jungle Companies.	154
10	Senoi Praaq (Urang Perang)	Mereka ditugaskan mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan. Anggotanya terdiri daripada Orang Asli suku Senoi, Semai dan Temuan. Mereka lebih dikenali sehagai "The Silent Killers".	154
11	Auxiliary Police	Mereka mempertahankan bandar dan kampung daripada serangan komunis. Mereka membantu polis menentang ancaman komunis.	154

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
12	Pasukan Askar Komanwel	Kerajaan membawa masuk askar Komanwel antaranya British, Austria, New Zealand, India, Afrika Timur, Kenya, Uganda, Rhodesia dan Fiji.	155
13	Sarawak Rangers	Pasukan ini terdiri daripada orang lban. Tugas mereka menjejak persembunyian komunis di dalam hutan. Mereka mahir dalam selok belok hutan. Cogan katanya,"Agi Idup Agi Ngelaban" yang bermaksud "selagi hidup selagi melawan".	158
14	Home Guard	Pasukan Pengawal Kampung. Tugas mereka membantu menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubatan daripada jatuh ke tangan komunis.	155
15	Sistem pendaftaran kebangsaan	Penggunaan kad pengenalan pada 23 Julai 1948 bagi mengawal pergerakan penduduk. Langkah ini diambil untuk memudahkan pihak keselamatan membezakan orang awam dengan komunis.	156
16	Rancangan Briggs	Tujuan adalah untuk memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan kepada PKM.	157
17	Min Yuen	Mendapatkan bekalan makanan dan wang kepada komunis. Min Yuen juga melakukan peras ugut, merompak, menjalankan kegiatan propaganda, melakukan perisikan dan sabotaj, merekrut ahli baharu serta membantu dalam menjalankan kegiatan politik.	157

NOTA EFEKTIF

6.1 Kemasukan Pengaruh Komunis di Negara Kita

1 Kemasukan Pengaruh Komunis dari China
- Ideologi komunis mula dibawa masuk ke negara kita melalui cawangan Parti Kuomintang (KMT) yang beribu pejabat di China.
- Cawangan KMT ditubuhkan di hampir setiap bandar di negeri Melayu bagi menyebarkan pengaruh komunis, seperti Muar, Melaka, Seremban, Klang, Kuala Lumpur, Sungai Petani.
- Main School pula bergerak dalam kalangan orang Hailam di bawah arahan Parti Komunis China(PKC).
- Apabila perpecahan berlaku antara KMT dengan PKC, *The Communist International (Comintern)* yang berpusat di Moscow mengarahkan penubuhan Parti Komunis Nanyang (PKN). PKN tidak berjaya mencapai matlamatnya.
- Keadaan ini mendorong Comintern mengarahkan penubuhan parti baharu, iaitu Parti Komunis Malaya (PKM).

2 Kemasukan Pengaruh Komunis dari Indonesia
- Beberapa pemimpin komunis dari Indonesia seperti Tan Malaka, Alimin, Moeso, Boedisoejitro, Hasanoesi, Winanta, Soebakat dan Sutan Perpateh menyebarkan fahaman komunis di Seberang Perai, Pulau Pinang, Perak Utara dan Kedah.
- Kegagalan Partai Komunis Indonesia (PKI) menguasai Pulau Jawa menyebabkan PKI berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu.
- Usaha mereka tidak mendapat sambutan daripada orang Melayu kerana komunis menggunakan kekerasan untuk mencapai matlamat mereka.

3 Penubuhan Parti Komunis Malaya (PKM)
- PKM ditubuhkan di Kuala Pilah.
- PKM bergerak melalui kesatuan sekerja, pertubuhan, penerbitan akhbar dan sekolah Cina untuk mengukuhkan pengaruh komunis.
- Ketika pemerintahan Jepun, PKM menjalin kerjasama dengan British dalam usaha memerangi Jepun.
- PKM membentuk MPAJA atau Bintang Tiga, mereka menerima bantuan senjata, latihan, kewangan, bekalan logistik dan perubatan daripada British.
- Selepas Jepun kalah, kekosongan politik berlaku di Tanah Melayu disebabkan oleh kelewatan British kembali ke Tanah Melayu. Keadaan ini memberikan peluang kepada PKM untuk meluaskan pengaruhnya.
- Bintang Tiga PKM melalui MPAJA keluar dari hutan dan melakukan kekacauan. Mereka melakukan kekejaman dan pembunuhan terhadap orang Melayu, Cina dan India yang didakwa bersubahat dengan Jepun.
- Apabila BMA mengambil alih pentadbiran di Tanah Melayu, MPAJA dibubarkan. Tetapi, PKM dibenarkan bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang sah di Tanah Melayu.
- Keadaan ini memberi peluang kepada PKM untuk mempengaruhi beberapa pertubuhan dengan ideologi komunis.
- PKM menyusup dalam kesatuan sekerja, PMFTU.
- Komunis berjaya menguasai 335 kesatuan sekerja dan menyusup dalam PKMM, MDU dan PUTERA-AMCJA.
- Oleh sebab komunis mengancam ekonomi dan keselamatan negara, maka British bertindak meluluskan Trade Union Ordinance No. 9 of 1948. Ordinan ini menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja dan akhirnya mengharamkan PKM.

6.2 Ancaman Komunis di Negara Kita

1 Gerakan Komunis Antarabangsa
- Menganjurkan dua persidangan di Calcutta, India, iaitu Persidangan Kongres Belia Asia dan Persidangan Parti Komunis India. PKM menghantar wakil ke persidangan tersebut.
- Dalam persidangan tersebut, pengikut komunis di kawasan yang dijajah digesa supaya memperhebat perjuangan menentang kuasa imperialis di Asia.
- Jawatankuasa Eksekutif Pusat PKM mengambil keputusan melancarkan perjuangan bersenjata bagi menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu. Kesannya, British mengisytiharkan darurat.
- PKM telah melumpuhkan ekonomi dan infrastruktur serta mengancam keselamatan rakyat.

2 Perisytiharan Darurat
- Komunis membunuh tiga pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak, iaitu Arthur Walker, pengurus Ladang Ephil, John Allison, pengurus Ladang Phin Soon dan pembantunya Ian Cristian.
- Sir Edward Gent, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengisytiharkan darurat.
- Undang-Undang Darurat dilaksanakan di Ipoh dan Sungai Siput serta di Johor, iaitu daerah Muar, Kluang, Kulai dan Plentong.

- Undang-Undang Darurat diperluas meliputi keseluruhan negeri Perak dan Johor. Seterusnya, dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu.
- Maka, usaha membanteras ancaman komunis di Persekutuan Tanah Melayu bermula dengan rasminya

3 Tindakan Komunis

(a) Melumpuhkan ekonomi
- Lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama serangan komunis untuk melemahkan ekonomi British.
- Komunis menyerang 80 lombong bijih antaranya di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan.
- Mereka merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai, sekolah serta membunuh pekerja. Tindakan komunis ini menyebabkan pekerja lombong dan ladang getah menderita.

(b) Merosakkan infrastruktur
- Komunis menjalankan sabotaj terhadap kemudahan asas, terutama sistem pengangkutan dan perhubungan.
- Mereka mengebom, merosakkan dan mengalihkan landasan kereta api.
- Kenderaan yang melalui jalan raya pula ditembak dan dibakar.
- Komunis mensabotaj telefon dan telegraf serta merosakkan paip air.
- Mereka menyerang pekerja awam yang ditugaskan untuk membaiki jalan raya, memasang paip air, membina sistem pengairan dan pekerja yang menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik.

(c) Mengancam keselamatan rakyat
- Komunis mengugut, mensabotaj, menyerang, melakukan kekejaman, menganiaya, menculik, merampas, membakar harta benda dan membunuh penduduk yang enggan bekerjasama.
- Contohnya, pada malam 5 Julai 1949, komunis mencampakkan bom tangan di Sheum Circus, Kampar, Perak.
- Akibatnya, seramai 46 orang cedera parah dan 4 orang mati.

(d) Mengancam pasukan keselamatan
- PKM menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis.
- Tindakan ini dilakukan untuk mencetuskan keadaan yang huru-hara dan menunjukkan ketidakupayaan kerajaan melindungi penduduk. Komunis menyerang pasukan keselamatan seperti menyerang Balai Polis Kampung Jeram, Choh, Kuala Krau, Jerantut, dan Gua Musang.

6.3 Usaha Menangani Ancaman Komunis

1 Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat
- Menahan sesiapa sahaja yang disyaki terlibat dalam pergerakan komunis tanpa sebarang perbicaraan.
- Mengenakan hukuman berat kepada sesiapa yang membantu komunis.
- Mengetatkan undang-undang senjata api dengan mengenakan hukuman mati terhadap mereka yang membawa senjata api dan bahan letupan.
- Menggeledah rumah kediaman, memagar kampung, mengadakan perintah berkurung, mewujudkan Kampung Baru dan memindahkan serta menempatkan penduduk.
- Mengharamkan PKM dan parti politik berfahaman radikal seperti AWAS, PETA, PERAM, PKMM dan Hizbul Muslimin.
- Menangkap pemimpin gerakan radikal seperti Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Abu Bakar al-Baqir dan Khatijah Sidek.

2 Pemerkasaan Pasukan Keselamatan

(a) Polis

(i) Cawangan Khas
- Ketika Guy C. Madoc dilantik mengetuai badan perisikan.
- Beliau menubuhkan Cawangan Khas (Special Branch).
- Tugas risikan yang dilakukan oleh pasukan ini membolehkan pihak berkuasa mengetahui operasi PKM.
- Terdapat anggota pasukan yang menyamar sebagai komunis untuk mendapatkan maklumat tentang PKM.
- British juga mengambil ramai ahli Cawangan Khas dalam kalangan orang Cina untuk menjejak anggota komunis hingga kubu persembunyiannya.
- Sebagai sebuah badan perisik, Cawangan Khas ini memberikan sumbangan semasa darurat.
- Kejayaan cawangan ini membuat penyusupan dalam organisasi KPM memudahkan pasukan keselamatan merancang tindakan terhadap PKM.

(ii) Special Constables
- Ditubuhkan ketika Rancangan Briggs sedang dilaksanakan.
- Seramai 24 ribu Special Constables dilatih dan dihantar mengawal ladang dan kawasan lombong.
- Mereka menjadi barisan hadapan dalam menghadapi ancaman komunis.

(iii) Polis hutan
- Pada asalnya, pasukan ini dikenali sebagai Flying Squad.
- Kemudian dinamakan Jungle Squad, Jungle Companies dan Police Field Force (PFF).
- Akhirnya, PFF dikenali sebagai Pasukan Polis Hutan.
- Tugas mereka memburu komunis membuat rondaan di pinggir hutan, membawa bekalan makanan kepada pasukan yang bertugas di dalam hutan dan menjaga kubu (*jungle fort*).

(iv) Polis wanita
- Barbara D.R. Wentworth merupakan pegawai polis wanita yang pertama.
- Ditugaskan melatih anggota baharu dan menyusun pasukan polis wanita.

(v) Senoi Praaq (Urang Perang)
- Bahasa Semai dikenali Urang Perang.
- Ditugaskan mengesan tempat persembunyian komunis di hutan.
- Anggotanya terdiri daripada Orang Asli suku Senoi, Semai dan Temuan.
- Mereka lebih dikenali sebagai "The Silent Killers"

(vi) Auxiliary Police (AP)
- 17 ribu orang AP di seluruh Tanah Melayu (1948).
- Mereka mempertahankan bandar dan kampung daripada serangan komunis serta membantu polis menentang ancaman komunis.
- Pada tahun 1956, anggota AP dijadikan Police Volunteer Reserve.

(b) Tentera

(i) Pasukan askar Melayu
- Tugas pasukan ini membanteras gerila komunis di dalam hutan.
- Kerajaan melengkapkan tentera darat dengan pasukan meriam dan pasukan bantuan yang lain.
- Rejimen Askar Melayu juga diperbesar daripada 3 rejimen kepada 7 rejimen.
- Mereka bukan sahaja berjaya menumpaskan anggota komunis, malah memusnahkan kubu operasi komunis.

(ii) Pasukan askar Komanwel
- Kerajaan membawa masuk askar Komanwel dari Britain, Australia, New Zealand, India, Afrika Timur, Kenya, Uganda, Rhodesia dan Fiji.
- Seramai 25 ribu orang askar Britain, 10 ribu askar Gurkha, satu batalion askar Afrika dan satu batalion rejimen Fiji ditempatkan di Tanah Melayu.
- Turut membantu dalam usaha memerangi komunis di negara kita.

(iii) Sarawak Rangers
- Terdiri daripada orang Iban.
- Tugas mereka menjejak persembunyian komunis di dalam hutan.
- Mereka mahir dalam selok-belok hutan.
- Cogan katanya, "Agi Idup Agi Ngelaban" yang bermaksud "selagi hidup selagi melawan".

(c) Sukarelawan

(i) Home Guard
- Pasukan Pengawal Kampung.
- Membantu menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubatan daripada jatuh ke tangan komunis.
- Diberikan latihan ketenteraan untuk mengawal kampung dan pekan.
- 79 ribu orang Home Guard di Persekutuan Tanah Melayu berjaya membantu dalam usaha nnengamankan kampung dan melindungi pekerja lombong bijih timah daripada serangan komunis.

3 Pendaftaran Kebangsaan dan Kad Pengenalan
- Untuk mengawal pergerakan penduduk.
- Langkah ini untuk memudahkan pihak keselamatan membezakan orang awam dengan komunis.
- Setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki mendaftarkan diri dengan pihak berkuasa.
- Orang awam dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja.

4 Rancangan Briggs
- Dilancarkan oleh Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu. Leftenan Jeneral Sir Harold Rowdon Briggs pula dilantik menjadi Pengarah Operasi.
- Tujuan utama langkah ini adalah untuk memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan kepada PKM.

(a) Penubuhan Kampung Baru
- Penduduk setinggan di pinggir hutan dipaksa berpindah dari kampung halaman ke sebuah petempatan baharu yang digelar sebagai "Kampung Baru".
- Kampung Baru dilengkapi dengan kemudahan tempat tinggal, bekalan elektrik, air paip, sekolah dan kemudahan kesihatan.
- Kampung Baru juga dipagari dengan kawat berduri dan dikawal oleh Special Constables.

(b) Min Yuen (Organisasi Massa)
- Untuk mendapatkan bekalan makanan dan wang kepada komunis.
- Min Yuen melakukan peras ugut, merompak, menjalankan kegiatan propaganda, melakukan perisikan dan sabotaj, merekrut ahli baharu serta membantu menjalankan kegiatan politik.
- Min Yuen beroperasi pada sebelah malam dan bergerak dalam kalangan rakyat tanpa senjata api.

5 Tawaran Pengampunan
- Sir Henry Gurney mengisytiharkan pengampunan kepada komunis supaya menyerah diri.
- Setiap hari, Radio Malaya menyiarkan syarat tawaran pengampunan.
- Poster ditampal di merata-rata tempat.
- Risalah dan pas pengampunan diedarkan dalam bahasa Cina, Melayu dan Tamil.
- Iklan dan wayang gambar digunakan untuk membantu penduduk memujuk anggota komunis supaya menyerah diri.

6 Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat
- Majlis Perundangan Persekutuan mengisytiharkan kempen "Bulan Rakyat Melawan Penjahat".
- Penduduk berbilang kaum diseru supaya mendaftarkan diri secara sukarela dengan pihak berkuasa.
- Sukarelawan ini terdiri daripada lelaki dan wanita daripada pelbagai sektor termasuklah golongan profesional.
- Kempen tersebut berjaya melibatkan rakyat berbilang kaum yang bekerjasama menentang komunis.

7 Perintah Berkurung
- Tindakan melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu.
- Perintah berkurung dikenakan terhadap penduduk yang enggan bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk membanteras ancaman komunis.
- Contohnya pada bulan Mac 1952, penduduk Tanjung Malim dikenakan perintah berkurung selama 22 jam untuk mengelakkan mereka berhubung dengan komunis.
- Sir Gerald Templer tiba di Tanjung Malim untuk memaklumkan penduduk tentang hukuman terhadap sikap mereka yang enggan memberikan sebarang maklumat tentang gerakan komunis kepada kerajaan.

8 Perang Saraf

(a) Mengadakan lawatan
- Templer mendampingi rakyat untuk mengetahui masalah dan pandangan mereka.
- Beliau melakukan lawatan ke sekolah, kampung, hospital, dispensari, bilik operasi, pondok polis, unit pasukan keselamatan, buruh, lombong, estet dan bersedia menerima perwakilan.

(b) Melonggar syarat kewarganegaraan
- Melonggarkan syarat kewarganegaraan bagi menarik kaum bukan Melayu menjadi rakyat Tanah Melayu.
- Langkah ini penting untuk mewujudkan bangsa yang bersatu.

(c) Mengadakan Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
- Kerajaan mengadakan pilihan raya tempatan pertama bertujuan menggalakkan penyertaan orang bukan Melayu dalam politik dan mendapatkan sokongan untuk menentang komunis.

(d) Menawarkan hadiah wang tunai
- Penduduk yang dapat menangkap atau memberikan maklumat tentang gerila komunis diberi hadiah.
- Contohnya, sesiapa yang berjaya menangkap Chin Peng, pemimpin PKM sama ada hidup atau mati akan diberikan hadiah sebanyak S250 ribu.

(e) Memenangi kepercayaan Orang Asli
- Templer berusaha untuk memenangi kepercayaan Orang Asli supaya mereka menyokong kerajaan dalam usaha menghapuskan komunis.
- Beliau mendirikan 14 kubu untuk mendapatkan sokongan Orang Asli.
- Kubu ini menyediakan kemudahan barangan keperluan harian, perubatan, pendidikan dan perlindungan.

(f) Memajukan perkhidmatan penerangan
- Jabatan Penerangan dan Perkhidmatan Radio Malaya dijadikan medium untuk menimbulkan kesedaran kepada masyarakat agar menyokong kerajaan membanteras komunis.
- Jabatan ini bertanggungjawab menyebarkan risalah antikomunis kepada penduduk dan risalah kerajaan kepada komunis di dalam hutan.

(g) Memperkenalkan kawasan hitam dan kawasan putih
- Kawasan hitam ialah kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung.
- Kawasan putih ialah kawasan yang diisytiharkan bebas daripada ancaman komunis.

9 Rundingan Baling
- Bagi menamatkan ancaman komunis dan mencapai kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman mengadakan pertemuan dengan pemimpin PKM di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah.
- Pertemuan tersebut melibatkan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan PKM. Wakil Persekutuan Tanah Melayu ialah Tunku Abdul Rahman yang ditemani oleh Tan Cheng Lock dan David Marshall, sementara PKM diwakili oleh Chin Peng, Chen Tien dan Rashid Maidin.
- Tunku Abdul Rahman meminta Chin Peng membubarkan PKM, meletakkan senjata dan menyerah diri.
- Chin Peng pula menetapkan syarat, iaitu peletakan senjata dan penyerahan diri akan dibuat seandainya kerajaan bersetuju mengakui PKM sebagai sebuah parti politik yang sah.
- Tunku Abdul Rahman enggan menerima syarat tersebut.
- Rundingan tersebut gagal.

6.4 Kesan Zaman Darurat terhadap Negara Kita

1 Aspek Politik
- Peningkatan jumlah warganegara kerana kerajaan telah melonggarkan syarat kewarganegaraan.
- Penubuhan MCA oleh Tan Cheng Lock.
- MCA berganding bahu dengan kerajaan memerangi komunis.
- Darurat mendorong British bersedia untuk mempercepatkan kemerdekaan.
- Penubuhan CLC, Parti Perikatan (UMNO, MCA, MIC) dan kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955 memberikan keyakinan kepada British bahawa Persekutuan Tanah Melayu merdeka dapat menewaskan komunis melalui perpaduan kaum.

2 Aspek Sosioekonomi
- Darurat meningkatkan kos perbelanjaan British menangani ancaman komunis. Kerajaan terpaksa membelanjakan lebih $10 juta sebulan atau $120 juta setahun.
- Darurat menyebabkan rakyat menghadapi penderitaan semasa zaman darurat ini. Ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis menyebabkan kegiatan ekonomi negara terjejas. Pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan.
- Peniaga, pekedai, pengusaha kebun, peladang dan pelombong mengalami kesukaran kerana mereka merupakan sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang dan makanan.
- Kampung Baru didominasi oleh kaum Cina, kaum Melayu tertumpu di kampung. Kehidupan sedemikian tidak memberikan ruang untuk bersosial.
- Pengasingan ini menyebabkan hubungan antara kaum renggang.
- Darurat menyebabkan banyak anggota pasukan keselamatan, komunis dan orang awam terkorban.

3 Penamatan Darurat
- Darurat berlangsung selama 12 tahun.
- Penamatan zaman darurat di seluruh negara mulai 31 Julai 1960.
- Tempoh darurat selama 12 tahun menyebabkan kesengsaraan dan kesulitan kepada penduduk tempatan.
- Komunis telah menyebabkan keadaan huru-hara di negara kita.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Bagaimanakah pengaruh ideologi komunis dari China dibawa masuk ke negara kita? BUKU TEKS MS 146
A Penubuhan Parti Komunis Nanyang
B Penguasaan Parti Komunis Indonesia
C Perkembangan Parti Komunis Malaya
D Pembukaan cawangan Parti Koumintang

2 Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 146
A Gagal menguasai Pulau Jawa
B Dapat menerima bantuan senjata
C Menyusup dalam kesatuan sekerja
D Bekerjasama dengan Parti Komunis Malaya

3 Mengapakah British bekerjasama dengan Parti Komunis Malaya semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 147
A Mengusir tentera Jepun
B Meraih sokongan rakyat
C Memupuk perpaduan rakyat
D Mewujudkan kerajaan baharu

4 Bagaimanakah British bekerjasama dengan Parti Komunis Malaya (PKM) dalam usaha memerangi Jepun? BUKU TEKS MS 147
I Membuka cawangan PKM
II Memberi bantuan perubatan
III Menyediakan latihan ketenteraan
IV Membantu menyebarkan fahaman
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

5 Kerajaan British melaksanakan Trade Union Ordinance No. 9 of 1948.
Mengapakah British berbuat demikian? BUKU TEKS MS 147
A Mengukuhkan pentadbiran British
B Menyekat perkembangan komunis
C Mengharamkan Parti Komunis Malaya
D Melaksanakan Undang-Undang Darurat

6 Komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang berbangsa Eropah pada 16 Jun 1948 di Sungai Siput, Perak.
Apakah kesan peristiwa tersebut? BUKU TEKS MS 148
A Pengisytiharaan Undang-Undang Darurat
B Pengenalan kad pendaftaran kebangsaan
C Parti Komunis Malaya dikenakan tindakan
D Penangkapan pemimpin Parti Komunis Malaya

7 Apakah tindakan komunis untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 149
I Merosakkan jalan raya
II Memutuskan bekalan air
III Merosakkan ladang getah
IV Menyerang pekerja lombong
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

8 Bagaimanakah komunis mengancam keselamatan rakyat? BUKU TEKS MS 150
A Merosakkan pokok getah
B Menyerang pasukan polis
C Mengalihkan landasan kereta api
D Membakar harta benda penduduk

9 Mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) menyerang balai polis? BUKU TEKS MS 150
I Mencetuskan huru-hara
II Melemahkan ekonomi British
III Menggugat keselamatan rakyat
IV Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

10 Antara berikut, yang manakah usaha menangani ancaman komunis melalui penguatkuasaan Undang-Undang Darurat? BUKU TEKS MS 152
I Menggeledah rumah kediaman
II Memperkenalkan sistem pendaftaran
III Memperkasakan pasukan keselamatan
IV Menangkap pemimpin gerakan radikal
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

11 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pasukan keselamatan yang ditubuhkan semasa darurat.

X	→	Mengesan tempat persembunyian komunis

Apakah **X**? BUKU TEKS MS 154
A Polis Hutan
B Senoi Praaq
C Cawangan Khas
D Special Constables

12 Gambar berikut merujuk kepada pasukan keselamatan yang ditubuhkan oleh British.

Apakah tugas pasukan tersebut? BUKU TEKS MS 155
A Membuat rondaan di pinggir hutan
B Menjejak persembunyian pengganas
C Mempertahankan bandar dan kampung
D Menyekat bekalan makanan dan ubatan

13 Mengapakah kerajaan British memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan pada 23 Julai 1948? BUKU TEKS MS 156
A Membezakan kewarganegaraan
B Melindungi penduduk tempatan
C Mengawal pergerakan penduduk
D Memudahkan urusan penempatan semula

14 Maklumat berikut berkaitan dengan gerakan komunis di Tanah Melayu.

X
• Membekalkan makanan dan wang • Bergerak tanpa senjata

Apakah **X**? BUKU TEKS MS 157
A Min Yuen
B Angkatan Wanita Sedar
C Parti Komunis Malaya (PKM)
D Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA)

15 Perintah berkurung telah dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu.
Apakah rasional tindakan tersebut?
BUKU TEKS MS 158
I Melindungi kepentingan penjajah
II Memastikan keselamatan penduduk
III Melicinkan operasi memburu komunis
IV Menyekat hubungan penduduk dengan komunis
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

16 Apakah langkah yang digunakan semasa melaksanakan perang saraf? BUKU TEKS MS 159
I Mengadakan lawatan
II Mewujudkan kampung baru
III Melaksanakan perintah berkurung
IV Melonggarkan syarat kewarganegaraan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

17 Apakah tujuan Kawasan Hitam dan Kawasan Putih diperkenalkan? BUKU TEKS MS 160
A Mengekang ancaman komunis
B Meningkatkan tahap kesihatan
C Memajukan kawasan luar bandar
D Memperkenalkan program ekonomi

18 Apakah faktor yang menyebabkan Rundingan Baling 1955 menemui kegagalan?
BUKU TEKS MS 160
A Bantahan penduduk Tanah Melayu
B Keengganan PKM menerima syarat
C Pembunuhan pegawai tinggi British
D Tindakan konfrontasi dari Indonesia

19 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan MCA.

Malayan Chinese Association (MCA) ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949.

Mengapakah Tan Cheng Lock menubuhkan MCA? BUKU TEKS MS 161
A Memiliki pemimpin yang hebat
B Menjaga kepentingan masyarakat Cina
C Mendapat kerakyatan secara automatik
D Menyokong kerajaan memerangi komunis

20 Pasukan keselamatan membuat kawalan yang ketat di Kampung Baru.
Apakah kesan kawalan tersebut? BUKU TEKS MS 163
A Mengurangkan kadar jenayah
B Interaksi antara kaum lebih erat
C Bantuan makanan mudah diagihkan
D Merenggangkan hubungan antara kaum

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Percubaan untuk menyebarkan ideologi komunis di negara kita bermula sejak tahun 1920-an.

(*a*) Nyatakan **dua** pertubuhan yang menyebarkan ideologi tersebut di Tanah Melayu. BUKU TEKS MS 146

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah pertubuhan tersebut menyebarkan ideologi komunis di negara kita? BUKU TEKS MS 147

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Mengapakah rakyat Malaysia wajar menolak ideologi komunis? KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

2 Pada 18 Jun 1948, Undang-Undang Darurat telah dikuatkuasakan ke seluruh Tanah Melayu.

(*a*) Apakah faktor yang menyebabkan British mengisytiharkan undang-undang tersebut? BUKU TEKS MS 148

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah komunis menggugat keamanan dan kestabilan negara? BUKU TEKS MS 149

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Teliti poster berikut.

Sumber : *Jabatan Penerangan Malaysia*

Jelaskan mesej yang terkandung dalam poster tersebut. KBAT

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Pelbagai usaha telah dilakukan oleh British untuk mengekang ancaman komunis di Tanah Melayu.

(*a*) Jelaskan usaha menangani ancaman komunis melalui:

(i) Rancangan Briggs. BUKU TEKS MS 157

[6 *markah*]

(ii) Perang saraf. BUKU TEKS MS 159

[6 *markah*]

(*b*) Poster berikut menunjukkan usaha menentang komunis.

Sumber : *Arkib Negara Malaysia/ Jabatan Penerangan Malaysia*

Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut dan kepentingan kerjasama antara kerajaan dan rakyat bagi mengekalkan kedaulatan negara. **KBAT**

[8 *markah*]

4 Penyebaran ideologi komunis dari China dan Indonesia menyebabkan penduduk terpengaruh dengan fahaman komunis.

(*a*) Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) meluaskan kuasa di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun? BUKU TEKS MS 147

[4 *markah*]

(*b*) Jelaskan kesan zaman darurat dari aspek berikut:

(i) Politik. BUKU TEKS MS 161

[4 *markah*]

(ii) Sosioekonomi. BUKU TEKS MS 162-163

[4 *markah*]

(*c*) Baca petikan berikut.

> Di kebanyakan negara, setiap individu menentukan kecenderungan politik berasaskan kepada ideologi parti politik di negara masing-masing. Mereka hanya berminat terhadap perbincangan yang membabitkan isu politik dalam negara.
>
> Peristiwa di luar negara jarang mempengaruhi pemikiran. Kebelakangan ini, ada rakyat termasuk pelajar terpengaruh dengan ideologi politik luar negara hingga sanggup bertarung nyawa kononnya untuk menegakkan sesuatu perjuangan yang tidak jelas.
>
> Walaupun bilangan mereka tidak ramai, tetapi menjadi trend yang membimbangkan apabila sesetengah rakyat terdedah kepada pelbagai ideologi asing. Hal ini menunjukkan rakyat mempunyai hubungan atau jaringan dengan fahaman politik tidak sehaluan dengan dasar negara.
>
> Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada *https://www.bharian.com.my/kolumnis/2014/11/16216/ideologi-politik-luar-negara-beri-kesan-negatif*

Huraikan maklumat yang terkandung di dalam petikan dan kesan sekiranya rakyat terpengaruh dengan ideologi negatif. **KBAT**

[8 *markah*]

BAB 7 Usaha ke Arah Kemerdekaan

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Kesatuan Melayu Muda (KMM)	Dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob yang memperjuangkan konsep Melayu Raya.	172
2	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	Matlamat politik untuk menanam semangat kebangsaan dan bekerjasama dengan kaum lain bagi membentuk perpaduan.	172
3	Angkatan Pemuda Insaf (API)	Memperjuangkan idea negara merdeka yang menekankan pemerintahan demokrasi dan dasar ekonomi yang mengutamakan rakyat serta keadilan sosial.	172
4	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak	Mempelopori gerakan menentang penyerahan Sarawak kepada British.	172
5	Pergerakan Pemuda Melayu (PPM)	Gerakan untuk memerdekakan Sarawak yang berpusat di Sibu.	172
6	United Malays National Organisation (UMNO)	Menyatukan orang Melayu untuk mempertahankan hak bangsa Melayu dan kedudukan Raja-raja Melayu.	172
7	Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML)	Menjalankan dasar tidak bekerjasama dengan penjajah dan menuntut Sabah dimerdekakan daripada British.	173
8	Malayan Indian Congress (MIC)	Bekerjasama dengan kaum lain dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu.	173
9	Hizbul Muslimin	Bermatlamat untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu sebagai negara Islam.	173
10	Malayan Chinese Association (MCA)	Menjadikan Tanah Melayu yang berbilang kaum sebuah negara yang berdemokrasi penuh.	173
11	Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)	Membina satu negara dan satu bangsa yang teguh dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan rasmi.	173
12	Independence of Malayan Party (IMP)	Dipimpin Dato' Onn Jaafar yang ingin melaksanakan idea "Tanah Melayu untuk Malayan".	173
13	Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum	Mengkaji hubungan antara kaum secara mendalam, membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial serta mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah.	174
14	Sistem Ahli	Dilaksanakan dari bulan April 1951 hingga Jun 1955.	178
15	Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)	Beberapa anggota MPP diberikan tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan dalam Sistem Ahli.	178

Menguasai Tidak Menguasai

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
16	Sekolah vernakular	Sekolah yang menggunakan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar.	180
17	Laporan Barnes	Menekankan kepentingan sekolah rendah untuk membina satu rupa bangsa penduduk yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal yang kekal dan tumpuan taat setia.	180
18	Laporan Fenn-Wu	Sekolah Cina diteruskan secara berasingan dan berorientasikan Tanah Melayu.	180
19	Ordinan Pelajaran 1952	Tanah Melayu mempunyai dua jenis sekolah rendah.	181
20	Laporan Woodhead	Pemerkasaan pendidikan peringkat rendah dan menengah, menitikberatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur.	182
21	Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956	Memupuk integrasi dan perpaduan melalui kurikulum yang seragam dan bercorak kebangsaan.	183
22	Persidangan Kebangsaan	Berlangsung pada bulan Februari 1954 yang diketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang (Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz) telah disertai oleh IMP, MIC, Persatuan Ceylonese Malaya dan Persatuan Eurasian Malaya.	186
23	Konvensyen Kebangsaan	Berlangsung pada bulan Ogos 1954 yang dianjurkan oleh UMNO telah dihadiri PAS, Persetiaan Melayu Kelantan dan Persatuan Melayu Semenanjung.	187

NOTA EFEKTIF

7.1 Latar Belakang Idea Negara Merdeka

1938	• Kesatuan Melayu Muda – Ibrahim Haji Yaakob
1945	• Parti Kebangsaan Melayu Malaya – Dr. Burhanuddin al-Helmi
1946	• Angkatan Pemuda Insaf – Ahmad Boestamam • Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak – Datu Patinggi Abang Haji Abdillah • Pergerakan Pemuda Melayu • United Malays National Organisation – Dato' Onn Jaafar • Parti Kebangsaan Melayu Labuan – Tengku Noordin dan Zakaria Gunn • Malayan Indian Congress (MIC) – John Thivy
1947	• Hizbul Muslimin – Abu Bakar al-Baqir
1949	• Malayan Chinese Association (MCA) – Tan Cheng Lock
1951	• Parti Islam Se-Tanah Melayu – Dr. Burhanuddin al-Helmi • Independence of Malayan Party (IMP) – Dato' Onn Jaafar

7.2 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

1 Latar Belakang
- Januari 1949
- Menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum

2 Objektif
- Mengkaji hubungan kaum secara mendalam.
- Membetulkan keadaan politik, ekonomi dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti.
- Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan penduduk.

3 Anggota
- Penasihat: Malcolm MacDonald
- Pengerusi: E.E.C. Thuraisingham
- Wakil Melayu: Dato' Onn Jaafar, Dato', Panglima Bukit Gantang
- Wakil Cina: Tan Cheng Lock, Lee Tiang Keng, C.C. Tan
- Ahli lain: Roland Braddell, L.R. Doraisamy Iyer, Dr. J.S. Goonting

4 Moto
- "Kesamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu"

Isu	Peranan CLC	Kesan
Politik	Peralihan ke arah berkerajaan sendiri. Pilihan raya secara berperingkat.	Pilihan raya majlis bandaran, majlis negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan diadakan.
Kedudukan Istimewa Orang Melayu	Orang Melayu wajar diberi kedudukan istimewa kerana taat setia dan iktiraf negara ini tanah air tunggal mereka.	Kedudukan istimewa orang Melayu diperakui dan kepentingan sah kaum lain diiktiraf.
Kedudukan Ekonomi Orang Melayu	Penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu.	RIDA ditubuhkan sebagai bantuan ekonomi dan kemajuan luar bandar.
Kewarganegaraan Bukan Melayu	Kewarganegaraan diberi bagi memupuk taat setia kepada Tanah Melayu dan kerjasama penduduk.	Syarat kewarganegaraan longgar untuk memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu.
Pendidikan Berbeza Mengikut Kaum	Sistem pendidikan yang seragam untuk memupuk kesetiaan dan perpaduan.	Penubuhan jawatankuasa pendidikan bagi melahirkan pendidikan yang seragam dan diterima semua kaum.

7.3 Sistem Ahli

1 Tujuan
- Menyediakan langkah berkerajaan sendiri selaras dengan dasar dekolonisasi.
- Melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu (PTM).

2 Pembentukan Sistem Ahli
- Dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.
- Beberapa portfolio baharu diwujudkan dan dijawat oleh warganegara PTM.

3 Ciri-ciri
- Ahli bertaraf 'Menteri' yang menjaga portfolio jabatan dan agensi kerajaan.
- Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
- Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang dan dibentangkan dalam MPP.
- Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British.
- Satu sistem kabinet bayangan – beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat.

4 Kepentingan
- Melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri.
- Pendedahan kepada penduduk tempatan belajar mentadbir dan menerajui kerajaan.
- Proses memupuk perpaduan kaum kerana ahlinya gabungan pemimpin pelbagai kaum.
- Menentukan kemerdekaan negara mendapat sokongan seluruh penduduk PTM.

7.4 Sistem Pendidikan Kebangsaan

- 1951 – Laporan Barnes menekankan kepentingan sekolah rendah untuk membina satu rupa bangsa penduduk yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal yang kekal dan tumpuan taat setia.
- 1951 – Laporan Fenn-Wu mencadangkan penambahbaikan untuk menjadikan sekolah Cina sebagai institusi yang memberikan faedah kepada penduduk Tanah Melayu.
- 1952 – Ordinan Pelajaran 1952 bertujuan membentuk sistem pendidikan yang menggunakan bahasa rasmi Persekutuan. Semua murid daripada pelbagai bangsa disatukan dalam satu sistem berorientasikan Tanah Melayu.
- 1955 – Laporan Woodhead di Sarawak dan Sabah memperkasakan pendidikan rendah dan menengah serta menitikberatkan kepentingan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Seterusnya mewujudkan sistem pembiayaan pendidikan yang teratur.
- 1956 – Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dengan hasrat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum.

7.5 Penubuhan Parti Politik

1 Kemunculan Parti Politik Selepas Perang Dunia Kedua

(a) Tahun 1940-an – Parti dan matlamat perjuangan
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) – Memperjuangkan Melayu Raya
- Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak – Menentang penyerahan Sarawak kepada British
- Angkatan Pemuda Insaf – Menggunakan slogan “Merdeka dengan Darah” untuk merdeka
- Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) – Menuntut kemerdekaan Sarawak
- United Malays National Organisation (UMNO) – Menentang Malayan Union
- Parti Kebangsaan Melayu Labuan (PKML) – Menuntut agar Sabah dimerdekakan
- Malayan Indian Congress (MIC) – Menjaga kepentingan orang India di Tanah Melayu
- Barisan Pemuda (BARIP) – Menuntut keadilan daripada pentadbiran British
- Barisan Pemuda Sarawak (BPS) – Menentang penyerahan Sarawak kepada British
- Malayan Chinese Association (MCA) – Memelihara kepentingan kaum Cina

(b) Tahun 1950-an – Parti dan matlamat perjuangan
- Independence of Malayan Party – Menyatukan rakyat pelbagai kaum untuk mencapai kemerdekaan
- Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) – Memperjuangkan kemerdekaan penuh dan penyatuan pentadbiran Islam di negeri Melayu
- People’s Progressive Party (PPP) – Memperjuangkan keadilan sosioekonomi
- Parti Negara – Menuntut kemerdekaan dengan kerjasama semua kaum

2 Kerjasama Politik Ke Arah Kemerdekaan

(a) Pakatan PUTERA -AMCJA
- PUTERA pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan AMCJA pimpinan Tan Cheng Lock bergabung pada Disember 1947
- Memupuk kerjasama politik antara kaum melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat.
- Mencadangkan pemerintahan sendiri, pembentukan Dewan Perundangan dan penerimaan satu kewarganegaraan.

(b) Persidangan Kebangsaan
- Berlangsung pada Februari 1954, diketuai Dato’ Panglima Bukit Gantang.
- Membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu.
- Menuntut agar diadakan pilihan raya Persekutuan.

(c) Konvensyen Kebangsaan
- Dianjurkan UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman dan MCA pimpinan Tan Cheng Lock pada bulan Ogos 1954.
- Membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu.
- Meluluskan resolusi mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan.

(d) Pembentukan Parti Perikatan
- MIC menyertai UMNO dan MCA bagi membentuk Parti Perikatan pada Oktober 1954.
- Melengkapkan kerjasama tiga kaum terbesar di Tanah Melayu.
- Memilih kapal layar sebagai logo yang melambangkan kesediaan menempuh cabaran dan rintangan bagi mencapai kemerdekaan negara.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Parti politik berikut ditubuhkan di negara kita sebelum merdeka.

- Kesatuan Melayu Muda
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Apakah persamaan perjuangan mereka? BUKU TEKS MS 172

A Mempertahankan hak bangsa Melayu
B Merdeka melalui konsep Melayu Raya
C Membantah kerjasama dengan penjajah
D Menjalin kerjasama dengan semua kaum

2 Apakah slogan yang digunakan oleh Angkatan Pemuda Insaf (API) dalam perjuangan mereka memperoleh kemerdekaan? BUKU TEKS MS 172

A Hidup Melayu
B Merdeka dengan Darah
C Hidup Melayu-Merdeka
D Tanah Melayu untuk Malayan

3 Rajah berikut berkaitan perubahan slogan sebuah pertubuhan yang mencetuskan idea negara merdeka.

Hidup Melayu	→	Merdeka

Apakah nama pertubuhan tersebut? BUKU TEKS MS 172

A Pergerakan Pemuda Melayu
B Parti Kebangsaan Melayu Malaya
C United Malays National Organisation
D Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak

4 Mengapakah Dato' Onn Jaafar mengasaskan Independence of Malayan Party (IMP)? BUKU TEKS MS 173

A Melicinkan pentadbiran negara
B Memperjuangkan hak sama rata
C Menghapuskan diskriminasi kaum
D Membentuk perpaduan kebangsaan

5 Malayan Chinese Association (MCA) mempunyai matlamat menjadikan Tanah Melayu yang berbilang kaum sebuah negara yang berdemokrasi penuh.
Bagaimanakah MCA berusaha mencapai matlamat tersebut? BUKU TEKS MS 173

A Melafazkan taat setia kepada negara
B Menanam kebencian kepada kolonial
C Menekankan kesedaran untuk merdeka
D Menjalin kerjasama dengan semua kaum

6 Masalah ketegangan hubungan antara kaum selepas Perang Dunia Kedua membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC).
Bagaimanakah CLC berusaha mengatasi masalah tersebut? BUKU TEKS MS 174

A Meningkatkan hubungan dengan negara luar
B Mengadakan perundingan antara pemimpin kaum
C Menolak syarat kewarganegaraan yang longgar
D Menubuhkan parti politik berasaskan perkauman

7 Moto berikut digunakan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) dalam usaha ke arah kemerdekaan.

> "Kebersamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu"

Apakah yang dilakukan oleh CLC bagi merealisasikan moto tersebut? BUKU TEKS MS 175

A Memperjuangkan hak sama rata
B Meningkatkan kerjasama politik
C Mengekalkan sekolah vernakular
D Memperketatkan syarat kerakyatan

8 Mengapakah penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) merupakan sesuatu yang wajar pada negara? BUKU TEKS MS 177

A Melatih penduduk berkerajaan sendiri
B Mengukuhkan kuasa Raja-raja Melayu
C Mengurangkan pengaruh golongan radikal
D Membentuk persefahaman antara pemimpin

9 Maklumat berikut berkaitan dengan isu kedudukan ekonomi orang Melayu.

> Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum lain dalam sektor perniagaan dan perusahaan.

Bagaimanakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berusaha menyelesaikan isu tersebut? BUKU TEKS MS 176-177

A Mengadakan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan

Menguasai | Tidak Menguasai

B Menubuhkan Lembaga Pembangunan Industri Desa
C Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
D Meningkatkan orang tempatan dalam Sistem Ahli

10 Sistem Ahli telah diperkenalkan oleh British pada tahun 1951.
Mengapakah sistem ini diperkenalkan?
BUKU TEKS MS 178
A Mendedahkan amalan sistem demokrasi
B Melindungi kedaulatan Raja-raja Melayu
C Melatih penduduk menerajui pentadbiran
D Membentuk Majlis Mesyuarat Persekutuan

11 Apakah ciri-ciri Sistem Ahli? BUKU TEKS MS 179
A Satu sistem kabinet bayangan
B Diketuai Yang di-Pertuan Agong
C Menggubal perlembagaan merdeka
D Ahli di bawah kuasa Majlis Raja-Raja

12 Apakah kepentingan Sistem Ahli 1951 kepada Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 179
A Memupuk perpaduan kaum
B Mengukuhkan sistem monarki
C Melindungi kebajikan penduduk
D Meningkatkan peluang pekerjaan

13 Dato' Onn Jaafar telah dilantik sebagai "Menteri" Hal Ehwal Dalam Negeri Persekutuan Tanah Melayu.
Apakah bidang kuasa beliau? BUKU TEKS MS 179
I Hal ehwal imigran
II Perancangan bandar
III Hubungan luar negara
IV Pendaftaran kerakyatan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

14 Senarai berikut berkaitan dengan sistem pendidikan negara kita sebelum merdeka.

- Sekolah vernakular Melayu
- Sekolah vernakular Tamil
- Sekolah vernakular Cina

Apakah implikasi daripada sistem persekolahan tersebut? BUKU TEKS MS 180
A Perpaduan kaum sukar dicapai
B Pengurangan kadar kemiskinan
C Pembentukan masyarakat majmuk
D Pembangunan ekonomi meningkat

15 Laporan Fenn-Wu diterbitkan pada tahun 1951.
Apakah kandungan laporan tersebut?
BUKU TEKS MS 180
A Memansuhkan semua sekolah vernakular
B Meneruskan sekolah Cina secara berasingan
C Menggunakan bahasa Cina sebagai pengantar
D Mewujudkan sekolah menengah berbilang bangsa

16 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pendidikan di negara kita.

> Bahasa Cina dan Tamil diajar sebagai bahasa ketiga di sekolah rendah sekiranya terdapat 15 orang murid dalam kumpulan yang sama.

Perkara tersebut terkandung dalam BUKU TEKS MS 181
A Penyata Razak 1956
B Laporan Barnes 1951
C Ordinan Pelajaran 1952
D Laporan Woodhead 1955

17 Apakah cadangan Laporan Woodhead tentang pendidikan di Sarawak dan Sabah?
BUKU TEKS MS 182
A Menitikberatkan penggunaan bahasa Inggeris
B Memperkenalkan persekolahan aneka jurusan
C Menetapkan peperiksaan dalam bahasa Melayu
D Menambahbaik sistem persekolahan di luar bandar

18 Bagaimanakah Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum?
BUKU TEKS MS 183
I Mewajibkan mata pelajaran Sejarah diajar
II Mengadakan sistem persekolahan yang sama
III Memperkenalkan kandungan kurikulum seragam
II Mengendalikan peperiksaan dalam bahasa Melayu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

19 Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) dan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) telah bergabung pada bulan Disember 1947.
Apakah alternatif pakatan ini bagi membina negara bangsa yang merdeka? BUKU TEKS MS 186

A Menuntut diadakan pilihan raya
B Menamatkan pentadbiran British
C Mengkaji hubungan antara kaum
D Melahirkan Perlembagaan Rakyat

20 Konvensyen Kebangsaan telah berlangsung pada bulan Ogos 1954.
Apakah resolusi yang diluluskan melalui konvesyen tersebut? BUKU TEKS MS 187

A Membantah Perlembagaan Rakyat
B Membentuk pakatan PUTERA-AMCJA
C Mendesak diadakan pilihan raya Persekutuan
D Merealisasikan pembentukan Parti Perikatan

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Laporan Woodhead dikeluarkan pada tahun 1955 bagi memajukan sistem pendidikan di Sarawak dan Sabah.

(*a*) Nyatakan cadangan yang dikemukakan oleh Laporan Woodhead. BUKU TEKS MS 182

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan sistem pendidikan kebangsaan yang dijalankan di Sarawak dan Sabah berdasarkan kepada Laporan Woodhead 1955. BUKU TEKS MS 182

[4 *markah*]

(*c*) Bagaimanakah sistem pendidikan kebangsaan dapat memperkukuh perpaduan rakyat pada hari ini? KBAT

[4 *markah*]

2 Kerjasama politik antara kaum di negara kita berlaku mulai pertengahan tahun 1940-an.

(*a*) Nyatakan **dua** kerjasama politik ke arah kemerdekaan di negara kita. BUKU TEKS MS 186-187

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan kerjasama politik yang telah dijalankan pada **2**(*a*). BUKU TEKS MS 186-187

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Teliti gambar berikut.

Sumber : *https://seribuombak.wordpress.com*

Huraikan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut. KBAT

_____

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC) ditubuhkan pada bulan Januari 1949 yang menghimpunkan pemimpin utama masyarakat pelbagai kaum.

(*a*) CLC berperanan menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum. Terangkan mengenai isu tersebut. BUKU TEKS MS 176

[4 *markah*]

(*b*) Jelaskan bagaimana CLC berperanan menyelesaikan isu yang berlaku dan kesan ke arah perpaduan kaum pada ketika itu. BUKU TEKS MS 176-177

[8 *markah*]

(*c*) Baca maklumat dalam petikan berikut.

> Perpaduan amat penting dalam pembangunan sesebuah negara, sama ada negara tersebut merupakan negara maju, membangun mahupun sedang membangun. Hal ini demikian kerana kesatuan dan kesepakatan antara rakyat amatlah penting dalam membentuk sesebuah negara maju yang aman tanpa konflik yang menyebabkan berlakunya pertumpahan darah dan mengakibatkan kehancuran negara tersebut. Menurut *Kamus Dewan Perdana,* perpaduan merupakan penyatuan dan darjah, serta jenis penyatuan yang dipamerkan oleh sesebuah masyarakat, ataupun kumpulan dan jiran. Perpaduan amatlah penting dalam membentuk sesebuah negara yang maju. Tanpa perpaduan, amat mustahil kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat boleh dicapai.
>
> Sumber : *https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my,* 3 Februari 2023

Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut dan impak pada negara sekiranya masyarakat tidak bersatu padu. KBAT

[8 *markah*]

4 Sistem Ahli telah dilaksanakan di negara kita dari bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955.

(*a*) Jelaskan tentang:

(i) Latar belakang pembentukan Sistem Ahli. BUKU TEKS MS 178

[4 *markah*]

(ii) Ciri-ciri Sistem Ahli. BUKU TEKS MS 179

[4 *markah*]

(iii) Kepentingan Sistem Ahli. BUKU TEKS MS 179

[4 *markah*]

(*b*) Bandingkan Sistem Ahli yang ditubuhkan sebelum negara merdeka dengan sistem kabinet selepas negara mencapai kemerdekaan. **KBAT**

[8 *markah*]

BAB 8 Pilihan Raya

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Pilihan raya	Merupakan asas berkerajaan sendiri dan memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih wakil atau parti yang akan membentuk kerajaan.	196
2	Pilihan raya Perbandaran George Town 1951	Pilihan raya majlis perbandaran pertama diadakan untuk memilih 9 orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town.	197
3	Pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952	Diadakan pada Februari 1952 untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bagi kawasan Sentul, Bangsar, Imbi, Petaling Jaya.	197
4	Pilihan raya negeri 1954	Perikatan UMNO dan MCA memenangi 226 daripada 268 kerusi negeri yang dipertandingkan.	197
5	Pilihan raya Umum Pertama	Diadakan bagi merintis jalan ke arah kemerdekaan.	198
6	Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan	Ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya pada 26/4/1954.	200
7	Pendaftaran pengundi	Mulai 18/10/1954 di seluruh Tanah Melayu. Manakala di Terengganu bermula 29/10/1954.	200
8	Penanaman calon	Diadakan pada 15/6/1955 bagi Pilihan Raya Umum Pertama (PRU-1).	200
9	Kempen pilihan raya	Bagi PRU-1 dilaksanakan selama 45 hari.	201
10	Mengundi	Hari pengundian PRU-1 diadakan pada 27/7/1955.	201
11	Pengiraan undi	Proses pengiraan undi dijalankan setelah pusat mengundi ditutup.	201
12	Laporan Pilihan Raya Pertama MPP 1955	Mengandungi maklumat tentang urusan pemilihan serta penerangan berkaitan dengan peraturan dan tindakan yang perlu diambil bagi menghadapi pilihan raya.	202
13	Pilihan Raya Awal Sarawak	Pilihan raya tempatan pertama diadakan pada tahun 1956 bagi kawasan Kuching Municipal Council (KMC).	203
14	Pilihan Raya Awal Sabah	Diadakan pada 16/12/1962 untuk 118 kawasan (ward) di pihak berkuasa tempatan.	203
15	Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1948	Terdiri daripada 52 orang ahli tidak rasmi dilantik, 3 *ex officio*, 9 Residen, 2 wakil Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka), 11 orang ahli rasmi dalam kalangan Pegawai Pentadbiran Kerajaan.	204
16	*ex officio*	Terdiri daripada Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan dan Peguam Besar Persekutuan.	204

Bil.	Konsep/Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
17	Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955	Terdiri daripada 52 orang ahli yang dipilih melalui pilihan raya, 35 ahli lantikan mewakili kumpulan berkepentingan, 11 orang Menteri Besar dan 2 wakil Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang dan Melaka).	204
18	Kabinet Pertama	Kabinet 1955 dibarisi 10 orang Menteri dan 3 orang pegawai British.	206
19	Model Westminster	Sistem pemerintahan demokrasi mengikut Britain.	206
20	Kuasa veto	Hak atau kuasa yang diberi kepada pihak tertentu sahaja, kuasa pembatal.	206

NOTA EFEKTIF

8.1 Perkembangan Pilihan Raya di Persekutuan Tanah Melayu

- Perjanjian PTM – Pilihan raya di Persekutuan Tanah Melayu diadakan selaras dengan peruntukan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.
- Jawatankuasa – Jawatankuasa Pilihan Raya diwujudkan bagi Majlis Mesyuarat Perundangan untuk mengkaji dan membuat cadangan berkenaan pilihan raya.
- Ordinan – Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 yang memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.
- Pilihan Raya Majlis Perbandaran Geoge Town Pulau Pinang 1951 – Untuk memilih 9 orang ahli Pesuruhjaya Perbandaran George Town. Hari pendaftaran pemilih diadakan selama 6 minggu. Seramai 14 514 orang pengundi mendaftar untuk membuang undi.
- Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur, Februari 1952 – Untuk merebut 12 kerusi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur bagi kawasan Sentul, Bangsar, Imbi dan Petaling Jaya. UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA bahagian Selangor bekerjasama dan bergabung sebagai Perikatan
- Kerjasama UMNO-MCA – Kerjasama UMNO-MCA mendapat kemenangan pada kerusi majlis perbandaran peringkat Johor Bahru, Ipoh, Alor Setar, Melaka dan Seremban. Juga memenangi 226 kerusi daripada 268 kerusi negeri yang dipertandingkan dalam pilihan raya negeri.

8.2 Proses Pilihan Raya Umum Pertama

- 1 Feb 1954 – Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk dengan 46 orang ahli untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya yang akan dijalankan. Jawatankuasa ini mengeluarkan dua bentuk penyata susunan MPP yang dinamakan Bentuk A dan Bentuk B.
- Tunku Abdul Rahman dan Parti Perikatan memilih bentuk A.
- Jawatankuasa Pilihan Raya memilih Bentuk B.
- 21 April 1954 – Rombongan Tunku Abdul Rahman berangkat ke London untuk menyatakan hasrat menentukan 3/5 bilangan anggota MPP yang perlu dipilih melalui pilihan raya. Kenyataan ini dibuat melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen.
- 14 Mei 1954 – Tunku Abdul Rahman berjaya mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton di London namun masih gagal mendapatkan 3/5 ahli melalui pilihan raya. Akhirnya, bilangan ahli MPP yang dipersetujui adalah sebanyak 52 orang.
- Ogos 1954 – Rang Undang-Undang Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu diluluskan bagi membolehkan Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan.

Proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955

- 26 April 1954 – Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya
- Ogos 1954 – Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan.
- Pendaftaran pengundi: 18 Oktober – Seluruh Tanah Melayu, 29 Oktober – Terengganu
- 15 Jun 1955 – Penamaan calon

8.3 Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

- Kemenangan besar yang diperoleh Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955 membolehkan parti tersebut membentuk Kerajaan Persekutuan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu yang pertama.
- MPP berperanan menggubal undang-undang pentadbiran pada peringkat Persekutuan Tanah Melayu.

Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1948

Komposisi Ahli MPP	Keanggotaan
52 orang	Ahli tidak rasmi yang dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu
3 orang *ex officio*	Ketua Setiausaha Kerajaan, Setiausaha Kewangan, Peguam Besar Persekutuan
9 orang Residen	Residen British mewakili sembilan buah Majlis Negeri
2 orang	Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
11 orang	Ahli rasmi dalam kalangan Pegawai Pentadbiran Kerajaan
Jumlah 77	

Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) 1955

Komposisi Ahli MPP	Keanggotaan
52 orang	Ahli yang dipilih melalui pilihan raya
35 orang	Ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan seperti keusahawanan, perlombongan, perindustrian dan pertanian
11 orang	Menteri Besar mewakili negeri
2 orang	Wakil Negeri-negeri Selat, iaitu Pulau Pinang dan Melaka
Jumlah 100	

Kesan Penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan

- Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri dan akan mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British.
- Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa. Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara.
- Kuasa pegawai British kini beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan. Namun begitu, masih terdapat pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan. Susulan itu, Sistem Ahli dimansuhkan.
- Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi di negara kita. Keadaan ini menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk dan dipimpin oleh rakyat tempatan manakala ahlinya dipilih oleh rakyat.

8.4 Peranan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

Nama	Jawatan
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj	Ketua Menteri
Dato' Abdul Razak Hussein	Menteri Pelajaran
Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman	Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Perancang Bandar
Dr. Ismail Abdul Rahman	Menteri Tanah dan Galian
H.S. Lee	Menteri Pengangkutan
Sardon Jubir	Menteri Kerja Raya
V.T. Sambanthan	Menteri Buruh
Leong Yew Koh	Menteri Kesihatan
Ong Yoke Lin	Menteri Pos dan Telekom
Abdul Aziz Ishak	Menteri Pertanian

Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu

- Membincangkan soal kewangan dan keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam.
- Meminta kuasa veto Pesuruhanjaya Tinggi dibatalkan.
- Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster.
- Mengurangkan kuasa pentadbiran British.
- Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Di manakah pilihan raya majlis perbandaran yang pertama diadakan? BUKU TEKS MS 197
A Alor Setar
B Johor Bahru
C George Town
D Kuala Lumpur

2 Pilihan raya peringkat negeri menunjukkan penerimaan masyarakat terhadap kerjasama antara kaum. BUKU TEKS MS 197
Apakah yang membuktikan pernyataan tersebut?
A Kemenangan Perikatan UMNO-MCA
B Calon bertanding daripada pelbagai kaum
C Tuntutan persamaan hak semasa berkempen
D Keahlian terbuka Majlis Mesyuarat Persekutuan

3 Pada 1 Februari 1954, Jawatankuasa Pilihan Raya telah dibentuk.
Apakah tugas jawatankuasa tersebut?
BUKU TEKS MS 198
A Menentukan kelayakan calon
B Menubuhkan kabinet pertama
C Mengkaji hal ehwal pilihan raya
D Menetapkan Kempen pilihan raya

4 Jawatankuasa Pilihan Raya mengeluarkan dua bentuk penyata susunan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).
Manakah padanan yang tepat tentang susunan tersebut? BUKU TEKS MS 198

	Bentuk A	Bentuk B
A	Tiga orang ahli yang dilantik	Lima orang ahli yang dilantik
B	Dua orang ahli rasmi	Tiga orang ahli rasmi
C	Tiga orang dilantik mewakili golongan minoriti	Empat orang dilantik mewakili golongan minoriti
D	Enam puluh orang yang dipilih melalui pilihan raya	Empat puluh empat orang yang dipilih melalui pilihan raya

5 Mengapakah Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955 diadakan? BUKU TEKS MS 199
A Memelihara kebebasan hak asasi
B Merintis jalan ke arah kemerdekaan
C Mewujudkan kerjasama antara kaum
D Memilih ketua negara yang berkelayakan

6 Apakah syarat untuk menjadi pengundi dalam Pilihan Raya Persekutuan Tanah Melayu 1955?
BUKU TEKS MS 200
I Berumur 21 tahun ke atas
II Telah bermastautin selama 12 bulan
III Fasih bertutur dalam bahasa Inggeris
IV Warganegara Persekutuan Tanah Melayu
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Dialog berikut mungkin berlaku pada hari penamaan calon pilihan raya.

En. Riduan :	Saya berhajat menjadi calon Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
En. Samad :	Saya yakin En. Riduan mesti berjaya menjadi calon.

Berdasarkan dialog di atas, apakah syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh En. Riduan?
BUKU TEKS MS 200
A Taat setia pada negara
B Berumur 18 tahun ke atas
C Tinggal dalam tempoh 12 bulan
D Bekerja dalam perkhidmatan awam

8 Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan dalam Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.
Bagaimanakah Parti Perikatan berjaya memperoleh kemenangan tersebut?
BUKU TEKS MS 202
A Menggunakan isu perkauman
B Mengadakan kerjasama politik
C Memperjuangkan hak sama rata
D Meletakkan calon berpendidikan

Menguasai | Tidak Menguasai

9 Pilihan raya tempatan pertama di Sarawak diadakan pada tahun 1956.
Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan? BUKU TEKS MS 203
A Pengukuhan hubungan dengan negara luar
B Perebutan kuasa antara pemimpin dielakkan
C Persediaan awal ke arah berkerajaan sendiri
D Perjuangan memperoleh kedudukan istimewa

10 Apakah tugas Setiausaha Kolonial bagi Kerajaan Tempatan di negeri Sabah semasa pilihan raya kerajaan tempatan diadakan? BUKU TEKS MS 203
A Ketua Pengira Undi
B Penguasa Pilihan Raya
C Kerani Pendaftaran Calon
D Penggubal Undang-undang

11 Pilihan raya tempatan pertama di Sarawak diadakan pada tahun 1956. Mengapakah pilihan raya tersebut mendapat sambutan yang baik daripada rakyat pelbagai kaum? BUKU TEKS MS 203
A Berpeluang membentuk perpaduan kaum
B Berpeluang memilih wakil dalam kerajaan
C Mengembalikan kuasa pembesar tempatan
D Menyeragamkan sistem pentadbiran negara

12 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan 1955? BUKU TEKS MS 204
A Menamatkan keganasan komunis
B Mempertahankan kedaulatan negara
C Mengukuhkan perpaduan antara kaum
D Menggubal undang-undang pentadbiran

13 Mengapakah keanggotaan dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dilihat sebagai perkembangan amalan demokrasi di negara kita? BUKU TEKS MS 204
A Pengekalan kuasa sultan
B Pemimpin dipilih oleh rakyat
C Pemansuhan jawatan Gabenor
D Perlantikan Yang di-Pertuan Agong

14 Siapakah yang menjadi ahli wanita pertama dalam Majlis Perundangan Persekutuan? BUKU TEKS MS 205
A Zaharah Abdullah
B Datin Puteh Mariah
C Siti Rahmah Kassim
D Halimahton Abd Majid

15 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955? BUKU TEKS MS 204
A Pemansuhan Sistem Ahli
B Pelantikan Menteri Besar
C Penghapusan kuasa Residen
D Pembubaran Jemaah Menteri

16 Kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu turut dianggotai oleh tiga orang pegawai British. Apakah portfolio yang dipegang oleh pegawai tersebut? BUKU TEKS MS 206
A Pelajaran
B Pertanian
C Kesihatan
D Kewangan

17 Manakah antara berikut merupakan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 206
I Membangunkan dasar luar negara
II Menambahkan kuasa pentadbiran British
III Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
IV Menyambung pakai sistem berasaskan Westminster
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

18 Apakah mandat yang digalas Tunku Abdul Rahman selaku Ketua Menteri selepas pilihan raya 1955? BUKU TEKS MS 207
A Melantik ahli kabinet
B Mencapai kemerdekaan
C Menyatukan parti politik
D Meningkatkan pembangunan

19 Apakah tanggungjawab Menteri Pelajaran dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 207
A Membina bangsa yang bersatu
B Menetapkan bahasa pengantar
C Meningkatkan mutu pendidikan
D Memperkasakan sekolah rendah

20 Mengapakah kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu penting kepada negara kita? BUKU TEKS MS 207
A Menjayakan perkongsian kuasa
B Menguruskan pilihan raya umum
C Menghapuskan nasionalis radikal
D Mengekalkan hak istimewa rakyat

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Pilihan Raya Umum Pertama perlu diadakan bagi memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

(*a*) Nyatakan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. BUKU TEKS MS 200-201

_____

_____

_____

[2 *markah*]

(*b*) Apakah syarat untuk menjadi pengundi dan calon dalam pilihan raya tersebut? BUKU TEKS MS 200

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

(*c*) Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menggalakkan rakyat untuk keluar mengundi semasa pilihan raya diadakan pada hari ini. **KBAT**

_____

_____

_____

_____

_____

[4 *markah*]

2 Gambar berikut menunjukkan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955.

(*a*) Namakan **dua** orang tokoh tempatan yang menganggotai kabinet tersebut. BUKU TEKS MS 206

(i) _____

(ii) _____

[2 *markah*]

(*b*) Terangkan peranan yang dipegang oleh kabinet pertama. BUKU TEKS MS 206

[4 *markah*]

(*c*) Pemimpin berwibawa teras kemajuan sesebuah negara.
Ulaskan pernyataan tersebut. KBAT

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk pada 1 Februari 1954 untuk mengkaji hal ehwal pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

(*a*) Terangkan **dua** bentuk penyata susunan MPP yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya. BUKU TEKS MS 198

[6 *markah*]

(*b*) Jelaskan reaksi Tunku Abdul Rahman terhadap penyata yang dikeluarkan tersebut. BUKU TEKS MS 199

[6 *markah*]

(*c*) Mengapakah pilihan raya penting dalam sistem demokrasi negara kita? **KBAT**

[8 *markah*]

4 Selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan pada tahun 1955, beberapa perubahan berlaku secara berperingkat kepada keanggotaan dan peranan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP).

(*a*) Bandingkan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dengan Majlis Perundangan Persekutuan 1955. BUKU TEKS MS 204

[6 *markah*]

(*b*) Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 terhadap negara. BUKU TEKS MS 204

[6 *markah*]

(*c*) Baca petikan berikut.

> **KUALA LUMPUR** : Selepas 10 hari Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 diluluskan di Dewan Rakyat, hari ini rang tersebut diluluskan di Dewan Negara dengan majoriti dua pertiga.
>
> Dengan kelulusan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan ini, pilihan raya pada masa hadapan akan menyaksikan pengundi berumur 18 tahun dibenarkan mengundi dan menjadi calon berbanding umur 21 tahun sebelum ini, selain pendaftaran pengundi akan dilakukan secara automatik.
>
> Sumber : *https://www.bharian.com.my,* 25 Julai 2019

Jelaskan kewajaran pindaan umur kelayakan dilakukan dan kebaikan pendaftaran pengundi dilakukan secara automatik. **KBAT**

[8 *markah*]

BAB 9 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Rundingan kemerdekaan	Misi rundingan bagi membincangkan hal keselamatan, hubungan British-Tanah Melayu dan soal berkaitan dengan perkembangan negara yang akan merdeka.	216-218
2	Rombongan merdeka	Rombongan merdeka diketuai oleh Tunku Abdul Rahman dan disertai Dato' Abdul Razak Hussien, H.S.Lee dan Dr. Ismail Abdul Rahman yang mewakili Parti Perikatan serta MB Perak (Dato' Haji Wahab Abd Aziz), MB Selangor (En. Abdul Aziz Abdul Majid), MB Johor (Dato' Mohamad Seth Mohammad Said) dan MB Kelantan (Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood) mewakili Raja-raja Melayu.	217
3	Sambutan bersejarah di Melaka	Tunku Abdul Rahman dan rombongan merdeka tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka pada 20/2/1956 dan diarak ke Padang Banda Hilir yang turut dihadiri lebih kurang 100 ribu orang	219
4	Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu	Ditubuhkan pada 8/3/1956 dan dikenali juga sebagai Suruhanjaya Reid yang berperanan membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merdeka.	220
5	Perlembagaan PTM	Undang-undang tertinggi Persekutuan Tanah Melayu.	222
6	Memorandum pihak Raja-raja Melayu	Dikemukakan oleh Raja-raja Melayu antaranya mencadangkan supaya Persekutuan merdeka mempunyai seorang Ketua Negara yang dikenali sebagai Yang di-Pertuan Agong, serta melindungi hak istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.	222
7	Memorandum parti politik dan pihak awam	Dikemukakan oleh parti politik, dewan perniagaan dan wakil masyarakat mencadangkan soal kewarganegaraan, bahasa dan pendidikan.	222
8	Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu	Ditandatangani pada 5/8/1957 yang mengandungi beberapa perkara seperti pengamalan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen, kewarganegaraan, kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain, kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu.	224
9	Kewarganegaraan	Diberikan dengan tiga cara, iaitu penguatkuasaan undang-undang, pemohonan dan naturalisasi.	224
10	Kedudukan bahasa Melayu	Perkara 152 memperuntukkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.	225
11	Kedudukan agama Islam	Perkara 3 memperuntukkan agama Islam sebagai agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai.	225

NOTA EFEKTIF

9.1 Usaha Rundingan Kemerdekaan

1 Pihak Raja-raja Melayu serta para pemimpin yang dipilih oleh rakyat dan pihak British mengadakan beberapa rundingan dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan.

2 Kepentingan Rundingan Kemerdekaan antara Wakil Raja-raja Melayu dengan Wakil Parti Perikatan
- Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya rundingan di London untuk membincangkan hal:
  (a) Keselamatan
  (b) Hubungan British-Tanah Melayu
  (c) Perlembagaan negara yang akan merdeka

3 Ahli Rombongan ke London Terdiri daripada:
(a) Wakil Raja-raja Melayu
- Menteri Besar Perak – Dato' Panglima Bukit Gantang (Dato' Haji Wahab Abd Aziz)
- Menteri Besar Selangor – Encik Abdul Aziz Abdul Majid
- Menteri Besar Johor – Dato' Mohamad Seth Mohammad Said
- Menteri Besar Kelantan – Dato' Nik Ahmad Kamil Haji Mahmood

(b) Wakil Parti Perikatan
- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein
- Dr. Ismail Abdul Rahman
- H.S. Lee

4 Perkara yang Dirundingkan dan Disepakati di London
(a) Perwakilan Tanah Melayu
- Menggantikan jawatan Setiausaha Kewangan dengan Menteri Kewangan.
- Menuntut agar Menteri Hal Ehwal Ekonomi hendaklah dalam kalangan rakyat Persekutuan Tanah Melayu (PTM).
- Inginkan Menteri Pertahanan daripada rakyat PTM menggantikan Pengarah Gerakan yang disandang oleh Pegawai British.
- Menuntut tarikh kemerdekaan tidak lewat dari 31 Ogos 1957.
- Berunding tentang isu Suruhanjaya Perlembagaan, kewangan, keselamatan dalam negeri dan perkhidmatan awam.

(b) British
- Ahli Majlis Eksekutif, selain Ketua Setiausaha dan Peguam Negara dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi dengan nasihat Ketua Menteri.
- Kerajaan PTM harus memberikan ganti rugi kepada pegawai British yang diberhentikan.
- Mengadakan Perjanjian Pertahanan dan Bantuan Bersama antara PTM dengan British.
- British dan Komanwel akan berikan bantuan seperti pertahanan pada Tanah Melayu.

(c) Kesan rundingan
- Laporan perbincangan setebal 20 halaman dihasilkan.
- Kedua-dua pihak setuju membentuk Suruhanjaya Perlembagaan.
- Berperanan merangka perlembagaan negara.
- Tarikh kemerdekaan dipersetujui pada 31 Ogos 1957.
- Penetapan tarikh kemerdekaan PTM ditentukan selepas Tunku Abdul Rahman dan beberapa pemimpin lain meminta pandangan daripada Sheikh Abdullah Fahim, ulama besar dari Kepala Batas, Pulau Pinang.

5 Sambutan Bersejarah di Melaka
- Pada 20 Februari 1956, rombongan merdeka selamat tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka.
- Rombongan diarak hingga ke Padang Banda Hilir, Melaka.
- Tunku Abdul Rahman memaklumkan bahawa melalui Perjanjian Kemerdekaan, negara akan diberikan kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

9.2 Peranan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

1 Pada 8 Mac 1956, kerajaan British mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Reid atau dinamakan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dengan perkenan Raja-raja Melayu.

2 Antara tugasnya adalah membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

(a) Tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- Meminta cadangan penduduk secara lisan atau bertulis.
- Menerima memorandum bertulis daripada pelbagai pihak untuk diteliti.
- Mengkaji dan membuat laporan dan cadangan membentuk perlembagaan bagi sebuah negara merdeka.
- Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan berunding dengan pelbagai pihak.
- Mereka menyuarakan idea dan pandangan untuk membentuk negara merdeka yang sejahtera.

(b) Anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- Lord Reid (Britain) sebagai Pengerusi
- Sir William Ivor Jennings (Britain)
- Sir William Mckell (Australia)
- Hakim B. Malik (India)
- Hakim Abdul Hamid (Pakistan)

9.3 Langkah Penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang Merdeka

1 Mendapatkan Memorandum daripada Pelbagai Pihak
- Sebanyak 131 memorandum bertulis diterima daripada Raja-raja Melayu, parti politik, badan awam dan orang perseorangan.
- Memorandum berkaitan dengan corak pentadbiran, kewarganegaraan dan kedudukan istimewa orang Melayu, bahasa serta pendidikan.

(a) Memorandum daripada pihak Raja-raja Melayu
- Raja-raja Melayu mengemukakan memorandum sendiri
- Mencadangkan supaya Persekutuan yang merdeka mempunyai seorang Ketua Negara, iaitu Yang di-Pertuan Agong (YDPA).
- YDPA harus dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan kekananan.
- Tempoh jawatan sebagai YDPA ialah 5 tahun.
- YDPA boleh meletak jawatan dengan persetujuan Majlis Raja-Raja.
- Raja-raja Melayu melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain.

(b) Memorandum daripada parti politik dan pihak awam
- Soal kewarganegaraan
- Bahasa dan pendidikan

2 Draf Perlembagaan yang Dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
- Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu.
- Sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu.
- Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan.
- Raja-Raja diterima dengan konsep Raja Berpelembagaan dengan seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu.
- Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat dibentuk, iaitu:
  - Dewan Negara
  - Dewan Rakyat

3 Reaksi terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu

(a) UMNO
- Ada ahli UMNO tidak bersetuju dengan konsep *jus soli* kerana bimbang kedudukan istimewa orang Melayu tergugat.
- Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi.
- Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi.

(b) Dato' Onn Jaafar (Parti Negara)
- Menolak syarat kewarganegaraan yang longgar.
- Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan kongres pada 4-7 Mei 1957.
- Tujuan bincang draf perlembagaan ini.

(c) Pertubuhan Cina
- Sebahagian pertubuhan ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan.

(d) MIC
- Mahukan syarat kewarganegaraan dan penggunaan bahasa Tamil diberikan perhatian.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Antara berikut, perkara manakah yang menjadi perbincangan Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu dalam misi rundingan di London? BUKU TEKS MS 216

I Kedaulatan
II Keselamatan
III Perlembagaan
IV Undang-undang

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

2 Apakah matlamat utama rombongan wakil Parti Perikatan dan wakil Raja-raja Melayu ke London? BUKU TEKS MS 216

A Merangka sistem pentadbiran
B Menyusun strategi pertahanan
C Membincangkan kemerdekaan
D Mengumumkan keputusan pilihan raya

3 Siapakah wakil Parti Perikatan yang terlibat dalam rundingan di London? BUKU TEKS MS 216

I Dr. Ismail Abdul Rahman
II Dato' Abdul Razak Hussein
III Dato' Haji Wahab Abd Aziz
IV Encik Abdul Aziz Abdul Majid

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

4 Selain Parti Perikatan, terdapat juga parti lain yang menyokong rundingan kemerdekaan ke London. Manakah antara berikut, parti tersebut? BUKU TEKS MS 216

I Parti Rakyat
II Parti Buruh
III Parti Sosialis
IV Parti Negara

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

5 Maklumat berikut berkaitan dengan rombongan kemerdekaan ke London.

> Tunku Abdul Rahman merancang perjalanan ke Karachi dengan menaiki kapal laut sebelum terbang ke London.

Mengapakah Tunku berbuat demikian? BUKU TEKS MS 217

A Menjimatkan kos dan masa perjalanan
B Mengambil kira jarak yang terlalu jauh
C Perkhidmatan kapal terbang tergendala
D Perbincangan dengan wakil raja Melayu

6 Rombongan kemerdekaan yang berlangsung dari 18 Januari 1956 hingga 6 Februari 1956 telah merundingkan beberapa perkara.
Apakah perkara yang dicadangkan oleh perwakilan Tanah Melayu untuk disepakati? BUKU TEKS MS 218

I Perkhidmatan awam
II Perjanjian pertahanan
III Ganti rugi kepada pegawai
IV Keselamatan dalam negeri

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

7 Siapakah yang memberi pandangan terhadap penetapan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 218

A Sheikh Tahir Jalaluddin
B Sheikh Abdullah Fahim
C Dr. Burhanuddin al-Helmi
D Tuan Haji Massood Hayati

8 Apakah kejayaan utama yang dicapai melalui rombongan rundingan kemerdekaan tersebut? BUKU TEKS MS 218

A Memilih ketua negara
B Menguatkan pertahanan
C Menubuhkan suruhanjaya
D Mendapatkan kemerdekaan

9 Di manakah lokasi yang dipilih oleh Tunku Abdul Rahman untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 219

A Padang Kelab Selangor
B Padang Banda Hilir, Melaka
C Padang Kota Lama, Pulau Pinang
D Stadium Merdeka, Kuala Lumpur

10 Apakah tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 220

A Merangka perlembagaan
B Memilih anggota kabinet
C Menetap tarikh kemerdekaan
D Menyusun sistem pentadbiran

11 Siapakah tokoh yang terlibat menganggotai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 221

I Tan Cheng Lock
II Sir William Mckell
III Hakim Abdul Hamid
IV Tunku Abdul Rahman

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

12 Siapakah pihak yang mengemukakan 131 memorandum bertulis kepada Suruhanjaya Perlembagaan Kemerdekaan? BUKU TEKS MS 222

I Orang dagang
II Parti-parti politik
III Raja-raja Melayu
IV Nasionalis radikal

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

13 Apakah memorandum Parti Perikatan yang dicadangkan berkaitan dengan soal kewarganegaraan? BUKU TEKS MS 222

A Perlembagaan Tanah Melayu
B Testimoni Perikatan Bersatu
C Perlembagaan Rakyat Merdeka
D Testament Amanah Politik Perikatan

14 Pasangan berikut berkaitan dengan cadangan memorandum kewarganegaraan daripada pihak awam.
Manakah pasangan yang **betul**? BUKU TEKS MS 222

	Dewan Perniagaan Melayu	Dewan Perniagaan Cina se-Malaya
A	Mengetatkan kewarganegaraan	Kewarganegaraan menerusi kelahiran
B	Melonggarkan kewarganegaraan	Kewarganegaraan menerusi tempat lahir
C	Meneliti semula kewarganegaraan	Kedudukan dan hak mereka dipertahankan
D	Mengikut sahaja apa yang ditetapkan	Kewarganegaraan menerusi undang-undang

15 Apakah alasan Parti PAS yang mengkritik soal kewarganegaraan *jus soli*? BUKU TEKS MS 223

A Menjejaskan bahasa Melayu
B Mengancam kedudukan Islam
C Mengurangkan bangsa Melayu
D Menjaga kepentingan orang Melayu

16 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu 1957? BUKU TEKS MS 223

I Sikap keterbukaan
II Kebijaksanaan ketua
III Ketegasan pemimpin
IV Amalan permuafakatan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

17 Bagaimanakah kewarganegaraan diperolehi dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? BUKU TEKS MS 224

I Secara permohonan
II Kuatkuasa undang-undang
III Perkenan raja-raja Melayu
IV Kelulusan ahli dewan negeri

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

18 Berdasarkan Perkara 153 (1), apakah perkara utama yang diambil kira dalam memberikan kedudukan istimewa orang Melayu? BUKU TEKS MS 225

A Penduduk majoriti
B Perjanjian dengan British
C Status sebagai rakyat asal
D Perkenan Yang di-Pertuan Agong

19 Apakah kedudukan agama Islam dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957? BUKU TEKS MS 225

A Agama mutlak
B Agama tunggal
C Agama istimewa
D Agama persekutuan

20 Keluhuran perlembagaan merupakan satu prinsip yang harus dijunjung. Mengapakah kita perlu bersikap sedemikian? BUKU TEKS MS 225

A Menentukan hala tuju negara
B Memantapkan hubungan luar
C Memastikan pendidikan terjaga
D Mewujudkan negara yang berdaulat

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Berikutan persetujuan di London pada 8 Mac 1956 kerajaan British mengumumkan pembentukan suruhanjaya bebas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu setelah mendapat persetujuan Raja-raja Melayu.

(*a*) Senaraikan **tiga** ahli yang menganggotai suruhanjaya tersebut. BUKU TEKS MS 221

[3 *markah*]

(*b*) Jelaskan tugas suruhanjaya tersebut. BUKU TEKS MS 221

[3 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan suruhanjaya ini penting kepada perkembangan politik negara kita? **KBAT**

[4 *markah*]

2 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada 5 Ogos 1957 telah menjadi asas pembentukan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

(*a*) Jelaskan sistem pemerintahan yang disepakati dalam perjanjian tersebut. BUKU TEKS MS 224

[3 *markah*]

(*b*) Jelaskan kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu dalam perjanjian tersebut. BUKU TEKS MS 225

[3 *markah*]

(*c*) Bagaimanakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dapat memperkukuh perpaduan kaum di negara kita? **KBAT**

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid telah dibentuk pada 8 Mac 1956 untuk membincangkan, menyusun dan merangka Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

(*a*) Huraikan perkara yang diberi tumpuan oleh suruhanjaya tersebut dalam melaksanakan peranannya. BUKU TEKS MS 220

[6 *markah*]

(*b*) Bagaimanakah gerak kerja yang dilakukan oleh suruhanjaya tersebut? BUKU TEKS MS 220

[6 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, mengapakah negara perlu mempunyai perlembagaan yang mantap? KBAT

[8 *markah*]

4 Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu telah mengeluarkan draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka.

(*a*) Jelaskan perkara yang terkandung dalam draf tersebut. BUKU TEKS MS 222

[6 *markah*]

(*b*) Terangkan reaksi masyarakat Tanah Melayu terhadap draf tersebut. BUKU TEKS MS 223

[6 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, apakah kepentingan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? **KBAT**

[8 *markah*]

BAB 10 Pemasyhuran Kemerdekaan

VIDEO PEMBELAJARAN

Bil.	Konsep/ Istilah Penting	Maksud/Penerangan/Perincian/Pernyataan	Halaman Buku Teks
1	Kemerdekaan	Bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing.	224
2	*Jinsiyyah*	Semangat kebangsaan menurut Sayyid Jamal al-Din al-Afghani.	234
3	*Wataniyyah*	Cinta akan tanah air yang merdeka menurut Sayyid Jamal al-Din al-Afghani.	234
4	Jawatankuasa Persediaan Fizikal	Berperanan untuk menyediakan prasarana fizikal seperti pembinaan sebuah stadium untuk meraikan kemerdekaan dan istana untuk Yang di-Pertuan Agong.	236
5	Lagu *Negaraku*	Dicipta sebagai lagu kebangsaan dan berasal daripada lagu *Terang Bulan*, lagu negeri Perak.	236
6	Bendera PTM	Dikibarkan secara rasmi pada 26/5/1950.	236
7	Jata Negara	Diperkenan oleh Raja-raja Melayu pada 30/5/1957.	236
8	Jawatankuasa Sambutan	Berperanan untuk memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri.	237
9	Detik pemasyhuran kemerdekaan negara	Bermula malam 30/8/1957 sehingga siang 31/8/1957.	238-239
10	Raja Berperlembagaan	Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara dengan bidang kuasa tertentu.	242
11	Demokrasi Berparlimen	Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya.	242
12	Dasar luar	Pengukuhan Kementerian Luar. Tokoh terkenal termasuk Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie dan Dr. Ismail Abdul Rahman.	243
13	Komanwel	Pertubuhan sukarela yang dianggotai oleh negara merdeka yang pernah dijajah oleh British.	243
14	Anglo Malayan Defence Agreement (AMDA)	Perjanjian pertahanan dengan Britain pada tahun 1957.	243
15	Blok Sterling	Negara menggunakan Pound Sterling dalam urusan perdagangan antarabangsa.	243
16	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)	Negara kita diterima sebagai anggota PBB yang ke-82 dalam persidangannya pada 17/9/1957.	243
17	Misi pengaman	Terlibat dalam misi pengaman PBB di Congo yang menggambarkan kepercayaan dan pengiktirafan PBB kepada negara kita.	243

NOTA EFEKTIF

10.1 Pengertian Kemerdekaan

1 Takrif Kemerdekaan
- Merdeka membawa erti bebas daripada sebarang cengkaman kuasa asing.
- Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara.
- Takrif merdeka menurut *Kamus Dewan* ialah bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan.
- Negara merdeka juga bermakna negara yang berdaulat, iaitu mempunyai kuasa tertinggi.

2 Pandangan Tokoh Mengenai Takrif Kemerdekaan
- Sayyid Jamal al-Din Al-Afghani: Perjuangan menghadapi penjajah yang disertai dengan semangat kebangsaan (*jinsiyyah*) dan cinta akan tanah air yang merdeka (*wataniyyah*).
- Rashid Rida: Membebaskan diri daripada penjajah Barat serta menghidupkan sistem khalifah dan menghapuskan ikatan perkauman.
- Mahatma Gandhi: Merangkumi politik, ekonomi dan moral.
- Neslon Mandela: Kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan atau warna kulit, tetapi satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas.
- Soekarno: Bebas selama-lamanya merangkumi kebebasan untuk berfikir, bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik.
- Tunku Abdul Rahman: Ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat.
- Tun Temenggong Jugah anak Barieng: Keselamatan negeri lebih terjamin dan menjadi lebih kuat.
- Tun Fuad Stephens: Keselamatan Borneo Utara dan penduduk peribumi serta generasi selepasnya akan lebih terjamin.
- Tun Dr. Mahathir Mohamad: Bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa dan minda penjajah tetapi perlu dihayati dengan menyayangi negara sepenuh hati dan sanggup berkorban untuk negara.

10.2 Persediaan Menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

1 Bagi memastikan detik tersebut bermakna, maka beberapa persediaan diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri.

2 Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Penonjolan identiti negara perlu diberikan perhatian.
- Pelbagai prasarana fizikal yang disediakan, antaranya;
  (a) Pembinaan stadium
  (b) Pembinaan istana
  (c) Lagu rasmi kebangsaan
  (d) Penggunaan bendera
  (e) Penggunaan Jata Negara
  (f) Bunga kebangsaan

3 Jawatankuasa Sambutan
- Berperanan untuk memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri.
- Antara persediaan yang dilakukan:
  (a) Hiasan lampu di bangunan dan jalan raya
  (b) 75 ribu bendera ditempah khas
  (c) Pakaian khas/ baju muscat
  (d) Kursus protokol
  (e) Gaji seminggu lebih awal

10.3 Detik Pemasyhuran Kemerdekaan Negara

1 Permulaan sambutan diraikan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor.

2 Detik Pemasyhuran Kemerdekaan – 30 Ogos 1957
- Wakil Parti Perikatan dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura berpakaian baju Melayu hitam- diketuai Sardon Jubir.
- Seramai 300 orang pemuda membentuk barisan kehormat
- Semua lampu di padang dan sekelilingnya dipadamkan .
- Lampu dipasang semula sejurus detik 12:00 tengah malam.
- Diikuti dengan laungan “Merdeka”.

- Bendera Union Jack diturunkan oleh Tahir Abdul Majid dengan diiringi lagu *God Save The Queen*.
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan diiringi lagu *Negaraku*.
- Sorakan "Merdeka" dilaungkan sebanyak 7 kali.
- Tunku Abdul Rahman memberikan tabik hormat.
- Tunku Abdul Rahman menerima tabik hormat dan memeriksa perbarisan perwakilan negeri.
- Pingat Emas yang berukir peta Semenanjung Tanah Melayu serta gambar Tunku Abdul Rahman dikalungkan oleh Sardon Jubir ke leher Tunku diikuti laungan "Bapa Kemerdekaan Tanah Air" sebanyak 3 kali.
- Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan.
- Majlis diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati.

3 Peristiwa Bersejarah di Stadium Merdeka – 31 Ogos 1957

- Pada pagi 31 Ogos 1957, upacara sambutan kemerdekaan diadakan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
- Tunku Abdul Rahman tiba di perkarangan stadium dan disusuli dengan ketibaan Raja-raja Melayu, Yang di-Pertuan Agong dan Permaisuri serta Duke dan Duchess of Gloucester.
- Kedengaran bunyi nafiri setiap kali pembesar negara tiba.
- Duke of Gloucester telah memberikan ucapan dan serah Surat Perlembagaan Serahan Kuasa.
- Tunku Abdul Rahman membaca Pemasyhuran Kemerdekaan.
- Tunku melaungkan "Merdeka" sebanyak tujuh kali.
- Disusuli laungan azan oleh Ustaz Hassan Azhari sebagai tanda kesyukuran.
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan diiringi dengan lagu *Negaraku*.
- Sebanyak 101 das tembakan dilepaskan menandakan sebuah negara yang berdaulat.
- Istiadat Mengangkat Sumpah Yang di-Pertuan Agong di Balairong Seri, Istana Negara.
- Pelantikan jawatan Perdana Menteri, Ahli Jemaah Menteri, Hakim Besar serta Gabenor Pulau Pinang dan Melaka.
- Majlis Jamuan diadakan di Residensi bagi mengucapkan selamat jalan kepada bekas Pesuruhjaya Tinggi British.
- Sir Donald MacGillivray dan isteri berlepas pulang ke England.

10.4 Kesan Kemerdekaan terhadap Negara Kita PESA (Politik + Ekonomi + Sosial + Antarabangsa)

1 Politik

Raja Demokrasi Negara Persekutuan

(a) Pengamalan sistem Raja Berperlembagaan
- Selepas merdeka, negara kita mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan.
- Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara.
- Mempunyai bidang kuasa tertentu.

(b) Demokrasi Berparlimen
- Rakyat mempunyai kuasa untuk memilih kerajaan dan pemerintah melalui pilihan raya.
- Rakyat mempunyai hak bersuara dan memilih wakil.
- Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan,
- Dewan Undangan Negeri berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat negeri.

(c) Pentadbiran negara
- Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Perdana Menteri PTM yang pertama.
- Dato' Abdul Razak Hussien dilantik menjadi Timbalan Perdana Menteri.
- Jawatan Menteri Luar diperkenalkan.

(d) Cabaran Kerajaan Persekutuan
- Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan.
- Khususnya bidang profesional, pendidikan tinggi, keselamatan dan pertahanan.

2 Ekonomi

Si Buku Merah FELDA di Luar Bandar Simpan Wang RM1

(a) Rancangan Buku Merah
- Dilancarkan pada 25 Januari 1961.
- Berkaitan kemudahan asas.
- Seperti jalan kampung, jambatan, surau, bekalan air dan bekalan elektrik.

(b) Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)
- Ditubuhkan pada tahun 1956.
- Bertujuan memajukan tanah baharu secara besar-besaran.
- Menanam getah dan sawit.

(c) Pembangunan luar bandar
- Pada 17 November 1959, Kementerian Pembangunan Luar Bandar diwujudkan.
- Penyediaan kemudahan asas untuk penduduk luar bandar.

(d) Institusi kewangan tempatan
- Malay National Bank/ Bank Kebangsaan Melayu ditubuhkan di KL oleh Maarof Zakaria.
- Bank Negara beroperasi pada 26 Januari 1959 bagi menggalakkan kestabilan kewangan negara.
- Kwong Yik Bank ditubuhkan pada tahun 1913 di KL.

(e) Rancangan Malayan Pertama 1956-1960
- Bertujuan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.
- Tumpuan pada sektor luar bandar.
- Tambahkan peluang pekerjaan.
- untuk kurangkan kadar kemiskinan.

3 Sosial

DBP Didik dan Terang Asas Kesihatan

(a) Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru, Johor.
- Sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelajaran.

(b) Pendidikan
- Penyata Rahman Talib dikeluarkan untuk kaji semula Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.
- Menekankan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.

(c) Jabatan Penerangan
- Bertujuan menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan di luar negara.
- Berfungsi sebagai lidah rasmi kerajaan.

(d) Kemudahan asas dan infrastruktur
- Bekalan elektrik dan air bersih diutamakan demi keselesaan dan kesihatan penduduk.
- Membantu usaha meningkatkan taraf hidup.

(e) Kesihatan
- Pusat kesihatan dan hospital ditubuhkan.
- Pada tahun 1957, negara mempunyai sebanyak 65 buah hospital.

4 Antarabangsa

Dasar Blok Komanwel dan PBB Pertahan Negara supaya Aman

(a) Dasar luar
- Melalui pengukuhan Kementerian Luar.
- Tokoh penting dalam menentukan dasar luar negara seperti Tan Sri Muhammad Ghazali Shafie dan Dr. Ismail Abdul Rahman.
- Menjalinkan hubungan dengan negara luar seperti Indonesia, Mesir dan Jepun.

(b) Penyertaan dalam Blok Sterling
- Negara menggunakan Pound Sterling dalam urusan perdagangan antarabangsa.
- Penyertaan dalam Sistem Keutamaan Tarif Komanwel turut memperkukuh kedudukan ekonomi.

(c) Menganggotai Komanwel
- Negara diterima menyertai pertubuhan Komanwel.
- Merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli.

(d) Diiktiraf Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB)
- Negara kita diterima menjadi ahli PBB dalam persidangan pada 17 September 1957.
- Merupakan anggota ke-82.
- Negara turut menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia.

(e) Pertahanan negara
- Sebelum merdeka, kerjasama pertahanan dengan Britain, Australia dan New Zealand.
- Negara memeterai perjanjian pertahanan yang dinamakan Anglo Malaya Defence Agreement (AMDA) pada tahun 1957.

(f) Misi pengaman PBB
- Terlibat dalam misi pasukan pengaman PBB di Congo.
- Pemilihan menggambarkan kepercayaan dan pengiktirafan tertinggi PBB.

LATIHAN INTENSIF

KUIZ

Kertas 1
Soalan Objektif

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Apakah pengertian kemerdekaan menurut *Kamus Dewan*? BUKU TEKS MS 234
A Bebas daripada naungan
B Pengamalan sistem beraja
C Penghormatan negara luar
D Pentadbiran pembesar tempatan

2 Antara berikut, yang manakah tokoh memberikan takrif kemerdekaan? BUKU TEKS MS 234
I Joko Widodo
II Tayyip Erdogan
III Nelson Mandela
IV Mahatma Gandhi
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

3 Menurut Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, dua perkara penting harus ada dalam perjuangan menghadapi penjajah. Manakah antara berikut dua perkara tersebut? BUKU TEKS MS 234
I Mengangkat senjata
II Cinta akan tanah air
III Semangat kebangsaan
IV Gerakan secara radikal
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

4 Pernyataan berikut merupakan pengertian kemerdekaan oleh seorang tokoh.

> Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni.

Siapakah tokoh tersebut? BUKU TEKS MS 234
A Soekarno
B Rashid Rida
C Nelson Mandela
D Mahatma Gandhi

5 Apakah pengertian kemerdekaan menurut Tun Dr. Mahathir Mohamad? BUKU TEKS MS 235
A Kesanggupan berkorban untuk negara
B Satu pertempuran terhadap penindasan
C Merangkumi politik, ekonomi dan moral
D Mempertahankan maruah diri dan bangsa

6 Mengapakah peristiwa sambutan pemasyhuran kemerdekaan disusun dengan begitu rapi? BUKU TEKS MS 236
A Menjamin keharmonian negara
B Mengawal kedudukan kewangan
C Menyatupadukan rakyat majmuk
D Peristiwa bersejarah dan bermakna

7 Persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan melalui penubuhan beberapa jawatankuasa. Apakah jawatankuasa tersebut? BUKU TEKS MS 236
I Sambutan
II Penyeliaan
III Prasarana awam
IV Persediaan fizikal
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

8 Siapakah yang membuat pengumuman tentang atur cara sambutan kemerdekaan di Radio Malaya? BUKU TEKS MS 236
A Dato' Onn Jaafar
B Tun Hussein Onn
C Tunku Abdul Rahman
D Dato' Abdul Razak Hussein

9 Antara berikut, manakah dua lokasi yang menjadi tumpuan upacara sambutan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 236
I Istana Negara
II Stadium Merdeka
III Padang Kelab Selangor
IV Kelab Sultan Sulaiman
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

10 Pasangan berikut berkaitan penulis lirik dan lagu asal *Negaraku* yang telah dijadikan sebagai lagu kebangsaan.
Manakah pasangan yang **betul**? BUKU TEKS MS 236

	Penulis Lirik	Lagu Asal
A	Sardon Jubir	Sinar Mentari
B	Saiful Bahari	Terang Bulan
C	Mohamed Hamzah	Suria Gemilang
D	Yaacob Abdul Latif	Gerlipan Bintang

11 Pendapat rakyat telah diminta untuk menentukan bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan. Apakah kementerian yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugasan ini? BUKU TEKS MS 236
A Pertanian
B Perpaduan
C Penerangan
D Alam Sekitar

12 Menteri dan pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas untuk dipakai bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan. Apakah pakaian tersebut? BUKU TEKS MS 237
A Baju kemeja
B Baju muskat
C Baju korporat
D Baju tradisional

13 Apakah peristiwa penting yang berlaku pada malam 30 Ogos 1957? BUKU TEKS MS 238
A Pelantikan Perdana Menteri
B Perasmian Stadium Merdeka
C Bendera Union Jack diturunkan
D Pengistiharan Perlembagaan Merdeka

14 Apakah simbolik apabila Tunku Abdul Rahman dikalungkan dengan rantai emas pada malam sambutan pemasyhuran kemerdekaan? BUKU TEKS MS 239
A Berakhirnya penjajahan asing
B Pembentukan negara merdeka
C Pengisytiharan Bapa Kemerdekaan
D Pelantikan sebagai Perdana Menteri

15 Antara berikut, apakah ciri-ciri pingat yang diterima oleh Tunku Abdul Rahman pada malam detik pemasyhuran kemerdekaan di Padang Kelab Selangor? BUKU TEKS MS 239
I Gambar Tunku Abdul Rahman
II Gambar Yang di-Pertuan Agong
III Bendera Persekutuan Tanah Melayu
IV Ukiran peta Semenanjung Tanah Melayu
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

16 Keunikan kemerdekaan negara kita diperolehi tanpa pertumpahan darah. Mengapakah keadaan tersebut berlaku? BUKU TEKS MS 241
A Pendekatan yang sederhana
B Gabungan semua parti politik
C Kerjasama pemimpin dan rakyat
D Rundingan menjadi pilihan utama

17 Malaysia telah menyertai pertubuhan Komanwel selepas merdeka. Apakah manfaat yang diperolehi negara kita melalui penyertaan tersebut? BUKU TEKS MS 243
A Melambangkan kekuatan negara
B Membantah campur tangan asing
C Mengukuhkan semangat perpaduan
D Merapatkan hubungan sosioekonomi

18 Apakah objektif penubuhan Bank Negara pada tahun 1959? BUKU TEKS MS 244
A Menstabilkan kewangan
B Membantu petani luar bandar
C Menambah peluang pekerjaan
D Menyediakan kemudahan kredit

19 Apakah yang terkandung dalam Rancangan Buku Merah yang dilancarkan pada 25 Januari 1961? BUKU TEKS MS 244
A Pengurusan kewangan negara
B Pembangunan kemudahan asas
C Pelaksanaan sistem pentadbiran
D Pengamalan perkhidmatan kerajaan

20 Prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu mengiktiraf hak asasi rakyat. Apakah hak asasi tersebut? BUKU TEKS MS 247
I Kebebasan bersuara
II Mengeluarkan pendapat
III Menjalankan perniagaan
IV Menguruskan kewangan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Kertas 2
Soalan Struktur
Bahagian A

1 Kemerdekaan yang diperolehi Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 merupakan peristiwa yang amat bermakna buat negara kita.

(*a*) Jelaskan pengertian kemerdekaan. BUKU TEKS MS 234

[2 *markah*]

(*b*) Jelaskan peranan Jawatankuasa Sambutan dalam menyambut pemasyhuran negara. BUKU TEKS MS 237

[4 *markah*]

(*c*) Peristiwa sambutan pemasyhuran kemerdekaan negara telah diatur pada peringkat Persekutuan dan negeri. Pada pandangan anda, mengapakah peristiwa tersebut sangat penting kepada negara kita? **KBAT**

[4 *markah*]

2 Kemerdekaan negara kita telah memberikan kesan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

(*a*) Jelaskan kesan berikut:

(i) Politik. BUKU TEKS MS 242

[3 *markah*]

(ii) Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. BUKU TEKS MS 243

[3 *markah*]

(*b*) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, cadangkan langkah-langkah untuk mewujudkan sistem pemerintahan yang cemerlang di negara kita. KBAT

[4 *markah*]

Soalan Esei
Bahagian B

3 Pemasyhuran kemerdekaan disambut oleh seluruh rakyat negara kita. Permulaan sambutan diraikan pada tengah malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor dan diteruskan pada pagi 31 Ogos 1957 di Stadium Merdeka.

(*a*) Jelaskan kronologi detik pemasyhuran kemerdekaan. BUKU TEKS MS 238-239

[6 *markah*]

(*b*) Kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara.
Buktikan pernyataan tersebut. KBAT

[6 *markah*]

(*c*) Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh diambil oleh negara kita bagi memastikan kemerdekaan yang dicapai terus terpelihara? KBAT

[8 *markah*]

4 Kita telah memperoleh kemerdekaan pada tanggal 31 Ogos 1957.

(*a*) Jelaskan kesan kemerdekaan daripada aspek berikut: BUKU TEKS MS 244-245

(i) Ekonomi.

[6 *markah*]

(ii) Sosial.

[6 *markah*]

(*b*) Mengapakah rakyat negara kita gembira dengan peristiwa detik pemasyhuran kemerdekaan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor? **KBAT**

[8 *markah*]

Kertas Model Tingkatan 4

Kertas 1
[40 *markah*]

Arahan: *Tiap-tiap soalan diikuti oleh* **empat** *pilihan jawapan, iaitu* **A**, **B**, **C** *dan* **D**. *Pilih satu jawapan yang paling tepat bagi tiap-tiap soalan.*

1 Maklumat berikut berkaitan dengan perundangan dalam kerajaan Alam Melayu. BUKU TEKS MS 4

Kutara Manawa

Apakah nama kerajaan Alam Melayu yang telah mengamalkan undang-undang tersebut?
A Funan
B Champa
C Srivijaya
D Majapahit

2 Mengapakah raja dalam Kerajaan Alam Melayu mendapat penghormatan yang tinggi daripada rakyat? BUKU TEKS MS 4
A Merupakan tonggak utama kerajaan
B Menjadi perantara dengan pembesar
C Mengelakkan pencerobohan kuasa luar
D Memelihara kebajikan di kawasan pegangan

3 Antara berikut, manakah jenayah yang menyebabkan hukuman bunuh dikenakan? BUKU TEKS MS 10
I Mengingkar arahan
II Memalsukan titah sultan
III Mengamalkan riba perniagaan
IV Hamba menjadi saksi perkahwinan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

4 Jadual berikut menunjukkan pelaksanaan sistem perundangan dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Fasal 13.1	Fasal 6.3
Arahan nakhoda mesti dipatuhi	Nakhoda menentukan jumlah cukai

Apakah kesimpulan yang boleh dilakukan daripada jadual tersebut? BUKU TEKS MS 11
A Nakhoda berkuasa mutlak
B Perundangan berat sebelah
C Pentadbiran menjadi sistematik
D Urusan pelayaran berjalan lancar

5 Nasionalisme bermaksud perasaan cinta yang mendalam terhadap bangsa dan negara.
Apakah tafsiran nasionalisme menurut Dato' Onn Jaafar? BUKU TEKS MS 22
A Mengiktiraf hak setiap warganegara
B Menzahirkan satu bangsa yang kuat dan tegap
C Menentang penjajahan untuk mencapai kemerdekaan
D Meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara dan bangsa

6 Bill of Rights telah digubal semasa Revolusi Keagungan (1688) di England.
Apakah kuasa parlimen melalui perundangan tersebut? BUKU TEKS MS 24
I Mengutip cukai
II Melantik penasihat
III Mengawal kerajaan
IV Menggubal undang-undang
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Maklumat berikut menunjukkan gerakan yang berlaku dalam Empayar Uthmaniyah dan Mesir. BUKU TEKS MS 27

Empayar	Gerakan
Mesir	Gerakan Islah
Empayar Uthmaniyah	Gerakan Pan-Islamisme

Apakah perjuangan gerakan tersebut?
I Agama Islam
II Pengajian Islam
III Kemerdekaan negara
IV Sistem pemerintahan Islam
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Apakah tujuan asal penubuhan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang ditubuhkan pada tahun 1905? BUKU TEKS MS 37

A Melahirkan tokoh nasionalis
B Menggerakkan perjuangan radikal
C Melakukan tafsiran baru dalam Islam
D Melatih anak bangsawan dalam pentadbiran

9 Badan penyiasat berikut diperkenalkan oleh British di negara kita sejak awal abad ke-20.

- Jabatan Siasatan Jenayah
- Biro Siasatan Politik

Apakah tujuan badan tersebut ditubuhkan? BUKU TEKS MS 52

A Menamatkan Perang Dunia
B Menyekat kebebasan bersuara
C Memulihkan kepercayaan rakyat
D Mengawal gerakan Islah Islamiah

10 Penduduk Itali dan Jerman mengadakan gerakan politik radikal.
Apakah persamaan gerakan politik berikut? BUKU TEKS MS 58

Gerakan Politik	Pemimpin
Fasisme	Benito Mussolini
Nazisme	Adolf Hitler

A Bersifat sederhana
B Bencikan peperangan
C Bersikap diskriminasi
D Berfahaman melampau

11 Serangan tentera Jepun bermula di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.
Mengapakah Jepun ingin menguasai Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 68

I Menyebarkan ideologi baharu
II Memenuhi kepentingan ketenteraan
III Mengeksploitasi sumber bahan mentah
IV Memelihara kebajikan penduduk peribumi

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

12 Gambar berikut menunjukkan mata wang Jepun.

Mengapakah mata "wang pokok pisang" menyebabkan inflasi berlaku di Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 71

I Barangan kurang di pasaran
II Wang dicetak tanpa kawalan
III Catuan makanan dilaksanakan
IV Kekurangan ubat dan makanan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

13 British Military Administration (BMA) diperkenalkan di Tanah Melayu pada 1 Disember 1945.
Mengapakah BMA dibentuk? BUKU TEKS MS 94

A Menguasai ekonomi negara
B Memulihkan kepercayaan rakyat
C Melatih rakyat dalam pentadbiran
D Mengawal keselamatan pemimpin

14 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union.

> Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-Raja yang hanya membincangkan soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Apakah implikasi terhadap institusi beraja sekiranya Malayan Union berjaya dilaksanakan? BUKU TEKS MS 97 dan 100

A Kedudukan raja diiktiraf
B Kedaulatan Raja-raja Melayu hilang
C Kepimpinan rakyat tempatan diragui
D Keistimewaan orang Melayu tergugat

15 Pernyataan berikut merupakan ucapan tokoh yang menentang Malayan Union.

> "Jika apa sekalipun terjadi, kami kaum wanita akan turut menggembleng tenaga bersama-sama kaum lelaki, bagi mendapat kembali hak-hak kami."

Siapakah tokoh yang mengungkapkan kata-kata tersebut? BUKU TEKS MS 103

A Halimahton Abd Majid
B Cikgu Zaharah Abdullah
C Hajah Sipah Tuanku Othman
D Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid

16 Pernyataan berikut merujuk kepada perjuangan Rosli Dhoby.

> Rosli Dhoby dan pihak yang terlibat dalam peristiwa "Sungkit Berdarah" telah dikenakan hukuman gantung hingga mati oleh British.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut terhadap rakyat Sarawak? BUKU TEKS MS 112

I Mengadakan rapat umum di bandar
II Menggiatkan penubuhan parti politik
III Membangkitkan semangat nasionalisme
IV Meletak jawatan dalam pentadbiran kerajaan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Menguasai | Tidak Menguasai

17 Pernyataan berikut merujuk kepentingan golongan nasionalis Melayu radikal.

> "Bahawa sekalipun kemerdekaan telah dicapai oleh golongan *moderate* tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan."
>
> Dr. lsmail Abdul Rahman

Apakah kepentingan golongan tersebut kepada sejarah negara kita? **KBAT**

I Memulihkan sistem raja monarki
II Memperjuangkan hak semua kaum
III Mengutamakan kebebasan hak bersuara
IV Memperjuangan hak istimewa orang Melayu

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

18 Maklumat berikut merujuk Jawatankuasa Kerja pada tahun 1946.

- Pemimpin UMNO
- Wakil Raja-raja Melayu
- Pegawai Kanan British

Mengapakah jawatankuasa tersebut ditubuhkan? BUKU TEKS MS 126

A Meninjau pendapat rakyat
B Merangka perjanjian persekutuan
C Mengehadkan kemasukan pekerja asing
D Menentukan bidang senarai kuasa negeri

19 Mengapakah pentadbir British menyokong konsep Persekutuan Tanah Melayu 1948? BUKU TEKS MS 133

I Mewujudkan politik yang stabil
II Melaksanakan dasar dekolonisasi
III Mengukuhkan penguasaan ekonomi
IV Menjimatkan kos pentadbiran British

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

20 Mengapakah masyarakat Tanah Melayu boleh menerima Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dengan baik? BUKU TEKS MS 134

I Pemberian berkerajaan sendiri
II Pengiktirafan kewarganegaraan bukan Melayu
III Pengiktirafan hak keistimewaan orang Melayu
IV Penguasaan ekonomi oleh masyarakat tempatan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

21

> Pada tahun 1920, beberapa orang pemimpin komunis dari Indonesia menyebarkan fahaman komunis di Seberang Perai, Pulau Pinang, Perak Utara dan Kedah.

Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 146

A Penubuhan parti politik radikal
B Kegagalan menguasai Pulau Jawa
C Keinginan menguasai bahan mentah
D Perluasan pengaruh Parti Komunis China

22 Pernyataan berikut berkaitan dengan perkembangan pengaruh komunis di Tanah Melayu.

> Menjelang bulan Disember 1947 hingga bulan Mei 1948, komunis berjaya menguasai 335 kesatuan sekerja dan menyusup dalam PKMM, MDU dan PUTERA-AMCJA.

Mengapakah perkara tersebut berlaku? BUKU TEKS MS 147

I Sokongan British
II Sokongan orang Melayu
III Penyebaran ideologi komunis
IV Kekosongan politik di Tanah Melayu

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

23 Sir Gerald Templer telah melaksanakan perang saraf untuk menghadapi ancaman komunis. Bagaimanakah perang saraf tersebut dilaksanakan? BUKU TEKS MS 159-160

I Menawarkan hadiah wang tunai
II Mengharamkan semua parti politik
III Menubuhkan pasukan keselamatan
IV Memajukan perkhidmatan penerangan

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

24 Gambar berikut berkaitan dengan Rundingan Baling antara kerajaan dengan Parti Komunis Malaya (PKM).

Wakil PKM

Mengapakah rundingan tersebut menemui kegagalan? BUKU TEKS MS 160

A Pertemuan singkat
B Perbincangan berat sebelah
C Pemimpin tidak mencapai kata sepakat
D Perwakilan PKM tidak disertai oleh pimpinan tertinggi

25 Apakah konsep kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda? BUKU TEKS MS 172
A Merdeka
B Melayu Raya
C Hidup Melayu
D Tanah Merdeka

26 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) merupakan titik perubahan terhadap dasar UMNO.
Bagaimanakah perkara tersebut dilaksanakan? BUKU TEKS MS 174
A Persetujuan British memberi kemerdekaan
B Kesanggupan berunding dengan kaum lain
C Pemuafakatan menubuhkan Parti Perikatan
D Kesediaan membuka keahlian kepada semua

27 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha ke arah kemerdekaan.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	
Moto	"Kebersamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu"

Bagaimanakah moto tersebut dapat direalisasikan pemimpin CLC? BUKU TEKS MS 174 - 175
A Memperjuangkan hak bangsa
B Meningkatkan tahap pendidikan
C Membentuk hala tuju yang sama
D Mengetatkan syarat kewarganegaraan

28 Gambar berikut berkaitan dengan pembentukan Parti Perikatan.

Apakah simbolik pemilihan kapal layar? BUKU TEKS MS 187
A Kekayaan sumber negara
B Kehebatan teknologi seni bina
C Kesediaan menempuh cabaran
D Keselamatan kawalan perairan

29 Mengapakah Jawatankuasa Pilihan Raya bagi Majlis Mesyuarat Persekutuan dibentuk? BUKU TEKS MS 196
A Membentuk kabinet pertama
B Meluluskan Ordinan Pilihan Raya
C Membuat cadangan tentang pilihan raya umum
D Membolehkan Perikatan memenangi pilihan raya umum

30 Tokoh berikut berperanan penting dalam sejarah negara kita.

Datuk Siti Rahmah Kassim

Sumber: *www.mstar.com.my*

Bagaimanakah beliau menyumbang bagi membiayai rombongan Tunku Abdul Rahman ke London? BUKU TEKS MS 199
A Mewujudkan tabung derma perdana
B Menganjurkan kempen kutipan dana
C Memberikan barangan emas miliknya
D Mengutip derma kilat di premis kerajaan

31 Mengapakah Pesuruhjaya Tinggi British masih memegang tampuk kepimpinan peingkat atasan Persekutuan Tanah Melayu? BUKU TEKS MS 204
A Menasihati keselamatan negeri
B Menentukan hala tuju kerajaan
C Memantau pelaksanaan demokrasi
D Memastikan pelaburannya terpelihara

32 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.

Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan

Apakah yang dimaksudkan dengan kuasa veto tersebut? BUKU TEKS MS 206
A Menjatuhkan hukuman
B Memerintah sesebuah kerajaan
C Diberi kepada pihak tertentu sahaja
D Melantik pegawai perkhidmatan awam

33 Tunku Abdul Rahman dan wakil Raja-raja Melayu menjelaskan perlunya misi rundingan di London.
Apakah kepentingan misi tersebut? BUKU TEKS MS 216
A Mengenal pasti pemimpin negara
B Melindungi institusi Raja-raja Melayu
C Membincangkan perlembagaan negara
D Mewujudkan jawatan penting dalam kerajaan

Menguasai Tidak Menguasai

34 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah-langkah dalam gerak kerja Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu. BUKU TEKS MS 221

Meminta cadangan → Meneliti cadangan → Mengadakan persidangan

Apakah tujuan langkah tersebut? KBAT

A Memastikan draf perlembagaan adil
B Memenuhi kehendak rakyat tempatan
C Mengelakkan berlaku penyelewengan kuasa
D Menunjukkan kesungguhan anggota suruhanjaya

35 Apakah perkara yang terkandung dalam draf perlembagaan 1957? BUKU TEKS MS 222

I Membentuk Dewan Undangan Negeri
II Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan
III Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan
IV Kewarganegaraan bersyarat kepada yang lahir di Tanah Melayu

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

36 Apakah iktibar yang boleh diambil daripada kejayaan penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957? BUKU TEKS MS 223

I Sikap keterbukaan
II Sikap permuafakatan
III Ketegasan pemimpin
IV Kebijaksanaan pemimpin

A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

37

"Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni."

Pernyataan di atas adalah pengertian kemerdekaan oleh seorang tokoh.
Siapakah tokoh tersebut? BUKU TEKS MS 234

A Rashid Rida
B Nelson Mandela
C Mahatma Gandhi
D Tunku Abdul Rahman

38 Mengapakah peristiwa sambutan pemasyhuran kemerdekaan disusun dengan begitu rapi? BUKU TEKS MS 237

A Mengawal kos perbelanjaan
B Menjamin keharmonian negara
C Menyatupadukan rakyat majmuk
D Peristiwa bersejarah dan bermakna

3(*b*)	Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut dan kepentingan kerjasama antara kerajaan dan rakyat bagi mengekalkan kedaulatan negara. • **Maklumat** • Trivia/Maklumat peristiwa merdeka berlaku pada 25 Ogos 1957 • Gerakan menentang komunis terbesar telah dilancarkan • 2000 orang penduduk di Tanjung Malim telah mengadakan gerakan menentang komunis • Merupakan gerakan terbesar yang pernah diadakan di Tanah Melayu • Orang awam telah memasuki hutan dan berjaya menangkap lima orang pengganas • Kejayaan ini hasil kerjasama Jawatankuasa Rakyat Setia Tanjung Malim dengan askar askar Melayu, Polis Persekutuan dan tentera udara • Gerakan ini menjadi lambang kerjasama rakyat dan pihak berkuasa untuk menentang pengganas komunis • **Kepentingan** • Menjamin keamanan dan keselamatan negara • Rakyat melaporkan aktiviti jenayah atau ancaman keselamatan • Membantu memastikan negara bebas daripada ancaman luar dan dalam • Sokongan rakyat kepada dasar keselamatan negara • Seperti program pertahanan/ latihan kecemasan • Dapat memperkukuhkan kestabilan negara • Memperkuatkan sistem pertahanan negara • Kerajaan memerlukan sokongan rakyat • Melalui khidmat ketenteraan/ kawalan sempadan/ penyertaan dalam latihan • Seperti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) • Patriotisme rakyat meningkat/ bersedia mempertahankan negara • Mengukuhkan ekonomi negara • Rakyat yang menyokong dasar ekonomi kerajaan • Membayar cukai/ mematuhi undang-undang perdagangan • Membantu membangunkan ekonomi negara • Ekonomi yang kukuh adalah asas kepada kedaulatan negara • Mengurangkan kebergantungan kepada kuasa luar • Memastikan kelangsungan sistem demokrasi • Kerjasama rakyat dalam proses demokrasi • Seperti mengundi dalam pilihan raya • Memastikan kerajaan yang dipilih adalah berwibawa • Mampu mentadbir negara dengan baik • Rakyat aktif menyuarakan pandangan secara beretika • Membantu kerajaan memperbaiki kelemahan/ meningkatkan keberkesanan pentadbiran • Memupuk perpaduan nasional • Bekerjasama dalam memupuk semangat perpaduan dan toleransi antara kaum • Melalui program integrasi nasional • Memastikan negara kekal harmoni • Boleh berhadapan dengan cabaran sosial atau budaya • Mengelakkan campur tangan kuasa asing • Lebih tegas dalam menolak sebarang bentuk campur tangan asing • Dari aspek politik/ ekonomi/ sosial • Rakyat bersama-sama mempertahankan hak dan kebebasan negara (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
4(*a*)	Bagaimanakah Parti Komunis Malaya (PKM) meluaskan kuasa di Tanah Melayu selepas kekalahan Jepun?	
	• Selepas Jepun menyerah kalah, berlaku kekosongan politik berlaku di Tanah Melayu	1
	• Kelewatan British kembali ke Tanah Melayu	1
	• Memberikan peluang kepada PKM untuk meluaskan pengaruhnya	1
	• Bintang Tiga PKM melalui MPAJA	1
	• Keluar dari hutan dan melakukan kekacauan	1
	• Mereka melakukan kekejaman/ pembunuhan	1
	• Terhadap penduduk yang didakwa pernah bersubahat dengan Jepun	1
	• BMA membubarkan MPAJA pada 1 Disember 1945	1
	• PKM dibenarkan bergerak sebagai sebuah pertubuhan yang sah	1
	• Memberikan peluang kepada PKM untuk mempengaruhi beberapa pertubuhan	1
	• PKM menyusup dalam kesatuan sekerja	1
	• Pan-Malayan Federation of Trade Unions (PMFTU)	1
	• Komunis berjaya menguasai 335 kesatuan sekerja	1
	• Menyusup dalam PKMM, MDU dan PUTERA-AMCJA	1
	• Pergerakan komunis mengancam ekonomi dan keselamatan negara	1
	• British meluluskan Trade Union Ordinance No. 9 of 1948	1
	• Untuk menyekat pengaruh komunis dalam kesatuan sekerja	1
	• British mengharamkan PKM	1
	[*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**
4(*b*)	Jelaskan kesan zaman darurat dari aspek berikut:	
	(i) Politik.	
	• Peningkatan jumlah kewarganegaraan	1
	• Kerajaan telah melonggarkan syarat kewarganegaraan pada tahun 1952	1
	• Seramai lebih kurang 1.2 juta orang Cina dan 180 ribu orang India menjadi warganegara	1 1
	• Menunjukkan pengorbanan orang Melayu terhadap kaum lain	1
	• Bagi mewujudkan perpaduan rakyat	1
	• Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)	1
	• Darurat mendorong Sir Henry Gurney mengambil langkah menawan hati penduduk Cina	1
	• Menubuhkan parti politik berorientasikan tempatan	1
	• Tan Cheng Lock membentuk Malayan Chinese Association (MCA) di Kuala Lumpur pada 27 Februari 1949	1
	• Meyakinkan British bahawa bukan semua orang Cina menyokong komunis	1
	• Februari 1953, MCA mempunyai 250 ribu orang ahli	1
	• MCA berganding bahu dengan kerajaan memerangi komunis	1
	• Bantuan kewangan/ Menempatkan 500 ribu orang penduduk semula ke Kampung Baru	1
	• Menjalankan kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan	1
	• Hasil didermakan kepada penduduk di Kampung Baru	1
	• MCA berjaya mengumpulkan sejumlah $2.5 juta	1
	• Mempercepatkan kemerdekaan	1
	• British sedar pihaknya tidak boleh menamatkan darurat melalui strategi ketenteraan semata-mata	1
	• Darurat mendorong British untuk mempercepat kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu	1
	• Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	1
	• Meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum	1
	• Berkongsi kepentingan dan hala tuju yang sama	1
	• Penubuhan Parti Perikatan (UMNO–MCA–MIC)	1
	• Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Umum 1955	1
	• Memberikan keyakinan kepada British	1
	• Persekutuan Tanah Melayu dapat menewaskan komunis melalui perpaduan penduduk yang berbilang kaum	1
	• British memberikan kemerdekaan kepada Persekutuan Tanah Melayu	1
	• PKM tiada alasan untuk meneruskan perjuangannya	1
	[*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**

Soalan	Butiran	Markah
	(ii) Sosioekonomi.	
	• Peningkatan kos perbelanjaan	1
	• Darurat menjejaskan perkembangan ekonomi	1
	• Meningkatkan kos perbelanjaan pihak British	1
	• Anggaran purata kos darurat ialah sebanyak $250 ribu hingga $300 ribu sehari	1
	• Kerajaan membelanjakan lebih $10 juta sebulan atau $120 juta setahun	1
	• Kos yang besar untuk menyelesaikan masalah penempatan semula penduduk	1
	• Dari tahun 1950 hingga 1953, perbelanjaan kerajaan dianggarkan lebih $7 juta untuk pembangunan di Kampung Baru	1
	• Menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan rakyat	1
	• Serangan ke atas ladang dan lombong	1
	• Kegiatan ekonomi negara terjejas	1
	• Pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan	1
	• Kesannya, harga barang makanan dan keperluan harian melambung tinggi	1
	• Peniaga/ Pekedai/ Pengusaha kebun/ Peladang/ Pelombong mengalami kesukaran	1
	• Menjadi sasaran peras ugut komunis	1
	• Untuk mendapatkan wang dan bekalan makanan	1
	• Kegagalan memenuhi tuntutan komunis menyebabkan kemusnahan pada lombong/ ladang/ kedai serta mengancam nyawa	1
	• Penduduk juga menghadapi kesukaran untuk bergerak/ memperoleh bekalan keperluan	1
	• Terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan	1
	• Penduduk tidak dapat menjalankan kegiatan harian	1
	• Ramai pekebun/ pekerja lombong tidak dapat bekerja	1
	• Perintah berkurung dikenakan kepada mereka	1
	• Catuan bekalan makanan yang dikenakan	1
	• Bergantung pada makanan seperti ubi kayu, keledek dan jagung	1
	• Peningkatan jumlah korban zaman darurat	1
	• Anggota pasukan keselamatan/ komunis/ orang awam terkorban	1
	• Merenggangkan hubungan kaum	1
	• Rancangan penempatan semula Kampung Baru didominasi oleh kaum tertentu	1
	• Kaum Cina dikumpulkan di kawasan petempatan yang sama	1
	• Manakala kaum lain di petempatan lain	1
	• Petempatan baharu yang dilengkapi dengan prasarana berkembang menjadi bandar baharu	1
	• Kaum Melayu hanya tertumpu di kampung yang serba kekurangan	1
	• Kawalan pasukan keselamatan yang ketat	1
	• Menyebabkan hubungan dengan kaum lain terbatas	1
	• Tidak memberikan ruang kepada penduduk Kampung Baru untuk bersosial dengan kaum lain	1
	• Pengasingan ini menyebabkan hubungan antara kaum semakin renggang.	1
	[*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**
4(*c*)	Huraikan maklumat yang terkandung di dalam petikan dan kesan sekiranya rakyat terpengaruh dengan ideologi negatif.	
	• **Maklumat**	1
	• Risalah Darurat disediakan dalam tulisan Cina kerana majoriti yang menyokong komunis adalah orang Cina	1
	• Risalah juga disediakan dalam tulisan Jawi dan Tamil supaya mesej dapat disebarkan serta difahami oleh semua kaum	1
	• Kerajaan melabelkan komunis sebagai 'penjahat', 'pembunuh', 'pengganas' atau 'penyamun' dan pihak kerajaan yang bertanggungjawab untuk membanteras mereka	1
	• Kerajaan mempropagandakan imej negatif terhadap komunis kepada penduduk kerana komunis adalah penentang British	1
	• Strategi propaganda ini memudahkan kerajaan dalam mempengaruhi pemikiran penduduk dan meraih sokongan mereka	1
	• Dalam risalah ini juga, kerajaan mengingatkan penduduk tentang kekejaman komunis	1
	• Menyeru penduduk memberi kerjasama supaya keamanan negara dapat dipulihkan dengan segera	1

Soalan	Butiran	Markah
	• **Kesan** • Mengancam keharmonian dan perpaduan kaum • Ideologi negatif sering membawa kepada kebencian/ prasangka/ konflik antara kaum agama • Perpecahan ini boleh menyebabkan ketegangan sosial • Merosakkan keharmonian yang telah lama wujud • Menjejaskan kestabilan politik • Fahaman negatif boleh mencetuskan rusuhan/ pemberontakan/ ketidakstabilan politik yang menggugat pentadbiran negara • Rakyat yang terpengaruh dengan ideologi negatif mungkin bertindak melawan kerajaan secara tidak sah • Kerosakan/Menjejaskan ekonomi • Mengurangkan keyakinan pelabur • Menyebabkan kehilangan peluang pekerjaan • Huru-hara yang dicetuskan oleh ideologi negatif mengganggu aktiviti ekonomi/ perniagaan • Menghakis nilai agama dan moral • Ideologi negatif sering bercanggah dengan ajaran agama dan nilai moral • Menyebabkan masyarakat kehilangan pegangan agama dan nilai-nilai murni • Gejala sosial semakin berleluasa • Seperti jenayah/ rasuah/ keruntuhan akhlak • Mengancam keselamatan negara • Ideologi negatif yang melibatkan keganasan/ ekstremisme • Seperti serangan pengganas atau pemberontakan bersenjata • Mengancam nyawa rakyat • Menjejaskan kestabilan negara secara keseluruhan • Perpecahan dalam kalangan rakyat • Memecahbelahkan masyarakat kepada kumpulan-kumpulan kecil yang saling bermusuhan • Melemahkan solidariti rakyat • Menghalang mereka daripada bekerjasama untuk kemajuan negara • Merosakkan generasi muda • Golongan muda kehilangan hala tuju/ memberontak/ menjadi alat kepada pihak yang berniat jahat • Berisiko kehilangan potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara • Membuka ruang kepada campur tangan asing • Rakyat lemah akibat perpecahan atau konflik • Pihak luar mungkin mengambil kesempatan untuk mencampuri urusan negara • Menghakis kedaulatan negara dan menyebabkan kebergantungan kepada kuasa luar (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Memperkenalkan buku teks yang berlatarbelakangkan unsur tempatan • Memastikan pendidikan sivik diajar secara formal di sekolah • Membentuk perasaan kekitaan/ taat setia kepada negeri Sarawak	1 1 1
	• **Pendidikan Kebangsaan di Sabah** • Mempertingkatkan pengajaran bahasa Melayu/ bahasa Inggeris di sekolah Cina • Memastikan bahasa Inggeris diajar di sekolah Melayu • Bahasa Melayu diajar di sekolah Inggeris • Menetapkan peperiksaan di sekolah menengah dikendalikan dalam bahasa Inggeris • Ordinan Pelajaran Koloni 1956 diperkenalkan • Matlamatnya menyeragamkan kurikulum/ peperiksaan peringkat rendah dan menengah • Melahirkan perasaan kebersamaan dalam kalangan kaum di Sabah [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
1(*c*)	Bagaimanakah sistem pendidikan kebangsaan dapat memperkukuh perpaduan rakyat pada hari ini? • Penggunaan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama • Mewujudkan persefahaman tanpa menimbulkan rasa curiga • Penggunaan kurikulum yang sama • Mengandungi segala ilmu pengetahuan/ kemahiran/ nilai-nilai/ unsur-unsur kebudayaan/ kepercayaan pelbagai kaum di Malaysia • Memperkenalkan topik-topik bertemakan perpaduan yang menyentuh berkenaan hubungan etnik dan agama dalam konteks masyarakat majmuk • Penyertaan dalam aktiviti kokurikulum • Menggalakkan pelajar daripada pelbagai latar belakang untuk bekerjasama dalam aktiviti sukan/ kelab/ persatuan • Melaksanakan pelbagai aktiviti dengan melibatkan pelajar pelbagai kaum dari sekolah yang berbeza berdasarkan demografi di sesuatu tempat/ daerah (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
2(*a*)	Nyatakan **dua** kerjasama politik ke arah kemerdekaan di negara kita. • Pakatan PUTERA-AMCJA • Persidangan Kebangsaan • Konvensyen Kebangsaan • Pembentukan Parti Perikatan [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	 1 1 1 1 **[2 *m*]**
2(*b*)	Jelaskan kerjasama politik yang telah dijalankan pada **2**(*a*). • **Pakatan PUTERA-AMCJA** • Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi dan All Malaya Council of Joint Action (AMCJA) diketuai Tan Cheng Lock bergabung pada bulan Disember 1947 • Menjadi perintis untuk memupuk kerjasama politik antara kaum • Melahirkan Manifesto Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif pembinaan negara bangsa yang merdeka • Mencadangkan pemerintahan sendiri • Pembentukan Dewan Perundangan • Penerimaan satu kewarganegaraan • **Persidangan Kebangsaan** • Berlangsung pada bulan Februari 1954 yang diketuai oleh Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak, iaitu Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz • Membincangkan langkah membentuk gabungan parti politik kebangsaan Tanah Melayu yang bersatu • Disertai oleh Independence of Malayan Party (IMP)/ Malayan Indian Congress (MIC)/ Persatuan Ceylonese Malaya/ Persatuan Eurasian Malaya • Menuntut agar diadakan pilihan raya Persekutuan • **Konvensyen Kebangsaan** • Dianjurkan oleh UMNO pimpinan Tunku Abdul Rahman dan MCA pimpinan Tan Cheng Lock pada bulan Ogos 1954 • Membincangkan usaha ke arah kemerdekaan dan masa depan Tanah Melayu	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Dihadiri oleh Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS)/ Persetiaan Melayu Kelantan/ Persatuan Melayu Semenanjung • Meluluskan resolusi mendesak British mengadakan pilihan raya Persekutuan • **Pembentukan Parti Perikatan** • MIC menyertai UMNO dan MCA membentuk Parti Perikatan pada bulan Oktober 1954 • Melengkapkan kerjasama tiga kaum terbesar di Tanah Melayu • Memilih kapal layar sebagai logo • Melambangkan kesediaan menempuh cabaran/ rintangan bagi mencapai kemerdekaan [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
2(*c*)	Huraikan mesej yang terkandung dalam gambar tersebut. • Aktiviti perpaduan perlu diperbanyak demi kesejahteraan masyarakat Malaysia • Memastikan masyarakat hidup dalam keadaan harmoni • Persefahaman dapat ditingkatkan • Perasaan prejudis/ diskriminasi kepada kaum lain dapat dikurangkan • Gotong-royong/ Acara sukan/ Sambutan perayaan/ Pameran budaya/ Kelas bahasa • Ikatan sosial antara individu dari pelbagai latar belakang dapat dikuatkan • Seseorang dapat mengenali/ memahami budaya serta kepercayaan kaum lain • Rasa terhubung dengan komuniti memberikan sokongan emosi/ moral (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
3(*a*)	CLC berperanan menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum. Terangkan mengenai isu tersebut. • Politik • Persediaan ke arah berkerajaan sendiri • Kedudukan istimewa orang Melayu • Orang Melayu menuntut diperakui kedudukan istimewa sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu • Kedudukan ekonomi orang Melayu • Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan • Kewarganegaraan bukan Melayu • Ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu • Pendidikan • Sistem persekolahan yang berbeza-beza mengikut kaum • Menggunakan bahasa pengantar/ buku teks/ sukatan pelajaran yang berlainan [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
3(*b*)	Jelaskan bagaimana CLC berperanan menyelesaikan isu yang berlaku dan kesan ke arah perpaduan kaum pada ketika itu. • **Peranan CLC** • Mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri dilakukan • Memberi pengalaman pilihan raya secara berperingkat kepada penduduk Tanah Melayu • Bersetuju agar orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa • Menunjukkan taat setia yang tidak berbelah bahagi • Mengiktiraf negara ini satu-satunya tanah air mereka • Mencadangkan penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi/ pendidikan orang Melayu • Bersetuju kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu penting • Memupuk taat setia kepada Tanah Melayu • Kerjasama dalam kalangan rakyat • Mencadangkan satu sistem pendidikan yang seragam • Memupuk kesetiaan/ perpaduan kaum di Tanah Melayu **Kesan ke Arah Perpaduan Kaum** • Pilihan raya diadakan pada peringkat majlis bandaran/ majlis negeri/ Majlis Perundangan Persekutuan • Kedudukan istimewa orang Melayu di negara ini diperakui	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Kepentingan sah kaum lain diiktiraf	1
	• Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) hasil tuntutan daripada Dato' Onn Jaafar	1
	• Bantuan ekonomi/ Kemajuan luar bandar perlu untuk orang Melayu	1
	• Tolak ansur kepada persetujuan orang Melayu melonggarkan syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu	1
	• Syarat kewarganegaraan dilonggarkan	1
	• Memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu	1
	• Melahirkan semangat patriotik/ bertanggungjawab kepada negara	1
	• Penubuhan jawatankuasa pendidikan bagi mengkaji sistem pendidikan	1
	• Melahirkan pendidikan yang seragam	1
	• Diterima oleh semua kaum	1
	[*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	**[8 *m*]**
3(*c*)	Jelaskan maklumat yang terdapat dalam petikan tersebut dan impak pada negara sekiranya masyarakat tidak bersatu padu.	
	• **Maklumat**	1
	• Perpaduan amat penting dalam pembangunan sesebuah negara	1
	• Kesatuan dan kesepakatan antara rakyat penting dalam membentuk negara yang maju yang aman	1
	• Melahirkan masyarakat yang hidup dalam keadaan harmoni	1
	• Tanpa perpaduan, akan berlaku konflik yang menyebabkan berlakunya pertumpahan darah	1
	• Menyebabkan kehancuran negara	1
	• Perpaduan merupakan penyatuan dan darjah serta jenis penyatuan yang dipamerkan oleh sesebuah masyarakat, ataupun kumpulan dan jiran	1
	• Perpaduan penting dalam membentuk sesebuah negara yang maju	1
	• Perpaduan menyebabkan kemajuan dan kesejahteraan hidup rakyat boleh dicapai	1
	• **Impak pada Negara**	1
	• Peningkatan dalam konflik dan ketegangan antara pelbagai kumpun	1
	• Ini menyebabkan pergaduhan/ kekacauan/ keganasan	1
	• Ekonomi negara merosot	1
	• Pelabur akan kehilangan keyakinan untuk melabur	1
	• Kadar pengangguran meningkat	1
	• Pemikiran/ Tindakan rakyat boleh dipengaruhi secara negatif	1
	• Kestabilan politik tergugat	1
	• Menimbulkan ketidakpercayaan rakyat terhadap pemerintah	1
	(*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	**[8 *m*]**
4(*a*)	Jelaskan tentang:	
	(i) Latar belakang pembentukan Sistem Ahli.	
	• Berlaku kekurangan pegawai tempatan dalam perkhidmatan kerajaan	1
	• Dato' Onn Jaafar meminta tindakan diambil bagi menambah peluang pentadbiran kepada wakil tempatan	1
	• Menyediakan Tanah Melayu ke arah kemerdekaan	1
	• Sesuai dengan hasrat British menjalankan dasar dekolonisasi/ menyediakan langkah berkerajaan sendiri secara beransur-ansur kepada tanah jajahannya	1
	• Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British mengumumkan senarai Sistem Ahli pada tahun 1951	1
	• Merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu	1
	• Beberapa anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) diberi tanggungjawab terhadap beberapa jabatan dan agensi kerajaan	1
	• Latihan kepada penduduk tempatan berkaitan dengan pentadbiran negeri sebelum British memberikan kemerdekaan	1
	• Dilaksanakan pada bulan April 1951 hingga bulan Jun 1955/ Sebelum pilihan raya MPP diadakan pada bulan Julai 1955	1
	• Tiga portfolio kekal di bawah pentadbiran British	1

Soalan	Butiran	Markah
	• Hal Ehwal Ekonomi/ Perindustrian dan Perhubungan Sosial/ Perumahan dan Kerja Raya	1
	• Pada tahun 1954, berlaku rombakan Sistem Ahli	1
	• Beberapa portfolio baharu diwujudkan	1
	• Dijawat oleh warganegara Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi anggota MPP	1
	• Dato' Onn Jaafar, Ahli Hal Ehwal Dalam Negeri/ E.E.C. Thuraisingham, Ahli Pelajaran/ Lee Tiang Keng, Ahli Kesihatan/ Tunku Yaacob ibni Sultan Abd. Hamid, Ahli Pertanian dan Perhutanan/ Dato' Mahmud Mad, Ahli Tanah, Lombong dan Perhubungan/ Dato' Nik Ahmad Kamil, Ahli Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancang Bandar/ H.S. Lee, Ahli Pengangkutan/ Dr. Ismail Abdul Rahman, Ahli Hasil Bumi	1
	[*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**
	(ii) Ciri-ciri Sistem Ahli.	
	• Ahli bertaraf Menteri	1
	• Bertanggungjawab menjaga portfolio yang mengandungi jabatan/ agensi kerajaan	1
	• Dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British	1
	• Dengan persetujuan Majlis Raja-Raja	1
	• Ahli bertanggungjawab mencadangkan undang-undang yang berkaitan dengan jabatannya	1
	• Dibentangkan dalam MPP	1
	• Ahli diletakkan di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi	1
	• Satu sistem kabinet bayangan	1
	• Terdiri daripada beberapa pegawai tadbir dan tokoh masyarakat	1
	[*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**
	(iii) Kepentingan Sistem Ahli.	
	• Menyediakan asas penting untuk melatih orang tempatan ke arah berkerajaan sendiri	1
	• Memberikan pendedahan kepada penduduk tempatan untuk belajar mentadbir/ menerajui kerajaan menjelang kemerdekaan	1
	• Merupakan proses memupuk perpaduan kaum	1
	• Ahlinya terdiri daripada gabungan pemimpin pelbagai kaum	1
	• Menentukan kemerdekaan yang diperoleh mendapat sokongan seluruh penduduk Persekutuan Tanah Melayu	1
	[*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**
4(*b*)	Bandingkan Sistem Ahli yang ditubuhkan sebelum negara merdeka dengan sistem kabinet selepas negara mencapai kemerdekaan.	
	• Ahli dalam Sistem Ahli dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British	1
	• Menteri dalam sistem kabinet dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong	1
	• Ahli dalam Sistem Ahli di bawah kuasa Pesuruhjaya Tinggi British	1
	• Menteri kabinet dibawah kuasa Yang di-Pertuan Agong	1
	• Sistem Ahli bermula pada bulan April 1951 hingga Jun 1955	1
	• Sistem kabinet bermula selepas negara mencapai kemerdekaan sehingga kini	1
	• Sistem Ahli melatih penduduk tempatan menerajui pentadbiran	1
	• Sistem kabinet mentadbir negara mengikut jawatan-jawatan	1
	• Sistem Ahli mengandungi 9 orang Ahli	1
	• Sistem kabinet mempunyai 31 orang Menteri	1
	• Sistem Ahli merupakan satu kabinet bayangan	1
	• Sistem kabinet selepas merdeka merupakan kabinet penuh yang dianggotai oleh pemimpin tempatan	1
	[*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	**[8 *m*]**

Soalan	Butiran	Markah
1(*a*)	Nyatakan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955. • Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan ditubuhkan dan berjaya membentuk 52 kawasan pilihan raya • Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan • Pendaftaran pengundi mulai 18 Oktober 1954 di seluruh Tanah Melayu manakala di Terengganu bermula 29 Oktober 1954 • Penamaan calon • Kempen pilihan raya • Mengundi • Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi dan proses pengiraan undi dilakukan • Pengumuman keputusan [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 **[2 *m*]**
1(*b*)	Apakah syarat untuk menjadi pengundi dan calon dalam pilihan raya tersebut? • **Syarat untuk Menjadi Pengundi** • Warganegara Persekutuan Tanah Melayu • Berumur 21 tahun ke atas • Individu yang tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dalam tempoh enam bulan terdahulu daripada tarikh pendaftaran pengundi layak memohon sebagai pengundi • **Syarat untuk Menjadi Calon** • Warganegara Persekutuan Tanah Melayu • Berumur 21 tahun ke atas • Telah tinggal di Persekutuan Tanah Melayu dan tinggal dalam tempoh 12 bulan sebelum hari penamaan calon • Berpengetahuan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
1(*c*)	Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan bagi menggalakkan rakyat untuk keluar mengundi semasa pilihan raya diadakan pada hari ini. • Melancarkan kempen "Undi Masa Depan" • Menyeru rakyat menggunakan hak mereka untuk menentukan masa depan negara • Mengeluarkan video pendek dengan tema masa depan negara di semua platform media • Mengeluarkan poster berbentuk infografik berkaitan pengundian • Menggunakan platform media sosial untuk menggalakkan pengundi muda keluar mengundi • Menambah pusat daerah mengundi/ saluran mengundi • Menyediakan lebih banyak pengangkutan percuma ke pusat mengundi • Meminta majikan mengambil inisiatif memberikan bayaran gaji awal bagi memudahkan urusan pulang ke kampung untuk mengundi (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4 *m*]**
2(*a*)	Namakan **dua** orang tokoh tempatan yang menganggotai kabinet tersebut. • Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj • Dato' Abdul Razak Hussein • Dato' Sulaiman Dato' Abdul Rahman • Dr. Ismail Abdul Rahman • H.S.Lee • Sardon Jubir • V.T. Sambathan • Leong Yew Koh • Ong Yoke Lin • Abdul Aziz Ishak [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[2 *m*]**

Soalan	Butiran	Markah
2(*b*)	Terangkan peranan yang dipegang oleh kabinet pertama. • Membincangkan soal kewangan • Keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam • Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster • Mengurangkan kuasa pentadbiran British • Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan • Membincangkan isu keselamatan dalam negeri/ pertahanan [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
2(*c*)	Ulaskan pernyataan tersebut. • Mampu membuat keputusan yang bijak • Mengambil kira pandangan pakar/ rakyat sebelum melaksanakan sesuatu dasar • Mengamalkan sikap jujur/ berintegriti • Dipercayai oleh rakyat untuk melaksanakan perubahan/ pembangunan • Mampu memberikan inspirasi kepada rakyat • Membangkitkan semangat kerja keras bagi membangunkan negara • Mempunyai visi jangka panjang untuk negara • Mampu menangani situasi krisis dalam keadaan yang tenang (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
3(*a*)	Terangkan **dua** bentuk penyata susunan MPP yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pilihan Raya. • **Bentuk A** • Seorang Speaker • Tiga orang ahli yang dilantik • Sebelas orang wakil negeri • Dua puluh orang yang dilantik mewakili kepentingan tertentu • Tiga orang dilantik mewakili golongan minoriti • Dua orang ahli rasmi (Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Ekonomi) • Enam puluh orang yang dipilih melalui pilihan raya • Tempoh pilihan raya perlu diadakan tidak lewat dari bulan November 1954 • **Bentuk B** • Seorang Speaker • Tiga orang ahli yang dilantik • Sebelas orang wakil negeri • Dua puluh orang yang dilantik mewakili kepentingan tertentu • Tiga orang dilantik mewakili golongan minoriti • Dua orang ahli rasmi (Setiausaha Pertahanan dan Setiausaha Ekonomi) • Empat puluh empat orang yang dipilih melalui pilihan raya • Lapan orang tambahan lantikan oleh Pesuruhjaya Tinggi • Tidak menetapkan tarikh atau masa tertentu untuk pilihan raya [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**
3(*b*)	Jelaskan reaksi Tunku Abdul Rahman terhadap penyata yang dikeluarkan tersebut. • Tunku Abdul Rahman dan Parti Perikatan memilih bentuk A • Tunku Abdul Rahman berangkat ke London bersama-sama dengan Tan Cheng Lock, T.H.Tan dan Dato' Abdul Razak Hussein • Bertujuan menyatakan hasrat menentukan tiga perlima bilangan anggota MPP • Bilangan ini hendaklah dipilih semasa pilihan raya • Tunku Abdul Rahman berjaya bertemu dengan ahli Parlimen daripada Parti Buruh British/ Parti Konservatif/ Parti Liberal • Tunku Abdul Rahman membuat kenyataan tentang hasrat mereka melalui akhbar kepada rakyat British dan ahli Parlimen • Tunku Abdul Rahman berjaya mengadakan rundingan dengan Oliver Lyttelton, Setiuasaha Tanah Jajahan British di London • Rundingan tersebut tidak berjaya • Bilangan ahli MPP yang dipersetujui untuk dipilih melalui pilihan raya sebanyak 52 orang • Perkara ini dipersetujui oleh pihak British dan Parti Perikatan yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**

Soalan	Butiran	Markah
3(*c*)	Mengapakah pilihan raya penting dalam sistem demokrasi negara kita? • Memberi peluang kepada rakyat memilih pemimpin yang dipercayai mereka • Pemimpin yang dipilih perlu bertanggungjawab kepada rakyat • Pemimpin akan bekerja untuk kepentingan rakyat • Perubahan kuasa akan berlaku secara aman dan teratur tanpa kekerasan • Menjamin kestabilan politik negara • Membolehkan kerajaan yang sah dibentuk • Mendidik rakyat mengenai isu-isu semasa/ dasar-dasar kerajaan/ hak/ tanggungjawab rakyat sebagai warganegara • Mengekalkan kebebasan dan hak asasi • Memastikan pemimpin tidak berkuasa mutlak • Rakyat terlibat dalam menentukan hala tuju negara • Melahirkan taat setia rakyat kepada pemimpin dan negara • Rakyat boleh menyuarakan pendapat/ pandangan melalui pemimpin yang dipilih oleh mereka (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8 *m*]**
4(*a*)	Bandingkan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1948 dengan Majlis Perundangan Persekutuan 1955. • **Majlis Perundangan Persekutuan 1948** • 52 orang ahli tidak rasmi • Dilantik dalam kalangan masyarakat tertentu • 3 orang ex officio • Ketua Setiausaha Kerajaan/ Setiausaha Kewangan/ Peguam Besar Persekutuan • 9 orang Residen • Residen British mewakili sembilan buah Majlis Negeri • 2 orang wakil Negeri-negeri Selat / Melaka dan Pulau Pinang • 11 orang ahli rasmi • Dilantik dalam kalangan pegawai pentadbiran kerajaan • **Majlis Perundangan Persekutuan 1955** • 52 orang ahli dipilih melalui pilihan raya • 35 orang ahli lantikan mewakili kumpulan yang berkepentingan • Keusahawanan/ Perlombongan/ Perindustrian/ Pertanian • 11 orang Menteri Besar mewakili negeri • 2 orang wakil Negeri-negeri Selat / Melaka dan Pulau Pinang [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6 *m*]**
4(*b*)	Jelaskan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955 terhadap negara. • Kerajaan diketuai oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri • Bertanggungjawab mengambil alih tugas pentadbiran Tanah Melayu daripada Pesuruhjaya Tinggi British • Proses pertukaran dan pembaharuan berlaku secara berperingkat dan mengambil masa • Pesuruhjaya Tinggi British memegang tampak kepimpinan peringkat atasan yang menentukan hala tuju negara • Kuasa pegawai British beransur-ansur dipindahkan kepada rakyat tempatan • Terdapat pegawai British yang berperanan sebagai penyelia atau penasihat bidang keselamatan • Sistem Ahli dimansuhkan • Keanggotaan MPP menyaksikan perkembangan penting amalan pentadbiran demokrasi di negara kita • Menggambarkan kejayaan Kerajaan Persekutuan yang dibentuk/ dipimpin oleh rakyat tempatan • Ahlinya dipilih oleh rakyat [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6 *m*]**

Soalan	Butiran	Markah
4(*c*)	Jelaskan kewajaran pindaan umur kelayakan pengundi dilakukan dan kebaikan pendaftaran pengundi dilakukan secara automatik. • **Kewajaran Pindaan Umur Kelayakan** • Berupaya membuat keputusan bijaksana mengenai kepentingan masa depan negara • Diamalkan semua negara demokrasi maju dan negara lain • Telah tamat persekolahan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk masuk ke alam pekerjaan • Sudah matang • Memikul tanggungjawab sebagai anggota masyarakat • Dianggap rakyat umur dewasa • Mereka yang berpendapatan tinggi sudah membayar cukai kepada kerajaan • Layak membuat permohonan lesen memandu/ lesen perniagaan/ memohon pinjaman kewangan/ menyertai pasukan keselatam/ menandatangani apa-apa perjanjian serta dianggap dewasa untu berkahwin • **Kebaikan Pendaftaran Pengundi Secara Automatik** • Meningkatkan kadar pendaftaran pengundi • Mengurangkan kesilapan/ penipuan dalam proses pendaftaran • Data diambil terus dari sumber rasmi/ Jabatan Pendaftaran Negara • Memudahkan proses pilihan raya • Memastikan senarai pengundi sentiasa dikemaskini/ tepat • Menggalakkan penyertaan dalam proses demokrasi • Memastikan lebih ramai rakyat layak mengundi • Menjimatkan tenaga kerja / Perbelanjaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

Soalan	Butiran	Markah
1(*a*)	Senaraikan **tiga** ahli yang menganggotai suruhanjaya tersebut. • Lord Reid • Sir William Ivor Jennings • Sir William Mckell • Hakim B. Malik • Hakim Abdul Hamid [*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 **[3*m*]**
1(*b*)	Jelaskan tugas suruhanjaya tersebut. • Membincangkan perlembagaan PTM • Menyusun perlembagaan PTM • Merangka perlembagaan PTM [*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	1 1 1 **[3*m*]**
1(*c*)	Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan suruhanjaya ini penting kepada perkembangan politik negara kita? • Penyediaan kerangka perlembagaan negara • Suruhanjaya ini bertanggungjawab merangka perlembagaan yang menjadi asas pentadbiran negara • Dokumen ini mengandungi prinsip-prinsip utama seperti pembahagian kuasa, kedaulatan undang-undang dan hak asasi rakyat • Perlembagaan ini menjadi panduan penting untuk memastikan kestabilan politik dan tadbir urus yang teratur • Menjamin hak dan kepentingan pelbagai kaum • Penubuhan suruhanjaya ini memberikan ruang untuk merangka dasar yang mengambil kira kepelbagaian kaum di Tanah Melayu • Perlembagaan yang dihasilkan mengandungi peruntukan • Seperti Kontrak Sosial yang melibatkan hak istimewa orang Melayu dan peribumi serta hak kerakyatan bagi kaum bukan Melayu	1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Persediaan ke arah kemerdekaan	1
	• Suruhanjaya ini membantu menyediakan asas perundangan yang kukuh untuk Tanah Melayu sebagai negara yang merdeka dan berdaulat	1
	• Dengan adanya perlembagaan, negara dapat mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 dengan jaminan kestabilan politik	1
	• Memperkukuh sistem demokrasi berparlimen	1
	• Suruhanjaya ini memperkenalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen dengan raja berperlembagaan	1
	• Ia menetapkan institusi penting seperti Yang di-Pertuan Agong, Parlimen dan badan kehakiman, yang menjamin kelangsungan demokrasi dan kebebasan politik	1
	• Mewujudkan struktur pentadbiran yang tersusun	1
	• Perlembagaan menyediakan struktur pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dan negeri, memastikan pentadbiran yang tersusun dan efisien	1
	• Ini penting untuk menyelaraskan dasar pembangunan di seluruh negara	1
	• Menggalakkan perpaduan dan integrasi nasional	1
	• Suruhanjaya ini menyumbang kepada usaha menyatupadukan masyarakat berbilang kaum dengan memperkenalkan prinsip-prinsip asas	1
	• Seperti bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
	• Dan Islam sebagai agama rasmi tanpa mengetepikan hak agama dan budaya lain	1
	(*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4 *m*]**
2(*a*)	Jelaskan sistem pemerintahan yang disepakati dalam perjanjian tersebut.	
	• Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen diperkenalkan	1
	• Seorang raja dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong	1
	• Dipilih dalam kalangan Raja Melayu	1
	• Tempoh jawatan setiap lima tahun	1
	[*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	**[3 *m*]**
2(*b*)	Jelaskan kedudukan agama Islam dan bahasa Melayu dalam perjanjian tersebut.	
	• Agama Islam sebagai agama persekutuan	1
	• Agama lain boleh diamalkan	1
	• Bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan	1
	• Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar/ bahasa komunikasi	1
	[*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	**[3 *m*]**
2(*c*)	Bagaimanakah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dapat memperkukuh perpaduan kaum di negara kita?	
	• Pengenalan konsep kewarganegaraan	1
	• Perjanjian ini memperkenalkan konsep kewarganegaraan yang memberikan hak kepada penduduk pelbagai kaum di Tanah Melayu untuk menjadi warganegara	1
	• Ini mewujudkan rasa kebersamaan dan keadilan di kalangan rakyat tanpa mengira latar belakang kaum	1
	• Pengiktirafan hak kaum	1
	• Perjanjian ini mengiktiraf hak-hak masyarakat Melayu sebagai penduduk asal dan pada masa yang sama menjaga kepentingan kaum lain seperti Cina dan India yang merupakan sebahagian daripada populasi Tanah Melayu	1
	• Perimbangan hak ini membantu mengurangkan ketegangan antara kaum	1
	• Kerjasama politik antara kaum	1
	• Perjanjian ini mewujudkan asas kepada kerjasama politik antara kaum melalui penyatuan negeri-negeri Melayu di bawah satu pentadbiran	1
	• Ini membuka jalan kepada pembentukan parti politik berbilang kaum seperti Perikatan, yang kemudiannya menjadi Barisan Nasional	1
	• Penubuhan sistem pentadbiran bersama	1
	• Sistem pentadbiran persekutuan yang diperkenalkan membolehkan wakil dari pelbagai kaum terlibat dalam proses pemerintahan	1
	• Ini memberi ruang kepada semua kaum untuk menyuarakan pandangan dan memastikan penyertaan yang adil dalam urusan negara	1
	• Perpaduan melalui ekonomi dan pendidikan	1
	• Perjanjian ini turut menyokong dasar-dasar ekonomi dan pendidikan yang inklusif	1

Soalan	Butiran	Markah
	• Langkah ini penting untuk mengurangkan jurang sosioekonomi antara kaum yang boleh menjadi punca perpecahan	1
	• Semangat nasionalisme Tanah Melayu	1
	• Perjanjian ini mendorong semangat nasionalisme yang lebih inklusif, di mana semua kaum boleh bersatu untuk memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajahan British	1
	• Menanamkan rasa tanggungjawab bersama untuk memajukan negara	1
	(*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	**[4*m*]**
3(*a*)	Huraikan perkara yang diberi tumpuan oleh suruhanjaya tersebut dalam melaksanakan peranannya.	
	• Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu	1
	• Mengambil kira kedudukan/ martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu	1
	• Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal	1
	• Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu	1
	• Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan	1
	• Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara	1
	• Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu	1
	• Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain	1
	[*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	**[6*m*]**
3(*b*)	Bagaimanakah gerak kerja yang dilakukan oleh suruhanjaya tersebut?	
	• Meminta cadangan daripada semua penduduk	1
	• Menerima memorandum secara bertulis/ lisan untuk diteliti	1
	• Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan	1
	• Menghadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri	1
	• Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu serta Negeri-negeri Selat	1
	• Mengadakan persidangan untuk membincangkan pelbagai isu	1
	• Mengkaji dan membuat laporan/ cadangan bagi sebuah negara yang merdeka	1
	• Berunding dengan pelbagai pihak/ menyuarakan idea dan pandangan	1
	[*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	**[6*m*]**
3(*c*)	Pada pendapat anda, mengapakah negara perlu mempunyai perlembagaan yang mantap?	
	• Sebagai panduan pentadbiran	1
	• Perlembagaan yang mantap memberikan kerangka undang-undang dan panduan kepada kerajaan dalam menjalankan tugas pentadbiran	1
	• Ia memastikan segala keputusan dan tindakan dibuat mengikut peraturan yang jelas dan tersusun	1
	• Melindungi hak rakyat	1
	• Perlembagaan yang kukuh memastikan hak asasi rakyat dilindungi daripada pencabulan, sama ada oleh individu, kumpulan atau kerajaan	1
	• Contohnya, hak kebebasan bersuara, beragama, dan persamaan di sisi undang-undang	1
	• Menjamin kestabilan politik	1
	• Perlembagaan memberikan garis panduan tentang pembentukan dan peralihan kuasa politik	1
	• Seperti pilihan raya, pembentukan kerajaan dan pengurusan krisis. Ini membantu mengelakkan konflik atau kekacauan politik	1
	• Mengelakkan penyalahgunaan kuasa	1
	• Dengan adanya perlembagaan, kuasa yang diberikan kepada pemimpin dan institusi kerajaan dapat dihadkan dan dipantau	1
	• seperti pengasingan kuasa memastikan setiap cabang kerajaan (eksekutif, legislatif dan kehakiman) bertindak secara seimbang	1
	• Meningkatkan keyakinan rakyat dan pelabur	1
	• Perlembagaan yang stabil memberi keyakinan kepada rakyat terhadap sistem pentadbiran negara	1
	• Selain itu, pelabur asing juga lebih cenderung melabur dalam negara yang mempunyai sistem undang-undang yang kukuh dan boleh dipercayai	1
	• Menjamin kesejahteraan sosial	1
	• Perlembagaan yang mantap menggalakkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum dan agama	1

Soalan	Butiran	Markah
	• Memberikan jaminan terhadap kesaksamaan dan keadilan sosial, sekaligus mencegah diskriminasi • Sebagai identiti negara • Perlembagaan mencerminkan nilai, prinsip dan aspirasi sesebuah negara • Menjadi simbol kepada kedaulatan dan identiti negara dalam arena antarabangsa (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 **[8*m*]**
4(*a*)	Jelaskan perkara yang terkandung dalam draf tersebut. • Meneruskan sistem kerajaan Persekutuan dengan negeri mempunyai kuasa tertentu • Sistem kewarganegaraan berasaskan *jus soli* kepada semua yang lahir di Tanah Melayu • Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan • Raja-raja Melayu diterima dengan konsep Raja Berperlembagaan • Seorang Yang di-Pertuan Agong dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu • Sebuah parlimen dengan dua Majlis Mesyuarat, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat dibentuk [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**
4(*b*)	Terangkan reaksi masyarakat Tanah Melayu terhadap draf tersebut. • Terdapat ahli UMNO yang tidak bersetuju dengan konsep *jus soli* • Kebimbangan kedudukan istimewa orang Melayu tergugat • Agama Islam mestilah diakui sebagai agama rasmi • Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi • Dato' Onn dari Parti Negara menolak syarat kewarganegaraan yang longgar • Mendorong Parti Negara/ PAS / Parti Rakyat mengadakan kongres • Parti PAS mengkritik kewarganegaraan yang dianggap tidak menjaga kepentingan orang Melayu • Mahukan kedudukan agama Islam menjadi asas pemerintahan negara • Pertubuhan masyarakat Cina ingin menjadikan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan • MIC mahukan syarat kewarganegaraan dan bahasa Tamil diberi perhatian [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**
4(*c*)	Pada pendapat anda, apakah kepentingan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu? • Asas perundangan negara • Perlembagaan menjadi dokumen tertinggi yang mengandungi undang-undang asas negara. Semua undang-undang lain mesti selaras dengannya • Menjamin keadilan dan ketelusan dalam pentadbiran negara • Memastikan kedaulatan negara • Perlembagaan melindungi hak dan kedudukan Tanah Melayu sebagai sebuah negara berdaulat • Menetapkan bidang kuasa raja-raja Melayu dan memastikan sistem pemerintahan beraja terus dihormati • Menjamin hak asasi rakyat • Perlembagaan memperuntukkan kebebasan asas seperti kebebasan bersuara, berhimpun dan beragama • Hak-hak ini memastikan rakyat dapat hidup dalam suasana demokrasi dan harmoni • Menjaga kepentingan kaum dan perpaduan nasional • Perlembagaan merangkumi peruntukan yang melindungi hak istimewa orang Melayu dan Bumiputera, di samping menjamin hak-hak kaum lain • Langkah ini membantu memastikan keharmonian antara kaum dalam masyarakat majmuk • Panduan dalam sistem pemerintahan • Menetapkan struktur pemerintahan negara, termasuk kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman serta hubungan antara kerajaan persekutuan dan negeri • Perkara ini memastikan sistem pemerintahan berjalan lancar dan teratur • Melindungi institusi Raja Berperlembagaan • Perlembagaan mengekalkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri masing-masing • Mengekalkan elemen tradisional dalam konteks moden • Membentuk identiti nasional	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Perlembagaan membantu memupuk rasa kebangsaan dengan menyediakan rangka kerja yang menekankan nilai-nilai keadilan, keharmonian dan perpaduan (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 **[8*m*]**

BAB 10 **PEMASYHURAN KEMERDEKAAN**

Soalan	Butiran	Markah
1(*a*)	Jelaskan pengertian kemerdekaan. • Bebas dari sebarang cengkaman kuasa asing • Menentukan pemerintahan/ hala tuju negara • Bebas daripada penjajahan/ kurungan/ naungan • Negara yang berdaulat/ mempunyai kuasa tertinggi [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	 1 1 1 1 **[2*m*]**
1(*b*)	Jelaskan peranan Jawatankuasa Sambutan dalam menyambut pemasyhuran negara. • Memeriahkan sambutan peringkat ibu kota dan negeri • Bangunan sekitar bandar/ jalan raya/ Padang Kelab Selangor dihiasi lampu • Sebanyak 75 ribu bendera PTM ditempah khas dari kilang di Jepun • Menteri/ Pegawai tinggi kerajaan disediakan pakaian khas • Baju muskat lengkap dengan seluar seluar satin hitam bersongket/ bersamping/ tengkolok • Menganjurkan kursus khas berkaitan protokol • Diikuti seramai 300 orang pegawai kerajaan selama tiga hari • Mereka bertindak sebagai pegawai penerangan/ pegawai pengiring tetamu/ pegawai jemputan luar negara • Semua pegawai/ kakitangan diberikan gaji awal seminggu [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
1(*c*)	Pada pandangan anda, mengapakah peristiwa tersebut sangat penting kepada negara kita? • Simbol kebebasan dan identiti nasional • Sambutan ini melambangkan kejayaan negara mencapai kebebasan daripada penjajahan • Menjadi asas kepada pembentukan identiti nasional yang kukuh dalam kalangan rakyat Malaysia • Penyatuan rakyat • Sambutan ini menggalakkan perpaduan rakyat berbilang kaum dan agama • Dengan mengenang detik bersejarah ini, rakyat dapat bersama-sama menghargai perjuangan para pemimpin dan nenek moyang yang berusaha keras untuk mencapai kemerdekaan • Kesedaran sejarah dan patriotisme • Peristiwa ini mengingatkan rakyat tentang pengorbanan besar yang telah dilakukan oleh generasi terdahulu • Menanam semangat patriotisme dan rasa cinta terhadap negara, yang penting untuk memastikan kesinambungan keharmonian dan kemajuan negara • Inspirasi untuk generasi muda • Sambutan pemasyhuran kemerdekaan memberi inspirasi kepada generasi muda untuk mengekalkan nilai-nilai kebebasan, integriti dan kemakmuran • Menyedarkan mereka tentang tanggungjawab untuk terus membangunkan negara • Peringatan tentang kepentingan kedaulatan negara • Melalui peristiwa ini, rakyat diingatkan tentang betapa pentingnya menjaga kedaulatan negara daripada ancaman luar dan dalam • Mengukuhkan tekad untuk mempertahankan maruah bangsa (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
2(*a*)	Jelaskan kesan berikut: (i) Politik: • Pengamalan sistem Raja Berperlembagaan • Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua utama negara • Amalan Demokrasi Berparlimen	 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Rakyat mempunyai kuasa memilih kerajaan/ pmerintah melalui pilihanraya/ hak bersuara	1
	• Menentukan hala tuju masa depan/ kesejahteraan negara	1
	• Parlimen menggubal undang-undang peringkat persekutuan/ DUN peringkat negeri	1
	• Menjadikan undang-undang lebih berkesan/ mampu memakmurkan negara	1
	• Tunku Abdul Rahman dilantik Perdana Menteri PTM	
	• Mengekalkan ahli kabinet yang ada	1
	• Melantik Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Timbalan Perdana Menteri	1
	• Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Luar	1
	• Tanda kebebasan negara menjalankan dasar luar	1
	• Menggantikan pegawai Eropah dengan rakyat tempatan	1
	• Dalam bidang profesional/ pendidikan tinggi/ keselamatan/ pertahanan	1
	[*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	**[3*m*]**
	(ii) Komanwel dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.	
	• Diterima untuk menyertai pertubuhan Komanwel	1
	• Merapatkan hubungan sosioekonomi dengan negara ahli	1
	• Dapat mempamerkan komitmen terhadap isu negara anggota	1
	• Diterima menjadi ahli PBB yang ke-82	1
	• Bendera negara dikibarkan dalam upacara rasmi di ibu pejabat di New York	1
	• Menjunjung prinsip PBB untuk melindungi hak asasi manusia	1
	• Terlibat dalam misi pengaman PBB di Congo	1
	• Satu pengiktirafan tertinggi PBB terhadap negara	1
	[*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	**[3*m*]**
2(*b*)	Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, cadangkan langkah-langkah untuk mewujudkan sistem pemerintahan yang cemerlang di negara kita.	
	• **Pemerkasaan Prinsip Demokrasi**	1
	• Kebebasan bersuara	1
	• Pastikan rakyat bebas menyuarakan pendapat tanpa rasa takut selagi tidak melanggar undang-undang	1
	• Pilihan raya bebas dan adil	1
	• Amalkan pilihan raya yang telus dan berintegriti untuk memastikan pemimpin dipilih secara sah dan mewakili kehendak rakyat	1
	• Pemisahan kuasa	1
	• Kekalkan pemisahan kuasa antara badan eksekutif, legislatif dan kehakiman untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa	1
	• **Pengukuhan Integriti dan Ketelusan**	1
	• Pencegahan rasuah	1
	• Laksanakan undang-undang tegas untuk membanteras rasuah dengan menubuhkan badan pemantau yang bebas	1
	• Ketelusan pentadbiran	1
	• Wujudkan sistem yang membolehkan rakyat mengakses maklumat berkaitan dasar dan kewangan kerajaan	1
	• Audit berkala	1
	• Laksanakan audit berkala ke atas agensi kerajaan untuk memastikan pengurusan kewangan yang cekap	1
	• **Pendidikan Politik Rakyat**	1
	• Kesedaran sivik	1
	• Adakan program pendidikan sivik untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang hak dan tanggungjawab mereka dalam sistem demokrasi	1
	• Akses kepada maklumat Pastikan rakyat mempunyai akses kepada maklumat yang sahih untuk mengelakkan penyebaran berita palsu	1
	• **Keutamaan pada Kesejahteraan Rakyat**	1
	• Keadilan sosial	1
	• Pastikan dasar kerajaan merangkumi keperluan semua golongan, termasuk golongan kurang bernasib baik	1
	• Pembangunan seimbang	1

Soalan	Butiran	Markah
	• Rancang pembangunan yang adil antara kawasan bandar dan luar bandar • Kemudahan asas • Pastikan kemudahan seperti pendidikan, kesihatan dan pengangkutan dapat dinikmati oleh semua rakyat	1 1 1
	• **Kestabilan Politik** • Dialog dan diplomasi • Galakkan perbincangan terbuka antara parti politik untuk menyelesaikan konflik secara aman • Dasar luar yang bijak • Bangunkan hubungan diplomatik yang kukuh dengan negara lain bagi menjamin kestabilan ekonomi dan keselamatan	1 1 1 1 1
	• **Penghormatan terhadap Undang-undang** • Kedaulatan undang-undang • Semua pihak termasuk pemimpin perlu mematuhi undang-undang tanpa pengecualian • Reformasi undang-undang • Perbaharui undang-undang yang tidak lagi relevan dengan keperluan semasa	1 1 1 1 1
	• **Pemimpin Berwibawa** • Pemilihan berdasarkan merit • Lantik pemimpin yang berkelayakan dan mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang • Keteladanan pemimpin • Pemimpin harus menunjukkan integriti dan kejujuran dalam tindakan mereka	1 1 1 1 1
	• **Peningkatan Teknologi dalam Tadbir Urus** • Digitalisasi sistem kerajaan • Gunakan teknologi untuk mempercepatkan urusan kerajaan dan meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan • Wujudkan platform dalam talian untuk rakyat menyumbang pandangan dan memberi maklum balas terhadap dasar kerajaan	1 1 1 1 1
	• **Inspirasi Sejarah** • Kerajaan Madinah (Nabi Muhammad SAW): • Prinsip keadilan dan penyertaan rakyat • Empayar Rom • Sistem undang-undang yang mantap • Kerajaan Melayu Melaka • Pentadbiran teratur yang memanfaatkan sistem adat dan syarak (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
3(*a*)	Jelaskan kronologi detik pemasyhuran kemerdekaan. • Wakil Parti Perikatan Tanah Melayu/ Singapura berpakaian baju Melayu hitam • 300 orang pemuda membentuk perbarisan kehormat • Menjelang 11:58 malam lampu dipadamkan • Lampu dipasang semula menjelang detik 12:00 malam • Orang ramai melaungkan Merdeka • Bendera Union Jack diturunkan dengan iringan lagu *God Save The Queen* • Bendera PTM dianikkan dengan iringan lagu *Negaraku* • Tunku Abdul Rahman memberi/ menerima tabik hormat • Pasukan Pemuda Perikatan membawa dulang berisi rantai emas/ berukir peta • Semenanjung Tanah Melayu/ Gambar Tunku Abdul Rahman/ Perkataan Bapa • Kemerdekaan Tanah Air/ Dikalungkan oleh Sardon Jubir • Tunku Abdul Rahman menyampaikan ucapan • Pertunjukan bunga api • Bacaan doa selamat oleh Tuan Haji Massood Hayati [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**

Soalan	Butiran	Markah
3(*b*)	Kemerdekaan membawa kebaikan kepada negara. Buktikan pernyataan tersebut. • Kebebasan politik • Dengan kemerdekaan, negara memperoleh hak untuk mentadbir dan membuat keputusan sendiri tanpa campur tangan kuasa asing • Ini membolehkan dasar-dasar yang sesuai dengan keperluan rakyat dilaksanakan, seperti pelaksanaan dasar ekonomi, sosial dan pendidikan yang menepati aspirasi negara • Pembangunan ekonomi • Kemerdekaan memberi peluang kepada negara untuk membangunkan sumber asli secara bebas tanpa eksploitasi kuasa asing • Pendapatan hasil negara seperti minyak, gas atau hasil pertanian dapat dimanfaatkan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat melalui pembangunan infrastruktur dan peluang pekerjaan • Peningkatan identiti dan maruah negara • Kemerdekaan membolehkan rakyat membina identiti dan kebanggaan terhadap budaya, bahasa dan warisan sendiri tanpa tekanan untuk mengikut budaya penjajah • Simbol-simbol kebangsaan seperti bendera, lagu kebangsaan dan bahasa rasmi menjadi lambang perpaduan dan kedaulatan negara • Kesejahteraan sosial • Selepas kemerdekaan, kerajaan boleh melaksanakan dasar-dasar kebajikan seperti pendidikan percuma, kesihatan awam, dan program bantuan untuk golongan miskin • Rakyat mendapat hak untuk bersuara dan menyuarakan pandangan mereka melalui sistem demokrasi • Hubungan antarabangsa • Sebuah negara yang merdeka dapat menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara lain berdasarkan kepentingan bersama • Ini membuka peluang perdagangan antarabangsa, pelaburan asing dan kerjasama dalam pelbagai bidang seperti teknologi, pendidikan dan pertahanan • Keamanan dan kestabilan • Kemerdekaan meletakkan asas kepada pembentukan undang-undang dan sistem pemerintahan yang adil untuk memastikan keamanan dan kestabilan negara • Dengan kedaulatan sendiri, rakyat dapat menikmati suasana harmoni tanpa ancaman dari pihak luar (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**
3(*c*)	Pada pendapat anda, apakah langkah yang boleh diambil oleh negara kita bagi memastikan kemerdekaan yang dicapai terus terpelihara? • Memperkasakan pendidikan patriotisme • Meningkatkan pendidikan sejarah dan patriotisme di sekolah supaya generasi muda memahami perjuangan nenek moyang dalam mencapai kemerdekaan • Mengadakan program-program kebangsaan seperti kempen "Sayangi Malaysiaku" untuk memupuk rasa cinta terhadap negara • Memperkukuh perpaduan kaum • Menganjurkan aktiviti yang menggalakkan interaksi antara kaum untuk memperkukuhkan keharmonian • Mengamalkan nilai-nilai toleransi, hormat-menghormati dan persefahaman dalam kehidupan seharian • Menjaga kedaulatan dan keselamatan negara • Memperkuatkan pertahanan negara dengan mempertingkatkan keupayaan angkatan tentera dan pasukan keselamatan • Meningkatkan kawalan sempadan untuk mencegah ancaman luar dan aktiviti jenayah rentas sempadan • Memastikan tadbir urus yang baik • Mengamalkan prinsip integriti, ketelusan dan keadilan dalam pentadbiran negara • Membanteras rasuah dan penyelewengan yang boleh melemahkan institusi negara • Meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan kemerdekaan • Menggalakkan rakyat untuk terlibat dalam sambutan hari kemerdekaan dan aktiviti aktiviti berkaitan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Memberi penerangan melalui media massa tentang peranan setiap individu dalam mengekalkan kemerdekaan • Membangunkan ekonomi yang kukuh • Memperkukuhkan ekonomi negara melalui pelaburan, inovasi dan pembangunan teknologi • Mengurangkan jurang kemiskinan supaya rakyat tidak terdedah kepada anasir yang boleh menggugat kestabilan negara • Memelihara warisan dan identiti kebangsaan • Mengekalkan warisan budaya dan tradisi yang mencerminkan identiti negara • Menggalakkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam setiap urusan rasmi (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
4(*a*)	Jelaskan kesan kemerdekaan daripada aspek berikut: (i) Ekonomi. • Rancangan Malaya Pertama 1956-1960 • Untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi • Tumpuan kepada luar bandar • Mempelbagaikan keluaran pertanian/ tidak bergantung kepada getah • Menambah peluang pekerjaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan • Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) • Memajukan tanah baharu bagi pertanian/ petempatan semula masyarakat • Keluarga dari kawasan luar bandar dipindahkan ke rancangan tanah FELDA • Untuk menanam getah / kelapa sawit • Perumahan dan kemudahan asas disediakan untuk peneroka • Institusi Kewangan Tempatan • Malay National Bank/ Bank Kebangsaan Melayu bank pertama untuk orang Melayu • Bank Negara beroperasi pada 26 Januari 1969 • Menggalakan kestabilan kewangan • Terdapat Kwong Yik Bank ditubuhkan pada 1913 di Kuala Lumpur • Pembangunan Luar Bandar • Kementerian Luar Bandar diwujudkan pada 17 November 1959 • Membangunkan infrastruktur, sosial dan ekonomi luar bandar • Majlis Pembangunan Luar Bandar ditubuhkan peringkat negeri/ daerah • Keutamaan kepada penyediaan kemudahan asas penduduk luar bandar • Rancangan Buku Merah (RBM) • RBM dilancarkan pada 25 Januari 1961 • Projek berkaitan kemudahan asas • Seperti jalan kampung/ jambatan/ surau/ bekalan air/ elektrik [*Mana-mana* 6 × 1 *m*] (ii) Sosial. • Pendidikan • Mengeluarkan Penyata Rahman Talib bagi mengkaji semula Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 • Memberikan penekanan kepada bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah • Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka • Fasal 1 Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan • DBP ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor sebagai sebuah jabatan di bawah Kementerian Pelajaran • Jabatan Penerangan • Menyampaikan maklumat tentang peristiwa di dalam dan di luar negara • Berkaitan dengan falsafah/ dasar/ wawasan negara • Sebagai lidah rasmi kerajaan • Kesihatan • Pusat kesihatan dan hospital ditubuhkan untuk meningkatkan sosioekonomi penduduk luar bandar	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]** 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Terdapat 65 buah hospital • Berperanan penting dalam pemulihan isu sosial serta pembangunan masyarakat • Kemudahan asas/ Infrastruktur • Bekalan air/ elektrik diutamakan • Membantu meningkatkan taraf hidup • Merapatkan jurang penduduk luar bandar dengan bandar [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**
4(*b*)	Mengapakah rakyat negara kita gembira dengan peristiwa detik pemasyhuran kemerdekaan pada malam 30 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor? • Berakhirnya penjajahan • Kemerdekaan menandakan tamatnya penjajahan kuasa asing seperti British, yang telah menguasai Tanah Melayu selama berabad-abad • Kebebasan ini memberikan peluang kepada rakyat untuk mentadbir negara sendiri • Kebanggaan sebagai bangsa merdeka • Peristiwa tersebut melambangkan kejayaan perjuangan rakyat untuk mendapatkan kemerdekaan • Menjadi simbol kebanggaan nasional dan menyatukan rakyat dari pelbagai kaum dan agama • Masa depan yang lebih cerah • Rakyat melihat kemerdekaan sebagai peluang untuk membangunkan negara sendiri, meningkatkan taraf hidup dan mewujudkan masyarakat yang lebih adil dan makmur • Semangat perpaduan • Sambutan ini menunjukkan kesepakatan dan perpaduan antara semua kaum di Tanah Melayu • Laungan "Merdeka" pada malam itu mencerminkan semangat nasionalisme dan kerjasama rakyat • Peluang membina identiti sendiri • Kemerdekaan memberi peluang kepada Tanah Melayu untuk menentukan hala tuju sendiri tanpa campur tangan kuasa asing • Membentuk dasar dan budaya yang mencerminkan identiti tempatan (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**

KERTAS MODEL TINGKATAN 4

Soalan	Butiran	Markah
1(*a*)	Nyatakan **dua** ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu. • Raja • Undang-undang • Wilayah pengaruh • Rakyat [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	1 1 1 1 **[2*m*]**
1(*b*)	Mengapakah kerajaan Srivijaya, Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Johor-Riau meneruskan ciri-ciri negara bangsa kerajaan awal Alam Melayu? • Membolehkan kerajaan berkembang • Kerajaan akan muncul sebagai empayar yang terkenal • Membawa kesejahteraan kepada kerajaan • Memperkukuh negara bangsa (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 **[4*m*]**
1(*c*)	Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya peranan dan undang-undang negara tidak dipatuhi. • **Maklumat** • Berkaitan dengan undang-undang/ peraturan yang dibuat untuk mengatur dan menertibkan manusia • Tujuan utama undang-undang juga dinyatakan bukan untuk menghukum semata-mata • Walau bagaimanapun undang-undang seharusnya menjadi perraturan yang mesti dipatuhi • Oleh itu, tidak ada sesiapa tahu mana-mana pihak yang boleh menindas orang lain	1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• **Kesan** • Negara akan menjadi huru-hara • Keselamatan rakyat terancam • Politik tidak stabil • Jenayah berleluasa (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 **[4*m*]**
2(*a*)	Nyatakan sebab gerakan nasionalisme di India. • Kebangkitan rakyat dalam Dahagi India • British mengancam adat/budaya/ agama • Memberi perhatian terhadap sosioagama • Menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempatan • Kemunculan golongan intelektual / lebih tersusun • Abad ke-20 penentangan lebih keras / penentangan secara militan terhadap British [*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 **[3*m*]**
2(*b*)	Mengapakah Jepun melaksanakan pemodenan? • Kesedaran untuk mencapai kemajuan • Mengelakkan ancaman barat • Maharaja Mikado Meiji melancarkan gerakan pemulihan Jepun • Menekankan pemodenan mengikut model barat • Supaya Jepun dihormati oleh kuasa Barat • Supaya Jepun menjadi negara perindustrian / kuasa tentera yang kuat di Asia [*Mana-mana* 3 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 **[3*m*]**
2(*c*)	Apakah sifat ketokohan yang boleh dipelajari daripada tokoh-tokoh tersebut? **Dr. Sun Yat Sen (China)** • Visi dan pemikiran jauh ke hadapan • Beliau dikenali sebagai "Bapa Revolusi China" kerana peranannya dalam menumbangkan Dinasti Qing dan membentuk dasar-dasar moden di China • Sifat ini menunjukkan pentingnya berfikiran jauh ke hadapan demi kemajuan masyarakat • Keberanian untuk membawa perubahan • Dr. Sun Yat Sen tidak takut menghadapi cabaran besar demi memperjuangkan reformasi politik dan sosial • **Mahatma Gandhi (India)** • Keberanian tanpa kekerasan (*Non-Violence*) • Beliau memimpin gerakan kemerdekaan India melalui prinsip ahimsa (tanpa kekerasan) dan *satyagraha* (keberanian moral) • Kesederhanaan dan integriti • Cara hidupnya yang sederhana dan komitmen terhadap keadilan sosial menjadi teladan untuk pemimpin lain • **Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (Empayar Uthmaniyah dan Mesir)** • Kebijaksanaan dan keilmuan • Beliau seorang pemikir dan pendukung reformasi Islam yang berjuang untuk memperbaiki keadaan umat Islam dengan mengutamakan ilmu pengetahuan • Semangat Pan-Islamisme • Beliau menyeru kepada perpaduan umat Islam di seluruh dunia, menekankan pentingnya solidariti dan kerjasama • **Maharaja Mikado Meiji (Jepun)** • Kepimpinan transformasi • Di bawah pemerintahan beliau, Jepun melalui era "Restorasi Meiji" • Di mana negara itu berubah menjadi sebuah kuasa moden dengan pengenalan teknologi, ekonomi dan sistem politik baru • Keterbukaan kepada inovasi • Maharaja Meiji menunjukkan bagaimana keterbukaan terhadap pembaharuan boleh membawa kepada kemajuan negara tanpa meninggalkan identiti budaya [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**

Soalan	Butiran	Markah
3(*a*)	Nyatakan kedudukan Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun di negara kita. • Diiktiraf sebagai ketua dalam hal ehwal Islam • Ketua adat Melayu • Diberikan pencen seperti sebelum perang • Sultan diletakkan di bawah pengawasan Gabenor Jepun [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	 1 1 1 1 **[2*m*]**
3(*b*)	Bagaimanakah dasar pentadbiran tentera Jepun dilaksanakan terhadap kepimpinan tempatan? • Pemimpin berpendidikan tinggi berpeluang dinaikkan pangkat • Memperoleh jawatan yang lebih tinggi • Mengatasi masalah kekurangan pegawai • Mendapatkan sokongan penduduk • Menubuhkan Institut Latihan Pemimpin-pemimpin Muda / Koa Kunrenjo • Menanam semangat memperjuangkan cita-cita politik Jepun [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
3(*c*)	Apakah iktibar yang diperoleh daripada dasar pendudukan Jepun di negara kita? • Kepentingan perpaduan dan kerjasama rakyat • Semangat patriotisme dan perjuangan kemerdekaan • Kesan buruk penjajahan dan perang • Keperluan membangun ekonomi yang berdikari • Kepentingan pertahanan negara • Kesan kezaliman terhadap kemanusiaan • Keteguhan semangat nasionalisme • Keperluan untuk bersedia menghadapi ancaman luar • Kesedaran terhadap kepelbagaian budaya • Kekuatan ketahanan mental dan semangat juang (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
4(*a*)	Senaraikan **dua** ahli yang menganggotai suruhanjaya tersebut. • Lord Reid • Sir William Ivor Jennings • Sir William McKell • Hakim B. Malik • Hakim Abdul Hamid [*Mana-mana* 2 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 **[2*m*]**
4(*b*)	Jelaskan peranan suruhanjaya ini. • Memeriksa aturan perlembagaan yang wujud di seluruh Tanah Melayu • Mengambil kira kedudukan/ martabat Ratu England dan Raja-raja Melayu • Memberikan cadangan terhadap Perlembagaan Persekutuan sebagai unit tunggal • Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat dengan kerajaan negeri mempunyai autonomi tertentu • Melindungi kedudukan Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan • Mencadangkan satu jawatan bagi ketua negara • Mengadakan satu bentuk kewarganegaraan bagi Persekutuan Tanah Melayu • Menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
4(*c*)	Pada pendapat anda, mengapakah penubuhan suruhanjaya ini penting kepada perkembangan politik negara kita? • Persediaan untuk kemerdekaan • Suruhanjaya ini memainkan peranan utama dalam merangka perlembagaan yang akan digunakan selepas kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British • Ini membolehkan negara mengatur sistem pemerintahan yang lebih sesuai dengan kehendak rakyat dan budaya tempatan • Pembentukan sistem politik yang stabil • Suruhanjaya ini membantu dalam merangka sistem politik yang stabil dalam pemerintahan negara • Ini melibatkan perbincangan tentang pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri • Serta jaminan hak-hak asas rakyat seperti kebebasan dan hak untuk berpersatuan	 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Pengiktirafan kepelbagaian sosial • Dalam merangka perlembagaan, suruhanjaya ini mengambil kira kepelbagaian etnik, agama, dan budaya di Tanah Melayu • Ini membantu mewujudkan satu sistem yang adil dan saksama bagi semua kaum, sekali gus mengurangkan ketegangan dan konflik antara kaum di negara ini. • Menjamin kedaulatan Raja-Raja Melayu • Perlembagaan yang digubal oleh suruhanjaya ini juga memastikan kedudukan Raja Raja Melayu sebagai ketua negara, dalam sistem berperlembagaan • sekali gus mengekalkan nilai-nilai tradisional dan institusi beraja yang penting dalam struktur sosial dan politik negara • Mewujudkan kerangka negara berperlembagaan • Suruhanjaya ini memberikan asas kepada perlembagaan negara yang kini menjadi landasan undang-undang tertinggi di Malaysia • Ia meletakkan asas bagi prinsip-prinsip demokrasi, kebebasan, keadilan, dan keamanan yang terus diamalkan hingga hari ini • Secara keseluruhannya, penubuhan suruhanjaya ini adalah langkah penting dalam mewujudkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, dengan sistem politik yang memberi keadilan kepada semua rakyat dan memelihara keharmonian antara pelbagai kaum (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
5(*a*)	Jelaskan faktor penyerahan tersebut. • Masalah pewarisan takhta • Vyner Brooke tidak mernpunyai anak lelaki untuk menggantikan tempatnya sebagai raja, sedangkan beliau semakin tua dan uzur • Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke (anak Bertram Brooke) untuk menggantikannya • Desakan Kerajaan British • Pada l9 Jun 1944, pihak Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberikan kuasa yang lebih luas kepada British untuk meluaskan penguasaannya di Sarawak • Dengan rnenjadikan Sarawak sebagai tanah jajahannya • British dapat menguasai kekayaan ekonomi dan menjaga kepentingan pelaburan British di negeri itu • Pada 28 Februari 1945, Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke tentang pendirian untuk menyerahkan Sarawak kepada British • Akhirnya, Vyner Brooke bersetuju untuk menyerahkan Sarawak kepada British • Masalah kewangan • Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak selepas tercetusnya Perang Dunia Kedua • Ekonomi Sarawak terjejas • Lombong minyak musnah dan ladang getah juga terbiar • Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang juga perlu dibaiki • Vyner Brooke tidak mampu untuk membangunkan negeri Sarawak semula [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[4*m*]**
5(*b*)	Huraikan bentuk penentangan tersebut. • Mengadakan persidangan • Johari Anang dan Sharkawi Osman menganjurkan persidangan yang dihadiri oleh perwakilan dari seluruh Sarawak • Pengerusi persidangan ini ialah Johari Anang • Objektif persidangan ini adalah untuk mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai • Pertubuhan yang menyertai persidangan ini antaranya termasuklah Pergerakan Pemuda Melayu (PPM), Barisan Pemuda Sarawak (BPS), Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS), Persatuan Melayu Miri, Kesetiaan Muda Matu dan Persekutuan Bumiputera • Mengadakan demontrasi • Pada 30 Oktober l916, demonstrasi pertama diadakan ketika kedatangan Gabenor pertama Sarawak, Charles Arden Clarke di Astana	1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Demonstrasi ini diketuai oleh Datu Patinggi Abang Haji Abdillah	1
	• Perarakan ini disertai oleh 16 persatuan Melayu	1
	• PKMS mendesak British berundur dari Sarawak	1
	• Antara kata yang tertulis termasuklah “Kami membantah dengan sekeras-kerasnya atas tindakan Brooke menyerahkan Sarawak kepada kolonial Inggeris”, “Sarawak adalah hak kami”, “Leburkan kolonial” dan “No Cession”	1
	• Sepanduk dan poster antipenyerahan ditampal di pokok, perahu dan jeti	1
	• Demonstrasi di Sibu diterajui oleh PPM	1
	• Beberapa demonstrasi berjaya dilaksanakan	1
	• Meletakkan jawatan beramai-ramai	1
	• British menyedari pemimpin antipenyerahan terdiri daripada pegawai perkhidmatan awam dan guru	1
	• British bertindak mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946 (Circular No. 9) pada bulan Disember 1946 yang melarang pegawai awam menyertai gerakan antipenyerahan	1
	• Pada 2 April 1947, seramai 409 orang kakitangan kerajaan meletakkan jawatan	1
	• Kakitangan yang meletakkan jawatan termasuklah guru serta petugas di Pos dan Telegraf, Jabatan Marin, Kastam, Perubatan dan Kesihatan, Percetakan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Bomba dan Perbendaharaan	1
	• Seterusnya, seramai 56 orang pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak bertindak menamatkan pengajian sebagai bantahan terhadap Pekeliling No. 9	1
	• Bantahan golongan wanita	1
	• Golongan wanita yang menentang hebat penyerahan Sarawak ialah Cikgu Lily Eberwein (PKMS), Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah dan Cikgu Ajibah Abol	1
	• Kaum ibu yang diketuai oleh Cikgu Lily Eberwein telah pergi ke rumah panjang untuk mengadakan kempen kesedaran	1
	• Mereka sanggup mengorbankan masa dan tenaga untuk mengatur demonstrasi menentang penyerahan Sarawak	1
	• Cikgu Ajibah Abol mengetuai kaum wanita untuk bergabung tenaga dengan gerakan antipenyerahan dalam usaha memperjuangkan kemerdekaan Sarawak	1
	• Menggunakan akhbar	1
	• Gerakan antipenyerahan telah mendapat tenaga baharu apabila akhbar *Utusan Sarawak* diterbitkan pada bulan Januari 1949	1
	• *Utusan Sarawak* digunakan sebagai saluran untuk menyebarkan tentangan mereka terhadap penyerahan Sarawak	1
	• Pengarang menggunakan kritikan yang tajam terhadap rancangan penyerahan Sarawak	1
	• Misalnya, ulasan berita tentang tindakan kerajaan British menyekat Anthony Brooke daripada memasuki Sarawak pada 16 September 1949	1
	• Artikel bertajuk "Kerajaan British Menipu Rakyat" yang disiarkan pada 7 November 1949	1
	• Menulis surat bantahan	1
	• Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) menghantar surat kepada kerajaan British di London bagi menyatakan bantahan mereka terhadap penjajahan Sarawak	1
	• Pada tahun 1949, BPS telah menghantar referendum memansuhkan penyerahan Sarawak	1
	• Mereka menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Attlee dengan salinannya kepada Gabenor	1
	• Anthony Brooke kemudiannya menentang penyerahan melalui sistem perundangan	1
	• Beliau membuat rayuan di Privy Council	1
	• Pada 16 Julai 1948, Anthony Brooke membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi Brunei tetapi rayuan tersebut telah ditolak	1
	• Menubuhkan Kumpulan Rukun 13	1
	• Golongan muda dalam gerakan antipenyerahan menubuhkan Rukun l3 pada 20 Ogos 1948	1
	• Rukun 13 ditubuhkan secara sulit oleh para pemimpin Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) di Sibu	1
	• Kumpulan ini dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong	1

Soalan	Butiran	Markah
	• Sasaran kumpulan ini adalah untuk menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu, Sarawak • Satu mesyuarat sulit diadakan untuk membunuh Duncan Stewart pada 3 Disember 1949 di Sibu [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 **[8*m*]**
5(*c*)	Sekiranya anda dilantik sebagai pemimpin persatuan, apakah usaha-usaha yang patut dilakukan untuk memastikan ahli aktif dalam program yang dianjurkan? • Mewujudkan persekitaran yang mesra dan inklusif • Membina suasana yang mesra dan menyokong di mana setiap ahli merasa dihargai dan diterima • Ini termasuk memastikan semua ahli diberi peluang untuk berkongsi pendapat dan idea mereka tanpa rasa takut atau malu • Komunikasi yang berkesan • Menggunakan pelbagai saluran komunikasi seperti mesyuarat, media sosial dan email untuk memastikan setiap ahli sentiasa dimaklumkan tentang aktiviti dan perkembangan persatuan • Selain itu, saya akan mengadakan sesi perbincangan terbuka untuk mendengar pandangan dan cadangan daripada ahli • Memberi penghargaan dan pengiktirafan • Memberi pengiktirafan kepada ahli yang aktif menyertai aktiviti persatuan atau yang memberikan sumbangan yang berharga • Ini akan memberi motivasi kepada mereka untuk terus terlibat dan memberi inspirasi kepada yang lain untuk turut serta • Penyertaan dalam penggubalan keputusan • Melibatkan ahli dalam proses membuat keputusan dan merancang aktiviti persatuan • Dengan cara ini, mereka akan rasa lebih bertanggungjawab dan mempunyai rasa pemilikan terhadap aktiviti yang dijalankan • Menyediakan peluang pembangunan diri • Menyediakan latihan atau peluang untuk ahli memperkembangkan kemahiran mereka • Sama ada dalam aspek kepimpinan, pengurusan acara atau komunikasi • Ini boleh meningkatkan rasa percaya diri dan memberi insentif kepada mereka untuk terlibat lebih aktif • Mengadakan aktiviti yang menarik dan relevan • Merancang aktiviti yang menarik dan relevan dengan minat serta keperluan ahli • Aktiviti yang menyeronokkan dan memberi manfaat kepada ahli akan mendorong mereka untuk menyertai dengan lebih aktif • Bersikap terbuka dan fleksibel • Membuka ruang untuk cadangan atau perubahan yang boleh meningkatkan penglibatan ahli • Sebagai pemimpin, saya akan bersikap terbuka terhadap idea baru dan berusaha menyesuaikan aktiviti persatuan • Agar sesuai dengan kehendak serta keperluan ahli (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
6(*a*)	Mengapakah penubuhan MCA memberikan kesan positif bagi menangani komunis di Tanah Melayu ketika darurat? • Sir Henry Gurney mengambil langkah menawan hati penduduk Cina • Penubuhan parti politik berorientasikan tempatan • Hasilnya, Tan Cheng Lock membentuk Malayan Chinese Association (MCA) • Penubuhan MCA meyakinkan British bahawa bukan semua orang Cina menyokong komunis • MCA juga bersedia berganding bahu dengan kerajaan memerangi kornunis • MCA mempunyai 250 ribu orang ahli • MCA membantu kerajaan dari segi kewangan • Menempatkan 500 ribu orang penduduk semula ke Kampung Baru • MCA juga rnenjalankan kutipan derma melalui jualan loteri kebajikan • Kutipan jualan loteri tersebut didermakan kepada penduduk di Kampung Baru	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Sehingga pertengahan tahun 1953, MCA berjaya mengumpulkan sejumlah $2.5 juta bagi memperbaiki kehidupan penduduk Cina di Kampung Baru [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 **[4*m*]**
6(*b*)	Mengapakah darurat menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan kepada rakyat serta merenggangkan hubungan kaum? • **Penderitaan dan Kesengsaraan kepada Rakyat** • Kawasan ladang dan lombong menjadi sasaran serangan komunis menyebabkan kegiatan ekonomi negara terjejas • Pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan • Harga barang makanan dan keperluan harian melambung tinggi • Peniaga, pekedai, pengusaha kebun, peladang dan pelombong mengalami kesukaran • Mereka merupakan sasaran peras ugut komunis bagi mendapatkan wang dan bekalan makanan • Kegagalan memenuhi tuntutan komunis menyebabkan kemusnahan pada lombong, ladang dan kedai serta mengancam nyawa • Penduduk juga menghadapi kesukaran untuk bergerak dan memperoleh bekalan keperluan • Terpaksa mematuhi pelbagai peraturan yang dikenakan oleh kerajaan • Tidak dapat bekerja kerana perintah berkurung dikenakan kepada mereka • Catuan bekalan makanan yang dikenakan • **Merenggangkan Hubungan Kaum** • Rancangan penempatan semula Kampung Baru didominasi oleh kaum tertentu • Kaum Cina dikumpulkan di kawasan petempatan yang sama, manakala kaum lain di petempatan lain • Petempatan baharu yang dilengkapi dengan prasarana berkembang menjadi bandar baharu • Manakala kaum Melayu hanya tertumpu di kampung yang serba kekurangan • Kawalan pasukan keselamatan yang ketat menyebabkan hubungan dengan kaum lain terbatas • Kehidupan demikian tidak bersosial dengan kaum lain • Pengasingan ini menyebabkan hubungan antara kaum semakin renggang [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
6(*c*)	Huraikan mesej yang terkandung dalam petikan tersebut. • Risalah Darurat disediakan dalam tulisan Cina • Kerana majoriti yang terpengaruh dan dipengaruhi komunis adalah orang Cina • Merupakan cara yang mudah dan murah mempengaruh pemikiran rakyat terutama orang Cina • Risalah yang disediakan dalam tulisan Jawi dan Tamil supaya mesej dapat disebarkan serta difahami oleh semua kaum • Agar semua rakyat menyokong tindakan kerajaan • kerajaan melabelkan komunis sebagai 'penjahat', 'pembunuh', 'pengganas' atau 'penyamun' • Menunjukkan komunis musuh utama negara • Kerajaan mempropagandakan imej negatif terhadap komunis • Agar rakyat sedar ideologi tersebut tidak perlu ditentang • Memudahkan kerajaan dalam mempengaruhi pemikiran penduduk dan meraih sokongan mereka • Penduduk memberi kerjasama bagi membanteras komunis (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
7(*a*)	Jelaskan isu pertikaian melibatkan pelbagai kaum yang cuba diselesaikan oleh CLC. • Politik • Persediaan ke arah berkerajaan sendiri • Kedudukan istimewa orang Melayu • Orang Melayu menuntut diperakui kedudukan istimewa sebagai penduduk asal rantau Alam Melayu • Kedudukan ekonomi orang Melayu	 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Orang Melayu tidak memperoleh peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan • Kewarganegaraan bukan Melayu • Ketegasan orang Melayu terhadap pemberian syarat kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 **[6*m*]**
7(*b*)	Jelaskan kejayaan CLC dalam menyelesaikan pelbagai isu tersebut. • Pilihan raya diadakan pada peringkat majlis bandaran, majlis negeri dan Majlis Perundangan Persekutuan • Kedudukan istimewa orang Melayu diperakui • Kepentingan sah kaum lain diiktiraf • Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (Rida) • Syarat kewarganegaraan dilonggarkan • Penubuhan jawatankuasa pendidikan untuk mengkaji sistem pendidikan • Melahirkan pendidikan yang seragam [*Mana-mana* 6 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 **[6*m*]**
7(*c*)	Beri ulasan anda. • Gambaran rakyat pelbagai kaum • Poster sering memaparkan rakyat Malaysia dari pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India dan etnik lain berpakaian tradisional mereka • Ini melambangkan keharmonian dan semangat hidup bersama yang menjadi asas perpaduan • Slogan atau moto perpaduan • Kata-kata seperti "Perpaduan Mengekalkan Keharmonian" sering digunakan untuk menyampaikan mesej bahawa perpaduan adalah kunci kepada kesejahteraan negara • Simbolik identiti nasional • Elemen seperti bendera Jalur Gemilang menggambarkan perpaduan adalah sebahagian daripada identiti nasional Malaysia • Aktiviti bersama • Poster juga mungkin menunjukkan aktiviti seperti sambutan Hari Kebangsaan mencerminkan semangat kerjasama tanpa mengira perbezaan • Warna yang ceria dan harmoni • Penggunaan warna ceria seperti biru, merah, kuning dan putih melambangkan kesepaduan dan keharmonian dalam kepelbagaian (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
8(*a*)	Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu? • Membincangkan soal kewangan / keperluan orang tempatan dalam perkhidmatan awam • Menyambung sistem yang diguna pakai dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan yang berasaskan Model Westminster • Mengurangkan kuasa pentadbiran British • Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan • Membincangkan isu keselamatan dalam negeri dan pertahanan [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 **[4*m*]**
8(*b*)	Jelaskan usaha yang dilakukan oleh ahli kabinet pertama bagi memastikan pentadbiran negara berjalan dengan lancar. • Memainkan pelbagai peranan ke arah berkerajaan sendiri • Tunku Abdul Rahman bertindak sebagai Ketua Menteri • Bertanggungjawab menunaikan mandat daripada rakyat untuk mencapai kemerdekaan • Dato' Abdul Razak Hussein sebagai Menteri Pelajaran • Berperanan membina bangsa yang bersatu melalui sistem pendidikan • V. T. Sambathan sebagai Menteri Buruh • Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan • Mengurangkan pegawai Eropah dalam Malayan Civil Service (MCS) secara berperingkat • Leong Yew Koh sebagai Menteri Kesihatan	1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Bertanggungjawab memenuhi manifesto Parti Perikatan • Meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan/ kesihatan [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 **[8*m*]**
8(*c*)	Ulaskan pernyataan tersebut. • Pernyataan ini menekankan pentingnya ahli kabinet yang memegang jawatan dalam kerajaan untuk benar-benar memahami dan mewakili kepentingan rakyat secara keseluruhan • Bukan hanya memberi fokus kepada sokongan atau kepentingan politik parti yang memerintah • Berjiwa rakyat • Ahli kabinet yang berjiwa rakyat bermaksud mereka harus memiliki empati dan keprihatinan terhadap kesulitan serta keperluan masyarakat • Sebagai pemimpin, mereka perlu mendengar dan memahami masalah yang dihadapi rakyat • Serta mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan isu-isu tersebut • Mereka tidak hanya boleh berfikir dalam kerangka politik atau kepentingan parti semata mata • Tetapi harus meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai keutamaan • Memahami keutamaan rakyat • Sebagai pemimpin, ahli kabinet perlu mengenal pasti masalah yang benar-benar penting bagi rakyat • Seperti isu kemiskinan, kesihatan, pendidikan, perumahan dan pekerjaan • Membela nasib rakyat bermakna memberikan perhatian kepada keperluan ini • Mencari penyelesaian yang praktikal dan berkesan, yang memberi manfaat kepada rakyaT secara keseluruhan • Ini juga termasuk mengambil kira suara golongan yang terpinggir atau kurang bernasib baik dalam masyarakat • Menteri dan Timbalan Menteri untuk semua rakyat • Menjadi Menteri atau Timbalan Menteri bukan sekadar untuk memegang jawatan dan menjaga kepentingan politik parti yang berkuasa • Pemimpin tersebut mempunyai tanggungjawab untuk melayani seluruh rakyat tanpa mengira fahaman politik atau latar belakang sosial ekonomi • Dalam melaksanakan tugas, mereka harus sentiasa mengingat bahawa jawatan yang dipegang adalah amanah rakyat • Bukannya sekadar alat untuk mengekalkan kuasa politik atau kepentingan sesebuah parti • Menteri bukan penyokong kerajaan semata-mata • Ahli kabinet perlu berfungsi sebagai pemimpin untuk rakyat, bukan hanya menjadI penyokong buta kepada kerajaan atau parti yang sedang memerintah (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
9(*a*)	Jelaskan konsep kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu. • Merujuk kuasa tertinggi yang menentukan sesebuah negara • Bebas daripada kongkongan kuasa luar • Kedaulatan membolehkan kita membuat keputusan tentang hal yang berhubung dengan pentabiran/ politik negara • Dapat menentukan sendiri nasib rakyat • Dapat menentukan hala tuju negara melalui kemerdekaan [*Mana-mana* 4 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 **[4*m*]**
9(*b*)	Terangkan prinsip kedaulatan Persekutuan Tanah Melayu. • Wilayah pengaruh • Kawasan yang mempunyai sempadan untuk membentuk PTM • Kerajaan • Merupakan institusi yang bertanggungjawab untuk menguruskan/ mentadbir negara • Terdapat Badan Perundangan/ Badan Eksekutif/ Badan Kehakiman • Kedaulatan undang-undang • Kerajaan/ Rakyat keseluruhannya tertakluk di bawah undang-undang	1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• Penting bagi memastikan keamanan negara dapat dikekalkan • Lambang kebangsaan • Seperti Jata Negara/ lagu kebangsaan/ bendera kebangsaan/ bunga kebangsaan • Identiti dan jati diri masyarakat • Simbol perpaduan • Pengiktirafan sebagai rakyat • Hak asasi, iaitu hak kebebasan bersuara/ mengeluarkan pendapat • Perlu mematuhi undang-undang [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**
9(*c*)	Huraikan langkah yang boleh diambil untuk mengekalkan kedaulatan negara. • **Memperkukuh Sistem Pertahanan dan Keselamatan Negara** • Meningkatkan keupayaan ketenteraan • Melengkapkan angkatan tentera dengan peralatan moden dan teknologi terkini untuk menangani ancaman dari luar • Memperkasa pengawasan sempadan • Memastikan kawalan sempadan darat, laut dan udara dilakukan dengan ketat bagi mencegah pencerobohan atau aktiviti haram • Menangani ancaman siber • Memperkuat infrastruktur keselamatan siber untuk melindungi maklumat kritikal negara daripada serangan digital • **Memelihara Perpaduan dan Identiti Nasional** • Mempromosikan perpaduan kaum • Menggalakkan keharmonian antara pelbagai kaum melalui program pendidikan, kebudayaan dan kesedaran nasional • Mengukuhkan patriotisme • Meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan mempertahankan kedaulatan melalui kempen kesedaran dan pendidikan • **Memperkukuhkan Ekonomi** • Mengurangkan kebergantungan pada luar negara • Membangunkan sektor ekonomi domestik seperti pertanian, pembuatan dan teknologi untuk mengurangkan pergantungan kepada import • Menarik pelaburan strategik • Membina hubungan ekonomi dengan negara-negara jiran sambil mengekalkan kawalan terhadap aset strategik negara • **Memperkuatkan Sistem Politik dan Tadbir Urus** • Mengamalkan "Tadbir Urus Baik" • Memastikan integriti dalam pentadbiran dengan membanteras rasuah dan menggalakkan ketelusan • Memastikan kestabilan politik • Menggalakkan kerjasama antara parti politik untuk mewujudkan suasana politik yang stabil dan kondusif • **Memperluas Hubungan Antarabangsa** • Menjaga hubungan diplomatik • Berperanan aktif dalam organisasi serantau dan antarabangsa seperti ASEAN dan PBB untuk memastikan suara Malaysia dihormati • Menjaga neutraliti • Mengamalkan dasar berkecuali dalam konflik antarabangsa yang tidak melibatkan kepentingan nasional secara langsung • **Melindungi Kedaulatan Undang-undang** • Penguatkuasaan undang-undang • Menguatkuasakan undang-undang dengan tegas terhadap mana-mana pihak yang cuba menggugat kedaulatan negara • Memperbaiki sistem kehakiman • Memastikan sistem kehakiman bebas dan berfungsi dengan adil untuk mengekalkaN kepercayaan rakyat	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1

Soalan	Butiran	Markah
	• **Memanfaatkan Teknologi dan Inovasi** • Pembangunan teknologi tempatan • Menggalakkan pembangunan teknologi tempatan untuk memenuhi keperluan strategik negara • Melabur dalam pendidikan • Memberi fokus kepada pendidikan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) untuk melahirkan generasi yang mampu memimpin negara di masa hadapan • Dengan langkah-langkah ini, kerajaan dapat memastikan kedaulatan negara terus terpelihara, sekaligus menjamin kestabilan dan kesejahteraan rakyat (*Mana-mana jawapan munasabah*) [*Mana-mana* 8 × 1 *m*]	1 1 1 1 1 1 **[8*m*]**

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

SELANGOR

TUISYEN RAKYAT PTRS SELANGOR

KATA ALUAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) merupakan salah satu inisiatif pendidikan unggul Kerajaan Negeri Selangor yang menyediakan kelas tambahan secara percuma kepada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 dalam enam (6) mata pelajaran teras, iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Matematik Tambahan, Sains, dan Sejarah.

Bagi memperkukuh persediaan awal pelajar menghadapi peperiksaan, PTRS kini diperluaskan kepada pelajar Tingkatan 4 bagi enam (6) mata pelajaran tertentu, dengan sasaran manfaat kepada seramai 70,000 pelajar.

YAB DATO' SERI AMIRUDIN BIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Sejak diperkenalkan pada tahun 2012 dalam skala kecil dan dilaksanakan secara fizikal, modul latihan PTRS telah dikembangkan ke dalam bentuk dalam talian sejak pandemik Covid-19. Langkah ini bertujuan memudahkan akses kepada pelajar dan guru, sekali gus membolehkan lebih 271,000 pelajar memanfaatkan modul pembelajaran yang boleh diakses melalui aplikasi mudah alih, sama ada di telefon pintar atau tablet.

Bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PTRS tahun ini, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta, dengan pembiayaan serta pelaksanaan bersama oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan dan Modal Insan Negeri Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) MBI serta Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Saya yakin bahawa inisiatif ini akan mengukuhkan daya saing anak-anak Selangor dalam pencapaian akademik, yang menjadi asas kepada masa depan yang lebih cerah. Ia juga akan meningkatkan kebolehpasaran mereka, membolehkan mereka bersaing dengan tenaga kerja dari negara maju.

Sumbangan generasi muda ini amat penting dalam merealisasikan aspirasi Selangor sebagai negeri termaju dan berdaya saing di barisan hadapan Malaysia.

ePTRS.my

Imbas kod QR untuk ketahui lebih lanjut tentang MBI

Imbas kod QR untuk mendapatkan jawapan

Koleksi Video PdP

DIKUASAI OLEH:

MBI
Menteri Besar Selangor Incorporated
MEMACU KEHIDUPAN